

TIADA YANG MUSTAHIL

ILUSTRASI KISAH KEJAYAAN OKU

EDISI 1

EDITOR:

Syarizal Abdul Rahim

Norailis Ab. Wahab

Noorhafizah Ahmad

Siti Mariam Sageh

SENARAI PENULIS

Abd Aziz Mat Hassan
Ahmad Ridhuwan Abdullah, Ph.D
Ahmad Syakir Junoh @ Ismail
Aidanazima Abashah, Ph.D
Dzulkifli Mukhtar, Ph.D
Hasan Muhammad Maliwu
Hasannuddin Hassan
Hazrina Hasbolah
Khairul Affeiq Mohd Noorizam
Mahathir Muhamad
Mohammad Ismail, Ph.D
Mohammad Nizamuddin Abdul Rahim
Mohd Anwardi Suhardi
Mohd Fathi Abu Yaziz @ Mohamad, Ph.D
Mohd Firdaus Mohd Nasir
Mohd Hafzal Abdul Halim
Mohd Ikhwan Aziz, Ph.D
Mohd Shahril Nizam Md Radzi, Ph.D
Muhammad Naqib Mat Yunoh
Munirah Mahshar
Nabihah Saari
Noorhafiza Ahmad
Nor Nadhirah Husain
Norailis Ab. Wahab, Ph.D
Noryanti Mahbub
Nur Mustaqim Jamalludin
Nurshadira Mohd Raof
Nurul Azwa Mohamed Khadri
Raja Rosnah Raja Daud
Razli Che Razak, Ph.D
Roosihan Merican Abdul Rahim Merican

Roselina Ahmad Saufi, Ph.D

Siti Maryam Sageh

Syamsuriana Sidek, Ph.D

Syarizal Abdul Rahim

Umi Waheeda I'zaaz Zulkifly

Wan Mohd Nazdrol Wan Mohd Nasir, Ph.D

Zul Karami Che Musa

PENGHARGAAN

TIADA YANG MUSTAHIL: ILUSTRASI KISAH KEJAYAAN OKU

Alhamdulillah, segala puji-pujian ke hadrat Allah SWT di atas kejayaan Institut Sosial Malaysia (ISM) dalam menghasilkan dan menerbitkan sebuah buku kisah kejayaan Orang Kurang Upaya (OKU) yang diberi tajuk TIADA YANG MUSTAHIL: ILUSTRASI KISAH KEJAYAAN OKU.

Penghasilan buku ini tercetus dari visi serta aspirasi Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) yang amat menekankan kepada keterlibatan semua pihak ke arah kesejahteraan negara termasuklah golongan OKU. Aspirasi ini seterusnya diterjemahkan oleh agensi-agensi di bawahnya iaitu dan Institut Sosial Malaysia (ISM) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) melalui Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya (JPOKU). Hasil kerjasama erat dua agensi ini daripada proses awal dalam membangunkan konsep buku ini hingga mengadakan satu Jawatankuasa Khas pemilihan calon-calon yang bersesuaian untuk dibukukan kisah kehidupan mereka akhirnya membuatkan hasil karya yang penuh makna kepada masyarakat.

Objektif penerbitan buku TIADA YANG MUSTAHIL: ILUSTRASI KISAH KEJAYAAN OKU ini adalah untuk memberi pengiktirafan khas kepada OKU yang berjasa kepada negara dengan menyumbang pelbagai idea, tenaga, kepakaran serta bakat dalam pelbagai bidang. Selain itu, penerbitan buku ini juga bertujuan untuk menghebahkan kisah kejayaan OKU (berdaftar dengan JKM) supaya boleh menjadi inspirasi dan motivasi, melakar nama OKU yang berjaya dalam lipatan sejarah serta diabadikan untuk rujukan semua pihak serta memberi peluang OKU berjaya berkongsi kejayaan mereka dan menjadi inspirasi kepada OKU lain serta masyarakat.

Kejayaan menghasilkan buku ini adalah merupakan hasil kerjasama semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menerbitkan buku ini terutamanya pasukan editorial yang sejak dari awal lagi bertungkus lumus dalam menyiapkan projek buku ini walaupun berada dalam tempoh perintah kawalan pergerakan akibat wabak COVID-19. Tidak ketinggalan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang banyak membimbing ISM dalam penghasilan buku ini.

Tuntasnya kejayaan penerbitan buku ini memberi isyarat bahawa ISM akan terus mengorak langkah seiring dengan visi dan misi pihak kementerian dalam mencapai kesejahteraan masyarakat. Moga usaha edisi pertama ini akan membawa perubahan penerbitan selanjutnya bagi membuktikan komitmen ISM dalam usaha memperkasakan OKU.

DR. FAZNI MAT ARIFIN

PENGARAH

INSTITUT SOSIAL MALAYSIA

PRAKATA

Dengan nama Allah S.W.T., lagi Maha Pemurah dan Maha Mengasihani.

Segala terima kasih kepada Allah S.W.T., bahawa dengan nikmat dan petunjuk-Nya, kami berjaya menyusun 29 kisah kejayaan individu OKU ke dalam buku ini. Penghargaan dizahirkan kepada Institut Sosial Malaysia melalui peluang untuk melaksanakan kerja-kerja berkaitan bagi menyokong penerbitannya.

Melalui “Tiada yang Mustahil” ini, 29 kisah yang ditonjolkan dituliskan dalam bentuk kes ilustrasi. Para pembaca akan mengetahui realiti kisah setiap individu OKU dalam mencapai cita-cita dengan mengasah potensi-potensi kecemerlangan dalam diri. Mereka adalah sebahagian daripada pengetahuan awam dek kehebatan, kelebihan dan keunikan yang dimiliki. Seringkali ‘diabaikan’ dijadikan fokus perbincangan apabila membicarakan hal ehwal mereka, namun masih banyak aspek-aspek dalam hidup mereka yang perlu ditangani dengan sebaiknya. Dalam usaha untuk menggapai satu per satu impian, cabaran-cabarhan hidup pasti akan mempengaruhi kualiti hidup, kepuasan kerja, dan prestasi mereka.

Terima kasih kepada semua penulis yang telah menyumbangkan buah fikiran, tenaga dan hasil penulisan mereka untuk melengkapkan buku ini. Penghargaan juga ditujukan kepada 29 individu OKU yang tidak lokek untuk meluangkan masa dan bercerita mengenai pengalaman peribadi dalam sesi-sesi temu bual. Ribuan terima kasih turut diucapkan kepada semua pihak keluarga dan rakan individu OKU yang terlibat secara tidak langsung dalam proses penerbitan buku ini.

Mudah-mudahan, buku ini akan menjadi rujukan untuk semua, terutamanya mereka yang berada dalam situasi serupa.

Dari Editor,

Syarizal Abdul Rahim, Universiti Malaysia Kelantan

Norailis Ab. Wahab, Universiti Sains Islam Malaysia

Noorhafizah Ahmad, Institut Sosial Malaysia

Siti Mariam Sageh, Institut Sosial Malaysia

ISI KANDUNGAN

SENARAI PENULIS.....	<i>iii</i>
PENGHARGAAN.....	<i>v</i>
PRAKATA	<i>vii</i>
ISI KANDUNGAN	<i>viii</i>
SENARAI GAMBAR.....	<i>xi</i>
SENARAI AKRONIM.....	<i>xiii</i>
OKU DALAM ABILIMPIK	<i>1</i>
Kisah 1	<i>Anran Hamid - Pelukis Batik</i>
	<i>2</i>
Ekspresi Citra Sanubari	<i>3</i>
Oleh: Mohd Anwardi Suhardi dan Mahathir Muhamad	<i>3</i>
Kisah 2 Haymasuthan A/L Periasamy - Jurufoto.....	<i>10</i>
Potret Kejayaan.....	<i>11</i>
Oleh: Nor Nadhirah Husain dan Hazrina Hasbolah	<i>11</i>
Kisah 3 Yeo Suh Chan – Pelukis	<i>15</i>
Indahnya Lakaran Ketenangan.....	<i>16</i>
Oleh: Norailis Ab. Wahab dan Nurul Azwa Mohamed Khadri	<i>16</i>
Joanna Yap (15 May 2016). Self-taught artist brings glory to Sarawak.....	<i>20</i>
https://www.theborneopost.com/2016/05/15/self-taught-artist-brings-glory-to-sarawak/...	<i>20</i>
OKU DALAM BIDANG AKADEMIK	<i>21</i>
Kisah 4 Dr Aizan Sofia Amin - Pensyarah.....	<i>22</i>
Tarian Tinta Penghibur Lara	<i>23</i>
Oleh : Dzulkifli Mukhtar dan Roosihan Merican Abdul Rahim Merican.	<i>23</i>
Kisah 5 Dr Mohamad Muzammil Mohamad Noor – Pensyarah	<i>27</i>
Setulus Impian	<i>28</i>
Oleh: Noryanti Mahbub dan Dzulkifli Mukhtar	<i>28</i>
Kisah 6 Prof Dr Ruzita Mohd Amin- Pensyarah	<i>32</i>
Legasi Kelestarian Insan	<i>33</i>
Oleh: Umi Waheeda I'zaaz Zulkifly dan Mohd Fathi Abu Yaziz @ Mohamad	<i>33</i>
Kisah 7 Prof Madya Dr Naziaty Mohd Yaacob- Pensyarah	<i>39</i>
Wanita Titanium	<i>40</i>
Oleh: Umi Waheeda I'zaaz Zulkifly dan Mohammad Ismail	<i>40</i>
OKU DALAM KEMASYARAKATAN.....	<i>45</i>
Kisah 8 Dato' Haji Mah Hassan Haji Omar - Peguam Cara	<i>46</i>

Terang Dalam Gelap	47
Oleh: Nabihah Saari dan Wan Mohd Nazdrol Wan Mohd Nasir.....	47
Kisah 9 Dr Ruziah Ghazali - Penasihat Kehormat PKOKM.....	54
Lunak Ilmu Berbicara, Bijaksana Akur Menelinga	55
Oleh: Mohammad Nizamuddin Abdul Rahim dan Syarizal Abdul Rahim.....	55
Kisah 10 Francis Anak Johen - Perunding Undang-Undang	60
Usaha Yang Menggunung	61
Oleh: Khairul Affeiq Mohd Noorizam dan Hasannuddin Hassan	61
Kisah 11 Mohd. Yazid Bain - Penyelaras Pusat Komuniti Orang Pekak Johor	67
Benih Bakti Yang Tersemai	68
Oleh: Nor Nadhirah Husain dan Abd Aziz Mat Hassan	68
Kisah 12 Muhammad Zhariff Affandi - Duta UNICEF.....	74
Jiwa Melabuh Di Destinasi Harapan.....	75
Oleh: Raja Rosnah Raja Daud dan Siti Maryam Sageh.....	75
Kisah 13 Wong Yoon Loong - Pengurus CARE, NCBM	81
Kanta Permata.....	82
Oleh: Umi Waheeda Γzaaz Zulkifly dan Ahmad Ridhuwan Abdullah	82
OKU DALAM KEPIMPINAN	88
Kisah 14 Mohamad Sazali Sha'ari - Presiden MCD	89
Bicara Tanpa Suara	90
Oleh: Nur Mustaqim Jamalludin dan Ahmad Syakir Junoh @ Ismail.....	90
Kisah 15 Murugeswaran Veerasamy - Presiden DAMAI.....	99
Jiwa Cekal.....	100
Oleh: Nur Mustaqim Jamalludin dan Mohd Shahril Nizam Md Radzi.....	100
OKU DALAM BIDANG KESENIAN.....	107
Kisah 16 Clarence Kang -Pemain Piano	108
Irama Perkasakan Jiwa, Lagukan Seribu Kekuatan	109
Oleh: Norailis Ab. Wahab dan Syarizal Abdul Rahim	109
Kisah 17 Umar Hasfizal – Penyanyi.....	114
Bintang Bertuah	115
Oleh: Nur Mustaqim Jamalludin dan Zul Karami Che Musa	115
OKU DALAM BIDANG KEUSAHAWANAN	122
Kisah 18 Fariz Haji Abd Rani - Usahawan Barang Bantuan OKU.....	123
Hembusan Bayu Kinabalu.....	124
Oleh: Umi Waheeda Γzaaz Zulkifly dan Mohd Ikhwan Aziz	124
Kisah 19 Kumaran a/l Marimuthun - Usahawan Percetakan	129

Bakti Kembali pada Tanah	130
Oleh: Nur Mustaqim Jamalludin dan Muhammad Naqib Mat Yunoh.....	130
Kisah 20 Mohd Sukur Ibrahim - Usahawan Karpet.....	137
Pilihan Takdir.....	138
Oleh: Mohd Anwardi Suhardi dan Nurshadira Mohd Raof	138
Kisah 21 Noorlizah Salman - Usahawan Biskut Tradisional.....	147
Bintang di Antara Bintang	148
Oleh: Norailis Ab. Wahab dan Munirah Mahshar	148
OKU DALAM PARALIMPIK.....	154
Kisah 22 Abdul Latif Romly - Atlet Lompat Jauh (T20)	155
Terbang Setinggi Bintang.....	156
Oleh: Khairul Affeiq Mohd Noorizam dan Mohd Hafzal Abdul Halim.....	156
Kisah 23 Mohamad Afiq Afify Rizan - Atlet Berbasikal Trek (B2).....	162
Rai Pilihan Menjangkaui Kemampuan.....	163
Oleh: Mohd Firdaus Mohd Nasir dan Mohammad Nizamuddin Abdul Rahim.....	163
Kisah 24 Mohamad Ridzuan Mohamad Puzi - Atlet Lari Pecut 100m (T36).....	168
Pecutan Emas.....	169
Oleh: Noorhafiza Ahmad dan Syarizal Abdul Rahim.....	169
Kisah 25 Mohamad Ziyad Zolkefli - Atlet Lontar Peluru (F20)	174
Lontaran Tekad Kuantum	175
Oleh: Umi Waheeda Γ zaaz Zulkifly dan Razli Che Razak	175
Kisah 26 Siti Noor Radiah Ismail - Atlet Lompat Jauh (T20).....	181
Bangkit Walau Sakit	182
Oleh: Khairul Affeiq Mohd Noorizam dan Syamsuriana Sidek	182
Kisah 27 Suresh Selvathamby - Atlet Memanah Recurve	187
Menjulang Kemenangan.....	188
Oleh: Mohd Anwardi Suhardi dan Hasan Muhammad Maliwu	188
OKU DALAM BIDANG POLITIK.....	194
Kisah 28 Bathmavathi Krishnan - Mantan Senator	195
Rangsangan Permainan Minda.....	197
Oleh: Nur Mustaqim Jamalludin dan Aidanazima Abashah.....	197
Kisah 29 Ras Adiba Mohd. Radzi - Senator	204
Berharap Bangkit Berkali	205
Oleh: Norailis Ab. Wahab dan Roselina Ahmad Saufi.....	205
INDEKS	209
BIODATA PENULIS	213

SENARAI GAMBAR

Gambar 1: Amran (semasa berusia 12 tahun) bersama abangnya Hamzah Sumber: Koleksi Peribadi Amran....	4
Gambar 2: Penyertaan kali pertama dalam Pertandingan Abilimpik 2014 Sumber: Koleksi Peribadi Amran.....	6
Gambar 3: Amran bersama lukisan yang memenangi pingat gangsa di Perancis Sumber: Koleksi Peribadi Amran.....	8
Gambar 4: Amran bersama lukisan batik yang memenangi pingat emas sekaligus melayakkan beliau menyertai Pertandingan Abilimpik Peringkat Antarabangsa di Rusia 2021 Sumber: Koleksi Peribadi Amran.....	9
Gambar 5: Haymasuthan memegang sijil penyertaan miliknya Sumber: Facebook (2020) @Hayma Suthan diakses pada 1 Oktober 2020	11
Gambar 6: Haymasuthan semasa berada di Abilimpik, Perancis Sumber: Facebook (2020) @Hayma Suthan diakses pada 1 Oktober 2020	12
Gambar 7: : Haymasuthan semasa pertandingan Abilimpik di Perancis Sumber: Facebook (2020) @Hayma Suthan diakses pada 1 Oktober 2020	14
Gambar 8: Yeo dan hasil kerja tangannya di studio lukisan di Sarawak Sumber: Koleksi Peribadi Yeo.....	17
Gambar 9: Yeo dan kontijen pulang ke tanah air daripada Pertandingan Abilimpik ke-9 di Bordeaux, France. Sumber: DeafBoleh blogspot (2016) diakses pada 1 Oktober 2020.....	18
Gambar 10: Dr Aizan di University of Glasgow, UK Sumber: Koleksi Peribadi Dr Aizan	23
Gambar 11: Dr Aizan dan ibunya semasa Anugerah Tokoh Pekerja 2019 Sumber: Koleksi Peribadi Dr Aizan	25
Gambar 12: Dr Muzammil dan tesis beliau Burhanuddin Al-Helmi Dan Muhammad Natsir: Perbandingan Pemikiran Dan Perjuangan Sumber: Facebook (2020) @DRMUZAMMIL2 diakses pada 1 Oktober 2020.....	30
Gambar 13: Van Mobiliti UIA yang diusahakan oleh Prof Dr Ruzita Sumber: Facebook (2019) @Ruzita Mohd Amin diakses pada 1 Oktober 2020	36
Gambar 14: Prof Dr Ruzita, Dr Maszlee dan Pelajar-pelajar OKU UIAM semasa majlis konvokasi Sumber Facebook (2019) @Ruzita Mohd Amin diakses pada 1 Oktober 2020.....	37
Gambar 15: Dr Naziaty memeriksa prototaip Universal Bus Stop pertama di UM Sumber: Naziaty Wordpress (2019) diakses pada 1 Oktober 2020.....	42
Gambar 16: Dr Naziaty mengajar Universal Design kepada muridnya. Sumber: Naziaty Wordpress (2020) diakses pada 1 Oktober 2020	43
Gambar 17:Dato' Haji Mah Hassan bin Haji Omar, peguam buta pertama Malaysia, CEO KL Braille Resources Sumber: ISM (2020).....	47
Gambar 18: Mesin Perkin Braille diimport dari Amerika Syarikat. Sumber: ISM (2020).....	49
Gambar 19: Dato Mah mendemonstrasikan cara penggunaan Braillet Sumber: ISM (2020).....	51
Gambar 20: Produk keperluan khas OKU keluaran KL Braille Resources Sumber: ISM (2020)	51
Gambar 21: Dr Ruziah bersama kenderaan yang telah diubahsuai untuk kegunaan hariannya. Sumber: ISM (2020)	57
Gambar 22: Dr Ruziah ketika ditemu ramah Sumber: ISM (2020).....	58
Gambar 23: Francis memperoleh Ijazah Sarjana Muda Undang-undang, UM Sumber: Koleksi Peribadi Francis	62
Gambar 24: Francis ketika dilantik sebagai Pesuruhjaya Pertama OKU SUHAKAM Sumber: Koleksi Peribadi OKU.....	63
Gambar 25:Anugerah Pegawai Contoh from CM on Swak Civil Service Day Sumber: Koleksi Peribadi Francis	65
Gambar 26: Francis Johen - Anugerah Pekerja OKU - May 2007 Sumber: Koleksi Peribadi Francis	66
Gambar 27: Yazid semasa memberi ceramah di UTM Sumber: Koleksi Peribadi Yazid.....	69
Gambar 28: : Mohd Yazid semasa di MsDeaf Sumber: ISM (2020)	70
Gambar 29: Barang jualan di Syarikat KYMOAsia Sumber: ISM (2020)	71
Gambar 30: Majlis penerimaan Anugerah Bapa Mithali Peringkat Kebangsaan Sumber: Koleksi Peribadi Yazid	72
Gambar 31: Zharif menunjukkan papan water slider yang diubahsuai unik untuk beliau Sumber: ISM (2020).76	76
Gambar 32:Penghargaan sebagai penceramah yang pernah antara diterima oleh Zhariff Sumber: ISM (2020)	78
Gambar 33: Buku pertama hasil usaha Zhariff, “S.O.S : Surfing Out Stuff – A Book of Growth & Guidance” Sumber: ISM (2020)	79
Gambar 34: Yoon Loong dan Lau mengikat pertalian pernikahan mereka. Sumber: Koleksi Peribadi Yoon Loong.....	83

Gambar 35: Alatan dan Mesin Teknologi terkini yang digunakan oleh OKU penglihatan dalam komunikasi dan pencetakan Sumber: ISM (2020)	84
Gambar 36: Wong Yoon Loong serta isteri menerima Anugerah Takeo Iwahashi oleh Nippon Lighthouse Sumber: Koleksi Peribadi Yoon Loong	86
Gambar 37: Sazali berkomunikasi bersama pekerja di MFD. Sumber: ISM (2020).....	95
Gambar 38: Sazali (kiri) semasa majlis penyerahan di ASEAN Disability Forum: Toward People Center ASEAN. Sumber: Koleksi Peribadi Sazali.....	97
Gambar 39: Murugeswaran Veerasamy di pejabatnya. Sumber: ISM (2020)	100
Gambar 40: Persatuan Damai Orang Kurang Upaya Malaysia (DAMAI). Sumber: ISM (2020).....	102
Gambar 41Van Khas yang disumbangkan oleh Kedutaan Jepun. Sumber: ISM (2020).....	103
Gambar 42: Clarence dan Yuna di sukan Para-Asia ke-9 Sumber: Koleksi Peribadi Clarence.....	110
Gambar 43: Clarence mendapat diploma dalam muzik. Sumber: Koleksi Peribadi Clarence	112
Gambar 44: Umar (kanan) bersama piala dan plak yang pernah dimiliki dari pelbagai pihak, termasuk badan korporat dan agensi kerajaan. Sumber: ISM (2020).....	117
Gambar 45: Sijil pengiktirafan Naturally Autistic People Awards dari Kanada yang dimiliki beliau. Sumber: ISM (2020).....	118
Gambar 46: Mini album Umar, Doaku. Sumber: Koleksi Peribadi Umar.....	118
Gambar 47Umar (dua dari kiri) bersama keluarga yang banyak memberi sokongan dan galakan untuk beliau bergiat dalam bidang seni. Sumber: Koleksi Peribadi Umar.....	120
Gambar 48: Fariz menunjukkan cara pembuatan kaki prostetik Sumber: Koleksi Peribadi Fariz	125
Gambar 49: Fariz memberikan latihan OKU Sumber: Koleksi Peribadi Fariz.....	128
Gambar 50: Kumaran sedang mengilangkan tanda nama yang ditempah oleh pelanggannya. Sumber: ISM (2020)	132
Gambar 51: Kumaran bersama mesin jahit tali leher untuk perniagaannya. Sumber: ISM (2020)	133
Gambar 52: Kumaran menunjukkan gambar beliau menerima anugerah daripada JKM Negeri Perlis. Sumber: ISM (2020).....	134
Gambar 53: Sukur di pejabat D Strike Solution Sumber: ISM (2020)	141
Gambar 54: Sukur bersama katalog-katalog karpet syarikatnya Sumber: ISM (2020)	141
Gambar 55: sijil anugerah Tokoh Maal Hijrah peringkat Negeri Melaka Sumber: ISM (2020).....	143
Gambar 56 : Sukur bersama sebahagian anugerah dan sijil yang pernah diterima. Sumber: ISM (2020).....	144
Gambar 57: Instagram Norlizah Sumber: Instagram (2020) bonda_liezda diakses pada 5 September 2020 ...	150
Gambar 58: Premis Norlizah Sumber: ISM (2020).....	151
Gambar 59: Latif Romly tersenyum dengan keyakinan setelah melakukan lompatan Sumber: Koleksi MSN... ..	157
Gambar 60: Aksi lompatan Latif di Kejohanan Para Jakarta 2018 Sumber: Koleksi MSN	159
Gambar 61: Latif dan pasukan lompat jauh paralimpik Kebangsaan Sumber: Koleksi MSN	160
Gambar 62: Afiq Afify atlet paralimpik negara Sumber: ISM (2020).....	163
Gambar 63: Afiq bersama rakan atlet para di Kompleks Sukan Paralimpik Sumber: ISM (2020).....	165
Gambar 64: Afiq ketika ditemu ramah Sumber: ISM (2020).....	166
Gambar 65: Ridzuan bersama Affizam, insan yang mencungkil bakatnya Sumber: Facebook (2016) @ Ridzuan Puzi diakses pada 1 Oktober 2020	171
Gambar 66Ridzuan bersama pingat emas yang dimenangi di Sukan Olimpik Rio 2016 Sumber: The Vocket (2016) diakses pada 1 Oktober 2020.....	172
Gambar 67: Ziyad ketika dalam latihan Sumber: Instagram (2016) @Ziyad Zolkefli diakses pada 1 Oktober 2020.....	176
Gambar 68: Ziyad dan medal kemenangan beliau Sumber: Instagram (2020) @Ziyad Zolkefli diakses pada 1 Oktober 2020.....	177
Gambar 69: Ziyad dan keluarga Sumber: Instagram (2020) @ Ziyad Zolkefli diakses pada 1 Oktober 2020..	180
Gambar 70: Radiah dalam latihan Sumber: Koleksi MSN.....	183
Gambar 71: Radiah menggayakan pingat miliknya Sumber: Koleksi MSN.....	185
Gambar 72: Radiah dan pingat perak miliknya di Indonesia Sumber: Koleksi MSN	186
Gambar 73: Suresh yang berada di Kompleks Sukan Paralimpik, Pandan Indah. Sumber: ISM (2020)	188
Gambar 74: Suresh menceritakan kisah hidupnya Sumber: ISM (2020)	193
Gambar 75: Gambar wajah Bathmavathi Krishnan yang pernah diambil oleh JPN Sumber: ISM (2020)	197
Gambar 76: Antara Piala dan Sijil yang pernah beliau genggam Sumber: ISM (2020)	202
Gambar 77: Ras Adiba dalam latihan menembak Sumber: Koleksi Peribadi Ras Adiba	206

SENARAI AKRONIM

ADHD	<i>Attention Deficit Hyperactive Disorder</i>
AJK	Ahli Jawatankuasa
APG	<i>ASEAN Para Games</i>
ATM	<i>Auto Teller Machine</i>
ATM	Angkatan Tentera Malaysia
ASASI	Persatuan Penulis Kedah
ASEAN	<i>Association of Southeast Asian Nations</i>
AUN	<i>ASEAN University Network</i>
B40	<i>Bottom 40</i>
Bank Rakyat	Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad
BBA	<i>Bachelor of Business Administration</i>
BBGS	<i>Bukit Bintang Girls's School</i>
BEAT	<i>Barrier-Free Environment and Accessible Transport Group</i>
BIM	Bahasa Isyarat Malaysia
BKM	Bintang Kebaktian Masyarakat
CARE	<i>Centre for Accessibility Research and Empowerment</i>
CBR	<i>Community Based Rehabilitation</i>
CEED	Pusat Pembangunan dan Pendidikan Keusahawanan
CEO	Chief Executive Officer
CIMB	<i>Commerce International Merchant Bankers</i>
cm	<i>Centimeters</i>
COVID-19	<i>Corona Virus Disease 2019</i>
DAGS	<i>Demonstrator Application Grant Scheme</i>
DAMAI	Persatuan Damai Orang Kurang Upaya Malaysia
DBKL	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
DEB	Dasar Ekonomi Baru
DPP	Diploma Pascasiswazah Pendidikan
DSU	<i>Disability Services Unit</i>
EXCO	<i>Executive Committee</i>
FELDA	<i>Federal Land Development Authority</i>

FRGS	<i>Fundamental Research Grant Scheme</i>
GAPU	Grup Artileri Pertahanan Udara
GLC	<i>Government-Linked Company</i>
HBKL	Hospital Besar Kuala Lumpur
HUKM	Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia
IAB	Institut Aminuddin Baki
ICT	<i>Information Communication Technology</i>
ICU	Unit Rawatan Rapi
IKRAM	Pertubuhan IKRAM Malaysia
ILSP	<i>Independent Living Skills Programme</i>
IPC	<i>International Paralympic Committee</i>
IPT	Institusi Pendidikan Tinggi
IPTA	Institusi Pendidikan Tinggi Awam
ISM	Institut Sosial Malaysia
IT	Teknologi Maklumat
ITM	Institut Teknologi MARA
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JAWI	Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan
JBI	Jurubahasa Isyarat Malaysia
JCI	<i>Junior Chamber International Malaysia</i>
JICA	<i>Japan International Cooperation Agency</i>
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
JPN	Jabatan Pendaftaran Negara
JPOKU	Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya
KAFA	Kelas al-Quran dan Fardu Ain
KDU	Kolej Damansara Utama
KIAS	Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra
KIPSAS	Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah
KL	Kuala Lumpur
KLIA	<i>Kuala Lumpur International Airport</i>
KLSD	<i>Kuala Lumpur Society for the Deaf</i>
km	<i>kilometer</i>
KMN	Kesateria Mangku Negara
KPWKM	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

KSU	Ketua Setiausaha
KTM	Keretapi Tanat Melayu
KUIS	Kolej Universiti Islam Selangor
LCCT	<i>Low-Cost Carrier Terminal</i>
LRT	Transit Aliran Ringan Kuala Lumpur
MAB	<i>Malaysian Association For The Blind</i>
MAHB	<i>Malaysia Airports Holdings Berhad</i>
MAKPEM	Majlis Kebajikan & Pembangunan Masyarakat Malaysia
MAPIM	Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia
MAS	<i>Malaysia Airlines Berhad</i>
MASIA	<i>Malaysia Spinal Injury Association</i>
MAYBANK	Malayan Banking Berhad
MBA	<i>Master of Business Administration</i>
MCA	<i>Malaysian Chinese Association</i>
MCE	<i>Malaysia Certificate of Education</i>
MCD	<i>Malaysian Confederation of the Disabled</i>
MCR	<i>Malaysian Council of Rehabilitation</i>
MFD	<i>Malaysian Federation of the Deaf</i>
MHI	Malaysia Hari Ini
MIROS	<i>Malaysian Institute of Road Safety Research</i>
MITI	<i>Ministry of International Trade and Industry</i>
MKBOKU	Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya
MOSTI	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
MS	<i>Malaysia Standard</i>
MSc	<i>Master of Science</i>
MSDeaf	<i>Malaysian Deaf Sports Association</i>
MSFD	Persekutuan Sukan Orang Pekak Malaysia
MSN	Majlis Sukan Negara
MYASLI	Persatuan Jurubahasa Isyarat Malaysia
NASOM	<i>The National Autism Society of Malaysia</i>
NCBM	<i>National Council for the Blind</i>
NCIA	<i>Northern Corridor Implementation Authority</i>
NGO	<i>Non-Government Organization</i>
NLWC	<i>Nippon Lighthouse Welfare Centre</i>

NSTP	<i>The New Straits Times Press (Malaysia) Bhd</i>
OKU	Orang Kurang Upaya
OUM	<i>Open University Malaysia</i>
PBB	Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu
PERDA	Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang
PERKESO	Pertubuhan Keselamatan Sosial
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
PDK	Pusat Pemulihan dalam Komuniti
Ph.D	Ijazah Doktor Falsafah
PKENPS	Pejabat Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis
PKM	Pembantu Kebajikan Masyarakat
PKMD	Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah
PKOKM	Pertubuhan Kebangsaan Orang Kerdil Malaysia
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
PKPB	Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat
PKS	Perindustrian Kecil Sederhana
PLPP	Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan
PMIUM	Persatuan Mahasiswa Islam Universiti Malaya
POCAM	Persatuan Orang-orang Cacat Anggota Malaysia
PPIPT	Pusat Pengajian Inovasi Perniagaan dan Teknousahawan
PPKI	Program Pendidikan Khas Integrasi
PPR	Program Perumahan Rakyat
PPUM	Pusat Perubatan Universiti Malaya
PRISMA	Pertubuhan Orang Pekak Islam Malaysia
PSH	Pekerja Sambilan Harian
PTS	<i>Professional Training Service</i>
PUTRA	Projek Usahasama Transit Ringan Automotik Sdn. Bhd.
PWC	<i>Price Waterhouse Cooper</i>
PWTC	<i>Putra World Trade Centre</i>
QC	<i>Quality Control</i>
REMODE	<i>Rural Entrepreneurship Model</i>
RISE	<i>Reach Independence and Sustainable Entrepreneurship</i>
RMIT	<i>Royal Melbourne Institute of Technology</i>
RM	Ringgit Malaysia

ROS	<i>Registrar of Societies</i>
RPI	<i>Rensselaer Polytechnic Institute</i>
RTM	Radio Televisyen Malaysia
RSK	Rumah Seri Kenangan
RUU	Rang Undang-Undang
SAM	Persatuan Penulis Sukan Malaysia
SEA	<i>Southeast Asian</i>
SEGi	<i>Sterling Enterprises Group, Inc.</i>
SHIMA	<i>Selangor & Wilayah Persekutuan Hearing Impaired Association</i>
SIRIM	<i>Standard and Industrial Research Institute of Malaysia</i>
SJI	<i>St. John Institution</i>
SK	Sekolah Kebangsaan
SME Corp	<i>Small and Medium-sized Enterprise Corporation Malaysia</i>
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SMPK	Sekolah Menengah Pendidikan Khas
SOP	<i>Standard Operation Procedure</i>
SOPMA	Sukan Orang Pekak Malaysia
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
STAR	Sistem Transit Aliran Ringan Sdn. Bhd.
STB	Sekolah Tunas Bakti
STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
SUHAKAM	Suruhanjaya Hak Asasi Manusia
SUKMA	Sukan Malaysia
T	<i>Thorasic</i>
TN50	Transformasi Nasional 2050
TZI	<i>The Zhariff Initiative</i>
UAE	<i>United Arab Emirates</i>
UIAM	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
UiTM	Universiti Teknologi MARA
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	Universiti Malaya
UMK	Universiti Malaysia Kelantan
UMNO	<i>United Malays National Organisation</i>
UMS	Universiti Malaysia Sabah

UN	<i>United Nations</i>
UNESCAP	<i>United Nations Economic and Social Commission for Asia and the Pacific</i>
UNICEF	<i>United Nations Children's Fund</i>
UniMap	Universiti Malaysia Perlis
UniSZA	Universiti Sultan Zainal Abidin
UPM	Universiti Putra Malaysia
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah
USA	<i>United State America</i>
USIM	Universiti Sains Islam Malaysia
USM	Universiti Sains Malaysia
UTC	Pusat Tranformasi Bandar
UTM	Universiti Teknologi Malaysia
UUM	Universiti Utara Malaysia
VCD	<i>Video Compact Disc</i>
WFD	<i>World Federation of the Deaf</i>
WFDAPR	<i>World Federation of the Deaf Asia Pacific Region</i>
WGAD	<i>Working Group on Arbitrary Detention</i>
WP	Wilayah Persekutuan
YAB	Yang Amat Berbahagia
YB	Yang Berhormat
YMCA	<i>The Young Men's Christian Association of Kuala Lumpur</i>
YPGFM	Yayasan Pembangunan Generasi Felda Malaysia

OKU DALAM ABILIMPIK

Bermula pada tahun 1981, Abilimpik yang berasal daripada perkataan *Olympics of Abilities* diadakan di negara matahari terbit sempena menyambut Tahun Antarabangsa OKU PBB. Malaysia mula menghantar wakil untuk pertandingan Abilimpik Antarabangsa pada tahun 1995 yang diadakan di Perth, Australia. Pertandingan Abilimpik Kebangsaan telah diadakan sejak tahun 1985 yang dikendalikan oleh MCR.

Kisah 1 Amran Hamid - Pelukis Batik



Ekspresi Citra Sanubari

Oleh: Mohd Anwardi Suhardi dan Mahathir Muhamad

Pengenalan

Kedengaran bayi menangis di sebuah rumah dalam sebuah kampung di Kampung Permatang Raja, Pantai Remis. Lahirlah seorang insan bernama Amran dalam keadaan ketiadaan kedua-dua belah kaki dan beberapa anggota jari tangannya.

“Akhirnya selesai juga kerja aku petang ni,” kata-kata Hamid yang akan pulang ke rumah selepas selesai tugasnya. Hamid sentiasa fokus dengan pekerjaannya bagi menyara kehidupan keluarga. Sampai sahaja di depan rumah, teriak wanita dalam kesakitan menggegarkan suasana. Betapa terkejutnya Hamid melihat semua ahli keluarganya dan bidan duduk mengeliling isterinya yang sedang meneran melahirkan anak. Setelah bersabar dan menahan kesakitan, akhirnya anak kelima Hamid dan isteri selamat dilahirkan. Lalu anak itu diberi nama Amran oleh mereka berdua.

Amran bin Hamid, anak kelima dari lapan orang adik beradik dilahirkan pada tanggal 9 September 1979 di Kampung Permatang Raja, Pantai Remis, Perak. Walaupun dilahirkan dalam keadaan fizikal yang berbeza dengan adik-beradiknya, beliau tidak pernah merasa terasing dalam kalangan keluarganya sendiri. Layanan yang diberikan oleh ibu bapanya dan adik beradiknya tidak pernah membuatkan dirinya berasa kekurangan.

Beliau tidak berpeluang untuk mendapat pendidikan awal seperti kebanyakan kanak-kanak seusianya pada waktu itu. Pendidikan formal beliau hanya bermula pada usia 12 tahun. Bapa beliau pernah cuba menghantar beliau ke sekolah pada usia tujuh tahun, tetapi Guru Besar sekolah pada waktu itu tidak berkeyakinan bahawa beliau boleh menguruskan diri sendiri di sekolah. Bapa beliau akur dengan kerisauan guru tersebut walaupun berasa sedikit kecewa. Semasa Amran berusia 12 tahun, bapanya mencuba sekali lagi untuk menempatkan beliau di sekolah. Untungnya, Guru Besar sekolah pada waktu itu tidak keberatan menerima beliau asalkan beliau mahu belajar dan yakin boleh menguruskan diri sendiri. Peluang yang diberi tidak disia-siakan. Walaupun beliau tidak pernah ke sekolah sebelum ini, beliau belajar membaca melalui buku-buku adik dengan bantuan ibu. Bagi seorang kanak-kanak yang tidak pernah ke sekolah dan hanya mempunyai asas membaca dan menulis, keputusan 3D dan 1E dalam UPSR diterima dengan hati terbuka. Beliau beranggapan, yang paling penting adalah semangat untuk terus berusaha memajukan diri dan tidak berputus asa.



Gambar 1: Amran (semasa berusia 12 tahun) bersama abangnya Hamzah

Sumber: Koleksi Peribadi Amran

Beliau mula memakai kaki palsu semasa di tingkatan satu. Pada awalnya sukar untuk beliau membiasakan diri dengan kaki tersebut. Beliau masih perlu berpaut pada rakannya semasa berjalan. Pergerakan beliau agak terbatas, tambahan pula pada waktu itu mereka terpaksa berpindah kelas untuk sesetengah mata pelajaran. Disebabkan pergerakan beliau yang terbatas, Amran dan rakan yang membantunya sentiasa lewat masuk ke kelas. Di sebalik kepayahan yang beliau hadapi, beliau tetap menamatkan persekolahan dengan menduduki SPM. Bakat Amran dalam lukisan pula telah ditonjolkan sejak kecil lagi. Ketika berusia 12 tahun, beliau banyak meluang masa untuk melukis sehingga mempunyai banyak koleksi lukisan sama ada potret dan pemandangan. Beliau juga menjual lukisan gambar askar kepada rakan-rakan adiknya dengan harga 20 sen pada masa itu.

Sebelum Kejayaan

Semangat Amran untuk terus berdikari tanpa bergantung dengan keluarganya membawa beliau ke Pulau Pinang seawal usia 18 tahun. Minat beliau dalam seni lukisan batik bermula selepas makcik saudara beliau membawanya melawat bengkel batik di Sungai Rusa, Pulau Pinang pada tahun 1997. Pada 1 Julai hingga 31 Disember 1997, beliau diterima masuk ke Pusat Latihan PERDA, Bukit Panchor, Nibong Tebal untuk mendalami seni lukisan batik. Kerjaya beliau dalam lukisan batik bermula di bengkel batik di Sungai Rusa yang pernah dilawati sebelum itu. Namun, kerana kegawatan ekonomi, bengkel tersebut ditutup dan beliau diberhentikan setelah tiga tahun bekerja di situ.

Menjadi penganggur selepas diberhentikan kerja membuatkan Amran kembali ke kampung halaman. Tanpa mahu duduk goyang kaki sahaja di rumah, beliau mengambil inisiatif dengan bertanya kepada pegawai kebajikan sekiranya beliau boleh belajar di mana-mana institusi di bawah JKM. Salah seorang pegawai mengesyorkan beliau masuk ke PLPP, Bangi. Berbekalkan semangat untuk terus berusaha memajukan diri, Amran berjaya memperoleh sijil dalam bidang Pembantu Tadbir Sistem Maklumat (Tahap 2) dari PLPP. Setelah tamat belajar di PLPP, Amran sempat bekerja di Nayli Design, Ampang, Kuala Lumpur selama sebulan sebelum mendapat tawaran sebagai PKM pada tahun 2004. Penempatan pertama beliau sebagai PKM adalah di RSK Taiping, Perak. Selama sembilan tahun beliau bertugas di RSK dengan pelbagai cabaran yang hampir menggugat keyakinan diri, akhirnya beliau ditukarkan ke STB Taiping, Perak.

“Amran.. I nak you pergi ke STB Taiping, kerja dekat STB Taiping, you train budak-budak sana,” kata-kata Dato’ Chong Paik Kee, Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri Perak pada masa itu bagaikan halilintar yang memanah tepat ke jantung Amran. Sudah terbayang cabaran baru yang akan beliau harungi di STB yang terkenal dengan jolokan sekolah budak nakal. Walau bagaimanapun, beliau menganggap itu satu cabaran untuk mengembangkan kemahiran dalam lukisan batik dan mencerahkan ilmunya kepada kanak-kanak di STB.

Pada awal perkhidmatan di STB, beliau menghadapi tekanan hebat sehingga mempengaruhi sikapnya. Amran yang sebelum ini seorang yang sangat tertib dalam percakapan mula meninggikan suara. Perubahan ini disedari oleh isterinya Marzita. Amran sangat bersyukur isterinya sentiasa memberikan sokongan dan semangat dalam meneruskan kerjayanya di STB sehinggalah beliau dapat mengatasi tekanan berkenaan dengan positif.

Terkini, beliau bertugas di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Barat Daya, Pulau Pinang di Unit Penguatkuasaan selepas dinaikkan pangkat sebagai Pembantu Kebajikan Masyarakat Kanan. Cabaran di Unit Penguatkuasaan tidak kurang hebatnya. Beliau perlu turun ke lapangan seperti menyertai Operasi Pengemis / Gelandangan. Dalam keadaan fizikal yang mengehadkan pergerakannya, beliau tetap gigih menuaikan amanah. Beliau tidak mahu kekurangannya dijadikan alasan untuk menjalankan tugas yang dipertanggungjawabkan.

“Jangan jadikan kekurangan diri sebagai alasan untuk tidak berusaha.” -Amran Hamid

Di Puncak Kejayaan

Penglibatan Amran dalam pertandingan Abilimpik sangat signifikan dengan insan bernama Dato' Chong Paik Kee. Bakat Amran dalam lukisan batik sememangnya disedari oleh Dato' Chong sekian lama. Tanpa mahu mensia-siakan bakat yang ada pada Amran, beliau mengesyorkan Amran menyertai Pertandingan Abilimpik Peringkat Negeri Perak pada tahun 2014. Pertandingan yang berlangsung di Persatuan Pemulihan Sultan Azlan Shah, Ipoh, Perak merupakan anjuran Majlis Pembangunan Masyarakat dengan kerjasama Majlis Pemulihan Malaysia Negeri Perak. Dalam pertandingan berkenaan, beliau meraih pingat emas yang pertama untuk dirinya.



Gambar 2: Penyertaan kali pertama dalam Pertandingan Abilimpik 2014

Sumber: Koleksi Peribadi Amran

Pertandingan Abilimpik Peringkat Kebangsaan pada 9 Mei 2015 menyaksikan Amran sekali lagi memenangi pingat emas bagi kategori *Silk Painting*. Beliau mengatasi 10 orang peserta lain dalam pertandingan yang berlangsung di UM ketika itu.

Kemenangan Amran dalam pertandingan berkenaan melayakkan beliau mewakili Malaysia ke Pertandingan Abilimpik Antarabangsa kali ke-9 yang berlangsung di Bordeaux, Perancis pada 20 hingga 29 Mac 2016 dalam kategori yang sama. Bagai mendapat “durian runtuh”, itulah peribahasa yang sesuai untuk menggambarkan diri Amran pada masa itu. Tidak pernah terlintas di fikiran Amran, beliau akan menaiki kapal terbang buat pertama kali dalam hidupnya. Penerbangan kali pertama itu pula ke negara Perancis yang terkenal dengan mercu tanda Menara Eiffel. Semua kos untuk menyertai pertandingan berkenaan ditaja oleh MCR yang diterajui oleh Datin Paduka Khatijah Suleiman. Peluang ini tidak disia-siakan oleh Amran. Beliau berusaha membuat persiapan sebelum terbang ke Perancis walaupun terdapat kekangan dari segi masa. Beliau masih perlu menjalankan tugas hakiki sebagai Pembantu Kebajikan Masyarakat di samping menggunakan masa yang berbaki untuk berlatih.

Menyertai pertandingan peringkat antarabangsa sememangnya satu pengalaman baru buat Amran. Malah peralatan yang digunakan semasa pertandingan berbeza dengan peralatan yang digunakan di Malaysia. Di Malaysia, pencanting batik perlu memanaskan lilin tetapi dengan peralatan yang dipanggil *gutha* yang digunakan semasa pertandingan berkenaan, ianya boleh digunakan terus ke atas kain.

Dalam pertandingan tersebut, Amran memperoleh pingat gangsa. Ianya merupakan satu pencapaian yang besar buat diri beliau malah kebanggaan negara Malaysia. Walaupun hanya mendapat tempat ketiga, beliau menganggap ianya satu permulaan dan pengalaman yang berharga. Berada dalam pertandingan yang dikelilingi OKU dari pelbagai pelusuk dunia membuka mata Amran bahawa banyak lagi perkara baru yang boleh diteroka. Beliau juga menyaksikan betapa teknologi memainkan peranan dalam membantu OKU berkreativiti.



Gambar 3: Amran bersama lukisan yang memenangi pingat gangsa di Perancis

Sumber: Koleksi Peribadi Amran

Selepas Kejayaan

Kejayaan meraih pingat gangsa di Perancis menyemarakkan lagi semangat Amran untuk terus berkarya dan mengembangkan bakat. Pada tahun 2018 beliau menyertai Pertandingan Abilimpik Peringkat Kebangsaan anjuran MCR. Pertandingan tersebut berlangsung di PLPP Bangi. Pada mulanya beliau menyertai pertandingan ini dengan niat mencuba nasib. Tetapi beliau tidak menyangka kemenangan menjadi milik beliau. Pingat emas yang dimenangi dalam pertandingan tersebut melayakkan beliau dicalonkan sebagai wakil Malaysia ke Pertandingan Abilimpik Peringkat Antarabangsa di Rusia pada tahun 2021. Kali ini Amran bertekad membuat persediaan secukupnya. Sekurang-kurangnya dapat menebus kekalahan di Perancis pada 2016. Beliau menasarkan pingat emas demi mengharumkan nama Malaysia.

PKMD Barat Daya, Mohd Azlan bin Kamis antara individu yang memberi sokongan sepenuhnya kepada Amran dalam membuat persediaan untuk Pertandingan Abilimpik Peringkat Antarabangsa di Rusia pada 26 hingga 31 Mei 2021. Sebagai seorang ketua, beliau tidak pernah menghalang penglibatan Amran dalam pertandingan Abilimpik. Malah sentiasa menawarkan bantuan sekiranya Amran memerlukan, asalkan Amran tidak mengabaikan tugas hakiki.

Harapan Amran, suatu masa nanti, beliau dapat membuka galeri bagi mempamer dan menjual lukisan-lukisan beliau. Beliau percaya lukisan-lukisannya boleh dijadikan pendapatan

sampingan selain mempromosikan seni lukisan batik kepada masyarakat. Pada masa sekarang pun, beliau ada juga menerima tempahan daripada rakan-rakan untuk melukis batik sebagai cenderahati atau hadiah.

Amran bersyukur dengan peluang dan rezeki yang diperoleh, mampu memesongkan tanggapan negatif masyarakat terhadap OKU. Mujur Amran seorang yang mempunyai impian dan keinginan untuk hidup berdikari tanpa bergantung dengan ibu bapanya. Beliau sangat percaya bahawa setiap takdir Allah pasti ada hikmahnya. Yang penting OKU perlu ada keyakinan diri dan keyakinan itu juga perlu dipupuk dengan sokongan orang yang berada di sekeliling OKU tersebut. “*Yang bulat tidak datang bergolek, yang pipih tidak datang melayang*”. Sesungguhnya kejayaan tidak akan dapat dicapai tanpa usaha yang gigih.



Gambar 4: Amran bersama lukisan batik yang memenangi pingat emas sekaligus melayakkan beliau menyertai Pertandingan Abilimpik Peringkat Antarabangsa di Rusia 2021

Sumber: Koleksi Peribadi Amran

Kesimpulan

Kisah kejayaan Amran mempunyai pengaruh yang tersendiri dalam memperlihatkan semangat beliau yang terus bangkit bagi menghadapi cabaran dalam hidupnya. Penglibatan Amran dalam melukis batik menjadikan beliau antara OKU istimewa yang memiliki bakat yang sukar ditandingi.

Kisah 2 Haymasuthan A/L Periasamy - Jurugambar



Potret Kejayaan

Oleh: Nor Nadhirah Husain dan Hazrina Hasbolah

Pengenalan

“*The winner is..... Haymasuthan!?*” laungan juru pertandingan. Bergema satu dewan pengumuman pemenang bagi pertandingan Abilimpik Antarabangsa ke-9 yang diadakan di Bordeaux, Perancis pada tahun 2016. Dalam keadaan yang masih tidak percaya, pemilik nama Haymasuthan A/L Periasamy melangkahkan kaki untuk menerima pingat emas di pentas. “*I was very, very shocked to see my name being called, it was unbelievable,*” jelas Haymasuthan.

Pemuda kelahiran Kuantan, Pahang ini merupakan anak kedua daripada tiga adik beradik. Beliau menetap di Subang Bestari, Shah Alam dan mendapat pendidikan tertinggi di peringkat SMPK Vokasional, Shah Alam. Diuji dengan kehilangan pendengaran, Hayma tidak pernah merasakan kekurangan diri sebagai penghalang untuk meneruskan kerjayanya dalam bidang fotografi. Hayma mengakui bapa saudaranya, seorang jurugambar yang merupakan sumber inspirasi buat dirinya dalam meminati bidang ini. Beliau seringkali mengikuti bapa saudaranya merakamkan terutamanya di majlis-majlis perkahwinan selepas tamatnya alam persekolahan. Selain itu, Hayma juga merupakan salah seorang ahli kelab fotografi yang aktif semasa belajar di SMPK Vokasional, Shah Alam pada tahun 1999.

Sebelum terlibat aktif dalam Abilimpik, beliau bekerja sebagai Eksekutif Pentadbiran di syarikat ayahnya selama 12 tahun. Tugasnya adalah sebagai penolong jurugambar, pereka hiasan dalaman, makanan, minuman serta pelbagai produk untuk diiklankan. Bertitik tolak daripada kejayaan rakannya, Lim Anuar yang pernah meraih kejayaan pingat emas dalam Abilimpik turut mendorong Hayma untuk turut serta dalam acara tersebut. Rakannya turut berkongsi bahawa fotografi studio adalah salah satu kategori yang termasuk dalam acara Abilimpik di peringkat antarabangsa. Faktor tersebut telah mendorong Hayma untuk menyertai pertandingan tersebut kerana ingin menguji serta meningkatkan tahap kemahirannya dalam bidang fotografi.



Gambar 5: Haymasuthan memegang sijil penyertaan miliknya

Sumber: Facebook (2020) @Hayma Suthan diakses pada 1 Oktober 2020

Di Puncak Kejayaan

Ketika Hayma dimaklumkan oleh MFD mengenai pertandingan Abilimpik Antarabangsa ke-9, dirinya telah memutuskan untuk mencuba sebaik mungkin bagi melayakkan diri ke acara ini dengan menyertai pertandingan Abilimpik peringkat negeri terlebih dahulu dan rezeki beliau dinobatkan sebagai naib juara. Hasil kejayaan itu, melayakkan beliau ke pertandingan Abilimpik peringkat kebangsaan pula dan telah berjaya menduduki tempat pertama. Berkat kejayaan yang diraih dalam Abilimpik di peringkat negeri dan kebangsaan telah melayakkan beliau untuk menyertai pertandingan Abilimpik Antarabangsa yang ke-9.

Di peringkat pertandingan tersebut, Haymasuthan kagum dengan kemahiran pesaing-pesaing lain terutamanya dari Taiwan dan Korea. Dirinya mengakui gugup semasa pertandingan berlangsung. “*My hands were shaking,*” katanya. Ceritanya lagi, semasa percubaan pertama dirinya tidak begitu berjaya tetapi setelah beberapa kali percubaan, dirinya pula dihimpit dengankekangan massa. Menyedari waktu hampir tamat, beliau sedaya upaya membuat keputusan dengan mencetak gambar dengan segera serta menyerahkannya untuk dinilai. Dua hari tempoh penantian diberi sebelum pengumuman keputusan juara pertandingan. Pada waktu tersebut dirinya tidak berharap lebih, cukup sekadar dapat memenangi pingat perak atau gangsa sudah memadai. Apabila tibanya waktu pengumuman pemenang, beliau agak terkejut kerana namanya tidak disebut pada tempat kedua dan ketiga. Perasaan cuak melanda dirinya ketika itu namun beliau percaya dan yakin akan rezeki yang tertulis buat dirinya nanti. Tanpa disedari, bergema nama Haymasuthan diumumkan sebagai pemenang pingat emas dalam pertandingan Abilimpik Antarabangsa ke-9 bagi kategori Kemahiran Fotografi Studio ketika itu. “*I couldn't believe it,*” ujarnya.



Gambar 6: Haymasuthan semasa berada di Abilimpik, Perancis

Sumber: Facebook (2020) @Hayma Suthan diakses pada 1 Oktober 2020

Hayma berkata, keyakinan terhadap kebolehan diri sendiri telah mempengaruhi dirinya untuk melakukan kerja-kerja secara persendirian sebagai fotografi. Kemenangan itu adalah salah satu kejayaan besar yang menyuntikkan lagi keyakinan dirinya untuk terus maju ke hadapan. “*My skill was finally recognized and I feel like a diamond. People I've never met before made an effort to make friends with me,*” jelas Hayma. Ini pengalaman yang cukup berharga buat dirinya kerana hasil kerjanya dihargai oleh orang ramai di luar sana. Beliau turut berkongsi pengalamannya menjadi seorang jurugambar yang berjaya merakam gambar-gambar warisan sejarah di beberapa tempat bersejarah di luar negara seperti Australia.

Selepas Kejayaan

Bercerita mengenai kejayaannya, salah satu rahsia kejayaan beliau pada hari ini adalah kerana insan sekeliling yang turut memberi sokongan tidak berbelah bahagi. Sokongan daripada pengurus di syarikat tempatnya bekerja dan pensyarah dari UiTM Puncak Alam amat besar buat dirinya dalam membantu, memberi panduan serta tunjuk ajar tentang teknik-teknik dan seni fotografi kepadanya. Selain itu, beliau juga mendapat sokongan pensyarah dalam bentuk latihan kemahiran merakaman foto dan teknik-teknik pencahayaan. Rentetan itu, kejayaan Hayma tidak terhenti di situ sahaja apabila MCR telah mencalonkan dirinya untuk mewakili Malaysia mengambil bahagian dalam Abilimpik Antarabangsa Rusia pada tahun 2021.

Bercerita mengenai sumbangan dirinya, khidmat dan bakti dengan melakukan kerja-kerja dalam program melalui program-program amal kebajikan. Hayma turut menggunakan platform media sosial untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan rakan-rakan pekak yang lain tentang kebolehan istimewa diri mereka dalam pelbagai bidang kemahiran serta menyeru mereka untuk menonjolkan bakat dengan menyertai Abilimpik. Hayma berpendapat bahawa pertandingan Abilimpik merupakan peluang terbaik bagi semua OKU untuk bersaing sesama mereka serta membuktikan kemampuan mereka melakar kejayaan kepada masyarakat di luar sana.

Hasil dari penyertaannya dalam Abilimpik peringkat antarabangsa, Haymasuthan telah mendapat kepercayaan yang lebih besar. Beliau kini menjalankan perniagaan fotografi sendiri dan berharap dapat menjadi jurugambar bebas yang berjaya. Beliau ingin meningkatkan lagi kemahiran fotografi ke tahap yang lebih profesional dan antarabangsa serta mendapat pengiktirafan sebagai pencetus motivasi kepada semua pihak khususnya golongan OKU. Beliau juga ingin menjadi contoh teladan buat komuniti pekak dan masyarakat OKU yang lain.

Kesimpulan

“Ingin berjaya bukan senang kalau tidak melalui cabarannya seperti berada di bawah terik matahari dan basahnya hujan” - Haymasuthan

Hayma turut memberi nasihat kepada warga OKU di luar sana supaya bijak merebut peluang keemasan serta apa sahaja bentuk bantuan yang telah disediakan oleh pihak kerajaan atau mana-mana agensi lain. Besar harapan beliau agar semua warga OKU bijaksana dan bersemangat untuk mencari peluang misalnya berani menceburkan diri dalam bidang keusahawanan dan kerja-kerja persendirian bagi meningkatkan taraf kehidupan masing-masing tanpa bergantung sepenuhnya kepada orang lain.



Gambar 7: : Haymasuthan semasa pertandingan Abilimpik di Perancis

Sumber: Facebook (2020) @Hayma Suthan diakses pada 1 Oktober 2020

Kisah 3 Yeo Suh Chan – Pelukis



Indahnya Lakaran Ketenangan

Oleh: Norailis Ab. Wahab dan Nurul Azwa Mohamed Khadri

Pengenalan

Yeo Suh Chan telah dilahirkan pada tahun 1964 dan dibesarkan di Kuching, Sarawak. Anak sulung daripada empat orang beradik yang kini berusia 56 tahun juga merupakan anak perempuan tunggal dalam keluarganya. Ayahnya bekerja dalam sektor pembinaan manakala ibunya merupakan seorang suri rumah sepenuh masa. Semasa Yeo Suh Chan (Yeo) masih bayi, beliau telah mengalami demam panas yang teruk yang menyebabkannya kehilangan deria pendengaran. Beliau mendapat pendidikan khas untuk orang pekak di Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Menengah Kebangsaan Batu Lintang bermula dari umur 10 hingga 19 tahun.

“Saya telah menerima diri ini dan selesa menjalani kehidupan yang tenang.” - Yeo Suh Chan

Sebilangan besar individu pekak tidak tahu menggunakan bahasa isyarat dan mempunyai halangan untuk berkomunikasi dan berinteraksi dengan individu-individu lain di sekeliling mereka. Meskipun kekecewaan dalam berkomunikasi timbul terutamanya apabila perbualan terputus, namun beliau tahu untuk menjaga diri sendiri semasa orang lain sedang bercakap di sekelilingnya. Beliau ingin mendorong komunikasi di antara mereka yang mempunyai masalah pendengaran agar tidak dihalang oleh perasaan malu atau canggung untuk meneruskan perbualan bersama individu normal meskipun mereka tidak mengetahui penggunaan bahasa isyarat. Cara termudah untuk berkomunikasi adalah dengan memiliki pen dan kertas seterusnya hanya perlu mula menulis untuk memaklumkan apa yang terlintas di hati dan di fikiran mereka.

Sebelum Kejayaan

Beliau mula menunjukkan bakat melukis ketika berusia sekitar enam atau tujuh tahun atas dorongan bapanya. Bapanya berpendapat, ini adalah kemahiran yang dapat dilakukan di kemudian hari walau di mana jua beliau berada. Selain itu, Yeo turut menyedari bahawa dirinya mempunyai minat untuk melukis dan membuat lakaran daripada sumber-sumber rujukan seperti buku, komik dan gambar yang diambil meskipun beliau tidak mendapat sebarang bimbingan khusus daripada tenaga pengajar profesional. Ketika usianya menginjak dewasa, Yeo melukis apa sahaja yang menarik perhatiannya. Sekitar tahun 1986, beliau mengalihkan kemahirannya ke arah mengilustrasikan elemen alam dan pemandangan, yang sejak itu menjadi

ciri personalitinya. Beliau bermula dengan lakaran sebelum beralih ke cat air, seterusnya beralih ke minyak dan akrilik apabila melukis gambar-gambar alam semulajadi.

Gambar 8: Yeo dan hasil kerja tangannya di studio lukisan di Sarawak

Sumber: Koleksi Peribadi Yeo

Bakat seninya juga diperluaskan kepada perkara-perkara lain termasuk membuat barang perhiasan untuk majlis perayaan seperti menghias pokok dengan menggunakan daun kertas, membuat bentuk ikan dan buah-buahan dari kertas sampul angpau serta kotak kad bodong untuk sambutan Tahun Baru Cina. Beliau turut mempunyai hobi dalam penghasilan pelbagai jenis kraf tangan, berenang dan mendaki gunung. Namun, minat utama beliau masih bertumpu kepada bidang lukisan. Menurut Yeo, alam adalah inspirasi utama beliau untuk berkarya melalui pengamatan terhadap persekitarannya (seperti pokok, air terjun dan hidupan hijau yang lain) termasuk gambar-gambar flora dan fauna yang ditemuinya melalui carian di Internet. Penggunaan telefon pintar juga turut membantu beliau untuk mendapatkan gambar-gambar landskap yang dikehendakinya. Kebiasaannya, beliau melukis mengikut idea daripada para pelanggan. Walau bagaimanapun, beliau turut berkongsi pandangan dan menyampaikan ideanya sendiri kepada para pelanggan. Bagi Yeo, setiap gambar mempunyai cerita yang tersendiri, dan lukisan *Rhinoceros Hornbill* merupakan hasil tangan yang cukup dekat dihatinya.

Selain itu, beliau juga merupakan ahli aktif bagi *Sarawak Artists Society*, *Sarawak Atelier Society* dan *Urban Sketchers Kuching*. Beliau turut melakukan kerja-kerja melukis pemandangan bandar bersejarah seperti yang biasa dilakukannya bersama *Urban Sketchers Kuching*. Lazimnya, Yeo mengambil masa selama tiga hari untuk menyelesaikan sesebuah lukisan, bergantung kepada ukuran saiz dan tahap kerumitan untuk menyelesaikannya. Sekiranya diberi peluang, beliau ingin mempamerkan hasil lukisannya untuk tatapan umum.

Di Puncak Kejayaan

Yeo telah menyertai pertandingan lukisan minyak Abilimpik peringkat Negeri Sarawak pada tahun 2013 dan peringkat nasional dua tahun seterusnya dalam kategori yang sama. *Malaysian Council Rehabilitation* turut membantu beliau untuk mempersiapkan diri bagi pertandingan di peringkat antarabangsa di Perancis. Penguasaan pelbagai kaedah melukis telah diperolehi semenjak kecil berserta sifat kerajinan beliau untuk meningkatkan kemahiran selama bertahun-tahun telah menjadikan beliau sebagai seorang artis yang berjaya. Abilimpik juga turut membuka mata Yeo kerana ianya bukan sekadar pertandingan seni pertama beliau, tetapi juga merupakan pengalaman pertama beliau berada di Eropah.



Gambar 9: Yeo dan kontijen pulang ke tanah air daripada Pertandingan Abilimpik ke-9 di Bordeaux, France.

Sumber: DeafBoleh blogspot (2016) diakses pada 1 Oktober 2020

Menjadi satu kelaziman bagi Yeo untuk mencoret dan mendokumentasikan segala pengalaman serta apa yang dilihat dan dialami oleh beliau di sepanjang perjalanannya. Sebelum berangkat ke tempat pertandingan, beliau diberikan satu skop tugas - menggunakan elemen untuk dimasukkan dalam gambar yang bakal dilukis yang hanya akan diketahui di tempat pertandingan tersebut di mana ianya sangat berbeza dengan apa yang beliau lakukan di Malaysia. Oleh itu, beliau harus bertindak pantas untuk mengubahsuai rancangannya dan idea ketika pertandingan berlangsung. Pertandingan itu merupakan satu cabaran besar bagi Yeo kerana beliau diwajibkan untuk melukis karya surealis menggunakan elemen-elemen tertentu

yang telah ditetapkan oleh pihak pengajur. Tema yang telah diberikan adalah berasaskan kepada konsep *opening on an imaginary landscape* di mana beliau harus memasukkan elemen khayalan seperti mimpi yang sama sekali berbeza daripada kebiasaannya selama ini. Yeo berjaya memasukkan banyak perincian yang merujuk kepada negeri Sarawak berasaskan flora dan fauna dengan mengetengahkan burung enggang yang megah terbang di langit sebagai fokus utama lukisan beliau yang bertajuk *Escape from the Flood*.

Seramai 21 orang peserta dari pelbagai negara telah diberikan masa selama lima jam untuk menyelesaikan lukisan mereka. Itu bukan kebiasaan dalam beliau melakukan kerja-kerjanya sebelum ini. Dari awal hingga akhir, beliau sangat tertekan ketika pertandingan tersebut. Semasa para peserta sedang melukis, juri dan pengajur akan berjalan setiap 30 minit sambil memegang tanda untuk mengingatkan mereka baki masa untuk menyelesaikan tugasannya. Beliau telah meletakkan 100% usaha dan cuba untuk bertahan di sepanjang tempoh pertandingan tersebut. Tempat kedua dalam *9th International Abilympics Competition* in Bordeaux, France pada 2016 selayaknya menjadi miliknya.

Selepas Kejayaan

Beliau bercita-cita untuk mengadakan lebih banyak pameran di masa hadapan tanpa mengambil kira lokasi yang terlibat.. Selain itu, Yeo juga mempunyai impian untuk turut memiliki galeri seni sendiri untuk berkongsi hasil lukisan dengan peminat-peminat lukisan yang lain.

Ketika ditanya apakah dia pernah memikirkan bagaimana hidupnya jika dia dapat mendengar, Yeo menyatakan bahawa dia bukanlah individu yang kerap memikirkan apa-apa untuk dimiliki. Beliau berpandangan bahawa pada ketika ini, jika dirinya diberi peluang untuk mendengar dan bercakap, beliau akan berkata “tidak” kerana ini bermaksud beliau harus mempelajari semula semuanya dari awal. Yeo telah belajar untuk menerima keadaannya dan cuba untuk mengutilisasikan kelebihan yang ada untuk melonjakkan prestasinya melalui peluang-peluang yang ada di sekelilingnya.

Kesimpulan

Beliau seorang yang optimis dalam menghadapi masa hadapan yang mencabar, dengan meluahkan sedikit sebanyak pengasingan sosial yang diungkapkan melalui lakaran lukisan di atas kanvas yang mengagumkan. Golongan ini tidak pelik, dan normal seperti individu lain.

Dan Yeo menasihati masyarakat bahawa cara terbaik untuk mendekati golongan pekak sepertinya adalah dengan menguasai bahasa isyarat yang menggunakan riak wajah, lengkok tangan, bentuk tangan dan bibir dalam menzahirkan apa yang terlintas di hati dan di fikiran mereka. Secara keseluruhan, masyarakat perlu dididik bagi membantu golongan pekak untuk difahami dan diterima dengan lebih terbuka. Malahan lebih banyak halangan dapat diatasi dan potensi golongan pekak ini dapat diketengahkan dengan lebih baik di pelbagai peringkat.

Rujukan

Joanna Yap (15 May 2016). Self-taught artist brings glory to Sarawak.

<https://www.theborneopost.com/2016/05/15/self-taught-artist-brings-glory-to-sarawak/>

OKU DALAM BIDANG AKADEMIK

Kecemerlangan akademik tidak ditentukan oleh keberadaan dan kesempurnaan kudrat manusia namun dicapai dengan usaha yang tidak putus. Ini dibuktikan oleh kejayaan beberapa tokoh OKU meneruskan perjalanan mereka dalam bidang ini sebagai pensyarah di universiti-universiti awam di Malaysia. Perjuangan mereka dalam merealisasikan pendidikan inklusif diteruskan lagi bagi memberikan pendidikan yang sama rata kepada generasi OKU di masa hadapan.

Kisah 4 Dr Aizan Sofia Amin - Pensyarah



Tarian Tinta Penghibur Lara

Oleh : Dzulkifli Mukhtar dan Roosihian Merican Abdul Rahim Merican

Pengenalan

Aizan Sofia Amin, diputerikan pada tanggal 1983 dan merupakan anak perempuan tunggal daripada empat orang adik beradik lelaki. Beliau bertuah menjadi satu-satunya anak perempuan kesayangan ayah dan ibunya. Beliau dilahirkan sihat dan sempurna fizikal tetapi disahkan menghidap kanser tulang ketika berusia 14 tahun. Setelah dua tahun berikhtiar dengan pelbagai rawatan hospital dan alternatif, akhirnya pada usia 16 tahun beliau telah kehilangan kaki kanan dan semenjak itu bergelar “Orang Kurang Upaya Fizikal”.

Pengalamannya di sekolah dan universiti penuh cabaran tidak seindah seperti yang diimpikan telah membuatkan beliau menjadi seorang yang kuat dan tabah. Beliau berusaha untuk menjadi yang terbaik walaupun terhad dengan kekurangan dirinya. Beliau berjaya mengatasi segala halangan dengan menyalurkan tenaga dan masanya kepada dunia akademik. Beliau berpegang erat kepada pesanan ibunya, Che Wah Mahidin bahawa beliau mampu melakukan lebih baik daripada rakan-rakan yang pernah memandang rendah pada dirinya. Ternyata, usaha kerasnya membawa hasil apabila beliau berjaya menggenggam Anugerah Dekan setiap semester semenjak pengajian di matrikulasi hingga ke universiti. Minatnya dalam bidang akademik dibuktikan dengan memperoleh Ijazah Sarjana Muda Psikologi dan Sarjana pengkhususan Psikologi Kaunseling. Seterusnya, beliau melanjutkan pendidikan tertinggi ke peringkat Ijazah Doktor Falsafah di United Kingdom hingga membawa gelaran ‘Dr’.



Gambar 10: Dr Aizan di University of Glasgow, UK

Sumber: Koleksi Peribadi Dr Aizan

Sebelum Kejayaan

Pandangan masyarakat terhadap setiap individu OKU adalah berbeza, apa yang dizahirkan oleh kebanyakan masyarakat adalah lebih berbentuk negatif berbanding yang membina. Ianya memberi kesan emosi yang ketara kepada insan yang bergelar OKU. Ini memberi satu cabaran kepada Dr Aizan kerana sekuat mana pun usaha yang ditunjukkan, sehebat mana pun kejayaan yang tonjolkan, ianya tetap dinilai secara tidak adil oleh sesetengah masyarakat. Seringkali tekanan menjadi sahabat baiknya. Meskipun perasaan negatif itu berjaya dilayan dengan pujukan hati, namun ianya tetap menghantui fikiran dan seringkali beliau terasa hidup dalam tekanan. Perasaan tersebut menyebabkannya seperti kehilangan ‘tenaga’ dan semangat dek kekecewaan kerana sering dipandang rendah oleh orang lain. Ia seakan tidak pasti ada penghujungnya. Sampai bila beliau mahukan hidup sebegitu? Adakah segala usaha sebelum ini mahu disia-sikan hanya kerana cemuhan dan kata-kata orang lain? Persoalan-persoalan ini seringkali berlegar di fikirannya.

Berpegang kepada semangat untuk berjaya, kekuatan dalamannya dibina semula. Tak rela beliau membiarkan dirinya ‘runtuh’ akibat tekanan persekitaran yang tidak adil kepada insan sepertinya. Beliau perlu melawan kelemahan yang ada dalam dirinya dan kekurangan fizikal perlu diatasi dengan bukti kejayaan. Sedar dengan “kelebihan” yang ada dalam dirinya, beliau terus berjuang dalam perjalanan hidupnya dengan meneruskan usaha menimba ilmu. Kenangan manis sebagai penerima Ijazah Kelas Pertama dan berjaya merangkul Anugerah Pelajar Terbaik (Psikologi) pada Majlis Konvokesyen tahun 2007 di UIAM tidak dapat dilupakan dan menjadi pembakar semangat bagi meneruskan cita-citanya untuk mencapai kejayaan yang lebih tinggi dalam bidang akademik.

“Berjuanglah dengan mata pena, lebih tajam daripada mata pedang” – Dr Aizan Sofia Amin

Pesanan berhikmah menjadi panduan kukuh yang memandu kehidupan beliau yang kini berjaya menjadi seorang ahli akademik di UKM. Ianya telah memberi satu platform yang baik bagi membuktikan kemampuan OKU menjalani kehidupan yang sejahtera dalam “kekurangan” mereka. Perjuangan bagi membela hak OKU diteruskan dan lebih mendapat perhatian dalam dunia akademik yang sentiasa menjadi tumpuan dan rujukan masyarakat umum. Beliau yakin mampu untuk mendidik masyarakat bagi memahami OKU di samping menyebar luaskan ilmu tersebut melalui penyelidikan dan penulisan.

Di Puncak Kejayaan

Dua tahun berturut-turut Dr Aizan telah tersenarai sebagai calon Tokoh Pekerja Negara dan pada tahun 2019 beliau telah dinobatkan sebagai Penerima Anugerah tersebut. Beliau perlu bersaing dengan calon-calon OKU yang tidak kurang hebatnya daripada pelbagai bidang yang diiktiraf kerajaan. Ia merupakan pencapaian dalam kerjaya yang terhebat buat dirinya.

“Apa yang saya buat adalah ikhlaskan diri untuk melakukan tugas yang diamanahkan dengan sebaik mungkin.” – Dr Aizan Sofia Amin



Gambar 11: Dr Aizan dan ibunya semasa Anugerah Tokoh Pekerja 2019

Sumber: Koleksi Peribadi Dr Aizan

Kejayaan beliau telah mendapat pelbagai pengiktirafan dan telah dilantik sebagai salah seorang ahli Majlis Kebangsaan bagi OKU di bawah JKM, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Selain itu, beliau telah menggalas tanggungjawab yang lebih besar iaitu sebagai salah seorang duta TN50 dan juga Pengerusi Jawatankuasa Pelaksanaan Polisi Inklusif OKU, UKM. Sumbangan signifikan beliau adalah penglibatan langsung dalam membina polisi inklusif OKU bagi UKM, salah satu universiti terkemuka di Malaysia. Pada masa yang sama, beliau aktif dalam kerja kesukarelawan dan telah dilantik sebagai Ikon Kemanusiaan *Islamic Relief Malaysia* semenjak tahun 2018 sehingga kini.

Tanggungjawab besar di tempat kerja telah dipikul oleh beliau menjadi satu bentuk motivasi untuk dirinya sendiri dan beliau berazam untuk sentiasa istiqamah dalam usaha mencapai prestasi cemerlang dalam bidang akademik dan juga membela kebijakan dan hak OKU. Beliau berharap untuk terus menyumbang dan memberikan manfaat kepada masyarakat terutamanya bagi OKU sendiri.

Selepas Kejayaan


Beliau sentiasa berpegang kepada perjuangan beliau dalam membela hak dan kebijakan OKU. Hak OKU perlu dizahirkan dari segi dokumentasi dan amalannya dalam masyarakat. Ada kalanya, kekecewaan wujud apabila perjuangan tersebut tidak mendapat sokongan, mengalami kesukaran atau berdepan dengan pelbagai halangan dan rintangan. Justeru itu setiap kali kekecewaan yang mengulit jiwa mampu membuatkannya rebah, beliau akan mengingatkan dirinya sendiri bahawa beliau hidup bukan hanya untuk dirinya sendiri, beliau perlu sentiasa kuat untuk bersama mereka yang senasib dengannya. Setiap OKU juga mempunyai keluarga yang bergantung kepada mereka bagi meneruskan kehidupan yang lebih baik. Oleh yang demikian, beliau akan terus berjuang untuk memastikan usahanya tidak akan terhenti selagi nyawa masih dikandung badan.

Kesimpulan

Setiap OKU berbeza, wujud keunikan dalam pelbagai aspek yang mungkin membataskan pergerakan, penglihatan, pendengaran atau pemikiran mereka. Justeru, diakui perasaan rendah diri sering wujud dalam diri mereka dek pengalaman kurang indah yang terpaksa dilalui sepanjang kehidupan harian. Cabaran untuk OKU sentiasa ada dalam setiap langkah kehidupan mereka. Oleh yang demikian, bukan tugas yang mudah untuk membina keyakinan dalam diri OKU namun ianya tidak mustahil untuk dilakukan.

Bagi OKU, mereka perlu sentiasa terbuka dan tidak malu untuk menyatakan isi hati dan buah fikiran terutamanya yang berkaitan dengan keperluan sendiri. Masyarakat sekeliling akan lebih mudah untuk memahami apa yang dilalui terutamanya pihak majikan sekiranya OKU lebih berani untuk menyuarakan keperluan mereka. Sehubungan itu, perasaan segan dan rendah diri harus diketepikan. OKU juga boleh mendidik hati untuk reda dengan kekurangan diri dan dalam masa yang sama berusaha melakukan yang terbaik dalam keterbatasan diri yang ada. Ini perlu bagi membolehkan mereka berfikiran positif dalam mengatasi kekurangan dan menggilap potensi diri setanding dengan orang lain. Peranan dan sokongan daripada orang sekeliling, terutamanya keluarga juga amat penting dalam memenuhi keperluan OKU dan memberi sokongan padu buat mereka. Jati diri OKU dapat diperkasakan dalam semua aspek kehidupan baik dalam pendidikan, pekerjaan mahupun kehidupan bermasyarakat sekiranya mendapat sokongan tidak berbelah bahagi daripada semua pihak di negara ini.

Kisah 5 Dr Mohamad Muzammil Mohamad Noor – Pensyarah



Setulus Impian

Oleh: Noryanti Mahbub dan Dzulkifli Mukhtar

Pengenalan

Dr Mohamad Muzammil bin Mohamad Noor merupakan anak bongsu daripada lapan orang adik-beradik yang berasal dari Alor Setar, Kedah Darul Aman. Pada mulanya beliau tidak memahami istilah yang dimaksudkan sebagai orang kurang upaya tetapi beliau merasakan tidak mampu berjalan seperti rakan sebaya yang lain.

Zaman kanak-kanak beliau dipenuhi dengan warna kehidupan yang ceria walaupun adakala beliau merasa diri terpinggir disebabkan ketidakupayaan itu. Anak bongsu ini sejak dari kecil menunjukkan minat yang tinggi untuk pergi ke sekolah seperti insan normal yang lain. Walaupun beliau bersekolah agak lewat daripada rakan sebayanya iaitu dalam usia sembilan tahun, ayah, ibu, abang dan kakaknya sentiasa beri dorongan dan tunjuk ajar sebelum memulakan persekolahan. Misalnya, ibu beliau, Hajah Salmah sering memujuk beliau bahawa suatu hari nanti Dr Muzammil akan bersekolah jua. Setelah ayahnya memperolehi sebuah kerusi roda, bermulalah alam baharunya dalam dunia pendidikan. Beliau menerima pendidikan awal di Sekolah Rendah Dato' Wan Mohd Saman, Alor Setar dan Sekolah Tunku Abdul Rahman, Alor Setar, Kedah. Ayahnya menghantar beliau ke sekolah sehingga ke peringkat prauniversiti selepas lulus peperiksaan SPM dengan keputusan cemerlang Gred Satu. Seterusnya setelah lulus peperiksaan STPM dengan keputusan 5 Prinsipal beliau melangkah ke Menara Gading di Pulau Pinang dalam bidang Sejarah dan Sains Politik dengan cabaran yang perit harus ditempuhi sebagai mahasiswa kurang upaya. Setelah beliau lulus peperiksaan STPM, Dr Muzammil menerima tawaran ke universiti, ayahnya telah meninggal dunia. Kemudian ibunya pula menyusul menemui Ilahi semasa pemuda gigih ini sedang menduduki peperiksaan akhir semester tahun ketiga di USM. Apabila kedua-dua orang tuanya pergi menemui Ilahi, seluruh dunia Dr Muzammil terasakan gelap dan hilang tempat bergantung, namun abang dan kakaknya sentiasa memberi dorongan dan membina jati diri yang kukuh dalam menghadapi kehidupan sebagai anak yatim piatu.

Seterusnya, Dr Muzammil meneruskan pengajian ijazah keduanya di universiti yang sama dalam bidang Sejarah Politik. Pada peringkat ijazah Doktor Falsafah pula di UM Kuala Lumpur dalam bidang Sejarah Pemikiran. Kesemua kos pengajian beliau di universiti ditanggung melalui pembiayaan biasiswa.

Sebelum Kejayaan

Dr Muzammil menegaskan kepentingan ilmu harus diberikan kepada golongan ini seawal usia dan tanpa mengira kategori OKU. Ujarnya:

“ ... itulah saya cakap, kalau saya hendak berjuang untuk golongan OKU, saya mahu membawa golongan OKU ke hadapan. Apa yang saya hendak tonjolkan ialah kepentingan ilmu kepada golongan seperti kami.” Sambung beliau lagi, “Menerusi ilmu, golongan OKU boleh pergi jauh dan keupayaan diri yang tidak sempurna itu dapat ditonjolkan kepada masyarakat, dengan berilmu akan melengkapkan kami yang cacat ini.” Selain daripada itu, pandangannya tentang ilmu sejarah yang didalamnya itu ialah sebenarnya ilmu tersebut membentuk dirinya untuk mengenali diri sebagai insan OKU, kekuatan jati diri bagi menyayangi negara, agama, bangsa dan yang penting kepada diri sendiri. Dalam pada itu, ilmu sejarah dan politik saling berkaitan di antara satu sama lain dan membentuk ilmu yang unik.

“ Ayah tak pernah malu, dia ada anak kurang upaya. Dia makan kenduri ka, acara di pejabat dia ka, apa sahaja lah. Dia bawa dan dia tak pakaikan saya kasut. Dia nak tunjuk pada semua orang yang dia ada anak macam tu. Itu yang saya bawa sifat beliau dalam diri saya,” beliau terkenangkan jiwa kental seorang ayah, Haji Mohamad Noor diwarisi oleh anak bongsu ini. Seterusnya menjadi inspirasi kepada beliau untuk meneruskan cita-cita yang diimpikan. Beliau mengetepikan had fizikal yang beliau alami sejak kecil. Ketika berada di sekolah rendah sehingga melanjutkan pengajian sehingga ke pra-universiti, ayah Dr Muzammil telah melakukan pengorbanan dengan menghantar beliau setiap hari untuk menimba ilmu. Kejayaan yang beliau peroleh hari ini tidak dicapai dengan mudah. Pensyarah ini mengambil peperiksaan STPM sebanyak dua kali, keputusan kali pertama diperolehi 4 Prinsipal dengan keputusan subjek ekonomi lulus sebahagian. Beliau tidak berputus asa, peperiksaan itu diambil sekali lagi dengan memperolehi keputusan 5 Prinsipal A, sebelum ditawarkan untuk mengikuti pengajian Ijazah Pertama di USM.

Semasa tahun akhir pengajian Sarjananya, beliau ditawarkan jawatan sebagai Pegawai Penerangan di Kementerian Penerangan Malaysia tetapi beberapa tahun kemudiannya beliau melepaskan jawatan tersebut. Tawaran biasiswa sebagai felo USM dan KPT sukar dilepaskan kerana peluang untuk melanjutkan pendidikan di peringkat Doktor Falsafah di UM merupakan salah satu impiannya. Pengajian di peringkat ini beliau berpeluang menjalankan aktiviti penyelidikan di Indonesia, United Kingdom dan Belanda.



Gambar 12: Dr Muzammil dan tesis beliau Burhanuddin Al-Helmi Dan Muhammad Natsir: Perbandingan Pemikiran Dan Perjuangan

Sumber: Facebook (2020) @DRMUZAMMIL2 diakses pada 1 Oktober 2020

Di Puncak Kejayaan

Pada masa kini beliau sedang berkhidmat di USM sebagai sang Pensyarah Kanan dalam bidang Sejarah Asia Tenggara dan Falsafah Sejarah. Antara bidang lain yang diminatinya ialah Sejarah Sosiopolitik Malaysia, Sejarah Politik Indonesia Modern, Sejarah Biografi Politik, Sejarah Perbandingan, serta Sejarah Pemikiran Islam.

Beliau turut membuat penyelidikan berkaitan sejarah politik, sejarah perubatan homeopati, pemikiran tokoh, golongan gelandangan serta perjuangan dan fasiliti terhadap OKU melalui geran-geran penyelidikan serta penulisan artikel dalam jurnal. Dr Muzammil aktif menulis artikel dan kertas kerja tentang sejarah politik negara dan pemikiran dalam seminar dan persidangan kebangsaan mahupun antarabangsa. Sehingga kini lebih 50 artikel akademik telah diterbitkan oleh pihak Penerbit Universiti dan antarabangsa.

Buku pertamanya bertajuk, *Guru Melayu dan Politik Di Kedah, 1940-1960* (2012) terbitan Penerbit UM, buku keduanya, *Dr Burhanuddin al-Helmi Pejuang dan Pemikiran* (2013) dan yang ketiga, *Pemikiran Politik Islam: Perbandingan antara Pemikiran Burhanuddin al-Helmi dengan Muhammad Natsir* (2015) terbitan DBP. Ketika ini beliau sedang menghasilkan buku terbaru berkenaan Sejarah Perubatan dan Pengamalan Homeopati di Malaysia berserta artikel untuk penerbitan jurnal.

Pada Januari 2015, beliau telah menerima darjah kebesaran daripada Sultan Kedah iaitu Bintang Kebaktian Masyarakat (BKM). Anugerah lain yang diterimanya adalah Mahasiswa Gigih Yayasan Sultanah Bahiyah, Bintang Cemerlang Negeri (BCN) 2018 oleh Kerajaan Pulau Pinang, Darjah Ahli Mahkota Perlis (AMP) 2019, Tokoh Ikon OKU 2016, Anugerah Khas OKU Kategori Akademik 2017, Tokoh Penglibatan Masyarakat dan Industri USM 2015 serta Anugerah Sanggar Sanjung 2018 oleh Canselor USM yang juga Raja Perlis. Dari segi penulisan akademik, tesis Ph.D Dr Muzammil tersenarai antara tesis terbaik Yayasan Nurul Yaqeen, di samping itu sebuah bukunya terpilih dalam senarai terakhir Anugerah MAPIM 2015 dalam kategori Buku Ilmiah terbaik (Kemanusiaan dan Sains Sosial). Pada tahun 2017, Dr Muzammil terpilih sebagai Sukarelawan bagi temasya Sukan SEA di Kuala Lumpur.

Selepas Kejayaan

Pensyarah Kanan USM ini turut dijemput sebagai penceramah motivasi di sekolah, universiti-universiti awam serta jabatan-jabatan kerajaan. Paling jauh beliau dijemput menyampai ceramah motivasi ialah di sebuah sekolah di Papar, Sabah dan sebuah universiti di Makassar, Indonesia. Beliau juga turut dipilih sebagai ahli panel oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bagi menyemak buku teks silibus sejarah sekolah menengah. Dr Muzammil turut bergiat aktif dalam persatuan sosial dan NGO peringkat kebangsaan dan pernah terpilih menjawat ahli jawatankuasa. Antara aktiviti kemasyarakatan yang melibatkan beliau adalah ahli seumur hidup kepada Persatuan Sejarah Malaysia, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah, Persatuan Alumni USM, Persatuan Penulis Kedah (ASASI), IKRAM Timur Laut Pulau Pinang serta Persatuan Orang Cacat Anggota Malaysia (POCAM).

Kesimpulan

Bagi Dr Muzammil, segala had yang dimilikinya adalah kekuatan untuk beliau meneruskan perjuangannya dalam kehidupan yang mempunyai pelbagai rencam. Sungguh, beliau tidak pernah kesal dengan takdirnya itu malah Dr Muzammil bertuah kerana Allah S.W.T. telah menuaikan apa sahaja yang beliau impikan sejak zaman persekolahan hingga kini. Baginya, apa yang penting kepada golongan OKU adalah mereka harus berani menyahut cabaran dan membina impian, seterusnya berusaha dengan lebih gigih untuk menggapai cita-cita yang diimpikan.

Kisah 6 Prof Dr Ruzita Mohd Amin- Pensyarah



Legasi Kelestarian Insan

Oleh: Umi Waheeda Izaaz Zulkifly dan Mohd Fathi Abu Yaziz @ Mohamad

Pengenalan

“Ini amal jariah kita. Bila kita dah ada esok, ini saja legasi yang kita akan tinggalkan untuk bantu mereka (OKU).” Profesor Dr Ruzita Mohd Amin

Itulah kata-kata keramat yang menjadi pegangan hidup anak jati Kuala Lumpur ini. Dalam perit getir menjalani kehidupan, tidak pernah sekali kalimah putus asa muncul dalam kamus hidupnya bagi memperjuangkan hak-hak OKU di Malaysia. Pengalaman suka duka hidupnya menjadi pedoman perjuangan dan panduan pembelaan hak-hak OKU di Malaysia. Profesor Dr Ruzita Mohd Amin bukanlah nama yang asing apabila bercerita tentang OKU di Malaysia. Sesekali terluah keluhan dari bibirnya, namun untuk berputus asa, jauh sekali daripada kamus hidupnya. Sejajar dengan jiwa yang berkobar, rentetan riwayat hidup seorang pensyarah yang penuh dengan perjuangan dan pengorbanan ini bermula.

Puteri bongsu daripada tiga beradik dilahirkan sebagai insan sempurna pada 3 Disember 1963. Namun takdir tuhan melangkaui batas keupayaan manusia kerana Prof Dr Ruzita diuji diserang wabak polio ketika berusia dua tahun mengakibatkan paralisis di kedua-dua tangan dan kakinya. Paralisis ‘tetraplegic’ ini tetap terjadi secara kekal walau sudah diberikan vaksin ‘oral poliovirus’ atau ‘polio drop’ membuatkan beliau tidak mampu untuk berjalan. Maka bermulalah kehidupan serba-serbi kekurangan buat anak kecil yang belum mengerti apa-apa. Mungkin sudah menjadi suratan takdir dan cabaran hidup yang terpaksa dilalui dengan penuh kepedihan terutama di hati orang tuanya.

Mungkin kerana kedaifan sikap, mungkin juga kerana kekurangan fasiliti, sekolah-sekolah di Malaysia ketika itu menolak akan kehadiran beliau. Pencarian tiada henti itu kemudiannya terhenti di Sekolah Rendah Inggeris Pudu yang kini dikenali sebagai Sekolah Rendah Perempuan Pudu. Dengan syarat ditemani sepanjang sesi persekolahan, Prof Dr Ruzita kini diberi peluang dan ruang untuk mengubah nasib dirinya. Setiap pagi akan terlihat si ibu berjalan kaki menggendong anak kecil itu ke sekolah demi memastikan anaknya mendapat pendidikan sempurna. Kasih dan pengorbanan ibu menyentuh naluri guru-guru di sekolah itu. Mereka mengusahakan kerusi roda buatnya sumbangan daripada Kelab Lions, cawangan Kelab Rotary, sebuah pertubuhan kemanusiaan bertaraf dunia.

Usai sahaja tingkatan lima, oleh kerana keputusannya yang hebat, beliau ditawarkan untuk belajar di Amerika Syarikat. Hatinya ingin mengembara, namun beliau akur dengan kehendak ibunya untuk belajar di Malaysia walau sudah berjaya di dalam temuduga berkenaan. Beliau sekali lagi ditawarkan ke luar negara selepas menamatkan STPM tetapi kali ini ke Britain pula untuk pengajian Perakaunan. Di saat minat dan kesungguhan bernyala-nyala dalam jiwa, ibunya bersungguh-sungguh menghalang beliau pergi kerana risau akan kebajikan si bongsu.

Sebelum Kejayaan

Kebijaksanaan Prof Dr Ruzita tidak terlepas daripada pandangan universiti terunggul Malaysia iaitu UM. Universiti pertama Malaysia itu menawarkan beliau peluang untuk menyambung pelajaran di sana. Kecerdikannya juga membawa lamaran daripada UIAM kerana telah diberikan keistimewaan untuk memilih pelajar-pelajar yang terbaik di seluruh negara. Berbekalkan nasihat guru Ekonomi tingkatan 6, beliau memilih untuk menjadi pelajar kumpulan pertama UIAM. Universiti baharu ini semestinya mempunyai banyak kekurangan fasiliti namun usaha dalam membantu beliau dalam menjalani kehidupan harian sebagai pelajar tidak dilupakan.

Bukan sahaja hebat dalam pelajaran, beliau juga hebat dalam aktiviti kokurikulum. Bersama-sama rakan-rakan yang tidak pernah meninggalkan beliau, mereka menujuhkan Persatuan Ekonomi di UIAM. Mereka juga mengatur Persidangan Kebangsaan ketika masih lagi bergelar pelajar sarjana muda. Kekurangan fizikal yang dihadapi Prof Dr Ruzita tidak menghalang beliau bersaing dengan insan sempurna untuk merebut segala peluang terbuka dalam menggapai kejayaan. Persaingan sihat itu menjadi ukhwah yang mantap bersama rakan-rakannya dalam menjalani kehidupan sebagai pelajar. Pengalaman kehidupan sebagai siswazah amat manis di memorinya lantaran rakan-rakan yang tidak pernah meminggirkannya dan memahami akan kekurangan beliau. Berkat usaha dan segala dorongan daripada mereka dikelilingnya, Prof Dr Ruzita dinobatkan sebagai Pelajar Terbaik Ekonomi di UIAM pada tahun 1987.

Kini Universiti Northwestern menjadi destinasi pilihan Prof Dr Ruzita dalam meneruskan pelajaran ke peringkat sarjana dalam bidang ekonomi. Sesungguhnya mata pelajaran ekonomi di universiti Liga Ivy itu sangat asing bagi Prof Dr Ruzita menjadikan semua yang diajar oleh pensyarahnya bagai mencurah air di daun keladi. Air mata tidak lekang di pipi kerana tekanan yang kuat akibat melanjutkan pelajaran di perantauan. Mujur beliau

mengambil nasihat pensyarahnya, Aidit Ghazali untuk membawa ibu beliau bersama-sama untuk belajar di negara orang. Kehadiran bonda tercinta sememangnya menjadi penyuntik semangat dalam meneruskan pelajaran. Setelah satu tahun enam bulan merantau, beliau berjaya membawa pulang ijazah sarjana pada tahun 1990.

Pintar dan amat meminati bidang pembelajaran, beliau tidak menghentikan pencapaian hanya di peringkat sarjana. Setahun selepas kepulangan beliau di Malaysia, dua beranak itu sekali lagi merantau ke Amerika untuk ijazah kedoktoran. Kali ini mereka mengembara ke New York untuk mencapai amanat Profesor Emeritus Dato' Dr Abdul Hamid A. Abu Sulaiman, Rektor UIAM pada ketika itu. Berbekalkan homeopati sebagai ubat melawan penyakit batu karang di hempedu, ibunda beliau turut menggagahkan diri untuk menemani anakandanya ke Institut Politeknik Rensselaer. Pada tahun 1994, bagi meneruskan kerjaya sebagai pensyarah di UIAM semenjak tahun 1987 setelah beliau pulang dengan segulung pengiktirafan Doktor Falsafah dalam Ekonomi Pengurusan

Di Puncak Kejayaan

Kepulangan beliau dengan gelaran Doktor Falsafah telah diiringi dengan tawaran untuk menjadi editor pada jurnal Kuliyyah Ekonomi. Berkat komitmen yang tidak berbelah bahagi, Jurnal Ekonomi dan Pengurusan UIAM telah mendapat pengiktirafan indeks antarabangsa. Jurnal Ekonomi, Pengurusan dan Perakaunan Antarabangsa atau International Journal of Economics, Management and Accounting ini telah menarik cendekiawan daripada seluruh dunia. Sepuluh tahun selepas memberikan khidmat dalam pengurusan jurnal, beliau melepaskan jawatan itu kepada ahli baru. Kemudiannya beliau menjadi Timbalan Dekan Hal Ehwal Akademik di Kuliyyah Ekonomi dan Sains Pengurusan daripada tahun 2005 sehingga 2007. Walaupun sibuk saban hari, Prof Dr Ruzita masih mencari kesempatan untuk memperjuangkan kepentingan dan kebajikan OKU di kampus UIAM ini.

Bersama-sama Prof. Dato' Sri Ar. Dr Asiah Abdul Rahim, pensyarah daripada Kuliyyah Alam Bina dan Reka Bentuk Sejagat, Prof Dr Ruzita memulakan aktiviti perjuangan OKU. Bersama-sama Salim Harmanain, seorang pelajar dan beberapa pelajar dan pensyarah OKU lain, perundangan Prof Ruzita membangkitkan hasrat untuk menuhuhan unit perkhidmatan OKU khas di UIAM. Sokongan padu daripada Rektor ketika itu, Professor Dato' Sri Dr Zaleha binti Kamarudin menjadikan DSU sebagai kenyataan pada tahun 2012. Sungguh cantik aturan Tuhan kerana sebaik sahaja unit ini mula beroperasi, tiga orang pelajar daripada Afghanistan datang meminta kerusi roda daripada pihak universiti. Pengalaman dan nama baik beliau

memudahkan segala urusan unit ini. Sumbangan dua buah van mobiliti daripada Zakat Selangor, tanjakan atau ramp dan pengubahsuai bilik di asrama adalah antara usaha-usaha yang berjaya dicapai oleh unit ini.



Gambar 13: Van Mobiliti UIA yang diusahakan oleh Prof Dr Ruzita
Sumber: Facebook (2019) @Ruzita Mohd Amin diakses pada 1 Oktober 2020

Pada 3 Disember tahun 2012 juga beliau dinobatkan sebagai penerima anugerah Akademik bagi kategori OKU oleh KPWKM pada sambutan Hari OKU Sedunia yang sama tarikhnya dengan hari lahir beliau. Keterampilan dan kebolehan luar biasa beliau telah membawa kepada amanat untuk menjadi ahli Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya (MKBOKU) pada Januari 2013. Pada Ogos 2014, beliau mempengerusikan Jawatankuasa Reka Bentuk Sejagat dan Alam Bina atas kapasiti pengetahuan beliau dalam access audit di bawah MS. Kehebatan beliau tidak terhenti di situ apabila beliau dilantik sebagai ahli jawatankuasa Majlis Penasihat Pendidikan Kebangsaan pada Ogos 2018.

Usaha dalam membantu membina struktur pembelajaran inklusif menjadi objektif beliau dan dibantu oleh Panglima Grup Artilleri Pertahanan Udara (GAPU), Major Jeneral Datuk Yusri Anwar. Pelancaran Garis Panduan Pelaksanaan Dasar Inklusif Orang Kurang Upaya di IPT telah dijalankan. Garis panduan ini bertujuan untuk memberi panduan kepada IPT merangka Pelan Strategik Pelaksanaan Dasar Inklusif OKU secara sistematik dan komprehensif. Menteri Pendidikan Malaysia pada ketika itu, YB Dr Maszlee Malik amat menitikberatkan kelangsungan dan penglibatan semua IPT dalam usaha menjayakan inisiatif tersebut. Pelancaran inisiatif ini akan menjadi simbol keseriusan IPT di Malaysia dalam

membantu pelajar-pelajar istimewa dalam universiti masing-masing. Sokongan daripada mereka yang ikhlas dalam memperjuangkan hak OKU adalah pemangkin buat beliau teguh dalam prinsip dasar pembelajaran inklusif.



*Gambar 14: Prof Dr Ruzita, Dr Maszlee dan Pelajar-pelajar OKU UIAM semasa majlis konvokasi
Sumber Facebook (2019) @Ruzita Mohd Amin diakses pada 1 Oktober 2020*

Selepas Kejayaan

Bagaikan matahari yang membakar dirinya untuk menerangi bima sakti, pengorbanan Prof Ruzita memperjuangkan hak OKU tiada tolok tandingan. Dinafikan hak untuk belajar, halangan pergerakan dan terpaksa menolak tawaran belajar di luar negara. Inilah pengalaman beliau sepanjang perjalanan hidupnya yang tidak perlu diwarisi oleh OKU pada generasi yang akan datang. Gelaran Profesor yang diperolehi dianggap sebagai amanah untuk menjalankan amanat yang diberikan oleh Tuhan kepadanya. Persepsi masyarakat terhadap OKU perlu diubah bagi memberi ruang dan peluang untuk mereka berjaya.

Bermula dengan langkah pertama dengan memperoleh pendidikan setanding dengan rakan sebaya yang sempurna kudratnya. Kehilangan ketua keluarga ketika berumur 10 tahun, menolak keluarga beliau ke dalam kesusahan. Namun, beliau terbang dengan lebih jauh dalam dunia akademik melebihi majoriti wanita seusianya. Walau mempunyai rumah di Gombak peninggalan arwah bapanya, ahli keluarga yang semuanya wanita tetap berulang alik ke rumah pangsa 16 tingkat di Jalan Loke Yew. Setiap kali kedaifan fasiliti menghentikan operasi lif realiti kehidupan itu dihadapi oleh mereka selama enam tahun.

Kesimpulan

Sebagai seorang OKU, Prof Dr Ruzita mengakui bahawa kejayaan yang dikecapi, dan anugerah yang diberikan tanpa label OKU adalah penghormatan yang terbesar bagi beliau. Persaingan yang adil dan sihat antara OKU dan insan biasa tanpa batasan kecacatan atau kekurangan kudrat menjadi impian beliau seumur hidupnya. Keinginan untuk berkembang sentiasa menjadi pendorong kepada Prof Dr Ruzita untuk menerokai ruang kemajuan, menguji penembusan persempadanan batas kudrat. Menjangkau had kemampuan diri sebaik mungkin dan melawan aruskekangan pelbagai birokrasi yang kabur, kegigihan perjuangan beliau membentuk polisi pendidikan inklusif. Terkadang usahanya dianggap sesuatu yang mustahil dek halangan dankekangan dalam menggapai impiannya namun beliau tidak pernah menyerah kalah.

Kisah 7 Prof Madya Dr Naziaty Mohd Yaacob - Pensyarah



Wanita Titanium

Oleh: Umi Waheeda I'zaaz Zulkifly dan Mohammad Ismail

Pengenalan

OKU. Akronim untuk Orang Kurang Upaya dan bukannya Orang Kelainan Upaya. Tiada beza antara mereka dan manusia yang berupaya dalam kebolehan menjalani kehidupan malah kekurangan yang mereka hadapi menjadikan OKU hanya insan biasa. Mungkin salah tafsiran akronim OKU ini membuatkan tanjakan yang dibina terlalu curam kerana OKU dianggap boleh meluncur seperti adiwira. Mungkin juga kerana dipanggil kelainan upaya, OKU dijangka untuk terbang menaiki kenderaan awam yang tinggi dan jauh daripada tempat pejalan kaki. Salah tafsiran itu menjadikan masyarakat tidak endah akan keperluan mereka terutama dari segi fasiliti. Itulah pandangan Profesor Madya Dr Naziaty Mohd Yaacob, seorang pensyarah Alam Seni Bina dan Reka Bentuk Sejagat di UM. Kadang-kadang alasan ketiadaan peruntukan dan pakar menjadi alasan pembinaan fasiliti yang tidak mesra OKU ini.

Akur dengan kekurangan pakar dalam bidang reka bentuk sejagat, Dr Naziaty mengatur langkah untuk menjadi rujukan pakar dalam bidang alam bina dan reka bentuk sejagat di Malaysia. Kisah kehidupan beliau ini bukanlah seperti kisah mi segera tiga minit, namun penuh dengan ranjau dan duri yang harus dihadapi demi memperjuangkan insan senasib. Pada 23 Mei 1962, Dr Naziaty dilahirkan berupaya seperti insan yang lain namun, serangan virus poliomielitis pada tahun 1965 menjadikan anak kecil itu lumpuh pada kaki kiri secara kekal. Anak kelahiran Bentong, Pahang ini kemudiannya berpindah bersama-sama keluarga ke Pulau Pinang dan dibesarkan di negeri tersebut. Walaupun tidak mampu menggunakan kaki kirinya, Dr Naziaty tidak diajar untuk menjadi seorang yang lemah. Bahkan, beliau diajar berdikari dan menjadi lasak oleh ibunya agar kakak sulung kepada dua adik lelaki itu mampu bersaing dengan rakan-rakan sebaya.

Bermula dengan Sekolah Kebangsaan Convent Green Lane, Georgetown, Pulau Pinang, Dr Naziaty mula mencipta rekod kejayaan akademik beliau dengan mendapat 5A. Dengan rekod cemerlang itu, beliau ditawarkan untuk masuk ke Kolej Tuanku Kursiah di Negeri Sembilan yang menjadi idaman setiap pelajar pintar perempuan. Namun ketika berumur 11 tahun, beliau mengikut ayahanda ke San Diego, Amerika Syarikat bagi meneruskan

pelajaran pada peringkat kedoktoran falsafah. Hanya apabila beliau pulang pada tahun 1976 beliau pulang untuk memasuki kolej tersebut ke tingkatan dua. Hidup berasrama semestinya baru buat beliau dan fasiliti di kolej tersebut tidaklah mesra buatnya yang kekurangan dari segi fizikal. Namun, dengan kudrat muda dan bantuan rakan-rakan yang tidak lekang dari sisi membuatkan beliau mampu untuk menjalani kehidupan berasrama sehingga ke tingkatan lima. Sekali lagi beliau berjaya mencipta kejayaan dalam pendidikan di mana beliau mendapat *Grade 1* dalam peperiksaan MCE pada tahun 1979.

Kemudiannya, beliau meneruskan pelajaran ke Diploma Seni Bina di UTM selama 4 tahun sebelum meneruskan pelajaran ke peringkat ijazah sarjana muda pada tahun 1985 di Leicester Polytechnic, dalam bidang yang sama. Oleh kerana kemunduran ekonomi pada tahun 1991, beliau tidak dapat menyambung pengajian ke tahap sarjana sebaik sahaja beliau menamatkan pengajian sarjana muda. Dr Nasiaty kemudiannya pulang untuk berkhidmat dengan UTM sebagai tenaga pengajar selama tiga tahun dan pulang ke Kuala Lumpur selepas itu untuk tinggal bersama-sama keluarga. Selepas dua tahun bekerja di firma arkitek di Kuala Lumpur, beliau ditawarkan dengan pinjaman MARA bagi menyambung pengajian ke tahap sarjana di University College London. Setahun selepas pengajian, beliau pulang untuk bekerja selama setahun di Kuala Lumpur sebelum menjadi tenaga pengajar di UM pada tahun 1997. Beliau kemudiannya menyambung pelajaran dalam bidang reka bentuk sejagat di University of Salford pada tahun 2002 dan menggenggam Ijazah Kedoktoran Falsafah pada tahun 2009.

Sebelum Kejayaan

Minat yang mendalam terhadap reka bentuk sejagat menjadi pendorong untuk beliau untuk menjadi pakar reka bentuk sejagat di peringkat antarabangsa. Beliau dipanggil oleh UNESCAP untuk menjalani dan membantu organisasi PBB ini dalam mewujudkan persekitaran yang mesra OKU mulai tahun 1998. Sehingga sekarang, melalui WGAD di Asia dan Pasifik, beliau menjadi pakar dalam menilai Standard Malaysia MS 1184 di bawah Jabatan Standard. Dalam perjuangan memartabatkan OKU di Malaysia, beliau menjadi ahli MKBOKU daripada tahun 2008 sehingga 2012. Pada tahun 2015, di Bawah UM Innovations Sdn. Bhd., Dr Nasiaty telah membina sebuah syarikat runting cara reka bentuk sejagat yang dinamakan ZaSve. Syarikat ini dibina bersama-sama rakan seperjuangan iaitu Profesor Madya Dr Selina Khoo dan Annie Tay. Ia dibawah naungan penasihat Dato Dr Zaliha Omar dan Profesor Dr Rofina Yasmin Othman, selaku pengarah UM.

Dr Nziati juga seorang pendidik yang mengajar ribuan bakal arkitek untuk mengambil kisah akan kepentingan reka bentuk sangat untuk kelestarian binaan pada masa hadapan. Walaupun UM hanya menawarkan subjek reka bentuk sangat pada peringkat sarjana, Dr Nziati tetap yakin bahawa suatu hari nanti, universiti agung itu akan memberi perhatian akan kepentingan bidang tujuan ini. Hal ini kerana beliau telah berjaya membina sebuah prototaip perhentian bas mesra OKU di UM pada tahun 2019 dengan sokongan Timbalan Naib Canselor setelah diusahakan dari tahun 1999.



Gambar 15: Dr Nziati memeriksa prototaip Universal Bus Stop pertama di UM
Sumber: Nziati Wordpress (2019) diakses pada 1 Oktober 2020

Di Puncak Kejayaan

Hasil sumbangan beliau yang tidak terkira, beliau telah dianugerahkan dengan Anugerah Khas OKU bagi kategori Akademik sempena sambutan Hari OKU Kebangsaan pada tahun 2014 oleh KPWKM. Selain itu, beliau dinobatkan sebagai Tokoh Pekerja Negara pada tahun 2018 sempena Hari Buruh Malaysia oleh Jabatan Tenaga Kerja Malaysia. Walau setinggi mana anugerah yang diberi, bagi beliau anugerah yang terbaik pernah dinobatkan pada dirinya adalah Anugerah Pengajaran Cemerlang (Sains Sosial) di UM pada tahun 2019. Hal ini kerana tiada label OKU diberikan pada anugerah ini dan beliau bertanding secara adil bersama-sama rakan sekerja di universiti itu. Semangat yang dipegang daripada lagu kegemaran beliau yang dialunkan sejak berumur 21 tahun, beliau percaya bahawa anak-anak muda mestи dididik agar mereka pemimpin yang berwibawa.

*“I believe the children are our future,
Teach them well and let them lead the way,
Show them all the beauty they possess inside,*

*Give them a sense of pride to make it easier,
Let the children's laughter remind us how we used to be”
-Greatest Love of All oleh Whitney Huston-*

Mengikut jejak ayahanda beliau, Dato' Dr Mohd Yaacob Mat Nong yang juga seorang pensyarah tersohor di Malaysia dalam hal ehwal pendidikan dan perguruan. Ayahanda yang juga inspirasi Dr Naziyat adalah insan yang banyak berjasa dalam pendidikan di Malaysia. Daripada seorang pendidik kepada seorang pentadbir Dr Mohd Yaacob telah mengasaskan beberapa buah kolej dan universiti di Malaysia seperti Institut Aminuddin Baki (1996), Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (1996) dan UIAM (1983). Oleh itu, seperti bapanya yang meninggalkan legasi pendidikan demi kemajuan bangsa, Dr Naziyat bercita-cita untuk meninggalkan legasi beliau dalam reka bentuk sejagat bersama-sama anak-anak murid yang pernah diajar oleh beliau.



*Gambar 16: Dr Naziyat mengajar Universal Design kepada muridnya.
Sumber: Naziyat Wordpress (2020) diakses pada 1 Oktober 2020*

Selepas Kejayaan

Terkadang ada juga rintangan yang melanda dalam perjalanan beliau dalam mendidik anak bangsa. Sejak COVID-19 melanda Malaysia, faktor keselamatan dan kesihatan amat merunsingkan terutama kepada OKU kerana mereka mempunyai imunisasi yang jauh lemah berbanding dengan insan normal. Kadang kala apabila diminta sedikit keringanan dan pengecualian dalam sesetengah perkara, dianggap seperti menggunakan kad berlabel OKU

untuk mendapatkan kesenangan. Namun bagi Dr Naziaty, ‘alah bisa tegal biasa’. Sesuai dengan karakter beliau yang dididik oleh ibundanya sejak kecil lagi, halangan yang dilalui sepanjang hidupnya membakar lagi semangat beliau dalam kerjaya yang dibina.

Sungguhpun kudrat beliau tidak sempurna seperti insan seusia, ibunya tidak pernah menjadikan itu alasan bagi beliau untuk memperolehi keistimewaan dari segi perhatian. Saban hari ketika beliau bersedihan kerana tidak mampu untuk berlari dan bermain bersama-sama teman sebaya, Dr Naziaty tetap dididik dan dilayan seperti anak-anak normal yang lain. “Awak tu normal” itulah kata-kata keramat yang menjadi semangat buat beliau dalam meniti hari-hari sebagai anak OKU. Walaupun beliau mengikuti jejak bapanya sebagai seorang pensyarah namun, pendorong buat beliau mengambil kursus seni bina adalah dari ibunya. Ketika berusia enam tahun, ibu yang bekerja sebagai seorang kerani membawa pulang kertas terpakai untuk Dr Naziaty melukis setiap hari. Kedua-dua orang tuayalah yang memberi sokongan dan dorongan untuknya berjaya. Kini beliau akan menjadi inspirasi kepada ribuan anak muda dalam bidang seni bina di Malaysia mahupun di mata dunia.

Kesimpulan

Memandangkan umur yang makin meningkat, Dr Naziaty sudah bersedia untuk bersara sebagai pensyarah universiti pada tahun 2022. Genap 25 tahun berkhidmat di UM beliau kemudiannya akan berkhidmat untuk ibunya yang kini berumur 84 tahun. Bersara bukan bermakna berhenti berjuang. Beliau mempunyai misi baharu selepas persaraan dengan meneruskan aktiviti runding cara dalam reka bentuk sejagat bersama-sama bekas anak-anak murid beliau yang mempunyai syarikat seni bina. Pembedahan sendi kaki yang ditukarkan kepada titanium menjadikan beliau lebih gagah dan maju ke hadapan. Meski tidak mempunyai zuriat, legasi wanita titanium akan terus membangun dan meluncur ke hadapan bersama-sama anak didik yang dikasihinya kerana selagi masih ada kudrat di minda, beliau akan tetap meneruskan perjuangan dalam reka bentuk sejagat bagi mempertahankan hak OKU di Malaysia.

OKU DALAM KEMASYARAKATAN

Dalam perjuangan meningkatkan mutu kehidupan OKU di Malaysia, bantuan kebajikan daripada kerajaan dan NGO sahaja tidak mencukupi kerana kefahaman yang berbeza antara mata yang memandang dan bahu yang memikul. Oleh itu, penglibatan OKU dalam pertubuhan kebajikan, akan lebih memperkasakan golongan ini dalam mengubah nasib mereka.

Kisah 8 Dato' Haji Mah Hassan Haji Omar - Peguam Cara



Terang Dalam Gelap

Oleh: Nabihah Saari dan Wan Mohd Nazdrol Wan Mohd Nasir

Pengenalan

Mah Hassan & Associates. Namanya kelihatan tidak banyak bezanya dengan syarikat-syarikat guaman yang sedia ada di Malaysia. Namun Mah Hassan & Associates merupakan syarikat guaman yang istimewa kerana dimiliki oleh Dato' Haji Mah Hassan bin Haji Omar, peguam buta yang pertama di Malaysia. Bukti kukuh bahawa tiada yang mustahil untuk pergi lebih jauh walaupun dikurniakan ketidakupayaan diri.

Dilahirkan dalam keadaan normal pada tahun 1961, Dato' Haji Mah Hassan dibesarkan di satu kawasan pedalaman Besut Terengganu bersama lima orang lagi adik-beradik beliau. Akibat kekangan akses kepada kemajuan teknologi, kemudahan hospital, kekeluargaan dan didorong dengan tahap kesihatan yang rendah pada ketika itu, insan istimewa ini telah disahkan menghidapi penyakit mata dan tidak segera dibawa ke hospital. Pengaruh perawatan tradisional seperti bomoh dan dukun lebih dominan pada ketika itu, jadi beliau hanya diberikan rawatan-rawatan alternatif dan tradisional. Lima tahun kemudian, barulah beliau dibawa ke hospital. Tetapi segalanya sudah terlambat apabila doktor mengesahkan bahawa mata beliau sudah tidak dapat diselamatkan lagi. Pada usia lapan tahun penglihatan beliau telah hilang sepenuhnya.



*Gambar 17:Dato' Haji Mah Hassan bin Haji Omar, peguam buta pertama Malaysia, CEO KL Braille Resources
Sumber: ISM (2020)*

Walau bagaimanapun, kedua ibu bapa Dato Mah mengambil langkah bijak dengan memilih untuk tetap membekalkan anak istimewa mereka ini dengan pendidikan yang sempurna meskipun beliau sudah tergolong dalam kanak-kanak cacat penglihatan. Mendapat pendidikan awal di Princess Elizabeth School for the Blind Johor Bahru. Ketika di peringkat menengah, Dato Mah pada mulanya sangat cemerlang dan pernah menduduki tempat pertama di sekolah. Pada ketika itu beliau menaruh minat yang sangat mendalam dalam bidang sains dan memasang angan-angan untuk menjadi seorang doktor.

Langit tidak selalunya cerah, apabila satu insiden di makmal pada ketika itu telah memudarkan semangat beliau di mana sahabat beliau dimarahi guru ketika ingin menunjukkan eksperimen yang melibatkan bahan bakar penggunaan penunu Bunsen kepada beliau. “Jadi cikgu sains saya marah dia. Dia tak marah saya, dia marah kawan yang celik yang tunjuk tu. Sebab bahaya. Tapi saya yang tersinggung. Saya berfikir bahawa kawan saya dimarahi oleh cikgu kerana saya,” ujar Dato Mah kesal. Rentetan daripada kejadian tersebut memberi tamparan hebat buat insan berjiwa besar ini, lalu beliau mula hilang minat untuk belajar bukan sahaja dalam bidang Sains malah dalam semua bidang.

Sebelum Kejayaan

Dato Mah walau bagaimanapun kembali bangkit ketika di tingkatan empat kerana berpindah ke sekolah lain yang lebih banyak persaingan dan persekitaran baru. Kembali mencapai kecemerlangan, beliau merangkul tempat ketiga terbaik keseluruhan sekolah meskipun bersaing dengan murid normal. Berkat usaha, usai STPM pada tahun 1981, beliau ditawarkan untuk mengikuti kursus ijazah sarjana muda undang-undang UM dan merupakan orang buta yang pertama di Malaysia mendapat peluang mengikuti kursus undang-undang secara tempatan. Pada tahun 1989 beliau telah ditauliahkan sebagai peguambela dan peguamcara oleh Mahkamah Tinggi, sekali gus mengukir nama dalam *Malaysian Book of Record* sebagai orang buta pertama yang menjadi peguam di Malaysia. Beliau juga telah meneruskan pengajian undang-undang peringkat Sarjana di University of Southampton, England pada tahun 1992. Pencapaian yang luar biasa hebat bagi seorang OKU penglihatan tetapi mampu bersaing dengan setanding dengan orang normal. Buta mata tetapi terang hatinya.

Mengimbau kembali kepayahan lampau, Dato Mah mengusap mesin Perkin Braille yang penuh kenangan suka duka yang membawa beliau ke tahap beliau hari ini. Mesin braille inilah yang menjadi peneman setia diusung ke hulur dan ke hilir, dalam perjalanan mengisi ilmu di dada. “Ketika di sekolah menengah dulu saya naik bas awam pergi sekolah, jadi saya

berebut macam orang lain jugak naik bas bawa machine braille ni. Bayangkanlah, murid buta yang tak nampak, nak kena pegang tongkat lagi sebab tongkat perlu bila kita bergerak di khalayak ramai ya. Di tempat awam, kena ada tongkat baru kita ada perlindungan. Bawa tongkat, bawa brailler. Saya pernah sekali bas penuh, tangan pegang besi bas dekat pintu tu, tangan sebelah lagi di luar bas menempang mesin braille. Berat nih!” ujar Dato Mah berkongsi kenangan dalam perjuangan menuntut ilmu. Banyak pengorbanan yang perlu dibuat bagi memastikan beliau mampu menimba ilmu seperti golongan normal yang lain.

Dato Mah sentiasa mencari alternatif sesuai dengan keadaan beliau dan buta bukanlah satu alasan. “Awal tahun 80-an belum ada komputer lagi. Apabila saya buat tugas, saya buat menggunakan mesin braille ni, kemudian saya akan taip menggunakan mesin taip dan serahkan kepada pensyarah saya,” tutur beliau menceritakan kembali kepayahan beliau suatu ketika dahulu, dalam perjalanan mengejar ilmu. Bagi beliau adalah satu yang tidak bagus jika OKU penglihatan membiarkan diri mereka tanpa pendidikan atas alasan ketidakupayaan diri.



*Gambar 18: Mesin Perkin Braille diimport dari Amerika Syarikat.
Sumber: ISM (2020)*

Di Puncak Kejayaan


Dato Mah akur dengan kenyataan bahawa orang buta tidak dapat mengakses penulisan berbanding orang normal yang lain. Justeru, Dato Mah tekad dalam perjuangan utama beliau bagi memartabatkan celik braille, bagi memastikan golongan OKU penglihatan tidak ketinggalan. Bermodalkan wang simpanan sendiri dan wang hasil kerjaya pertama beliau sebagai penasihat undang-undang di Bursa Saham Malaysia pada tahun 1994 sehingga tahun 2005, Dato Mah mengorak langkah dalam perjuangan membangunkan celik braille dengan penubuhan KL Braille Resources.

Syarikat ini tidak hanya tertumpu kepada celik braille, objektif lain penubuhan adalah berfokus kepada penerbitan buku-buku braille, Al-Quran braille dan keperluan khas bagi OKU penglihatan juga boleh didapati di KL Braille Resources. Istimewanya, KL Braille Resources bukan sahaja menyediakan perkhidmatan untuk komuniti OKU penglihatan, mereka juga menyediakan kursus dan latihan celik braille untuk orang celik memahami dan mendalami ilmu ini. Latihan ini bermakna bagi ibu bapa atau penjaga OKU penglihatan terutamanya untuk berinteraksi dengan lebih berkesan dengan OKU penglihatan. Sebagai satu-satunya anak OKU penglihatan dalam keluarga, Dato Mah berkongsi bahawa, abang beliau juga menguasai celik braille dan menulis surat kepada beliau dalam braille. Begitu juga dengan semua kakitangan KL Braille Resources, mereka semua wajib menguasai braille. Satu ilmu baru yang sangat berguna untuk diguna pakai untuk lebih dekat dengan OKU penglihatan.

Dato Mah sangat menekankan keperluan celik braille dalam kalangan OKU penglihatan kerana beliau sedar tanpa kemahiran menulis dan membaca, golongan OKU penglihatan akan menghadapi kesukaran untuk maju dan mengembangkan kerjaya mereka. Beliau menggesa para ibu bapa yang dikurniakan anak kurang upaya untuk tetap memberikan mereka pendidikan setanding dengan anak-anak normal yang lain. Anak-anak OKU harus diberi peluang berdikari agar mereka dapat meneruskan kehidupan walaupun tanpa kedua ibu bapa mereka suatu hari nanti. Menjadikan Helen Keller sebagai contoh, seorang yang dilahirkan dalam keadaan buta, pekak dan bisu, tetapi mampu mengangkat diri menjadi seorang *journalist* hasil dari penguasaan ilmu braille. Dato Mah menegaskan semua orang buta wajib belajar ilmu braille untuk membangunkan kerjaya mereka. Apabila mereka boleh menulis dan membaca, semua jalan dan peluang lain akan datang dengan lebih mudah.

Dalam usaha membangunkan celik braille, Dato Mah jelas akan batu penghalang terbesar golongan OKU penglihatan iaitu modal yang agak besar untuk mendapatkan mesin braille. Harga mesin braille yang mencecah hampir lima ribu ringgit seunit jelas membebankan sebahagian besar OKU penglihatan untuk memiliki mesin braille sendiri. Memandang serius kekangan yang dihadapi untuk menguasai ilmu braille, Dato Mah menjadikan masalah ini sebagai batu loncatan untuk menyelesaikan masalah pemilikan mesin braille ini. Dengan kerjasama SIRIM, KL Braille telah membangunkan satu produk untuk menulis bagi menggantikan penggunaan mesin braille yang berat serta mahal dinamakan Braillet. Walaupun tidak secanggih mesin braille, Braillet amat membantu dengan golongan OKU penglihatan belajar menulis dengan spesifikasi yang kecil, ringan mudah dibawa dan bersaiz poket dengan harga yang jauh lebih murah. Hanya tiga puluh ringgit berbanding mesin braille sebenar yang

menelan belanja sehingga lima ribu ringgit. Usaha besar ini membuka luas peluang dan ruang untuk semua golongan OKU penglihatan untuk belajar menulis dah membaca sekaligus membangunkan kerjaya mereka.



Gambar 19: Dato Mah mendemonstrasikan cara penggunaan Braille
Sumber: ISM (2020)

KL Braille Resources juga telah membekalkan buku-buku teks bagi murid-murid pendidikan khas sejak 10 tahun lalu. Bukan itu sahaja, terdapat juga buku-buku rujukan dan novel braille yang dibekalkan ke perpustakaan. Visi utama Dato Mah adalah untuk menyediakan platform yang lebih baik untuk kanak-kanak kurang upaya untuk memajukan diri sejak dari bangku sekolah lagi. Selaku Presiden Persatuan Orang Cacat Penglihatan Islam Semalaysia, 1999, Dato Mah berjaya menghasilkan naskah Al-Quran format Braille secara berkomputer pertama di Malaysia. Kini, naskah-naskah Al-Quran braille telah dihantar ke seluruh pelosok dunia. Dato Mah juga membuka peluang masyarakat untuk berwakaf melalui Al-Quran Braille untuk disalurkan kepada orang buta yang memerlukan.



Gambar 20: Produk keperluan khas OKU keluaran KL Braille Resources
Sumber: ISM (2020)

Dalam usaha memartabatkan pembangunan braille dan membela nasib golongan OKU, Dato Mah giat melibatkan diri dalam perkhidmatan kebajikan OKU dan memegang jawatan Presiden Pertubuhan Orang Cacat Penglihatan Malaysia selama sepuluh tahun. Beliau juga merupakan Naib Presiden MAKPEM yang memayungi 55 pertubuhan gabungan sehingga kini. Antara usaha persatuan yang dijalankan adalah dalam penubuhan Tabung Usahawan Kecil OKU Penglihatan yang menyediakan modal dan pinjaman bagi OKU penglihatan untuk memulakan perniagaan mereka.

Sedar akan had peluang pekerjaan golongan OKU penglihatan, Dato Mah mengambil inisiatif menjemput orang-orang buta dari negara-negara maju seperti Jepun, Korea, China dan Taiwan untuk berkongsi kemahiran dalam bidang urutan refleksologi. Dato Mah juga menghantar OKU penglihatan ke negara China untuk mendalami ilmu akupuntur dan refleksologi. Hasil usaha ini telah membawa kejayaan, dan membuka peluang perniagaan bagi golongan OKU penglihatan memulakan perniagaan. Sehingga kini, di sekitar Brickfields sahaja ada lebih dua puluh buah klinik urutan refleksologi yang dikendalikan oleh golongan OKU penglihatan.

Memegang jawatan Presiden Persatuan Sukan Catur OKU Malaysia bermula 2010 sehingga kini, siapa sangka insan yang diuji dengan kehilangan penglihatan ini mampu menguasai sukan catur. Dato Mah pernah merangkul pingat emas sukan paralimpik kebangsaan tahun 2008 dan pingat emas Paralimpik Asean di Korat, Thailand pada tahun 2009. Bermula sejak dari bangku sekolah rendah lagi beliau mula berjinak-jinak dengan sukan catur, cara mengenal dan menggerakkan buah catur. Ketika mengikuti Master of Law, di University of Southampton, England, beliau terpilih mewakili universiti untuk pertandingan catur antara universiti. Dato Mah merupakan satu-satunya pelajar yang OKU penglihatan yang bersaing dengan para pemain normal. Sekembalinya ke Tanah air, beliau mendapati harga papan catur yang dijual di Malaysia Association of the Blind di import daripada England dengan kos yang agak mahal. Sekali lagi KL Braille bekerjasama dengan SIRIM menghasilkan papan catur khas untuk golongan OKU dan set catur ini telah digunakan di sukan Paralimpik peringkat kebangsaan dan peringkat ASEAN.

Kesimpulan

Kini peluang dan ruang untuk melengkapkan diri dengan kemahiran menulis dan membaca terbuka luas bagi semua golongan OKU penglihatan. Pelbagai peluang dan bantuan yang disalurkan untuk mereka bagi membangun kerjaya.

“Orang yang mahu berjaya dia kena berusaha, kena bergerak, tak boleh tunggu orang lain datang pada kita. Batu tu menjadi licin kerana ia bergolek. Kalau tidak bergolek, duduk di situlah tanpa apa-apa nilai” Dato Mah

Dato Mah juga menyeru kepada semua golongan OKU penglihatan untuk bangkit, berdiri di atas kaki sendiri dan jangan menunggu bulan jatuh ke riba, mengharapkan bantuan semata-mata. Hidup ini sentiasa dihidangkan dengan pilihan. Pilihan membawa ke syurga atau membawa ke kancah neraka. Ayuh bangkit melawan segala halangan dankekangan demi masa depan yang cemerlang.

Kisah 9 Dr Ruziah Ghazali - Penasihat Kehormat PKOKM



Lunak Ilmu Berbicara, Bijaksana Akur Menelinga

Oleh: Mohammad Nizamuddin Abdul Rahim dan Syarizal Abdul Rahim

Pengenalan

Beliau yang telah dilahirkan sebagai kerdil dalam keluarga yang semuanya golongan upaya menjadikannya sebagai anak yang diberi lebih perhatian daripada ibu dan ayah. Kehidupan di zaman kecil dan remajanya di Felda Bukit Rokan, Negeri Sembilan banyak mengajar Dr Ruziah erti keberanian. Anak ketiga daripada lapan adik beradik ini telah diajar untuk sentiasa berusaha bagi memenuhi keinginan sendiri. Bapanya telah meninggal ketika Dr Ruziah berusia 12 tahun. Pada usia 16 tahun, ketika cuti sekolah yang panjang, beliau bekerja dengan membantu sepupunya menguruskan hal ehwal rumahnya dan menjaga anak beliau. Pendapatan bulanan diserahkan kepada ibunya untuk membantu ibunya yang mempunyai tanggungan lapan orang anak. Sepanjang tempoh setelah tamat peperiksaan SPM dan semasa cuti ketika belajar di universiti, beliau mengambil peluang mengajar kelas-kelas tambahan bagi anak-anak Felda di situ dengan pelbagai bentuk bayaran yang diterimanya dari ibu bapa para pelajar.

“Kekurangan fizikal ini telah membukakan mata saya kepada potensi diri yang sebenar.” – Dr Ruziah Ghazali

Bagi Dr Ruziah, setiap orang mempunyai bakat yang perlu dikembangkan melalui pendedahan dari persekitaran dan individu di sekeliling mereka. Pengalaman dirinya ketika di sekolah dahulu, sokongan cikgu, pensyarah dan rakan-rakan diterima, telah memudahkan banyak urusan-urusan beliau. Malahan, dengan pelbagai bentuk sokongan ianya mampu melonjakkan potensinya lebih jauh dalam dunia akademik dan kemasyarakatan yang dicintainya kini. Beliau menjalankan perniagaan dengan menawarkan khidmat perakaunan, percuaian dan kesetiausahaan syarikat sejak 1991 malah bergiat aktif dengan aktiviti Persatuan Akauntan Percukaian Malaysia dan seterusnya menjadi AJK Persatuan peringkat Wilayah Persekutuan, dan pada 1993 menjadi AJK Persatuan Akauntan Percukaian Malaysia sehingga Mac 2018. Selama tiga dekad, beliau turut menggalas tanggungjawab sebagai pakar motivasi dan Konsultan Latihan dan Pembangunan Sumber Manusia serta aktif melakukan pelbagai program untuk pelbagai lapisan masyarakat.

Sebelum Kejayaan

Azamnya cukup teguh untuk menjakkan kaki di menara gading dan dapat pula mengikuti kursus Ijazah Sastera pengkhususan bidang Pengajian Islam yang memberi peluang dapat

meningkatkan ilmu agama sebagai bekalan diri. Di UM, Dr Ruziah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Hal Ehwal Wanita Islam, Persatuan Mahasiswa Islam Universiti Malaya (PMIUM) sejak tahun pertama pengajian. Dari situ jugalah, bakatnya dalam pengucapan awam digilap dengan baik dalam aktiviti kemasyarakatan. Beliau juga merupakan penerima anugerah-anugerah terhadap ketokohnya sejak di universiti antaranya Tokoh Seri Budiman anjuran Kolej 11 UPM (2014/2015) dan Tokoh Aktivis Wanita Islam dari Alumni Persatuan Siswazah Islam UM (1995). Melihat potensi yang dimilikinya, Dr Ruziah sering dipilih menjadi pengurus majlis dan berceramah dalam program-program hingga beliau lebih menyedari keberanian dirinya untuk berdepan masyarakat dan menolak ke tepi persepsi negatif mengenai kekurangannya. Disebabkan kerana terlalu aktif, badannya sering mengalami keletihan yang ketara. Seringkali juga mengantuk dalam kuliah dan memberi kesan langsung kepada prestasi pelajarannya ketika itu. Mungkin ramai yang tidak tahu, sebenarnya individu OKU mungkin nampak sahaja sihat kerana semangat kental yang dimiliki tapi badan mereka mudah penat berbanding individu yang upaya.

Perjalanan hidupnya yang penuh cabaran dan sentiasa jauh dari pandangan ibu dan hidup tanpa ayah kadang-kadang membuatkan semangatnya luruh. Melalui pembacaan, beliau mencari semula kekuatan, usaha atasi kelemahan dan tingkat kualiti diri untuk bangkit dan kisah tokoh ilmuwan Islam seperti empat imam mazhab yang wajar dicontohi. Ujian-ujian untuk mereka lebih mencabar minda, fizikal dan spiritual. Kesan positif dirasakan apabila bangun pagi-pagi. Itulah amalannya dalam menghadapi situasi-situasi mencabar untuk dirinya.

Setelah menamatkan pengajian, beliau melibatkan diri dalam perniagaan yang berkaitan dengan pengajian lanjutannya, Sijil Percukaian yang diperolehnya dari Institut Teknologi MARA pada tahun 1990. Dugaan di lalui ini juga bukan calang-calang tapi tetap dilalui sehingga menjadi mangsa permainan ilmu hitam yang menyebabkannya tidak keluar dari rumah untuk satu jangka masa yang agak lama dan kemudian keluar juga bekerja dalam keadaan kurang stabil kesihatannya. Dalam menghadapi dugaan tersebut dengan berbekalkan semangat yang tinggi, beliau terus juga hasrat menyambung pelajaran di peringkat Sarjana di UPM dalam Pendidikan Pembangunan Sumber Manusia. Dalam masa yang sama, Dr Ruziah terbabit dengan Dewan Perdagangan Islam Wilayah Persekutuan dan Yayasan Pembangunan Generasi Felda Malaysia (YPGFM) sehingga beliau mengambil keputusan melanjutkan pelajaran ke peringkat Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) menjurus kepada Pengembangan Pendidikan dalam bidang Pengurusan Latihan di UPM juga.

Di Puncak Kejayaan

Pelantikan beliau sebagai salah seorang ahli Anggota Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya (Individu) pada 2017 diharapkan oleh KPWKM dalam mendengar pandangan bagi membantu menambah baik keperluan mereka pada masa depan. Dr Ruziah juga adalah Penasihat Kehormat dan Ahli Pertubuhan Kebangsaan Orang Kerdil Malaysia (PKOKM) dan Penasihat Kehormat Pertubuhan Keluarga Anak Isimewa AsSakinah (PERKIIS), Negeri Sembilan. Beliau diiktiraf sebagai Tokoh Usahawan Wanita anjuran Sepakat Usahawan Jaya Berhad, Finalis Tokoh Ilmuwan Selangor Anjuran EXCO Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan Selangor.

“Pengalaman dan ilmuku menjangkaui kemampuan fizikal ini.” – Dr Ruziah Ghazali

Pelbagai sumbangan pengalaman dan buah fikiran oleh Dr Ruziah antaranya sebagai perunding latihan, pembentukan modul, kajian dan penyelidikan, keusahawanan, pembangunan manusia dan pembangunan sumber manusia. Ianya amat berguna untuk membantu dalam pembangunan dan pemerkasaan masyarakat khususnya komuniti OKU.



Gambar 21: Dr Ruziah bersama kenderaan yang telah diubahsuai untuk kegunaan hariannya.
Sumber: ISM (2020)

Selepas Kejayaan

Kriteria kejayaan bagi dirinya, telah dipenuhi: dari sudut akademik dan kerjaya. Begitu juga andai diukur dari segi kemampuan memberi sumbangan membantu ahli keluarga yang lain yang upaya, begitu juga dengan keperluan fizikal dan spiritual. Justeru itu, Dr Ruziah terus menyumbang kepakaran bagi pemerkasaan OKU di Malaysia dengan menyediakan pelbagai kertas cadangan kepada pihak Kementerian Wanita dan agensi berkaitan OKU, lalu diusahakannya lagi akan penubuhan Yayasan Pembangunan OKU yang diharap akan dapat menjadi institusi yang melaksanakan pelbagai inisiatif yang dapat memperkasakan OKU. Namun, beliau masih belum berpuas hati memandangkan menara kejayaan yang telah dibina dan

dikukuhkan semenjak tiga dekad lalu belum ditemui akan penggantinya. Begitu juga dengan pelapis dalam bidang kemasyarakatan yang dicintainya.



Gambar 22: Dr Ruziah ketika ditemu ramah
Sumber: ISM (2020)

Beliau sanggup berkorban masa, tenaga dan wang ringgit dalam usaha untuk mengembangkan usaha ini, justeru kekuatan semangat, komitmen, daya juang, pengalaman dan kemahiran serta kesanggupan berkorban tidak sama antara individu sepertimana diinginkan yang kadang-kadang menyekat apa yang ingin dilaksanakan. Kriteria lain yang turut menjadi perhatiannya adalah minat yang mendalam, cekap dalam bekerja, komunikasi dua hala yang baik dengan individu dalam dan luar persekitaran pekerjaan. Seterusnya, bermanfaat untuk kehidupan orang lain juga perlu menjadi keutamaan dalam kehidupan ini dengan membuat perkara-perkara yang boleh memberi impak kepada individu, masyarakat dan negara melalui sumbangan idea, masa dan kemahiran bagi khidmat masyarakat, membantu orang lain terutamanya OKU.

Kesimpulan

Peluang untuk membantu orang lain merupakan satu keistimewaan bagi Dr Ruziah. Dengan kesihatan yang baik, pengalaman yang luas dan ilmu yang hebat, peluang yang hebat boleh dimanipulasikan untuk melonjakkan potensi OKU. Selagi kekurangan dilihat sebagai suatu yang dominan dalam kehidupan, maka sukar untuk melihat peluang yang mendarang. Bahkan kriteria yang sama boleh digunakan untuk menyelesaikan permasalahan mahupun isu-isu berkaitan OKU. Dalam keadaan hari ini, di mana ilmu boleh dipelajari di mana jua berada dengan hanya berplatformkan teknologi. Ilmu dapat meninggikan nilai diri kita OKU. Justeru, apakah alasan lain untuk terus ‘menyimpan’ OKU di rumah melainkan bagi anak OKU terlantar atau doktor telah kenal pasti tidak ada keupayaan untuk berfungsi seperti insan lain. Tepuk dada, tanyalah diri sendiri!.

RUJUKAN

- Faisal Asyraf. (22 September 2019). *Aktivis: Ibu bapa malu antara punca anak OKU tak berdaftar.* <https://m.malaysiakini.com/news/492875>.
- Muhammad Yusri Muzamir (8 Disember 2019). *Kerajaan disyor wajibkan pendaftaran OKU.* <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/12/636557/kerajaan-disyor-wajibkan-pendaftaran-oku>
- Pertubuhan Kebangsaan Orang Kerdil Malaysia. <https://pkokm.org.my/index.php/mengenai-kami/presiden/23-pertubuhan>
- Rozana Sani (12 Februari 2020). *Handicapped and jobless.* <https://www.nst.com.my/education/2020/02/564906/handicapped-and-jobless>
- Ruziah Ghazali. (31 Julai 2012). “*TIP QUICK MENGESAN DENGAN CEPAT*” *Menjalankan Penyelidikan Kuantitatif* menyediakan 75 tips untuk bachelors, masters, PhD pelajar dan pensyarah sepanjang perjalanan dalam menjalankan penyelidikan mereka dari awal hingga akhir. <http://qutyresearch.blogspot.com/>.
- Ruziah Ghazali. <https://www.instagram.com/drruziahghazali/>.
- Samadi Ahmad (25 April 2017). *Dr Ruziah bawa 'suara' OKU kerdil* <https://www.hmetro.com.my/node/224327>
- Yusliza Yakimir Abd Talib (23 Disember 2019). *Semangat tak kerdil.* <https://www.hmetro.com.my/WM/2019/12/528545/semanget-tak-kerdil>

Kisah 10 Francis Anak John - Perunding Undang-Undang



Usaha Yang Menggunung

Oleh: Khairul Affeiq Mohd Noorizam dan Hasannuddiin Hassan

Pengenalan

Francis John Anak Adam dilahirkan 67 tahun lalu di Kampung Serasot, Bau, sebuah kampung Bidayuh, kira-kira 20 km dari bandar Bau dan 50 km dari Bandar Raya Kuching. Beliau merupakan anak kelima daripada lima orang adik-beradik perempuan dan dua lelaki dalam keluarganya. Ibu bapa beliau kedua-duanya merupakan ahli komuniti kaum Bidayuh (*Land Dayak*) yang merupakan orang asal di Sarawak. Keluarga Francis berlatar belakang orang kampung yang miskin. Ibu bapanya menyara hidup keluarga sebagai petani kerana pendidikan formal seperti Sekolah Rendah di kampung mula dibina pada tahun 1958. Namun, ibu bapa adalah insan yang mendorongnya untuk menimba ilmu di sekolah hingga ke menara gading untuk memperoleh pendidikan, pengetahuan dan meningkatkan prospek untuk mendapatkan pekerjaan yang boleh mengubah nasib hidup keluarga pada masa depan.

Beliau merupakan seorang pelajar yang normal dan aktif di Sekolah Menengah Bau *Government* di Bau, Sarawak. Antara kejayaan yang telah dicapai adalah pernah mewakili sekolah dalam sukan seperti olahraga, bola sepak dan ragbi. Kisah keadaan kecacatan fizikal beliau bermula sejak usia 16 tahun pada 4 Julai 1969 dari pinggang hingga ke tapak kaki. Anak jati Kampung Serasot ini telah menghidap penyakit *Transverse Myelitis*, yang disyaki disebabkan oleh jangkitan virus saraf tunjang, setelah beberapa hari demam, beliau mengalami sakit belakang, keletihan di bahu dan seterusnya lumpuh kedua-dua kaki serta paras dada ke bawah.

Iubapa, guru dan rakan sekelasnya merupakan orang yang sering memberi sokongan dan memberi banyak dorongan setelah beliau menghadapi kecacatan fizikalnya. Hal ini membolehkannya melanjutkan pelajaran ke peringkat sekolah menengah dan seterusnya ke peringkat universiti. Francis telah dimasukkan ke Hospital Umum Sarawak selama 6 bulan dari 4 Julai 1969 hingga 26 Disember 1969. Setelah keluar dari hospital, Francis menggunakan kerusi roda dan tidak dapat kembali ke sekolah asalnya di Bau kerana sekolah tersebut tidak mempunyai kemudahan untuk orang kurang upaya.

Namun, anak jati Bau ini berasa beruntung kerana Rumah Amal Cheshire Sarawak yang merupakan sebuah institusi NGO yang baru sahaja ditubuhkan untuk pemuliharan orang kurang upaya pada waktu itu. Beliau telah dimasukkan ke Rumah Amal Cheshire Sarawak selama empat tahun. Rumah Amal tersebut menyediakan penginapan, kemudahan OKU seperti kerusi roda dan

pengangkutan van untuk menghantarnya ke sekolah bagi membolehkan Francis melanjutkan pelajarannya. Antaranya adalah bantuan sesi fisioterapi yang bertujuan menguatkan anggota bawah Francis supaya lebih mudah bergerak sebagai OKU. Kejayaan sesi fisioterapi tersebut dapat dilihat apabila Francis boleh berjalan menggunakan pangkal siku dalam masa dua tahun.

Francis berasa sangat bernasib baik kerana tidak menghadapi stigma sebagai pelajar kurang upaya dari orang sekelilingnya sejak zaman persekolahan hingga berjaya menyelesaikan dan memperoleh Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang, UM dengan sokongan pinjaman pelajar yang diberikan oleh Yayasan Sarawak. Semasa memulakan alam pekerjaan dari tahun 1978 hingga beliau bersara, beliau telah berkhidmat di beberapa pejabat yang berbeza. Beliau tidak pernah menghadapi stigma daripada pihak atasan, ketua jabatan dan rakan sekerjanya. Beliau dilayan sama rata dengan pekerja normal dan selalu dihormati atas kualiti kerja yang baik sepanjang perkhidmatan. Sebagai bukti rekod perkhidmatan, beliau telah menerima beberapa anugerah dan sijil cemerlang seperti Anugerah Pegawai Contoh semasa Sarawak *Sivil Service Day 2009* dan Anugerah Pekerja OKU pada tahun 2007.



Gambar 23: Francis memperoleh Ijazah Sarjana Muda Undang-undang, UM
Sumber: Koleksi Peribadi Francis

Sebelum Kejayaan

Ketika temuduga pada Julai 1978 untuk kekosongan jawatan Pegawai Tadbir di Kampus Cawangan UPM, Kuching, iklan tersebut dengan jelas menyatakan bahawa semua pemohon kelulusan Ijazah Muda universiti layak untuk memohon jawatan tersebut. Francis adalah seorang kelulusan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang. Namun ketika pegawai itu memanggilnya untuk ditemuduga dan menyedari beliau berjalan menggunakan tongkat, pegawai tersebut secara tiba-tiba memberitahu bahawa Kampus Cawangan UPM di Kuching sedang mencari pelajar kelulusan Ekonomi sahaja untuk mengisi jawatan kosong itu. Kali kedua pula, ketika beliau memohon

jawatan Majistret di Jabatan Kehakiman di Sarawak pada bulan September 1978. Francis ditemuduga oleh panel dari Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan di Kuching untuk jawatan Majistret yang kosong. Beliau adalah satu-satunya calon dan mendapat keputusan akademik yang baik serta memerlukan pekerjaan. Namun, beliau tidak terpilih kerana kurang upaya fizikal yang memberi persepsi bahawa beliau mungkin menghadapi kesukaran untuk menjalankan tugas sebagai Majistret di Sarawak yang memerlukan seorang Majistret untuk menjalankan tugas dari di luar bandar Kuching.

Seterusnya, sejak beliau mendapat pekerjaan pertama sebagai Pengajar Undang-Undang pada Julai 1978 dan beberapa jawatan lain yang beliau galas sehingga bersara pada bulan Julai 2009, beliau telah bekerja keras dalam semua tugas yang diberikan kepadanya di samping belajar untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran melalui latihan dalam perkhidmatan bidang pengurusan dan bidang-bidang tertentu yang sesuai dengannya seperti dalam penggubalan undang-undang. Kemudian, Francis bertugas semula sehingga jawatan terakhirnya sebagai Pesuruhjaya SUHAKAM pada bulan April 2019. Beliau berpendapat bahawa dengan sikap tidak putus asa dan sentiasa berusaha, beliau akan menjadi cekap dan mahir dalam bidang pekerjaan yang diceburi, selain mendapat kepercayaan dan pengiktirafan daripada Ketua Jabatan dan rakan sekerja di mana sahaja beliau bekerja. Francis juga diberi penghormatan dalam beberapa jawatan sukarela di NGO melibatkan hak dan kebajikan OKU yang digalas sehingga hari ini.

Di Puncak Kejayaan



*Gambar 24: Francis ketika dilantik sebagai Pesuruhjaya Pertama OKU SUHAKAM
Sumber: Koleksi Peribadi OKU*

Sebelum bersara, Francis berkhidmat sebagai Pesuruhjaya, SUHAKAM bermula April 2013 hingga April 2019 selama dua penggal. Fungsi utama SUHAKAM adalah melindungi dan mempromosikan hak asasi manusia dari semua masyarakat tetapi tumpuan Francis adalah untuk menyokong dan memberi pendidikan mengenai hak OKU dan hak penduduk orang asal, terutama di Sabah dan Sarawak berkaitan dengan urusan tanah adat, wilayah dan sumber daya tradisional. Namun, jawatan tertinggi yang dimaklumkannya adalah pelantikannya sebagai Timbalan Peguam Besar Negeri Sarawak, (Gred VU7) pada 2 Julai 2009 hingga 31 Disember 2011.

Francis menyatakan bahawa setiap usaha yang dilakukan pasti akan menghadapi cabaran dan rintangan. Kunci kejayaannya adalah beliau melakukan tugas dengan penuh dedikasi, sikap profesionalisme dan integriti dalam menjalankan tugas. Tetapi secara peribadinya beliau berhasrat untuk berbakti kepada keluarga, Francis berasa beliau gagal mendapatkan pekerjaan dengan pendapatan lebih tinggi untuk memberikan sokongan taraf hidup yang lebih baik untuk keluarga, isteri dan anak lelaki. Hal ini dikaitkan dengan kegagalannya mendapatkan jawatan Majistret pada tahun 1978. Sekiranya beliau berjaya, beliau mungkin akan bersara sebagai Hakim di Jabatan Kehakiman, seperti beberapa bekas rakan sekelas undang-undang di UM, di mana sebilangan kecil mereka bersara sebagai Hakim Mahkamah Persekutuan.

Francis percaya bahawa setiap kegagalan dalam apa sahaja yang dilakukan, beliau perlu belajar dari kesilapan kecil yang dibuat, tidak mudah berputus asa, berusaha memperbaiki diri berdasarkan pengalaman dan mendapatkan pertolongan dari orang lain. Oleh itu, beliau mengambil kesempatan semasa di alam pekerjaan untuk meningkatkan dan melengkapkan diri dengan kemahiran yang sesuai khususnya dalam penggubalan perundangan melalui kursus latihan perkhidmatan dalam negara dan luar negara. Berkat sumbangan hebat dan kecekapan beliau, usahanya terbukti berguna apabila setelah bersara, Kerajaan Negeri Sarawak masih memerlukan perkhidmatannya dan beliau berkhidmat secara kontrak selama beberapa tahun. Pada bulan September 2020 Francis ditawarkan jawatan sebagai Majistret di Mahkamah Bumiputera Sarawak bagi tempoh satu tahun secara kontrak. Beliau anggap peluang ini sebagai khidmat bakti kepada Negeri Sarawak.



Gambar 25: Anugerah Pegawai Contoh from CM on Swak Civil Service Day

Sumber: Koleksi Peribadi Francis

Selepas Kejayaan

Dalam lima tahun akan datang, beliau akan berumur 72 tahun. Beliau berharap semoga masih hidup dan dikurniakan kesihatan dari segi fizikal dan mental walaupun tidak lagi bekerja kerana sudah bersara sepenuhnya. Francis menjangkakan pada masa mendatang keadaan fizikalnya akan menjadi lebih lemah, terutamanya masalah pada sendi lututnya. Beliau akan terhad pada kerusi roda kerana sukar untuk berjalan menggunakan sikunya walaupun dalam jarak dekat.

Francis mengingatkan bahawa setiap orang harus memulakan kerjaya tersendiri dari awal dengan penuh kesabaran bagi mendapatkan pengalaman berguna untuk masa depan. Pengalaman perlulah dikumpul untuk memulakan perjalanan hidup yang baik untuk mencapai kejayaan. Walaupun terdapat banyak cabaran dan rintangan yang mungkin dihadapi dari semasa ke semasa, jangan berputus asa kerana masalah atau kegagalan awal yang dihadapi akan diatasi jika anda gigih berusaha di samping bantuan dan sokongan orang lain. Francis telah membuktikan bahawa walaupun cacat pada usia muda seawal 16 tahun, berkat sokongan, motivasi diberikan dan peluang yang ditambah dengan usaha kerja keras diri sendiri, beliau tetap dapat mencapai kejayaan dalam pengajian dan pekerjaan selama kira-kira 40 tahun sejak 1978 hingga 2019 sama seperti insan normal.

Kesimpulan

Tuntasnya, Francis berterima kasih kepada semua insan dan organisasi yang telah membantu beliau secara langsung atau tidak langsung. Beliau berharap perkongsian kisah hidupnya dapat membantu memberi motivasi orang kurang upaya lain untuk menghadapi dan mengatasi cabaran dalam hidup bagi mencapai kejayaan seperti beliau lakukan.



Gambar 26: Francis Johen - Anugerah Pekerja OKU - May 2007
Sumber: Koleksi Peribadi Francis

“(OKU) adalah sebahagian daripada masyarakat, kerana mereka mungkin mempunyai keperluan khas berbanding dengan warga lain; oleh itu OKU mempunyai hak seperti orang lain.” - Francis Johen Anak Adam

Beliau berharap agar pada masa akan datang golongan OKU akan diberi kemudahan dan perkhidmatan yang lebih baik dalam semua aspek keperluan mereka dan dalam kehidupan seharian seperti di rumah, tempat kerja, tempat awam, pengangkutan awam dan lain-lain dari Kerajaan dan masyarakat secara amnya.

Kisah 11 Mohd. Yazid Bain - Penyelaras Pusat Komuniti Orang Pekak Johor



Benih Bakti Yang Tersemai

Oleh: Nor Nadhirah Husain dan Abd Aziz Mat Hassan

Pengenalan

“Mak!! Badan adik panas,” jelas jerit seorang anak kecil. “Sabar adik, kita cari ikhtiar lain, adik cuba bertahan ya,” pujuk si ibu bagi menenangkan keadaan diri anaknya yang merengek meminta bantuan disebabkan keadaan dirinya ketika itu. Mesra disapa dengan panggilan adik dalam keluarga, anak bongsu daripada tujuh beradik yang diberi nama Mohd Yazid bin Bain mengimbau kembali kenangan dihadapinya sewaktu berumur empat tahun. Resah dan kebimbangan menerpa diri kedua orang tua Yazid disebabkan mereka tiada kemudahan pengangkutan dan tempat tinggal jauh di pelosok kampung untuk membawa anaknya ke hospital pada ketika itu. Selama tiga hari bertahan dalam keadaan begitu menyebabkan salah satu sistem tubuh Yazid mengalami kegagalan untuk berfungsi. Kesan daripada demam panas itu membuatkan Yazid kehilangan pendengarannya seumur hidup.

Mengenangkan dirinya yang diuji seawal usia kanak-kanak, pemuda berusia 41 tahun ini reda akan kehilangan salah satu pancainderanya. Namun berkat kesungguhan dan ketabahan diri untuk meniti perjalanan hidup, anak kelahiran Kampung Parit Haji Hassan, Pontian, Johor tidak terhenti setakat itu sahaja. Memandangkan pada awal kelahirannya adalah normal, Yazid bersekolah di sekolah kebangsaan awam sehingga darjah empat. Menginjak di usia belasan tahun, dirinya mula melangkahkan kaki ke sekolah khas iaitu di Sekolah Pendidikan Khas Integrasi Bandar Pontian, Sekolah Pendidikan Khas Vokasional Shah Alam dan seterusnya ke Sekolah Pendidikan Khas Persekutuan Pulau Pinang sehingga ke tingkatan lima. Seperti orang lain, dirinya sudah terbiasa bergaul dengan orang normal tanpa merasa sedikit pun kekurangan yang dihadapi.

Hasil ikatan suci perkahwinannya selama sepuluh tahun yang berlangsung pada 13 Januari 2007 beliau dianugerahi tiga cahaya mata bersama isterinya Hajah Siti Aminah Yusof yang normal yang dikenali sejak zaman kanak-kanak lagi, namun isterinya telah dijemput Ilahi pada 29 Disember 2017 pada usia 36 tahun. Yazid kemudiannya mendirikan rumah tangga sekali lagi dengan Nurul Ain Hamzah yang juga mengalami kecacatan sama iaitu pendengaran. Kehidupan mereka diserikan lagi dengan kehadiran dua orang cahaya mata. Walaupun kelima-lima orang anaknya adalah normal, namun mereka telah dididik untuk mempraktikkan bahasa isyarat bagi proses berkomunikasi dengan kedua ibu bapa mereka sejak dari kecil.

Sebelum Kejayaan

Meskipun tidak dapat menghabiskan pengajian dalam bidang Diploma Jurubahasa Isyarat disebabkan kekangan waktu yang dihadapi, tidak sedikit pun mematahkan semangat Yazid untuk meneruskan kerjaya yang diminatinya. Dirinya cukup aktif mengajar bahasa isyarat yang dianjurkan oleh pelbagai pihak antaranya ialah pihak agensi kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri Johor dan beberapa agensi lain. Boleh dikatakan hampir setiap tahun dirinya diundang sebagai penceramah. Selaku fasilitator kursus bahasa isyarat Malaysia, Yazid juga kerap kali dijemput oleh pihak swasta bagi mengendali kursus bahasa isyarat antaranya satu syarikat besar bernama Flextronik yang terletak di Johor dan Pulau Pinang. Yazid mula mengajar bahasa isyarat bermula dari tahun 2000 sehingga sekarang dan tiap-tiap tahun menerima seramai 40 hingga 50 orang peserta bagi setiap satu kursus yang dianjurkan olehnya. Katanya, beliau pernah menjalinkan kerjasama dengan pihak ISM sebagai penceramah kursus bahasa isyarat sekitar tahun 2004 sehingga tahun 2010.



*Gambar 27: Yazid semasa memberi ceramah di UTM
Sumber: Koleksi Peribadi Yazid*

Di peringkat negeri Johor, kursus bahasa isyarat dijalankan pada setiap tahun. Semua kursus yang dijalankan dibiayai oleh kerajaan negeri itu sendiri dengan jumlah bayaran sebanyak RM30,000 selama 4 hari 3 malam untuk penyertaan peserta seramai 40 orang. Semangat kemasyarakatan yang lahir di jiwa Yazid membuatkan dirinya berlapang dada menggunakan hasil pembiayaan dari kerajaan Johor itu kepada orang yang lebih memerlukan. Beliau menyalurkan pendapatan bayaran kursus tersebut kepada Persatuan Orang Pekak Johor untuk tujuan sumbangan kepada orang pekak yang memerlukan bantuan, membayar bil utiliti pejabat dan membayar gaji

pekerjaanya. Bukan itu sahaja, beliau turut memberi pinjaman duit kepada orang pekak yang mengalami masalah kewangan serta perbelanjaan menganjurkan aktiviti pendidikan, keusahawanan dan rekreasi yang terfokus kepada OKU Pekak Johor.

Di Puncak Kejayaan

Beliau mengakui turut aktif dalam NGO yang menjaga kebajikan OKU di peringkat negeri dengan menjawat jawatan sebagai Presiden Persatuan Orang Pekak Johor dari tahun 2014 sehingga kini dan menjadi Penyelaras Pusat Komuniti Orang Pekak Johor. Beliau juga menyandang beberapa lagi jawatan lain antaranya ialah Bendahari Persatuan Orang Pekak Islam Johor dari tahun 2018 dan juga merupakan Ahli Jawatankuasa Majlis Kebajikan Masyarakat Negeri Johor dari tahun 2014 hingga kini. Pada hari ini, di peringkat kebangsaan pula beliau menyandang jawatan Naib Presiden Persatuan Sukan Orang Pekak Malaysia MSDeaf dan Naib Presiden Persekutuan Orang Pekak Malaysia MFD. Peringkat antarabangsa pula beliau diberikan amanah dan dilantik sebagai Timbalan Presiden Belia Pekak Asia Pasifik 2014 hingga 2016. Pada tahun 2017 hingga 2019 beliau menyandang jawatan sebagai Ahli Majlis, Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya yang pengurusnya adalah YB Menteri Pembangunan Wanita Keluarga Dan Masyarakat.



Gambar 28: : Mohd Yazid semasa di MsDeaf
Sumber: ISM (2020)

Pemuda ini pernah menjadi AJK untuk beberapa pertubuhan seperti alumni Japan International Coorperation Agency (JICA). Beliau juga aktif dalam Persatuan Jurubahasa Isyarat Malaysia (MYASLI) dari tahun 2007 sehingga 2010 selain menjadi ahli dalam Kelab Guru Bahasa Isyarat Malaysia di MFD dari tahun 2007 sehingga sekarang. Akui beliau, dirinya menjadi semakin aktif setelah pulang dari menghadiri kursus kepimpinan bagi program Dasar Pandang ke Timur yang dijalankan di negeri matahari terbit.

Selain terlibat dengan badan NGO, Yazid turut mengendalikan perniagaannya sendiri iaitu Jemari Enterprise yang ditubuhkan di negeri Johor. Sebuah syarikat yang menjalankan perniagaan baju, cawan, pen, kertas dan pelbagai alat percetakan pada awalnya. Syarikat ini ditubuhkan hasil titik peluhnya sendiri. Pada mulanya, ia diusahakan secara kecil-kecilan sahaja. Sekarang, bersama-sama dengan peniaga lain yang juga OKU pendengaran, mereka bergabung tenaga untuk mengembangkan perniagaan sehingga berjaya membuka dua lagi cawangan di negeri Perak dan Kuala Lumpur. Hasil gabungan syarikat itu diberi nama KYMOAsia yang bertempat di bangunan sama dengan bangunan MSDeaf di Bandar Permaisuri, Cheras, Kuala Lumpur. Semua pekerja di syarikat ini adalah terdiri daripada OKU pendengaran. Selaku Pengurus Jemari Enterprise dan beberapa lagi jawatan lain yang disandang, Yazid mengakui dirinya perlu bijak membahagikan masa untuk memastikan tugasnya dapat dilakukan dengan sebaik mungkin.



Gambar 29: Barang jualan di Syarikat KYMOAsia
Sumber: ISM (2020)

Yazid turut digelar sebagai aktivis kemasyarakatan apabila beliau mula menceburkan diri dalam kerja kebajikan secara solo dengan membantu orang-orang pekak dalam mencari pekerjaan. Menyedari kekurangan insan sepertinya, Yazid mula membantu rakan-rakan seperjuangannya dengan mengambil mereka untuk bekerja dengannya. Selain itu, beliau turut mencari jawatan kosong dan berjumpa dengan pemilik perniagaan lain bagi membantu rakan senasib dengannya untuk bekerja di situ. “Jika saya tidak membantu orang-orang yang senasib dengan saya, siapa lagi yang akan membantu menyediakan peluang pekerjaan untuk mereka,” jelas Yazid.

Baru-baru ini, beliau juga diberi amanah yang cukup besar sepanjang hidupnya apabila ditugaskan untuk mengumpul dana sebanyak RM2 juta bagi penganjuran Sukan Orang Pekak Malaysia SOPMA XXI Peringkat Kebangsaan di Johor Bahru. Sumbangan sebanyak RM1 dengan slogan “MINTA SERINGGIT” telah dilancarkan oleh Presiden Persatuan Sukan Orang Pekak Johor ini. Aktiviti-aktiviti komuniti lain giat dijalankan oleh Yazid seperti menjalankan aktiviti

secara sukarela iaitu mengutip dana untuk urusan keperluan masjid dan kemudahan OKU serta warga emas. Sekiranya terdapat masjid yang memerlukan apa-apa keperluan penambahan kemudahan atau kewangan maka beliau akan membantu semampunya dengan mengajak kawan-kawannya untuk turut menyumbang kepada masjid berkenaan. Golongan orang susah dan ibu tunggal turut mendapat perhatian Yazid untuk turut sama membantu mereka. “Ada seorang ibu tunggal tu seingat saya, dia sangat memerlukan bantuan, jadi saya bantu dia dengan mengeluarkan surat sokongan untuk memohon bantuan dari JKM yang terdekat untuk dapatkan bantuan,” cerita Yazid dengan penuh semangat. Jiwanya boleh dikatakan sudah sebatи dengan aktiviti kemasyarakatan terutamanya dalam memperjuangkan kebajikan Bangsa Pekak. Usahanya itu sangat disenangi oleh orang ramai pelbagai bangsa dan agama.

Anugerah serta pencapaian yang membanggakan Yazid adalah apabila beliau menerima Anugerah Bapa Mithali bagi kumpulan OKU peringkat kebangsaan bertempat di Perlis dua tahun yang lepas. Beliau berkata, anugerah tersebut merupakan anugerah paling mahal dan bermakna dalam hidupnya kerana dapat membawanya terbang menuaikan ibadah umrah. Beliau juga menerima Anugerah Pemimpin Belia 2007 daripada Jabatan Belia Dan Sukan Johor, dan Anugerah Penyayang Johor daripada Kerajaan Johor selain turut memenangi anugerah Tokoh OKU peringkat negeri Johor oleh JKM. Akuinya, semua itu adalah pencapaian yang agak membanggakan buat dirinya serta keluarga selain bersyukur ke hadrat Ilahi atas nikmat rezeki diperolehnya.



Gambar 30: Majlis penerimaan Anugerah Bapa Mithali Peringkat Kebangsaan
Sumber: Koleksi Peribadi Yazid

Selepas Kejayaan

Yazid berkata beliau menyimpan impian terbesar untuk masa hadapan bangsa pekak Johor. Beliau berimpian untuk mewujudkan satu taman perumahan 1000 unit atau lebih untuk diberikan kepada individu pekak bujang atau berumahtangga yang terdiri daripada golongan B40. Idea ini timbul apabila beliau menyedari bahawa individu pekak mengalami masalah untuk memiliki dan menyewa rumah disebabkan oleh kos sara hidup yang tinggi di Johor. Katanya, ini mungkin idea yang agak sukar dilaksanakan namun tidak salah untuk menyimpan impian setinggi gunung buat bangsa pekak Johor. Beliau sangat mengambil berat akan kebajikan individu yang mengalami sama nasib dengannya. Mungkin juga idea yang terbit di benak fikirannya adalah idea pertama di dunia wujud bagi membela nasib individu pekak. Beliau menegaskan bahawa idea ini dapat membuktikan Sultan dan kerajaan prihatin terhadap individu OKU pekak di mana lot rumah tersebut lengkap dengan pelbagai kemudahan infrastruktur. Sekiranya terdapat majlis atau apa sahaja keraian, individu pekak senang untuk mendapat informasi kerana telah tersedianya jurubahasa isyarat di situ.

Kesimpulan

“Saya bangga jadi diri sendiri, buat ikut apa yang saya mampu” - Yazid

Kata-kata itu menjadi keramat buat hidupnya kerana beliau tidak pernah merasa rendah diri disebabkan kekurangan yang dihadapi. Beliau mahu menjalani hidup seperti orang biasa dan sedaya upaya berkhidmat untuk orang yang mengalami sama nasib dengannya. Tambahan lagi, beliau sentiasa menasihati diri supaya sentiasa bersemangat serta tidak menjadikan OKU sebagai alasan dirinya lemah. Ujar beliau, OKU mestilah sentiasa kuat dari segi pemikiran, memiliki jiwa kental, bahagia serta berusaha memajukan diri sendiri dengan cara dan kemampuan golongan OKU itu sendiri. Pesannya lagi kepada golongan OKU, mereka mestilah yakin dengan pertolongan Tuhan disertai dengan sabar, doa dan selalu berusaha. Dirinya sering bermotivasi menyebabkan dia bangkit melakukan pelbagai aktiviti berkaitan kemasyarakatan kerana dirinya sedar hidup mestilah memberi manfaat untuk orang lain tambahan orang yang mengalami sama nasib dengannya.

Kisah 12 Muhammad Zhariff Affandi - Duta UNICEF



Jiwa Melabuh Di Destinasi Harapan

Oleh: Raja Rosnah Raja Daud dan Siti Maryam Sageh

Pengenalan

Anak kelahiran Selangor ini dinamakan oleh Muhammad Zhariff oleh kedua ibu ayah. Keterujaan menyambut ketibaannya di dunia ini merupakan satu kejutan dek tanpa kedua belah tangannya. Namun, Afandi dan isterinya berazam untuk memeliharanya dengan penuh kasih sayang dan diberikan pendidikan yang sempurna.

Dunia akademiknya bermula di SK Gurney 2 dan SMK Taman Melawati memandangkan ketika itu, kurang fasiliti untuk individu sepertinya dan sumber untuk mendapatkan maklumat tambahan berhubung kepayaan yang dimilikinya. Sokongan penuh ketika bergelar pelajar amat dialu-alukan daripada cikgu-cikgu sekolah yang cukup mengetahui akan kenakalan dirinya. Mereka sering mengingatkannya untuk berhati-hati dalam apa jua tindakan yang dilakukannya dengan niat untuk mencuba pelbagai perkara yang cukup merisaukan mereka. Namun, persepsi demikian tidak sekali-kali mematahkan semangat beliau untuk terus gigih dan bersemangat tinggi untuk terus melakukan apa yang diinginkannya.

“Cara paling cepat untuk memperolehi keyakinan diri adalah dengan tidak takut untuk mencuba.” - Muhammad Zhariff Afandi

Kecintaannya kepada dunia ilmu, membuatnya mengambil masa yang lama untuk dihabiskannya. Sembilan tahun beliau menghabiskan masa untuk mendalami ilmu-ilmu sosiologi, psikologi dan sains politik di KDU, dan setelah itu di *Griffith University*, Australia mengkhusus kepada bidang psikologi. Di sanalah minatnya kepada sukan luncur air, berenang dan menyelam dipupuk dengan cemerlang serta sering menyertai *swimathon* termasuk di peringkat antarabangsa. Beliau sering mendapat perhatian ramai kerana menjadi sebahagian daripada gelombang awal keusahawanan sosial di Malaysia; turut dikenali kerana mengutarakan tentang kepentingan awam menurut perspektif perbezaan fizikal, merujuk kepada dirinya setelah dilahirkan tanpa lengan, dalam usaha untuk memecahkan persepsi masyarakat tentang "batasan".



Gambar 31: Zharif menunjukkan papan water slider yang diubahsuai unik untuk beliau
Sumber: ISM (2020)

Sebelum Kejayaan

Penyertaan beliau dalam usia yang muda dalam program-program pembangunan masyarakat dan bantuan kemanusiaan bermula dari semangat juangnya dalam memahami analogi luncur air. Bagaimana beliau cuba mengadaptasikan had fizikalnya dengan ilmu dan pengalaman yang dimilikinya untuk terus menghadap ombak yang diibaratkan sebagai ujian-ujian dalam kehidupan. Kemudiannya semangat ini diaplikasikan dalam penganjuran program kesukarelawan yang julung kali disertainya selama sembilan bulan selepas bencana di Aceh. Meskipun pada ketika itu, sukar baginya untuk mendapatkan kepercayaan mana-mana badan NGO untuk diwakilinya. Ia mungkin dipengaruhi oleh persepsi “*apa yang boleh lelaki ini lakukan di Aceh*”. Oleh itu, beliau dan rakan-rakannya menggunakan ilmu dan kepakaran masing-masing dalam mendapatkan kerjasama dengan NGO dirangka dengan kadar segera ke arah pemulihan masyarakat di wilayah berkenaan tanpa mengambil kira latar belakang mangsa dari segi agama, bangsa, pendidikan dan umur.

“*Ia telah mencabar diri saya. Dan itu semua tentang mencari apakah had keupayaan saya.*” -

Muhammad Zhariff Afandi

Berdasarkan kepada pengalamannya sendiri, stigma kepada OKU berlaku di peringkat yang berbeza, masa yang berbeza dan kawasan yang berbeza. Dan pelbagai faktor yang perlu diambil kira untuk situasi seperti ini berlaku seperti keadaannya pada ketika itu, individu yang berhadapan dengannya serta persekitaran. Wujud juga faktor-faktor yang difikirkan hampir

menyamai tetapi berbeza dengan beberapa cara. Beliau berpendapat bahawa pendidikan yang dimilikinya dalam bidang psikologi mahupun sosiologi membantu beliau untuk memahami bagaimana dan mengapa manusia, berkelakuan dengan cara mereka. Justeru, beliau mengambil pendekatan yang mengatakan semuanya baik-baik sahaja kerana “manusia”. Namun begitu, beliau telah mampu melaksanakan apa yang ada dalam perencanaannya termasuklah dari aspek kerjaya yang profesional, kini sebagai *Senior Consultant* UNICEF Malaysia.

Di Puncak Kejayaan

Tahun 2007 menyaksikan hasil usaha beliau untuk pengumpulan dana bagi membantu mangsa bencana alam dek banjir dan taufan Nargis yang bersilih ganti di Myanmar. Aktiviti ini dilakukan di bawah satu program muzik *The Burma Blaster Sound Sessions* di Australia pada ketika itu. Ketika usianya menginjak 30 tahun, Muhammad Zhariff telah menubuhkan TZI iaitu suatu platform untuk berkongsi inspirasi, pengetahuan, pengalaman dan kemahiran kepada komuniti. TZI bertujuan memupuk dan membangunkan nilai-nilai sosial melalui kerjasama erat dengan agensi korporat, kerajaan, institusi akademik dan pertubuhan-pertubuhan lain.

Breaking the Barrier merupakan siri jelajah ke institusi-institusi pengajian tinggi tempatan untuk menyuntik semangat di kalangan anak-anak muda di sana untuk memaksimumkan potensi diri. Beliau akur akan kebimbangan mereka tentang masa hadapan selama bergelar mahasiswa. Pastinya bukan sedikit beban tanggungjawab di galas di pundak bahu mereka begitu juga dengan harapan tinggi oleh keluarga. Senantiasa dinasihati golongan ini bahawa usah mengalah dengan halangan dan cabaran mendatang dengan berusaha tanpa mengenal erti penat dan jemu untuk memperolehi apa yang diinginkan.

Antara pengiktirafan yang diterimanya adalah Anugerah Belia Negara (Sosial dan Komuniti) pada tahun 2006, Anugerah Belia Perdana (Pencapaian Luar Biasa) yang diterimanya pada 2011 dan Duta Belia TN50. Terkini, anugerah yang diterimanya adalah *Griffith Health 2020 Outstanding International Alumnus Award* bagi sumbangannya yang tidak ternilai kepada masyarakat di Malaysia dan juga antarabangsa.




Gambar 32: Penghargaan sebagai penceramah yang pernah diterima oleh Zhariff
Sumber: ISM (2020)

Selepas Kejayaan

Sebagai jurulatih hidup yang mengamalkan dan penceramah motivasi, Muhamad Zhariff mendapati adalah penting untuk berkongsi kegalannya dengan harapan ia akan bergema dengan orang lain yang menghadapi masa yang sukar untuk belajar dan berkembang daripada pengalaman mereka sendiri. Pengalaman-pengalaman yang merujuk kepada dirinya dibukukan dalam *SOS: Surfing Out Stuff – A Book of Growth & Guidance*.

“Jika inginkan kegembiraan hidup, ambillah peluang itu dan layarinya dengan sepenuh hati.” -
Muhammad Zhariff Afandi



Gambar 33: Buku pertama hasil usaha Zhariff, “S.O.S : Surfing Out Stuff – A Book of Growth & Guidance”
Sumber: ISM (2020)

Kesimpulan

Muhammad Zhariff berpesan kepada OKU lain supaya yakin dengan diri sendiri dan tidak berasa malu untuk menonjolkan diri dalam apa juga lapangan yang diceburi. Dalam usaha untuk meningkatkan penerimaan OKU dalam masyarakat, semua pihak termasuk OKU sendiri perlu sama-sama berusaha ke arah untuk mewujudkan masyarakat inklusif yang mana mereka tidak mempunyai rasa meminggirkan golongan bukan setaraf dengan mereka. Golongan ini perlu mendapat hak yang sama seperti orang lain (normal) dalam aspek pendidikan, pekerjaan dan sosial.

Rujukan

Dinesh Kumar Maganathan. (16 Januari 2019). *Born without arms, Zhariff Afandi is still living life and writing about it.* The Star.

<https://www.thestar.com.my/lifestyle/living/2019/01/16/zhariff-affandi-author>

Fairuz Zaidan. (17 Disember 2011). *Jiwa besar Muhammad Zhariff.*

[https://pakyoep.blogspot.com/2011/12/jiwa-besar-muhammad-zhariff.html.](https://pakyoep.blogspot.com/2011/12/jiwa-besar-muhammad-zhariff.html)

My Metro. (29 September 2017). *'Kami juga mampu'.*

<https://www.hmetro.com.my/nuansa/2017/09/267879/kami-juga-mampu>

Ummi. (23 September 2012). *OKU Gigih Muhammad Zhariff Tiada Halangan Berbakti.*

<http://cgkaunseling.blogspot.com/2012/09/oku-gigih-muhammad-zhariff-tiada.html>

Zaki Zulkifli. (14 Disember 2011). *Alumni: Muhammad Zhariff sumber inspirasi.* [http://iberjaya.blogspot.com/2011/12/alumni-muhammad-zhariff-sumber.html.](http://iberjaya.blogspot.com/2011/12/alumni-muhammad-zhariff-sumber.html)

Zhariff Afandi. @ZhariffAfandi - Tokoh Masyarakat.

[https://www.facebook.com/ZhariffAfandi.](https://www.facebook.com/ZhariffAfandi)

Zhariff Afandi. [https://twitter.com/zzhariff.](https://twitter.com/zzhariff)

Zhariff Afandi. <https://my.linkedin.com/in/zhariff-afandi>

zhariff_afandi. [https://www.instagram.com/zhariff_afandi/?hl=en.](https://www.instagram.com/zhariff_afandi/?hl=en)

Zharif Affandi. Zhariff Afandi's Blog. (11 Oktober 2018).

https://www.goodreads.com/author/show/18730609.Zhariff_Afandi/blog

Kisah 13 Wong Yoon Loong - Pengurus CARE, NCBM



Kanta Permata

Oleh: Umi Waheeda I'zaaz Zulkifly dan Ahmad Ridhuwan Abdullah

Pengenalan

“Selamat pagi encik, apa khabar? Saya anak murid yang encik ajar dahulu”. Alangkah gembiranya hati seorang pendidik apabila disapa anak muridnya di mana jua beliau berada. Namun ini bukanlah kisah cikgu sekolah, bukan jua kisah pensyarah universiti. In adalah kisah seorang pejuang keadilan yang membela nasib beribu orang buta di Malaysia. Kisah ini bermula pada 7 April 1966 apabila Yoon Loong dilahirkan namun tidak mampu untuk mengenal cahaya.

Perjalanan hidup OKU pada ketika itu sememangnya tidak adil kerana sarat dengan kepahitan penuh dengan dugaan. Tidak ada yang akan berjaya kecuali mereka yang luar biasa. Demi menjadi antara yang luar biasa, anak jati Kuala Lumpur ini melangkah beribu batu jauhnya ke Pulau Pinang berpisah dengan keluarganya. Manakan tidak hiba, masakan air mata tidak bercucuran ke pipi pabila harus beliau berpisah dengan keluarganya, ketika berumur hanya lima tahun ketika itu. Walau hatinya tidak mahu berjauhan beliau akur akan kekurangan diri maka kakinya melangkah pergi ke *St. Nicholas Home* dengan satu tekad yang nyata, “Aku akan berjaya”.

Sesudah menghabiskan pelajarannya di tempat orang, beliau kembali untuk menimba ilmu di tempat kelahirannya. Bermula dengan Sekolah Menengah Pendidikan Khas Cacat Penglihatan (SMPK) Setapak ketika beliau terfikir, “sampai bila harus beliau duduk hanya dengan yang senasib dengannya”? Lalu beliau mendapat kebenaran untuk bersekolah di Sekolah Menengah Laki-laki Jalan Temerloh, Titiwangsa ketika berada di tingkatan 4 dan 5.

Beliau kemudiannya mengambil keputusan untuk ke tingkatan 6 di Sekolah Menengah Kebangsaan Laki-laki Methodist, Kuala Lumpur di mana suatu hari hati beliau dibuka untuk menjadi insan luar biasa. Ketika berada di tingkatan 6, subjek ekonomi menjadi musuh ketat yang mengganggu setiap ceruk dan pelosok fikirannya. Lukisan graf pada subjek ekonomi menjadi penghalang utama dalam misi beliau untuk menjadi orang berjaya. Namun itu semua terhenti apabila guru ekonomi beliau berkata “kalau orang boleh ke bulan, takkan awak tak boleh lulus subjek ekonomi STPM?”. Berderau darah beliau mendengar kata-kata yang seakan-akan mencabar dirinya. Asakan dan desakan insan yang hebat daripada sekeliling beliau pada ketika itu, membuatkannya berjaya untuk masuk ke menara gading.

Pada tahun 1986, beliau memulakan hidupnya sebagai siswazah UM dalam Ijazah Sarjana Muda Hubungan Antarabangsa. Kali ini cabarannya cukup berbeza kerana ketika ini, tiada guru

yang akan membimbingnya untuk meneruskan pelajaran. Beliau harus berdiri di kaki sendiri, untuk belayar di lautan ilmu yang luas terbentang ini. Mujurlah sahabat handai di sana amat memahami dan membantu beliau dalam setiap perkara. Ternyata pengalaman beliau bersekolah di sekolah biasa membantu dalam pergaulan sehari-hari beliau di universiti. Momen yang paling manis baginya adalah apabila beliau dihadiahikan buku Tan Sri Ghazali Shafie, Menteri Luar Negeri pada ketika itu. Penghargaan yang diterima beliau bukanlah hanya untuk dirinya namun juga untuk mereka yang bersama-sama beliau sepanjang pelayaran beliau di menara gading.

Sebelum Kejayaan



*Gambar 34: Yoon Loong dan Lau mengikat pertalian pernikahan mereka.
Sumber: Koleksi Peribadi Yoon Loong*

Jika diikutkan kebolehannya, boleh sahaja beliau membina empayar perniagaannya sendiri. Apakan daya, darah pejuang yang mengalir dalam tubuh beliau memandu langkah ke arah membela mereka yang senasib dengannya. Kejayaan yang beliau kecapi, tidak akan dinikmati sendiri ketika ramai lagi yang memerlukan khidmat beliau untuk membantu mereka ke arah kejayaan. Yoon Loong sememangnya aktif dalam MAB semenjak di UM lagi. Akan tetapi, perjuangan itu tidak tamat bersama-sama pelajarannya di sana. Beliau memulakan zaman dewasanya pada tahun 1989 dengan berkhidmat di MAB.

Niat dan cita-cita beliau juga dikongsi bersama-sama isteri tercinta, Christina Anne Lau. Mereka bertemu ketika Christina menjadi sukarelawan di *St Nicholas Home* pada tahun 80-an dan kemudiannya mengikat hubungan perkahwinan. Teman hidupnya itulah yang akan dibawa bersama ke luar negara ketika menjalankan projek-projek antarabangsa. Pasangan bahagia itu kemudiannya berganding bahu dalam menjayakan misi mereka membantu orang buta di Malaysia khasnya untuk bersaing dengan insan normal.

Pengalaman hidup mengajar Yoon Loong bahawa untuk berjaya setiap insan memerlukan sokongan daripada orang sekeliling mereka. Tetapi tidak semua bernasib baik seperti kerana corak pemikiran masyarakat banyak meragui apabila membicarakan tentang masa hadapan OKU. Oleh itu, beliau menganjurkan Kem Kerjaya untuk pelajar-pelajar di sekolah-sekolah khas di bawah seliaan NCBM sejak 2001. Pelajar-pelajar akan diberi hala tuju yang jelas untuk mencari jalan rezeki seperti insan biasa.

Pencapaian akademik sememangnya penting bagi meningkatkan daya saing orang buta di tanah air ini dan teknologi dilihat sebagai pemangkin kepada kepesatan penyebaran informasi. Oleh itu, sejak 2006 Yoon Loong terbang ke Jepun untuk mengikuti latihan mempelajari teknologi informasi di bawah *Japan Braille Library*. Beliau dan sahabatnya kemudian membawa dana Teruko Ikeda, seorang wanita Jepun yang menaja orang buta di rantau Asia untuk belajar ICT di Malaysia.

Penggunaan ICT akan memperkasakan teknologi braille sesuai dengan persaingan digital pada kala ini. Antara penggunaan teknologi yang akan membantu pembangunan orang buta di Malaysia adalah mesin pencetak Braille dan perisian khas yang menukar abjad Roman kepada Braille. Namun, ICT tidak terikat kepada pencetakan sahaja malah inovasi seperti aplikasi bersuara dalam gajet dan alat-alat elektronik yang lain turut membantu orang buta di Malaysia.



Gambar 35: Alatan dan Mesin Teknologi terkini yang digunakan oleh OKU penglihatan dalam komunikasi dan pencetakan
Sumber: ISM (2020)

Yoon Loong juga aktif dalam mendapatkan kerjasama kerajaan dan juga institusi-institusi gergasi untuk memberikan pertolongan dan inisiatif khas kepada OKU melalui perundingan yang dikatakan lebih berkesan demi membantu OKU. Cita-cita baharu yang dimiliki oleh Yoon Loong pada ketika ini adalah untuk melahirkan pemimpin dari kalangan mereka agar mampu membela insan senasib dengannya. Besar cita-cita, besar lagi penghalangnya. Penglibatan anak muda dalam

persatuan-persatuan sukarelawan ini amat rendah, membuatkan Yoon Loong berasa risau apabila mengenangkan nasib generasi akan datang. Oleh itu, beliau berasa terpanggil untuk meningkatkan pengetahuan dan membangunkan keupayaan anak-anak muda memimpin persatuan-persatuan sosial. Semuanya harus bermula dengan kesedaran yang tinggi. Kesedaran ini bukan hanya pada OKU malah harus diterapkan padan insan celik juga.

Sebagai seorang pengurus di CARE, Yoon Loong juga aktif dalam memberikan latihan kepada penjawat awam dan swasta yang bekerja di sektor perkhidmatan. Antara mereka yang menghadiri latihan ini adalah pemandu bas Rapid KL, Pramugari-Pramugara MAS serta polis bantuan di stesen KL Central. Apa yang menggembirakan beliau adalah apabila anak didiknya mempraktikkan ajarannya untuk membantu OKU. Lebih membanggakan lagi pada Yoon Loong, sepanjang waktu PKP ini, ketika penjarakan sosial dikuatkuasakan, rakyat Malaysia tidak lokek membantu OKU ketika diperlukan. Mereka masih lagi menghulurkan tangan untuk membantu mereka yang istimewa ini tanpa ragu-ragu, tidak seperti di sesetengah negara yang membiarkan OKU mereka tidak dibantu. Inilah yang diterapkan dalam setiap jiwa anak didiknya iaitu niat untuk membantu secara ikhlas.

Di Puncak Kejayaan

Atas jasa-jasa membantu orang buta dalam teknologi terutamanya dalam pembangunan braille di Malaysia, dan lantang bersuara untuk membantu orang buta di Asia Pasifik, beliau dan isterinya, Christina Anne Lau telah diberikan Anugerah Takeo Iwahashi oleh Nippon Lighthouse. Anugerah berprestij ini diberikan kepada individu yang memberikan sumbangan signifikan kepada orang buta dan cacat penglihatan di rantau Asia ini. Sejak penubuhan NLWC, pada tahun 1975, hanya 36 individu yang pernah dianugerahkan dengan anugerah ini. Namun, pada beliau ada lagi peristiwa yang baginya menggembirakan dan memberi penghormatan padanya.



Gambar 36: Wong Yoon Loong serta isteri menerima Anugerah Takeo Iwahashi oleh Nippon Lighthouse
Sumber: Koleksi Peribadi Yoon Loong

“Apa yang baik untuk kami, baik untuk masyarakat” - Wong Yoon Loong

Selepas Kejayaan

Itulah ungkapan yang dipegang oleh Yoon Loong sepanjang memperjuangkan fasiliti terbaik untuk OKU. Apa yang diajukan dan dipinta adalah untuk kebaikan masyarakat bersama. Beliau juga telah berjaya mendapatkan khidmat institusi kewangan dalam memudahkan urusan orang OKU, terutamanya OKU penglihatan. Dengan usaha dan kempen beliau, sebuah bank berdekatan tempat operasi beliau iaitu bank Hong Leong di Brickfields telah menyediakan sebuah mesin juruwang automatik (ATM) bersuara untuk kemudahan OKU penglihatan. Ini amatlah memudahkan golongan OKU penglihatan untuk menggunakan mesin ATM tersebut.

Apabila Malaysia dilanda COVID-19 dan banyak perniagaan terpaksa ditutup, ramai OKU penglihatan menyampaikan rasa gusar akibat hilangnya punca pendapatan sepanjang tempoh PKP. Oleh itu, Yoon Loong mengambil langkah pertama untuk membuat SOP bagi membenarkan perniagaan OKU boleh diteruskan apabila PKPB ini dilonggarkan sedikit. Inisiatif ini berjaya diketengahkan dan digunakan apabila Menteri Kanan Pertahanan, Datuk Ismail Sabri bersetuju dengan cadangan beliau tetapi dengan SOP yang lebih ketat.

Kesimpulan

Sememangnya darah perjuangan itu tidak pernah kering dalam sanubari. Pernah juga Yoon Loong menarik diri daripada persatuan ini untuk membawa haluan sendiri. dengan pengalaman dan kebijaksanaannya, beliau mampu untuk membuka empayar konsultasi sendiri. mungkin sudah

takdir tuhan, titian hidupnya sehingga sekarang, persis lilin yang menyala menerangi hidup baharu. Riwayat yang penuh dengan pengorbanan dan perjuangan ini masih belum tamat. Namun persoalannya, adakah pengganti tampuk kepimpinan seperti ini atau adakah ia akan berakhir bersama-sama perwira ini? Walau tiada siapa yang tahu akan masa hadapan, yang pastinya perjuangan memajukan OKU masih belum selesai.

OKU DALAM KEPIMPINAN

Persatuan OKU di Malaysia bertanggungjawab dalam mewakili golongan ini menyuarakan hak dan keperluan mereka dalam menjalani kehidupan dan mendapat layanan yang setimpal dalam mendapatkan hak pendidikan, kesihatan dan keperluan asas yang lain. Oleh itu, tampuk kepimpinan yang mapan menjadi tunjang utama kepada persatuan dan pertubuhan yang teguh dalam memperjuangkan hak dan kebajikan OKU di Malaysia.

Kisah 14 Mohamad Sazali Sha'ari - Presiden MCD



Bicara Tanpa Suara

Oleh: Nur Mustaqim Jamalludin dan Ahmad Syakir Junoh @ Ismail

Pengenalan

“Keupayaan pendengaran saya menyusut secara perlahan-lahan setelah menghidap demam panas ketika berusia tujuh tahun.” - Mohamad Sazali Sha’ari.

Mohamad Sazali Sha’ari dilahirkan di Rumah Sakit Lumut, Perak dan dibesarkan Kampung Batu 10, Lekir di Sitiawan, Perak. Meskipun bergelar OKU Pendengaran setelah mendapat demam panas semasa berumur tujuh tahun. Keadaannya itu tidak menjadi penghalang untuk beliau terus aktif dalam aktiviti berpersatuan sehingga terkehadapan. Beliau telah banyak menyumbangkan idea, kreativiti dan tenaga dalam melindungi dan mempertahankan nasib, hak dan keistimewaan golongan pekak di Malaysia.

Meskipun tidak mempunyai deria pendengaran yang sempurna, Sazali tidak pernah berputus asa dalam menuntut ilmu. Beliau mempunyai Sijil dalam Pengaturcaraan Komputer, Sijil Kepimpinan untuk Orang Pekak Asia Pasifik JICA. Diploma dalam Pendidikan Awal Kanak-kanak dan Diploma Jurubahasa Bahasa Isyarat. Kini, beliau sedang mengikuti pengajian Sarjana dalam Dasar Awam di UM di bawah tajaan AUN. Bukan sahaja menimba ilmu, Sazali juga mencerahkan ilmunya kepada masyarakat dengan menjadi guru Bahasa Isyarat Malaysia di UKM, UIAM, SEGi University dan UM serta pelbagai agensi Kerajaan dan sektor swasta.

Sebelum Kejayaan

Dalam bidang kemasyarakatan, beliau aktif sebagai Presiden Persekutuan Orang Pekak Malaysia atau nama ringkasnya MFD dan Presiden *Malaysian Confederation of the Disabled* (MCD). Penglibatan ibu beliau yang sangat aktif dalam UMNO menjadi inspirasi dan contoh yang terbaik bagi beliau. Oleh itu, beliau mengambil kesempatan itu untuk mencontohi minit mesyuarat dan perancangan sebagai rujukan sebelum beliau memulakan gerakan aktivis beliau sendiri. Salah satu usaha yang dilakukan oleh ibunya adalah membeli sebuah televisyen yang besar sebaik sahaja televisyen tersebut keluar di pasaran. Ia bertujuan bagi memudahkan anaknya yang pekak untuk membaca sari kata di kaca televisyen dengan lebih jelas. Walaupun hanya bekerja sebagai bidan kerajaan, ia tidak menjadi penghalang kepadanya untuk memberi sokongan yang tidak berbelah bagi kepada Sazali. Penguasaan kosa kata juga membuatkan beliau mempunyai kelebihan berbanding majoriti insan lain sepertinya, dari segi penggunaan bahasa. Minat beliau dalam bidang

sastera dan membaca dibuktikan melalui kecemerlangan beliau dalam subjek sastera di alam persekolahan.

Meskipun mempunyai had dalam pendengaran, Sazali tetap memilih untuk meneruskan persekolahan di Anglo Chinese School, sebuah sekolah arus perdana di Sitiawan, Perak. Lebih mengagumkan apabila beliau menyifatkan sekolah tersebut sangat istimewa baginya kerana layanan yang sama rata. Kehidupan beliau di sekolah tersebut tetap sama seperti pelajar lain di mana beliau tidak diberikan sebarang simpati atau keistimewaan sebagai OKU. Rakan dan guru beliau tidak melihat beliau sebagai individu OKU pendengaran, sebaliknya hanya sebagai pelajar biasa sama seperti pelajar yang lain. Beliau tidak dikecualikan daripada mengikuti sesi pembelajaran dan kokurikulum seperti pelajar yang lain. Ia membuatkan beliau berasa dirinya sama seperti pelajar lain walaupun pada hakikatnya beliau mempunyai cabaran yang tersendiri.

Pelbagai kenangan manis yang berjaya diukir sepanjang beliau berada di alam persekolahan. Antaranya, Sazali berkomunikasi dengan pelajar lain dengan cara yang mudah difahami dan menyeronokkan. Contohnya, dengan menggunakan melalui tulisan pada cebisan kertas sebelum saling melemparkan kertas tersebut antara kawan-kawannya. Selain itu, sekolah tersebut juga mewajibkan para pelajar untuk bertutur dalam bahasa Inggeris pada hari tertentu. Oleh sebab Sazali mempunyai had dalam pertuturan, beliau sering didenda untuk berlari keliling padang kerana tidak dapat bertutur dalam bahasa tersebut. Insiden itu menyebabkan pelajar lain mengenali beliau dari jauh. Bagi beliau, ia merupakan satu kenangan manis kerana dengan denda tersebut membuatkan beliau sering dipilih dan berpeluang untuk menjadi atlet sekolah dan juga di peringkat daerah Manjung.

“Apa yang penting? Deria pendengaran atau kemampuan saya untuk menjawab soalan?” -

Mohamad Sazali Sha’ari.

Penglibatan awal Sazali dalam arena advokasi atau pembelaan bermula apabila beliau ingin melanjutkan pengajian selepas tamat alam persekolahan. Sebagai makluman, beliau tidak mengambil SPM, sebaliknya beliau menduduki peperiksaan MCE. Selepas tamat persekolahan, beliau telah cuba untuk mencari peluang pekerjaan selepas kerajaan mengumumkan DEB yang telah membuka banyak ruang pekerjaan melalui Operasi Isi Penuh. Namun demikian, beliau tidak dapat menikmati peluang tersebut. Walau bagaimanapun, peluang kedua hadir apabila beliau ditawarkan untuk melanjutkan pengajian ke ITM. Namun begitu, beliau sekali lagi diuji apabila permohonan beliau telah ditolak semasa sesi temuduga di ITM. Pihak institut memaklumkan bahawa ITM tidak dapat menyediakan sebarang fasiliti untuk golongan OKU seperti beliau.

Dengan hati yang membara, beliau mengambil keputusan drastik untuk berhijrah ke Kuala Lumpur bagi membela serta memberi kesedaran kepada warga pekak.

Penghijrahan awal beliau ke Kuala Lumpur hasil pelawaan bapa saudaranya yang bekerja sebagai buruh KTM menyebabkan beliau turut melakukan pelbagai aktiviti pekerjaan seperti sebagai buruh kasar dan pekerja kilang bagi menampung kos sara hidup. Di samping itu, beliau turut mengikuti aktiviti yang dianjurkan oleh Kelab Pekak di YMCA Brickfields, Kuala Lumpur pada setiap hujung minggu. Di situ lah beliau mulai kenal bahasa isyarat dan berpeluang berkomunikasi dan berinteraksi dengan warga pekak dan secara langsung telah memantapkan lagi kemahiran bahasa isyarat beliau.

Kehidupan harian beliau di Kuala Lumpur banyak membantu beliau memahami persepsi masyarakat umum terhadap warga pekak dan juga tahap jati diri mereka. Penggunaan bahasa isyarat beliau dan rakannya sering menjadi tatapan dan perhatian umum semasa mereka menggunakan bahasa isyarat untuk berkomunikasi antara satu sama lain.

Beliau pernah bertugas sebagai guru sandaran di sekolah khas iaitu Sekolah Kanak-kanak Pekak Selangor dan Sekolah Pendidikan Khas Kg. Baru, Kuala Lumpur walaupun beliau tidak mempunyai kelayakan ikhtisas daripada maktab perguruan. Setelah kontraknya sebagai guru sandaran tamat, beliau mengerakkan kempen advokasi untuk membuka peluang orang OKU Pendengaran diterima di maktab perguruan. Pada masa itu keputusan Bahasa Melayu di peringkat SPM dikalangan OKU Pendengaran adalah rendah dan gagal melepassi syarat kelayakan untuk mendapat tempat di maktab perguruan, walaupun mereka boleh mendapat keputusan yang cemerlang bagi kebanyakan subjek dalam peperiksaan.

Oleh itu semasa satu mesyuarat di Bahagian Sekolah-sekolah, Kementerian Pelajaran, beliau membangkitkan isu pelajar Sabah dan Sarawak yang mendapat kelonggaran dalam subjek Bahasa Melayu untuk teruskan pengajian ke IPT. Dari itu pihak Kementerian bersetuju untuk membuka peluang kepada OKU Pendengaran menyambungkan pengajian di Maktab Perguruan Ilmu Khas, Cheras, adalah kejayaan besar Sazali dalam membantu OKU Pendengaran untuk belajar ke peringkat tinggi. Hal tersebut turut meningkatkan lagi semangat beliau untuk membantu golongan belia yang mempunyai masalah pendengaran yang ingin melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

“Saya nak lihat bagaimana saya boleh meneruskan apa yang diimpikan.” - Mohamad Sazali Sha’ari.

Pada masa itu kesedaran masyarakat terhadap OKU Pendengaran dan bahasa isyarat adalah rendah, selalunya masyarakat akan mengeliling mereka untuk melihat cara komunikasi OKU Pendengaran dan menyebabkan mereka malu untuk menggunakan bahasa isyarat di khalayak ramai. Hal ini menjadi faktor utama penglibatan beliau sebagai aktivis, beliau menerajui persatuan untuk mendapatkan kesedaran masyarakat, hak dan kesamarataan bagi warga OKU Pendengaran.

Peluang perjuangan beliau terbuka apabila beliau terpilih untuk mengikuti program pertukaran belia ke Indonesia dibawah Jabatan Belia dan Sukan Malaysia selama tiga bulan. Walaupun beliau seorang sahaja yang OKU Pendengaran mewakili negara, beliau mengambil kesempatan tersebut untuk menambah pengalaman dan membakar semangat perjuangan.

Semasa di Kelab Pekak di YMCA juga, beliau sering mengikuti Sunday School yang dianjurkan oleh kelab tersebut. Antara program yang terdapat semasa sesi tersebut adalah bimbingan bahasa dan aktiviti untuk warga pekak. Perkara tersebut sangat bermanfaat bagi beliau, kerana warga pekak sangat dahagakan ilmu dan informasi. Walau bagaimanapun, Sunday School tersebut hanya berfokus dan bersesuaian untuk individu yang beragama Kristian sahaja.

Disebabkan itu, beliau merasakan bahawa program yang sama turut boleh diadaptasikan di Pusat Islam atau Masjid Negara. Beliau telah berjumpa dengan Tan Sri Hamid Othman (arwah) selaku Ketua Pengarah Pusat Islam Kuala Lumpur untuk menyatakan cadangan dan pandangan beliau. Iaitu berkenaan keberkesanan dan manfaat yang dapat diperolehi jika Pusat Islam tersebut juga membuat perkara yang sama. Pendapat dan idea beliau telah diterima dengan hati yang terbuka dan Pusat Islam tersebut telah mewujudkan program kelas KAFA bagi OKU pendengaran. Program tersebut mendapat sambutan baik apabila ramai warga pekak dari pelbagai negeri telah membanjiri pusat tersebut.

Disebabkan kekangan jurubahasa, mereka telah melantik Tan Lee Bee sebagai jurubahasa untuk program tersebut. Pelantikan beliau sebagai jurubahasa bagi sesi pembelajaran agama telah menjadi satu isu yang sangat besar sehingga sampai ke pengetahuan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor pada ketika itu. Hal ini disebabkan ada pihak yang tidak berpuas hati kerana Puan Tan Lee Bee bukan beragama Islam yang mana kemudian terpaksa ditukar oleh orang lain yang beragama Islam.

Oleh itu, Sazali dan sekumpulan warga pekak telah bersepakat untuk menubuhkan Persatuan Orang Pekak di peringkat negeri yang pertama. Ianya membawa hasil apabila tertubuhnya Persatuan Orang Pekak Kuala Lumpur 1987 dan mula menyediakan perkhidmatan jurubahasa isyarat sepenuh masa yang pertama bekerja di persatuan tersebut.

Persatuan Orang Pekak Kuala Lumpur merupakan organisasi yang paling aktif pada masa itu, mereka telah menganjurkan 5th Asia Pacific Games of the Deaf dan kemudian menjadi hos World Federation of the Deaf Board Meeting dan Asia Pacific Representative Meeting pada tahun 1996. Tanpa menoleh ke belakang, Sazali telah menerajui penubuhan Persekutuan Orang Pekak Malaysia pada tahun 1997 yang dianggotai oleh sembilan buah persatuan peringkat negeri dan menjadi wakil suara OKU Pendengaran ke peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Pada tahun 2000 buku Bahasa Isyarat Malaysia atau nama ringkasnya BIM telah berjaya diterbitkan dan di promosi ke seluruh negara serta digunakan oleh komuniti OKU Pendengaran. Pada yang sama juga sejajar dengan pengumuman Wawasan 2020, Sazali dan pasukannya telah memulakan projek e-Pekak iaitu untuk membudayakan OKU Pendengaran kepada ICT dibawah peruntukan Skim DAGS, MOSTI dan kemudian diberikan sokongan kewangan oleh Swiss Development Corporation untuk national roll out. Projek e-pekkak dianugerahkan UN Malaysia Chapter 2001 sebagai kejayaan untuk merapatkan jurang perbezaan ICT dikalangan OKU Pendengaran.

Sebagai memikul amanah OKU Pendengaran, Sazali terlibat dengan kumpulan pertama OKU lain iaitu HRM Storey (mendiang), Godfrey Ooi, Ivan Ho dan lain-lain dalam mendrafkan MS 1184 iaitu garis panduan akses kepada bangunan awam untuk OKU. Beliau juga terlibat dengan rakan OKU yang lain iaitu Tuah Atan, Dato' Mah Hassan dalam mendrafkan Akta OKU yang telah diluluskan sebagai Akta Orang Kurang Upaya 2008. Di dalam Akta tersebut ada menyatakan Bahasa Isyarat Malaysia atau BIM diterima sebagai bahasa ibunda warga pekak Malaysia.

Sehingga kini, Sazali dan pasukannya juga berjaya mengeluarkan sebanyak 15 buah buku BIM dengan 10,000 isyarat. Pada masa yang sama sejajar dengan kebangkitan keperluan agama Islam, Sazali juga memulakan langkah menubuhkan Persatuan Orang Pekak Islam Malaysia atau secara ringkasnya PRISMA yang bertujuan untuk mengembangkan syiar Islam kepada OKU Pendengaran termasuk menerbitkan VCD Panduan Solat Dalam Bahasa Isyarat dan Bahasa Isyarat Malaysia Isyarat Islam.

Bagi Sazali, kenangan yang paling beliau ingati adalah semasa MFD berjaya mendapat peruntukan kerajaan Malaysia bawah Bajet 2007 iaitu sebanyak RM12.1 juta. Ianya untuk mewujudkan program latihan jurubahasa isyarat di peringkat diploma di universiti swasta yang pertama di Malaysia dan meneruskan projek penulisan buku Bahasa Isyarat Malaysia.

Bagi usaha tersebut, beliau telah mengadakan perjumpaan dengan KSU Kementerian Kewangan sebanyak enam sesi dalam proses untuk mendapatkan peruntukan ini. Pada ketika itu, beliau bagi dibuai mimpi dan juga mempunyai perasaan takut kerana tidak pernah menerima wang jutaan ringgit sepanjang hidup beliau. Sehubungan dengan itu, beliau telah mewujudkan beberapa perkhidmatan lain berdasarkan kreativiti dan mendapat permintaan daripada kumpulan sasar MFD.

Antara program yang diperkenalkan adalah ILSP, iaitu program khusus untuk melengkapkan orang Pekak kepada hidup berdikari dan persediaan untuk memasuki alam pekerjaan, perkhidmatan jurubahasa isyarat dan sebagainya. Kerajaan Malaysia juga telah memberikan amanah kepada MFD untuk memulakan Taska OKU seperti dalam Bajet 2013 dan tertubuhnya Taska dan Tadika Istika Jaya yang menyediakan penjagaan dan Early Intervention Program untuk kanak-kanak Pekak di peringkat bayi sehingga berumur enam tahun. Untuk menguruskan program tersebut di mana, anggaran belanjawan tahunan mereka adalah sekitar RM800 ribu sehingga RM1 juta termasuk bagi membiayai persatuan-persatuan di peringkat negeri di seluruh negara. Pihak kerajaan turut membantu memberi dana atau geran bernilai lebih kurang RM500 ribu setiap tahun sebagai sokongan untuk mereka meneruskan perkhidmatan jurubahasa isyarat, taska dan pentadbiran MFD.



Gambar 37: Sazali berkomunikasi bersama pekerja di MFD.
Sumber: ISM (2020)

Di Puncak Kejayaan

Justeru itu, nama Sazali sangat dikenali dalam aktiviti berpersatuan kerana penglibatan beliau yang sangat aktif dan dinamik. Beliau pernah menyandang jawatan Presiden untuk beberapa organisasi atau pertubuhan seperti SHIMA dari tahun 1987 sehingga 1992, MFD dari tahun 1997 sehingga kini, MCD dari tahun 2014 sehingga kini, dan Persatuan Ibu Bapa dan Penjaga Kanak-Kanak Pekak Kuala Lumpur dan Selangor dari tahun 2019 sehingga kini.

Beliau turut berpengalaman menyandang jawatan sebagai Penasihat untuk beberapa pertubuhan seperti KLSD dari tahun 1997 sehingga kini, MSFD dari tahun 1998 sehingga 2004, Persatuan Orang Pekak Johor dari tahun 2004, Persatuan Jurubahasa Isyarat Malaysia dari tahun 2007 sehingga kini, dan Persatuan Pekak Melaka pada tahun 2011.

Sehubungan dengan itu, beliau juga mempunyai pencapaian di peringkat negeri, nasional dan antarabangsa. Antara pencapaian yang beliau perolehi adalah beliau pernah terlibat dalam WFD untuk menjadi Panel of Experts UN Standard of Equal Opportunities and Participant ion dari tahun 1995 sehingga 1997, Ahli Panel untuk Panel Pakar dalam CBR di Finland pada bulan Mei 2003 dan menjadi Presiden Antarabangsa Negara-Negara Membangun di Kongres WFD ke-14 yang berlangsung di Kanada pada bulan Julai 2003.

Seterusnya Sazali juga pernah menjadi Ahli Jawatankuasa Pengurusan dalam Persekutuan WFDAPR dari tahun 1999 sehingga 2003, Ahli Lembaga dan Setiausaha Agung dalam Gabungan Sukan Orang Pekak Asia Pasifik dari tahun 1996 sehingga 2000 dan dari tahun 2000 sehingga 2004. Beliau juga pernah terlibat dalam Asean Disability Forum sebagai Jawatankuasa Pengendali pada tahun 2014 dan sebagai Naib Pengurus pada tahun 2017. Sekarang juga Sazali memegang tanggungjawab besar dalam usaha untuk mengembangkan agama Islam peringkat antarabangsa yang mana beliau memegang jawatan sebagai Setiausaha, Global Deaf Muslim Federation yang berpangkalan di USA.



Gambar 38: Sazali (kiri) semasa majlis penyerahan di ASEAN Disability Forum: Toward People Center ASEAN.
Sumber: Koleksi Peribadi Sazali

Di peringkat nasional, beliau pernah menerima beberapa anugerah yang sangat membanggakan seperti Anugerah Orang Kurang Upaya Peringkat Kebangsaan daripada KPWKM pada tahun 2002. Selain itu, beliau turut dinobatkan sebagai penerima Anugerah Khas OKU 2015, Maulidur Rasul Wilayah Persekutuan daripada JAWI.

Kesimpulan

“Segala perkara yang menjadi halangan pada diri kita sepatutnya dijadikan permulaan dan pembakar semangat, jangan sesekali berputus asa” - Mohamad Sazali Sha’ari.

Beliau menegaskan, jika wujudnya halangan bermakna masyarakat masih tidak mempunyai pengetahuan yang meluas berkenaan penggunaan BIM sebagai alat komunikasi bagi warga pekak. Peranan MFD adalah mendidik masyarakat berkenaan perkara tersebut. Pada masa kini, peluang pekerjaan bagi OKU terbuka luas. Kerajaan pada masa kini sangat komited membuka peluang kepada OKU berdasarkan kemampuan dan kemahiran. Contohnya, semakin tinggi kemahiran dan pengetahuan, semakin tinggilah gaji yang bakal dinikmati.

“Disebabkan sudah tua, saya ingin mengurangkan aktiviti berpersatuan bagi memberi ruang kepada golongan belia untuk meneruskan perjuangan ini.” - Mohamad Sazali Sha’ari.

Rujukan

Sazali Shaari (2020).

<https://www.facebook.com/photo.php?fbid=760208900700312&set=t.1850191993&type=3&theater>

BAHASA ISYARAT MALAYSIA (BIM). (n.d.). Retrieved from

<https://www.mymfdeaf.org/bahasa-isyarat-malaysia-bim> (n.d.). Retrieved from
<http://www.nsd.org.my/nsd/>

Mohid, S. Z., & Mat Zin, N. A. (26 dec 2019). Perisian Pendidikan MudahKiu. *Malaysian Journal*

of Information and Communication Technology. Retrieved September 21, 2020, from
<http://fstm.kuis.edu.my/myjict/wp-content/uploads/2020/01/MJV4-I2-13-pp.-121-136.pdf>

Mohd Rashid, S. M., Alias, N., Jomhari, N., Mohd Yusof, M. Z., & Haris, Z. (2014). Kepentingan

Bahasa Isyarat Malaysia (Bim) Dalam Pengajaran Perkara Asas Fardhu Ain (Pafa) Terhadap Komuniti Pekak. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 2(4). Retrieved September 21, 2020, from
https://umexpert.um.edu.my/public_view.php?type=publication&row=MzUzNDg=.

Kisah 15 Murugeswaran Veerasamy - Presiden DAMAI



Jiwa Cekal

Oleh: Nur Mustaqim Jamalludin dan Mohd Shahril Nizam Md Radzi

Pengenalan

“Saya baru 19 tahun dah lumpuh, fikirlah apa nak buat dalam hidup saya sebab keluarga orang susah.” - Murugeswaran Veerasamy

Murugeswaran Veerasamy merupakan anak kelahiran Batu Gajah, Perak yang sangat aktif dalam bidang kerja sosial semenjak tahun 90-an sehingga kini. Walaupun ramai yang tidak mengenalinya, namun sumbangan dan jasa beliau telah banyak membantu orang ramai. Budi yang telah beliau abadikan bukan sahaja telah membantu golongan OKU, malah turut serta kanak-kanak, warga emas, ibu mengandung dan sebagainya.



*Gambar 39: Murugeswaran Veerasamy di pejabatnya.
Sumber: ISM (2020)*

Pendidikan Murugeswaran bermula di SMK Batu Gajah, Perak pada tahun 1984. Setelah pemergian bapanya, keluarganya telah berhijrah ke Kuala Lumpur selepas beliau lulus Tingkatan Tiga. Beliau telah menghabiskan sisa pembelajarannya sehingga tingkatan lima di Sekolah Menengah Maxwell, Kuala Lumpur. Sementara menunggu keputusan SPM, beliau melakukan pekerjaan sambilan sebagai seorang *despatch* untuk sebuah syarikat insurans, Underwriter. Keluarganya menggalakkan beliau untuk melakukan pekerjaan tersebut dengan membelikan sebuah motosikal.

Namun, nasib tidak menyebelahi beliau apabila terlibat dalam kemalangan jalan raya semasa beliau bersiar-siar bersama rakan-rakan pada tahun 1986. Kemalangan tersebut berlaku di satu selekoh di atas sebuah jejambat berdekatan PWTC, disebabkan oleh tumpahan minyak. Tayar yang licin telah menyebabkan beliau terlanggar pengadang jejambat tersebut sebelum terjatuh ke bahagian bawah jejambat. Lebih malang lagi apabila doktor di HBKL mengesahkan bahawa tulang belakang beliau telah patah pada aras T6 dan T7. Ia menyebabkan beliau lumpuh dari paras pinggang ke kaki.

Beliau telah ditempatkan di sebuah wad khas selama lebih kurang tiga bulan, sebelum mengambil keputusan untuk keluar sendiri dari hospital tersebut. Hal ini kerana, beliau sedar dan akur nasihat doktor bahawa tiada penawar yang boleh mengubati kecederaan tulang belakangnya itu. Beliau juga telah cuba melalui pelbagai proses atau pengubatan tradisional, tetapi masih tiada perubahan.

“Saya tahu kaki saya sudah tidak boleh berjalan tetapi tangan, mata dan pendengaran saya masih bagus lagi.” - Murugeswaran Veerasamy

Sebelum Kejayaan

Murugeswaran melihat peluang keemasan apabila JKM mengadakan kempen untuk membantu OKU. Di situ, sepucuk surat telah ditulis oleh beliau untuk memohon bantuan motosikal roda tiga. Ia bagi membolehkan beliau keluar dari rumah dan memulakan kehidupan seperti biasa. Hal ini kerana, rumah sudah diibaratkan seperti penjara bagi beliau kerana rutin harian yang sama terpaksa dilakukan setiap hari. Ternyata usaha beliau tidak sia-sia apabila permohonannya ditunaikan oleh jabatan tersebut.

“Saya bukan jenis yang cepat putus asa, kalau apa-apa terjadi saya tidak akan duduk menangis sahaja. Saya akan fikirkan cara untuk mengatasi masalah tersebut dengan apa yang saya ada.”

- Murugeswaran Veerasamy

Inspirasi utama Murugeswaran bermula daripada fikirannya yang sentiasa positif dan kehadapan. Hal ini kerana, kesedarannya akan kekurangan yang dimiliki termasuk keadaan ekonomi keluarganya yang tidak menentu. Jadi, beliau tekad untuk melakukan apa sahaja demi menonjolkan kebolehan diri di samping mengurangkan bebanan keluarganya. Keyakinan dan iltizam Murugeswaran menjadi pendamping yang mendorongnya untuk berada di mana beliau berada pada masa kini.

Beliau turut disokong oleh JKM dan masyarakat prihatin yang membantu beliau mendapatkan peluang pekerjaan. Pada tahun 1993, beliau telah diberi peluang untuk bekerja di sebuah syarikat perdagangan sebagai penyambut tetamu dan pengawal kredit. Di peringkat awalnya syarikat tersebut mahu mengambil wanita sebagai pekerja, tetapi tetap memilih untuk memberi peluang kepada beliau. Ia membuatkan semangat beliau semakin berkobar-kobar untuk menonjolkan dirinya juga mampu melakukan apa sahaja tugas yang diberikan dengan baik. Ia dibuktikan dengan bertahannya Murugeswaran selama 13 tahun di syarikat tersebut.

Murugeswaran bertuah kerana dikurniakan seorang majikan yang mementingkan kebijakan para pekerjanya. Difahamkan bahawa syarikat tersebut tidak mempunyai persekitaran yang mesra OKU pada peringkat awal. Namun, majikan beliau tetap cuba untuk memenuhi segala keperluannya asalkan beliau selesa untuk pergi dan pulang dari tempat kerja. Antaranya adalah majikan beliau telah mengubahsuai tandas kepada yang lebih luas dan menyediakan tanjakan demi keselesaannya.

Di Puncak Kejayaan



Gambar 40: Persatuan Damai Orang Kurang Upaya Malaysia (DAMAI).
Sumber: ISM (2020)

Beliau pernah menjadi ahli dalam MASIA dan POCAM. Kedudukan beliau sebagai ahli biasa, menyebabkan beliau tidak mampu untuk memberi pandangan dan idea kerana perlu melalui pelbagai tapisan. Oleh yang demikian, beliau bertindak menubuhkan persatuan sendiri iaitu DAMAI. Kini, beliau merupakan pengasas dan presiden untuk persatuan DAMAI. Ia memudahkan beliau untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab kepada masyarakat tanpa sebarang kekangan.

“Saya kena bergantung pada diri sendiri untuk hadapi dan merempuh segala yang berlaku dalam kehidupan saya, tidak boleh hanya bergantung kepada sesiapa.” - Murugeswaran Veerasamy.

Pada tahun 1997, beliau ditawarkan untuk menyertai kursus Latihan Pertukaran Kepimpinan Muda di Eugene, Oregon, Amerika Syarikat mewakili MASIA. Beliau mengambil peluang keemasan tersebut untuk menimba sebanyak mungkin ilmu yang beliau boleh dapatkan untuk memantapkan lagi keyakinan dan jati diri. Bagi beliau, Eugene, Oregon umpsama syurga buat para OKU dek kelengkapan fasiliti dan infrastruktur yang menepati piawaian bersesuaian buat warga OKU. Antaranya ialah Pusat Hidup Berdikari yang banyak membantu OKU untuk berdikari, serta mengajar mengenai aspek penting dalam kehidupan harian.

Sejurus itu, beliau mengambil keputusan untuk menubuhkan Persatuan Damai Orang Kurang Upaya Selangor dan Wilayah Persekutuan (1998) dengan sokongan rakan-rakannya yang lain. Beliau berjaya memanggil Tun S Samy Vellu a/l Sangalimuthu bagi perasmianya. Ia disempurnakan melalui Pertunjukan Malam Kebudayaan yang berjaya meraih sumbangan sebanyak RM 13,000 untuk kelangsungan persatuan beliau. Dana tersebut telah digunakan untuk menyewa bangunan operasi persatuan tersebut selama 13 tahun sebelum membelinya dan mengubahsuai untuk keselesaan bersama.



Gambar 41 Van Khas yang disumbangkan oleh Kedutaan Jepun.
Sumber: ISM (2020)

Kini, DAMAI turut memperoleh sumbangan dari pelbagai pihak termasuk sebuah van khas yang disumbangkan oleh Kedutaan Jepun. Selain bergantung sumbangan ihsan, DAMAI turut menyediakan perkhidmatan pemberian kerusi roda serta menjualnya sebagai pendapatan tambahan bagi aktiviti persatuannya.

Bagi Murugeswaran, pencapaian terhebat beliau adalah penglibatannya dalam pembangunan KLIA 2 pada tahun 2007. Semasa permulaan pembinaan KLIA 2, pihak bertanggungjawab telah berjanji untuk menyediakan persekitaran yang mesra OKU. Namun, sebaliknya berlaku selepas pembinaan tersebut siap dibina. Masalah utamanya adalah ketiadaan jambatan aero seperti yang pernah berlaku di LCCT. Lebih mengecewakan apabila keputusan untuk tidak menyediakan jambatan aero telah pun dimuktamadkan oleh pihak atasan termasuk MAHB.

Di atas desakan dan tentangan hebat daripada BEAT, keputusan tersebut telah dinilai semula. Kini, lebih kurang 80 jambatan aero telah pun disediakan di KLIA 2. Ia membantu memudahkan pergerakan bukan sahaja golongan OKU, malah kanak-kanak, warga emas dan ibu mengandung. Di samping itu, jambatan tersebut turut memberi manfaat kepada penumpang lain daripada faktor cuaca, beban barang, jarak yang lebih pendek dan menjimatkan masa.

Beliau turut terlibat dalam isu STAR, LRT pada tahun 1994. Semasa ia dilancarkan, kerajaan menegaskan bahawa ianya tidak sesuai diguna pakai oleh OKU. Alasan yang diberikan adalah ia akan memakan kos yang tinggi jika ingin menaiktaraf fasiliti berkenaan, di samping tidak menguntungkan kerajaan. Ianya membahukan hasil apabila pembinaan LRT fasa kedua, PUTRA telah dibina bersesuaian untuk kegunaan orang ramai.

Pada tahun 2010 pula, Murugeswaran mula mengadakan perbincangan dengan pihak Maybank apabila salah seorang ahli DAMAI kehilangan wang tunai sebanyak RM 5,000. Kehilangan wang tersebut berpunca dari ketidaktelusan rakan Murugeswaran di samping persekitaran yang tidak mengutamakan kemudahan dan keselamatan OKU. Ketiadaan tanjakan di bank menyebabkan ahlinya terpaksa meminta pertolongan rakan untuk mengeluarkan wang untuknya, namun dikhianati. Disebabkan peristiwa itulah beliau bertemu dengan pihak bank untuk meluahkan ketidakpuashatian bagi pihak OKU, serta memberi idea mengatasinya. Luahan dan idea beliau disambut baik apabila beliau dilantik sebagai perunding rasmi bagi pihak Maybank. Semua cawangan Maybank pada masa kini sudah mempunyai tanjakan di tempat yang berpatutan. Di samping itu, terdapat juga beberapa cawangan Maybank yang mesra OKU. Iaitu dengan penyediaan satu ATM khas bagi warga OKU terutamanya yang berkerusi roda.

“Jika ada satu pasukan, mungkin segalanya akan tercapai.” - Murugeswaran Veerasamy

Bagi beliau, antara cabaran terbesar yang beliau hadapi adalah berkenaan sokongan daripada golongan OKU itu sendiri. Tegasnya, setiap perkara yang telah beliau lakukan tidak pernah melanggar atau mencabar kedaulatan undang-undang negara. Ianya hanya untuk menyuarakan kepentingan dan keperluan yang diperlukan oleh golongan OKU secara aman. Hasilnya pada masa kini banyak infrastruktur yang strategik bertujuan memudahkan segala urusan harian OKU serta pengguna lain dapat dinikmati.

Selepas Kejayaan

Oleh kerana banyaknya jasa, beliau telah dinobatkan menerima pelbagai anugerah terutamanya dalam bidang kemanusiaan. Antaranya, beliau telah merangkul gelaran Sepuluh Rakyat Malaysia Cemerlang untuk kategori Perkhidmatan Kemanusiaan dan Kesukarelaan daripada JCI pada tahun 2009. Selain itu, beliau turut memperolehi anugerah daripada SUHAKAM iaitu Anugerah Hak Asasi Manusia 2012 untuk Anugerah Komuniti (Individu). Pada tahun 2016, beliau mendapat anugerah daripada syarikat besar di Malaysia iaitu NSTP dan PWC. Anugerah yang dirangkul beliau adalah *NSTP-PwC Young Humanitarian Award* sebagai tanda penghargaan atas perbuatan yang tidak mementingkan diri dan jasa baik beliau. Beliau juga dilantik dan masih merupakan ahli majlis dalam MKBOKU sehingga kini.

Kesimpulan

Beliau berharap supaya warga OKU pada masa kini berani menonjolkan diri dek sistem sokongan yang banyak. Sebagai contoh, wujudnya JPOKU di bawah JKM dan MKBOKU di bawah KPWKM. Selain itu, terdapat juga posisi khas Senator bagi warga OKU. Beliau juga berharap supaya warga OKU berdaftar dengan JKM dan ceburi persatuan-persatuan OKU yang sedia ada. Kerana, banyak pengalaman yang boleh mereka pelajari daripada veteran-veteran OKU, di samping berkenalan dengan ramai OKU lain. Ini merupakan sistem sokongan yang baik terutamanya buat masyarakat yang masih baru tergolong dalam kategori OKU.

Beliau turut ingin berterima kasih kepada kerajaan kerana banyak mendengar luahan dan melaksana tanggungjawab sebaiknya. Beliau berpendapat bahawa pihak kerajaan perlu memfokuskan untuk bekerjasama bagi memudahkan urusan semua pihak. PBT juga harus cuba sebaik mungkin untuk menyediakan prasarana yang menjadi keperluan bagi warga OKU. Beliau turut berharap agar pihak kerajaan mengukuh dan memperkasakan lagi akta OKU sedia ada dengan mewujudkan satu pasukan khas untuk berbincang mengenainya.

“Saya fikir setiap perkara (masalah) di dunia ini akan ada cara atau jalan penyelesaian.” -

Murugeswaran Veerasamy

OKU DALAM BIDANG KESENIAN

Kegiatan kesenian dalam kalangan OKU bukanlah asing kerana tokoh seperti Beethoven, Stevie Wonder, Ronnie Milsap, George Shearing, Ray Charles, dan Andrea Bocelli yang memperkenalkan muzik mereka kepada dunia. Di Malaysia, artis seperti Alfred Ho dan Abdul Rahman Alabaladi menjadi sensasi pada zaman mereka dalam muzik gitar dan gambus kepada negara.

Kisah 16 Clarence Kang -Pemain Piano



Irama Perkasakan Jiwa, Lagukan Seribu Kekuatan

Oleh: Norailis Ab. Wahab dan Syarizal Abdul Rahim

Pengenalan

Clarence Kang (Clarence), seorang Autistik-savant yang bernasib baik kerana mendapat sokongan keluarganya untuk melonjakkan potensinya sebagai pemain piano hebat. Clarence memiliki kelebihan *photographic memory* yang mampu menghafal nota muzik, mengatur dan mentranskripsikan muzik dari memori, dan menganalisis kord rumit tanpa mendapat pendidikan formal dalam muzik. Keluarga menyedari bakatnya ketika beliau mula bermain piano seawal usia dua tahun. Ibu bapanya tidak mengetahui bahawa Clarence autistik pada ketika itu. Beliau agak pendiam dan pemalu ketika masih kecil serta lebih suka melakukan sesuatu secara bersendiri. Beliau didiagnosis dengan autisme dan ADHD sebelum berusia lima tahun.

Ibu bapanya membiarkan beliau belajar selama beberapa tahun di NASOM bahkan setengah tahun untuk latihan vokasional sehingga berusia sembilan tahun. Ketika umurnya menginjak 10 tahun, Clarence belajar dari rumah untuk tempoh beberapa tahun selepas itu. Hampir setiap bulan sebelum penularan virus COVID-19, beliau melibatkan diri dalam persembahan pentas. Ibu serta kakaknya menumpukan perhatian khusus kepadanya agar beliau kekal konsisten dalam mempersembahkan lagu-lagunya untuk para penonton.

Sebelum Kejayaan

Clarence mempunyai kekuatan yang jauh lebih baik dari ibunya sendiri, seorang guru muzik. Jika diberitahu kepadanya untuk melakukan apa yang dia dengar dari lagu dan menulis *chord* muzik dengan serta-merta untuk ibunya. Kali terakhir, dia menulis *chord* atas permintaan ibunya hanya dalam tempoh yang cukup singkat meskipun pengalaman ibunya dalam mengajar muzik bertahun-tahun lebih banyak berbanding Clarence.

“Saya menyuarakan isi hati melalui lagu-lagu gubahan sendiri.” – Clarence Kang

Beliau berdisiplin tinggi dengan melalui banyak latihan. Antara persiapannya setiap kali sebelum persembahan diadakan, adalah menjadi kewajipan untuk berlatih memainkan piano kira-kira satu setengah jam sehari setiap hari. Dengan kelebihan *photographic memory* yang dimilikinya, membantu Clarence dalam mempelajari *chord* dan lagu-lagu baru dengan lebih cepat. Beliau berasa seronok setiap kali berada di atas pentas untuk persembahannya. Kekurangan yang dimilikinya tidak menghalang Clarence untuk berinteraksi dengan pemuzik-pemuzik lain malahan turut berkomunikasi melalui muzik mereka.

Di Puncak Kejayaan

Clarence telah diberikan peluang yang hebat ketika usianya 12 tahun, di mana beliau bekerjasama dengan Orkestra Filharmonik Malaysia untuk mempersembahkan bakatnya kepada umum di **Dewan Filharmonik Petronas, Kuala Lumpur**. Clarence juga adalah pemain piano untuk NASOM. Beliau memenangi Festival Muzik Pyeongchang Korea 2013. Clarence Kang memainkan *Flight of the Bumblebee* dan lagu ciptaan sendiri, *Concert Fantaisie* di *AnAn International Autism Talent Gala* 2014, Hong Kong. Selanjutnya, beliau memenangi dua Anugerah iaitu *Touching Emotion* dan *Outstanding Performance* di pertandingan yang sama.

Pada tahun 2015, dia berjaya ke pertandingan separuh akhir TV realiti *Asia's Got Talent*. Pada tahun 2016, Clarence memenangi dua anugerah: *Best Expression Award* dan *Excellent Performance Award* dalam Gala Bakat Autistik Antarabangsa Hong Kong 2015. Clarence telah memenanginya melalui persembahan duet yang digubah oleh ibunya, Joyce Lim yang bertajuk *Hold My Hand*. Lagu ini mengisahkan tentang autisme yang ditulis oleh Joyce, diilhamkan sendiri oleh Clarence.

2017 menyaksikan beliau telah diperkenalkan kepada Autism Hall of Fame, Amerika Syarikat. Salah satu kejayaan di puncak kerjaya Clarence adalah membuat persembahan dengan penyanyi antarabangsa Yuna di Sukan Para Asia ke-9 dan dia juga diberi tanggungjawab menyampaikan ceramah di TedX Petaling Street. Beliau turut muncul di rancangan televisyen di peringkat antarabangsa seperti *I Dream China* yang dihasilkan oleh *Zhejiang Broadcasting Television*.



Gambar 42: Clarence dan Yuna di sukan Para-Asia ke-9
Sumber: Koleksi Peribadi Clarence

Clarence memberikan komitmen tinggi dalam pengajian muzik hingga mendapat merit yang sangat baik sehingga berjaya menggenggam Associate Diploma dan Diploma dari *The London College of Music*. Melalui melodi dan lagu, Clarence berpeluang bertemu individu-individu yang mempunyai minat yang sama di merata tempat, di seluruh dunia. Dalam pada masa yang sama, beliau sering dijemput untuk menyerikan konsert-konsert amal dengan bakatnya itu. Meskipun beliau adalah insan istimewa, pastinya dengan didikan terbaik ibu bapanya membuatkan beliau berasa bertanggungjawab untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat tentang autisme. Pastinya kejayaan beliau menjadi sumber inspirasi, contoh dan galakan kepada ibu bapa dan golongan autisme.

Selepas Kejayaan

Peminat tegar Wolfgang Amadeus Mozart dan Ludwig van Beethoven ini merancang untuk mengadakan konsert antarabangsa yang mengetengahkan lagu-lagu ciptaannya sendiri pada tahun 2021. Baginya usah mengalah, berlatih sehingga mendapatkan lagu-lagu hasil ciptaannya yang sempurna. Sokongan yang tidak berbelah bahagi oleh ibunya merupakan pengaruh yang kuat semenjak beliau mengenali *octave*, *crotchet* dan *minim* sehingga dalam kariernya.

Cabarannya yang paling besar dihadapi olehnya adalah ketika penularan pandemik COVID-19 di hampir serata dunia memberikan kesan langsung kepada perancangan konsert bersiri. Namun begitu, dalam keadaan-keadaan biasa juga sukar bagi seorang pemuzik untuk kelangsungan hidup tetapi bahagian yang terbaik buat dirinya adalah menikmati masa di atas pentas dan titisan air mata dari penonton ketika menghayati karyanya. Situasi itu membuatkan beliau merasakan bahawa mereka benar-benar menghargai muziknya.

Dalam pada itu, ibu bapanya membuat keputusan untuk kembali menghantar Clarence ke institusi pengajian untuk membimbingnya dalam perkara-perkara berkaitan kemahiran pembelajaran dan komunikasi. Kini, mereka berdua membiarkan anaknya untuk belajar lebih banyak kemahiran hidup seperti memasak, membeli belah dan menjaga dirinya sendiri. Harapan kedua orang tua Clarence adalah dengan secara beransur-ansur, beliau akan lebih berdikari dalam menguruskan dirinya, mempunyai pekerjaan yang sesuai dengan kemampuan dan bakatnya.



Gambar 43: Clarence mendapat diploma dalam muzik.

Sumber: Koleksi Peribadi Clarence

Clarence merupakan antara contoh terbaik individu autism yang berbakat besar dalam bidang yang diminatinya. Seringkali beliau menjadi “mata” untuk ibunya melihat sesuatu perkara dari perspektif berbeza. Justeru, individu di sekeliling insan-insan seperti Clarence perlu mempunyai kesabaran yang tinggi kerana semangat mencuba apa yang diinginnya adalah tinggi. Kesukaran turut dilalui apabila mereka berhajat kepada sesuatu, namun mereka tidak boleh bersuara. Jadi, ini adalah keutamaan bagi masyarakat untuk mengetahuinya melalui aktiviti-aktiviti kesedaran autisme di pelbagai platform terutamanya di media sosial.

Kesimpulan

Ibu bapa yang memiliki anak autisme diharapkan dapat melihat masa hadapan anak-anak mereka melalui Clarence dengan harapan yang lebih baik untuk mereka. Ibu bapa ini juga perlu melihat kekuatan dan minat anak-anak serta turut menyokong untuk mengetengahkan potensi dalam diri. Intervensi intensif awal adalah penting untuk kanak-kanak autistik, dan mendapatkan rawatan khusus sebelum berusia enam tahun boleh membantu menambahbaikkan simptom dan keadaan kanak-kanak autistik. Biarkan masyarakat tahu tentang autisme dengan melihat bagaimana keadaan ini boleh menjadi bertambah baik dengan mengelakkan menyembunyikan mereka di rumah. Namun, setiap anak-anak adalah berbeza dan unik, maka ianya memberikan kesan kepada kaedah yang berlainan untuk mendidik mereka. Ianya bukan langkah yang mudah dalam tempoh yang singkat.

Ibu bapa perlu mengkaji anak-anak mereka sendiri dengan menghabiskan lebih banyak masa bersama-sama, untuk mengetahui perasaan anak-anak autistik terhadap perkara-perkara

yang menjadi perhatian. Latihan untuk mereka dengan kemahiran mengendalikan kehidupan supaya mereka berdikari seperti kebersihan diri, bagaimana untuk makan dan minum dan berkelakuan di khalayak ramai. Dari perspektif sosial pula, interaksi dengan kanak-kanak lain juga penting bagi kanak-kanak autisme ini tanpa mengira yang mempunyai latar belakang yang sama dan yang normal.

Rujukan

New Straits Times (20 Aug 2020). Family fully behind Clarence Kang's piano journey.

<https://www.nst.com.my/news/nation/2020/08/617981/family-fully-behind-clarence-kangs-piano-journey>

Ong Chin Huat (17 Nov 2018). Finding the musical genius in a special needs child

<https://www.thestar.com.my/lifestyle/life-inspired/2018/11/17/special-needs-musical-genius>

Kisah 17 Umar Hasfizal – Penyanyi



Bintang Bertuah

Oleh: Nur Mustaqim Jamalludin dan Zul Karami Che Musa

Pengenalan

“Fizikal Umar nampak sangat sempurna, tapi tingkah laku dia berlainan.” – Hasfizal Mukhtar

Umar Hasfizal, 22, merupakan seorang penggiat seni yang terkenal dan berpotensi tinggi. Khususnya di kalangan Badan Kerajaan dan NGO, beliau terlibat dalam aktiviti-aktiviti ke sukarelawan dan kebajikan berkaitan insan istimewa. Perkara yang mencuri perhatian ramai adalah beliau merupakan seorang penghidap autisme. Sepanjang 11 tahun penglibatan Umar dalam bidang seni, beliau telah berjaya mendapat pengiktirafan di dalam dan di luar negara.

Seawal usianya dua tahun setengah, timbul keraguan ibu bapa Umar mengenai tingkah laku beliau yang berlainan dengan kanak-kanak lain seusianya. Ditakdirkan pada suatu hari, mereka terbaca keratan akhbar tulisan Dr Zasmani Shafiee berkaitan autisme dan tanda-tandanya. Majoriti tanda-tanda tersebut terdapat pada permata sulung mereka pada ketika. Antara tanda tersebut ialah beliau terlalu aktif dan masih belum mampu bertutur seperti kanak-kanak sebayanya. Selain itu, beliau juga sering mengajuk atau mengulang kata-kata dan soalan yang dilemparkan kepadanya. Istilah ilmiahnya dikenali sebagai *ekolalia* iaitu kecenderungan seseorang mengulangi atau meniru kata-kata yang baru sahaja ditutur oleh orang lain secara spontan disebabkan faktor seperti keturunan atau ketidakseimbangan kimia di dalam otak. Tanpa berlengah, mereka mengambil keputusan untuk membawa Umar ke HUKM untuk didiagnosis oleh pakar perubatan. Setelah menjalani proses berkaitan selama enam bulan, akhirnya Umar telah disahkan sebagai insan istimewa autisme ketika beliau berusia tiga tahun. Walaupun disahkan menghadapi masalah pada fungsi otak, ia tidak menjadi penghalang beliau untuk menggapai kejayaan yang membanggakan kedua ibu bapanya.

Sebelum Kejayaan

Umar telah mula mendapat pendidikan sejak berusia empat tahun melalui Program Intervensi Awal di NASOM. Pada peringkat awal, beliau hanya mampu untuk hadiri dua sesi seminggu. Kemudian secara berperingkat, beliau dapat menambahkan sesi sehingga akhirnya beliau hadir sesi tersebut seperti taska biasa.

Selain program tersebut, atas nasihat doktor beliau turut menghadiri Terapi Cara Kerja (*Occupational Therapy*) di Hospital Selayang dan Terapi Pertuturan (*Speech Therapy*) di Hospital

Pantai. Walaupun program dan terapi tersebut dilihat agak membebankan bagi kanak-kanak seusianya, beliau sangat bertuah kerana ditemani ibu bapanya sepanjang sesi tersebut dijalankan. Dek saranan pakar di mana terapi autisme memerlukan 45 jam seminggu, ibunya tekad berhenti bekerja untuk meneruskan terapi tersebut di rumah. Ia membuatkan Umar rapat bersama ibunya dan dapat mengurangkan beban fikiran beliau dalam sesi pembelajarannya.

Meskipun mempunyai masalah intelektual, Umar diberi peluang untuk menjalani zaman persekolahannya di sekolah awam biasa melalui PPKI. Beliau mendapat pendidikan di Sekolah Kebangsaan Setapak dan Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Sentul. Walaupun beliau didaftarkan di bawah program PPKI, beliau masih ditempatkan di kelas aliran perdana dengan bantuan seorang guru dari NASOM. Lebih memerlukan ibu bapanya apabila beliau lulus SPM meskipun mempunyai autisme.

Guru yang lebih mesra dengan panggilan Cikgu Sharifah tersebut bertanggungjawab untuk mengawasi tingkah laku dan peribadi Umar sepanjang berlangsungnya sesi persekolahan. Pada permulaannya, guru tersebut akan mengikuti sesi pembelajaran Umar untuk setiap subjek di dalam kelas. Seterusnya, sedikit demi sedikit beliau mengundurkan diri setelah beliau yakin akan kemampuan Umar untuk mengadaptasi diri dalam persekitaran persekolahan.

Sebagai persediaan untuk menjadi individu yang berdikari, Umar kini melanjutkan pengajian di Kolej Komuniti Selayang dalam bidang Asas Kulinari dan bertugas sebagai krew di Ausome Café. Bagi insan autisme, pengajaran asas kehidupan sangat penting untuk memastikan kebolehupayaan mereka untuk berdikari pada masa kelak. Ianya sedikit sebanyak dapat melegakan hati ibu bapa beliau melihat dirinya pandai untuk mengurus diri dalam kehidupan harian.

Selain galakan oleh para guru, beliau juga mendapat inspirasi daripada artis-artis terkenal di dalam dan luar negara. Antara artis kegemaran beliau adalah penyanyi Maher Zain dan kumpulan Inteam. Beliau sering meniru gaya dan lentok nyanyian artis-artis kegemarannya yang secara langsung mengasah bakat nyanyiannya.

Di Puncak Kejayaan



Gambar 44: Umar (kanan) bersama piala dan plak yang pernah dimiliki dari pelbagai pihak, termasuk badan korporat dan agensi kerajaan.
Sumber: ISM (2020)

Bakat Umar dalam bidang kesenian, khususnya menyanyi mula disedari oleh guru-gurunya semasa di NASOM semasa beliau berumur 10 tahun. Beliau telah digalakkan menyertai kumpulan koir yang diberi nama NASOM Maestro dengan bantuan seorang komposer khas untuk mencungkil bakat insan-insan autisme. Kumpulan koir tersebut mendapat sambutan yang amat mengagumkan apabila menerima banyak jemputan dari pelbagai pihak sebagai tanda sokongan. Oleh kerana sokongan padu daripada masyarakat umum, komposer tersebut telah mengeluarkan satu lagu tema khas untuk NASOM Maestro yang bertajuk *Show Me The Way*.


Guru beliau turut menggalakkan beliau mencuba nasib dengan menyertai pertandingan *Malaysia Special Idol*. Hasil yang diperoleh agak memberangsangkan apabila beliau berjaya mendapat tempat kedua. Perkara tersebut membuatkan ibu bapa Umar terkesima dengan pencapaian yang tidak disangka-sangkakan oleh anak istimewa mereka itu. Ianya jelas menunjukkan sumbangan signifikan para pendidik yang banyak membantu Umar dalam kejayaan karier muziknya pada masa kini. Berdasarkan kejayaan kumpulan koir dan pertandingan tersebut juga Umar telah mula mendapat perhatian netizen di laman sosial.

Di sitalah permulaan bakat nyanyian beliau mula dikenali dan ditonjolkan kepada khalayak ramai. Antaranya, beliau kerap menerima undangan daripada badan korporat dan agensi kerajaan untuk program atau majlis rasmi. Secara puratanya, permintaan nyanyian Umar akan melonjak naik terutamanya pada bulan April iaitu bulan kesedaran autisme. Beliau juga pernah diberi penghormatan untuk menghiburkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong dan Yang Amat Berbahagia (YAB) isteri Perdana Menteri.



Gambar 45: Sijil pengiktirafan Naturally Autistic People Awards dari Kanada yang dimiliki beliau.
Sumber: ISM (2020)

Kejayaan nyanyian Umar kian memuncak sehingga beliau pernah mendapat jemputan untuk pertandingan yang berlangsung di Kanada pada tahun 2013. Beliau berjaya merangkul tempat kedua Seni Persembahan (Kategori Remaja) ketika konvensyen dan festival *Naturally Autistic People Awards* tersebut. Pada tahun 2014 pula, beliau turut menerima jemputan untuk membuat persembahan di Festival Asian Untuk Artis OKU yang berlangsung di Myanmar.



Gambar 46: Mini album Umar, Doaku.
Sumber: Koleksi Peribadi Umar

Oleh kerana sambutan hangat dari para peminat, ayah Umar bersetuju untuk mencipta satu mini album untuk beliau bertajuk *I Give the Best of Me* yang mengandungi tujuh lagu. Penerbitan album tersebut dijayakan dengan bantuan seorang komposer terkenal iaitu Brian John Yim (*Brian Yim Music Corporation*). Ia kemudian disusuli mini album kedua beliau berjudul Doaku. Album Doaku berhasil daripada kerjasama rakan ayahnya sendiri iaitu seorang komposer bernama Erwan Muhibbain (*Mabkhoor Music*). Ia mengandungi alunan ayat suci dan lagu yang dinyanyikan beliau. Selain itu, Umar turut terpilih untuk mendendangkan lagu latar bagi filem penerbitan Tunku Mona Riza berjudul Redha pada tahun 2016. Filem tersebut telah menerima banyak anugerah dek pengajaran dan mesej yang disampaikan oleh filem tersebut mengenai autisme.

Umar juga tidak asing dalam industri siaran. Telah beberapa kali beliau menerima jemputan oleh stesen televisyen untuk membintangi siaran-siaran terkenal. Antaranya seperti Malaysia Hari Ini (MHI), TV Alhijrah dan beberapa siaran radio tempatan. Umar turut mempunyai beberapa koleksi video dalam laman sesawang rasminya iaitu www.umarhasfizal.com.

Pada tahun 2017, beliau menerima jemputan sebagai artis jemputan untuk Konsert Semarak Biru. Ianya dilaksanakan di Dataran DBKL sempena bulan kesedaran autisme sedunia. Pada tahun yang sama juga beliau dijemput untuk Konsert Satu Hati di Pusat Kreatif Kanak-Kanak Tuanku Bainun, Taman Tun Dr Ismail. Ianya satu penghargaan apabila YB Senator Ras Adiba Radzi, pada masa kini pernah menyebut nama beliau di lama Facebook peribadinya sempena konsert tersebut.

Selepas Kejayaan

Bakat Umar bukan hanya dalam bidang nyanyian semata-mata. Beliau turut aktif dalam tilawah dan hafazan Al-Quran semenjak dari zaman persekolahan. Telah beberapa kali beliau mewakili sekolah dalam bidang tilawah dan hafazan sehingga ke peringkat daerah. Ianya juga merupakan galakan dari guru beliau yang yakin akan kemampuannya dalam mengalunkan ayat-ayat suci Al-Quran dengan merdu. Pada tahun 2017, kemampuan Umar dibuktikan selepas berjaya menggenggam segulung sijil Talaqqi Bersanad 30 juzuk Al-Quran. Penyerahan sijil tersebut disempurnakan oleh Syeikh Redha Ali Darwisy, tajaan Yayasan Al-Baghdadi.

Antara pencapaian yang paling membanggakan pernah Umar hadiahkan kepada ibu bapanya adalah pencapaian dalam pertandingan azan kategori terbuka dewasa. Pertandingan tersebut telah dianjurkan di Masjid Negeri, Shah Alam pada tahun 2017. Lebih mengagumkan apabila beliau berjaya mendapat tempat ketiga dalam pertandingan tersebut meskipun ia tidak dikhaskan untuk OKU. Ia merupakan kayu ukur yang positif bahawa insan autisme juga mampu untuk memberi saingen sengit mengatasi masyarakat umum yang lain.

Selain itu, Umar juga pernah menjadi calon Ikon Autisme sempena Anugerah Hati Ke Hati anjuran Bank Rakyat Malaysia Berhad pada tahun 2019.



Gambar 47Umar (dua dari kiri) bersama keluarga yang banyak memberi sokongan dan galakan untuk beliau bergiat dalam bidang seni.

Sumber: Koleksi Peribadi Umar

Cabaran terbesar yang dihadapi Umar adalah dari segi komunikasi. Kelemahan komunikasi dilihat sebagai satu kesukaran untuk berdikari dan berinteraksi dengan masyarakat umum. Oleh yang demikian, sering kali beliau akan ditemani oleh ibu bapanya jika terdapat pertandingan atau jemputan persembahan dari pihak luar. Ibu bapa Umar akan memainkan peranan sebagai pengurus yang akan mengendalikan segala urusan dan mengawal tingkah laku beliau.

Namun, beliau masih bersyukur kerana mampu menonjolkan bakatnya dengan bantuan dan keprihatinan masyarakat umum. Masyarakat di Malaysia kini lebih prihatin terhadap perkara yang melibatkan golongan OKU di negara ini. Sokongan padu masyarakat prihatin membantu dalam merealisasikan impian beliau dalam bidang nyanyian atau muzik. Umar juga merupakan contoh jelas bahawa jika diberi ruang dan peluang kepada insan autisme, mereka mampu untuk memberi sumbangan yang signifikan kepada masyarakat.

Kesimpulan

Harapan terhadap masa hadapan OKU terutamanya mereka yang mempunyai kelainan upaya seperti autisme ini agar diambil lebih perhatian oleh masyarakat. Seperti Umar, ibu bapa anak-anak istimewa ini seharusnya memberi lebih perhatian kepada keistimewaan dan bakat mereka. Hal ini kerana mereka boleh dibentuk untuk menjadi insan yang berjaya walau ia akan mengambil masa yang lama. Oleh itu, kesungguhan, kesabaran dan istiqamah dalam membantu dan membentuk mereka menjadi insan luar biasa amatlah penting. Dengan kesabaran dan usaha yang konsisten, Umar dan insan sepertinya akan dapat menyerlahkan bakat mereka dengan lebih luas lagi.

“Harapan kami sebagai ibu bapa hanya mahukan anak istimewa kami supaya boleh berdikari sendiri selepas kami pergi nanti.” – Hasfizal Mukhtar

Rujukan

www.umarhasfizal.com

OKU DALAM BIDANG KEUSAHAWANAN

Cabar dan halangan golongan OKU dalam alam pekerjaan bukan suatu permasalahan yang asing dalam kalangan masyarakat. Oleh itu, golongan istimewa ini lebih cenderung untuk bekerja sendiri tidak kira sama ada sebagai peniaga kecil atau secara besar-besaran. Kini, golongan OKU telah mendapat pengiktirafan dalam menjadi usahawan sosial yang berjaya setanding dengan insan normal dalam bersama-sama membantu struktur ekonomi negara.

Kisah 18 Fariz Haji Abd Rani - Usahawan Barang Bantuan OKU



Hembusan Bayu Kinabalu

Oleh: Umi Waheeda I'zaaz Zulkifly dan Mohd Ikhwan Aziz

Pengenalan

Andai mampu masa untuk diputarkan semula, berjuta manusia akan kembali untuk menukar pilihan mereka. Tapi siapa yang menjangka, hanya satu pilihan akan mampu untuk mengubah kehidupan manusia. Kisah hidup Fariz sebagai seorang OKU bermula sejak 22 tahun yang lalu ketika beliau belajar di matrikulasi UKM. Motosikal yang diboncengnya tergelincir di selekoh ketika dia dan kawannya dalam perjalanan untuk makan sate kajang selepas habis kelas malam. Beliau terlempar daripada motor dan terdampar di bahu jalan membuatkannya tidak mampu untuk bangun. Setelah dikejarkan ke HBKL, ternyata hentakan daripada helmet ke jalan mencederakan tengukunya. Fariz serta merta lumpuh dan bergelar OKU. Siapa tahu niat untuk mengisi perut mengundang tragedi dalam hidupnya. Anak kelahiran Sabah ini ditahan di hospital selama empat bulan ditemani oleh kakak dan ibu bapanya yang selang seli menjaganya. Selama tiga bulan berada di hospital, Fariz diajar untuk berdikari dalam menjalani hidup berkerusi roda.

Sesudah beliau keluar daripada hospital, beliau diberikan cuti oleh pihak universiti sehingga sembuh. Bagaikan isyarat untuknya tidak kembali, UKM membenarkan Fariz cuti sehingga sembuh kerana kecederaan saraf tunjang tidak ada pengubatnya. Hancur berkecualian harapan Fariz untuk menyambung pelajaran di menara gading. Hati mana yang tidak hampa, jiwa mana yang tidak merana, kalau sudah takdir tuhan, masakan mampu untuk tidak diterima.

Sedang beliau mengambil masa setahun untuk menerima hakikat kecacatannya, masih lagi tidak mampu untuk beliau menstabilkan emosinya. Tiga tahun masa yang diambil oleh beliau untuk menyesuaikan diri dengan norma baharu. Hanya televisyen menjadi peneman setia dalam hari-hari yang mendatang.

Sebelum Kejayaan

Sedang beliau menyusuri hari-hari yang berlalu, ditenung wajah ayah dan bonda, yang saban hari makin menua. Hatinya berkata-kata, “sampai bila harus hidup begini?” Ibu bapanya semakin lemah dan satu-satunya anak lelaki mereka hidup di atas kerusi roda. Adakah hanya akan ditanggung dan dijaga oleh orang tuanya seumur hidup? Sudahlah nasibnya begini, mana mungkin sanggup beliau menjadi beban yang lebih berat lagi. Dalam payah, dengan susah, kerusi roda itu diusung untuk mencari ruang jalan rezeki kalau mungkin ada yang sanggup menerima.

Fariz memulakan zaman pekerjaannya setelah sebulan sebagai pembantu kedai barang OKU pada tahun 2001. Biar hanya bergajikan RM 500 sebulan, inilah permulaan pengembalaan beliau dalam dunia luar. Setelah sekian lama berkhidmat, beliau tidak kekal bekerja di kedai tersebut. Beliau meneruskan kehidupan pekerjaannya bersama-sama sebuah institusi yang membantu OKU di Borneo. Takdir tuhan membuka jilid baharu kehidupannya, beliau bertemu dengan satu peluang untuk menukar kisah hidup baru.

Sepanjang perkhidmatan beliau di institusi OKU, beliau mendapati bahawa ramai OKU memakai peralatan yang tidak sesuai dengan kecacatan yang dimiliki. Pengalaman beliau dalam menguruskan perniagaan barang OKU menjadikannya seorang yang arif tentang permasalahan ini. Berbekalkan hanya pada kepakaran, beliau memanggil rakannya untuk bersama-sama menubuhkan syarikat pembekal barang OKU. Dengan modal yang dikeluarkan oleh rakan tersebut, Fariz memulakan perniagaannya dengan objektif membantu OKU untuk mendapatkan alat bantuan yang sesuai untuk mereka. Maka lahirlah syarikat Jasa Bumi Prostetik pada tahun 2009 berdasarkan perkongsian itu.



Gambar 48: Fariz menunjukkan cara pembuatan kaki prostetik
Sumber: Koleksi Peribadi Fariz

Walau masih mentah dalam dunia perniagaan, pengalaman yang dipelajari daripada pengurusan kedai tempatnya bekerja sebelum ini memberikan Fariz keyakinan untuk bermula. Beliau telah mempelajari cara pengurusan stok, melayani pelanggan dan iklan pemasaran yang baik. Meski tidak lama perkongsian itu, beliau mampu untuk mengumpulkan modal untuk membuka syarikat baru yang dinamakan JB Prosthetic & Rehab Supply Sdn. Bhd. pada tahun 2012.

Walau emas segunung dimiliki, hati Fariz tekad untuk menyambung kembali pelajarannya yang terhenti pada suatu ketika dahulu. Pernah beliau mencuba nasib di UMS pada pembukaannya 1998 dahulu tetapi tidak berjaya kerana kekurangan fasiliti. Pembukaan OUM pada tahun 2012 kemudiannya membakar semangat Fariz untuk meneruskan pelajarannya. Persetujuan pengarah OUM untuk memastikan fasiliti yang cukup dan servis yang mantap untuk OKU memberi ruang kepada Fariz untuk menimba ilmu sebagai OKU buat pertama kalinya.

Di Puncak Kejayaan

Setelah setahun melanjutkan pelajaran dalam bidang psikologi, sekali lagi perjalanan beliau dalam pelajaran tertangguh. Namun kali ini atas sebab yang berbeza. Rezeki perniagaan bertambah dengan geran daripada kerajaan, beliau membuka kilang pertama bagi membuat alat bantuan OKU. Untuk menumpukan seluruh jiwa kepada perniagaannya dan memikul amanah dari geran yang diberikan, Fariz memilih untuk mengundurkan diri daripada pelajaran. Sedang beliau sibuk mengejar rezeki ketika bertemu dengan pelanggan di Labuan, tanpa disangka-sangka beliau ketemu jodohnya. Mereka melangsungkan pernikahan pada tahun 2014. Isteri yang dinikahinya enam tahun lalu sememangnya amat memahami dan berkongsi visi yang sama dalam membantu golongan yang memerlukan. Gandingan bersama-sama isteri beliau yang ditemui ketika mereka bersama-sama mempunyai kerja di Labuan ternyata membawa hasil. Pada tahun 2015, beliau diberi Anugerah Khas OKU Kategori Usahawan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia. Ini membangkitkan lagi semangat Fariz dalam mengejar impianya sedikit demi sedikit. Maka langkah demi langkah dibuka oleh Fariz dalam mengejar impian membina empayar perniagaannya.

Selepas Kejayaan

Walau perkembangan syarikat amat memberangsangkan, ada sesuatu yang membelenggu hatinya. Apakah syarikat ini sejajar dengan objektif perniagaan yang dahulu pernah diimpikan? Mampukah JB Prosthetic and Rehab membawa Fariz ke kemuncak kejayaan? Manipulasi dan permainan harga menjadi dilema pada Fariz kerana syarikat yang mempunyai modal kecil sepertinya pasti tidak akan mampu berlawan dalam persaingan tersebut. Sebelum tenggelam dengan permainan jelek ini, Fariz mengambil keputusan untuk melangkah pergi ke arah yang lebih jauh.

Fariz dan isterinya kemudian mengambil keputusan untuk menukar strategi perniagaan mereka. JB ditukarkan kepada Orthovive Sdn. Bhd. pada tahun 2017 untuk memantapkan penjenamaan di peringkat antarabangsa. Perjalanan ke peringkat dunia pastinya tidak mudah

namun Fariz tidak naif. Meski tidak mempunyai pengalaman yang luas, beliau belajar daripada mentor yang sememangnya telah menjakkan empayar mereka di mata dunia. Pengalaman yang luas dimiliki oleh mentor-mentornya seperti Tan Sri Ali Hashim dan Abang Dino, digunakan sebaik mungkin demi mengembangkan empayar perniagaannya.

Meskipun Fariz kehilangan pelanggan tetap seperti hospital-hospital besar di Sabah akibat perubahan model perniagaan, beliau tidak menyesali keputusan tersebut. Pendapatan yang dijana oleh Orthovive adalah dua kali ganda daripada JB yang sebelumnya. Fariz kini tidak berhadapan dengan dilema perniagaan. Kemajuan Orthovive di tanah air amat pesat sehingga syarikat ini hampir membuka kilang baru di ibu negara. Sungguhpun tampak gah dalam pendapatan dan jualan, Fariz hampir terperangkap dengan ilusi pelebaran sayap syarikatnya.

Perbelanjaan syarikat amat menggusarkan akibat perjalanan yang memakan masa, tenaga dan wang ringgit. Maka Orthovive menggunakan teknologi terkini untuk kelestarian jangka hayatnya dalam membekalkan barang OKU dan ortotik. Selepas pemergian Tan Sri Ali Hashim, Fariz membawa Orthovive ke fasa baharu iaitu fasa inovasi. Orthovive yang kini mengilangkan kerusi roda mula mencipta nama di pasaran tempatan dan Asia Tenggara. Namun begitu, Fariz juga mengedarkan barang berjenama daripada Itali dan Jerman.

Tamparan pandemik COVID-19 sememangnya amat dirasai apabila operasi syarikat ini terpaksa dihentikan semasa PKP. Fariz kini mengerti bahawa tidak mudah untuk beliau menjakkan kaki ke pasaran global. Gudang seluas 3600 kaki persegi bertukar kepada ofis kecil yang juga menjadi stor simpanan baharu dan staf syarikat terpaksa dilepaskan pergi. Walau realitinya tampak kejam namun objektif beliau hanya satu, Orthovive akan terus hidup. Pada ketika ini perbelanjaan ditanggung oleh simpanan syarikat dan beberapa pendapatan sampingan yang dijana oleh Fariz sepanjang tempoh PKP.

Mujur beliau mempunyai tekad yang kuat dan sokongan padu daripada isterinya, mereka berjaya menjalani detik kepahitan dan ujian perniagaan dengan usaha yang kuat. Semuanya dilakukan demi menjadikan Orthovive jenama yang menjangkau pasaran dunia. Kini apabila perniagaan mereka makin pulih, Fariz mula untuk memfokuskan fasa inovasi Orthovive dengan penciptaan alat bantuan inkontinen urin. Alat yang akan membantu berjuta manusia akan menjadi buruan kira-kira 1.4 juta rakyat Malaysia dan 400 juta penduduk dunia.

Mengenangkan apa yang dihadapinya selama 22 tahun sebagai OKU, Fariz mengambil keputusan untuk menyuarakan pandangan beliau kepada masyarakat. OKU dianggap sebagai bebanan dalam pembentukan negara kerana masyarakat masih tidak faham akan keperluan

mereka. Namun, semua itu masih belum mencukupi. Walaupun masyarakat sedar akan kehadiran OKU dalam kalangan mereka, tidak semua tahu bagaimana untuk berinteraksi dan membantu OKU. Oleh itu, syarikat *Inspirize Consulting* dibina oleh Fariz untuk memberikan pendedahan dan latihan kepada masyarakat terutamanya agensi-agensi serta syarikat yang akan berurusan dengan insan istimewa ini.



Gambar 49: Fariz memberikan latihan OKU

Sumber: Koleksi Peribadi Fariz

Kesimpulan

Sejak kemalangan 22 tahun lalu, Fariz selalu terfikir akan kesediaan rakyat Malaysia dalam menghadapi musibah sepertinya. Namun adakah kecacatan yang menyebabkan kemajuan seseorang terbantut? Persoalan itu bermain di minda Fariz. Setelah mengimbau pengalamannya, beliau amat pasti bahawa bukan hanya kecacatan membataskan manusia tetapi ketidaksediaan fasiliti dan corak pemikiran masyarakat serta pihak berkuasa yang tidak mengizinkan kemajuan OKU.

Syarikat konsultasi ini juga mempunyai kebolehan untuk mengaudit bangunan atau *access audit* mesra OKU. Banyak perubahan yang diperjuangkan oleh Fariz bermula daripada negeri kelahirannya yang menghembus seribu satu hikmat kepada beliau sepanjang kehidupannya. IPT, UMS dijadikan sahabat perjuangan dalam membangunkan fasiliti mesra OKU. Objektif perjuangannya bukanlah hanya bagi OKU namun, fasiliti ini akan menjadi persediaan bagi masa hadapan kerana pada Fariz;

“Semua orang mempunyai kemungkinan untuk jadi OKU.”- Fariz Haji Abd Rani

Kisah 19 Kumaran a/l Marimuthun - Usahawan Percetakan



Bakti Kembali pada Tanah

Oleh: Nur Mustaqim Jamalludin dan Muhammad Naqib Mat Yunoh

Pengenalan

“Masa saya sampai di Perlis, saya langsung tak tahu cakap Bahasa Melayu. Awak malu sebab tak pandai cakap Bahasa Inggeris, tapi saya malu tak pandai cakap Bahasa Melayu.” - Kumaran a/l Marimuthun.

Kumaran a/l Marimuthun, 59 membesar di Ladang Patani Para Estate di Bidong, Kedah yang majoritinya merupakan kaum India. Menurut beliau, kaum Melayu turut menggunakan bahasa Tamil untuk berkomunikasi. Namun, tidak fasih berbahasa Melayu bukanlah penghalang beliau untuk terus menggapai kejayaan di bumi Malaysia ini. Setelah bergelar usahawan pada usia 24 tahun, beliau mendirikan rumah tangga dan dikurniakan tiga orang cahaya mata yang turut berjaya. Dua daripadanya sebagai doktor dan seorang sedang mengikuti pengajian Sarjana Ekonomi.

Siapa sangka bahawa seorang usahawan berjaya ini mempunyai sejarah ekonominya yang tersendiri semasa zaman mudanya. Ibu bapanya hanya penoreh getah dan beliau mempunyai 16 orang adik-beradik. Oleh hal yang demikian, beliau terpaksa mengorbankan pelajarannya untuk membantu mengurangkan beban kewangan dan menambahkan pendapatan keluarga. Beliau hanya mampu untuk bersekolah sehingga darjah empat sahaja. Namun, sifat ringan tulang dalam dirinya membuatkan beliau sanggup melakukan apa jua pekerjaan yang mampu. Dengan berbekalkan rezeki bekerja di kedai makan dan menoreh getah, beliau kongsikan bersama keluarganya.

10 Disember 1978 merupakan tarikh keramat yang masih beliau ingati sehingga kini. Pada usia 19 tahun, beliau terlibat kemalangan jalan raya semasa bekerja sebagai kelindan lori. Nahas tersebut berlaku antara lorinya bersama dengan sebuah lagi lori papan. Menurut Kumaran, pada masa dahulu tempat duduk kelindan bukanlah di sebelah pemandu tetapi harus bersama muatan di belakang lori. Kemalangan ngeri itu telah menyebabkan beliau tercampak ke atas jalan raya bersama muatan, lalu kaki kirinya dihimpit oleh lori papan tersebut. Dengan segera beliau telah dikejarkan ke Hospital Besar Pulau Pinang untuk dirawat. Malangnya, doktor tidak dapat menyelamatkan kaki kirinya dan terpaksa dipotong sehingga ke paras lutut. Kesedihan beliau pada ketika itu sememangnya tidak dapat dizahirkan, hanya Tuhan sahaja yang tahu.

Lebih malang apabila beliau langsung tidak mendapat sebarang pampasan kewangan mahupun barang dari pada kemalangan tersebut walaupun ia berlaku semasa menjalankan pekerjaan. Setelah dirawat selama tiga bulan, beliau terpaksa pulang dengan hanya berbekalkan sebatang tongkat kayu. Dengan harapan dan kesabaran yang tinggi beliau menunggu bantuan untuk kaki palsu, malangnya tidak kunjung tiba. Oleh itu, ibu bapa beliau telah bergolok gadai demi menghadiahkan kaki palsu yang berharga RM 1,400. Setelah dipasangkan kaki palsu, beliau mengambil masa lebih kurang tiga bulan untuk berlatih dan kembali mencari kerja setelah mula stabil.

Sebelum Kejayaan

Beliau berjaya menempatkan diri di sebuah stesen minyak Caltex di Padang Serai, Kedah pada tahun 1980. Dengan kadar bayaran untuk bekerja sebanyak RM 2.60 sehari di situ, beliau bertahan selama enam bulan sebelum mencari peluang lain. Beliau mengambil keputusan untuk mengikuti kursus usahawan di sebuah pejabat belia di Perlis selama dua minggu pada tahun 1981. Ia kerana beliau bertekad ingin mendapat pengalaman dan ilmu untuk memulakan perniagaan sendiri. Namun, kekurangan wang menyebabkan beliau terpaksa meminjam sebanyak RM 10 daripada Persatuan Belia 4B bagi bayaran tambang bas.

Semasa tiba di Perlis, beliau hanya berbekalkan RM 1.20 sahaja yang tinggal di dalam poketnya. Kerana, RM 10 tersebut telah digunakan untuk tambang bas dan teksi, serta makanannya. Lebih menyedihkan apabila beliau langsung tidak ada kenalan, keluarga atau siapa-siapa di negeri. Kekurangan wang menyebabkan beliau terpaksa berjalan kaki sahaja untuk segala urusan harian di perantauan itu seperti ingin beli barang keperluan dan mencari pekerjaan. Akur bahawa beliau amat asing di negeri Perlis, Kumaran pergi ke JKM negeri Perlis untuk meminta bantuan. Zainuddin Hashim, pegawai JKM Perlis pada ketika itu mendaftarkan nama beliau dan memberi bantuan sebanyak RM 50 sebulan. Justeru itu, beliau pergi ke Bengkel Murni OKU di Batu Bertangkup, Kangar untuk menceburkan diri mengambil bidang pembuatan perabot selama beberapa bulan.

“Saya menggunakan modal kecil sahaja supaya bila saya tidak berjaya, saya tidak sakit. Bila saya jatuh, saya akan bangun semula dan usaha lagi.” - Kumaran a/l Marimuthu.

Setelah mahir, beliau mengambil keputusan untuk membuka kedai sendiri di Bandar Kangar, Perlis. Beliau meminta bantuan daripada PKENPS. Syukur apabila permintaannya diterima dan diberi sebuah lot kedai dengan kadar sewaan sebanyak RM 60 sebulan. Di samping itu, satu kertas kerja telah dihantar beliau kepada JKM untuk memohon geran perniagaan sebanyak

RM 680. Hasilnya, beliau diberikan geran perniagaan RM 500 secara sekali bayar untuk dijadikan modal pusingan perniagaannya. Beliau menjalankan perniagaan dalam bidang perabot seperti membuat bingkai gambar dan papan tanda.

Setiap hari Jumaat, Kumaran akan meluangkan masa untuk pergi ke Pulau Pinang dari tempat tinggalnya di Perlis dengan kadar tambang bas RM 2.25 untuk satu hala. Di sana, beliau akan meluangkan masa bersiar-siar di setiap kawasan tumpuan perniagaan. Tujuan beliau berjalan-jalan bukan hanya untuk makan angin dan berbelanja, tetapi untuk melihat dan mencari idea baharu. Beliau hanya akan melihat premis-premis perniagaan tersebut dari luar sahaja. Ditakdirkan pada satu hari di tahun 1982, beliau terjumpa sebuah kedai bernama Libraco. Kedai tersebut menjual banyak piala, trofi dan peralatan sukan, namun yang menarik perhatiannya adalah tanda nama. Satu tanda nama dibeli beliau dengan harga RM 5. Walaupun mahal, beliau tetap mahu membelinya kerana beliau menganggapnya satu idea yang bagus kerana memerlukan modal yang rendah dan permintaan yang memadai dari kalangan masyarakat.



Gambar 50: Kumaran sedang mengilatkan tanda nama yang ditempah oleh pelanggannya.
Sumber: ISM (2020)

Setelah balik dari Pulau Pinang, dengan segera beliau membuka tanda nama tersebut dan mula mengkajinya. Beliau ingin mengetahui cara pembuatan dan pencetakannya yang menggunakan skrin sutera dan blok. Setelah pemerhatian dan kajian beliau membuat hasil, beliau cuba melakarnya. Setelah hampir empat bulan mengkaji, beliau akhirnya yakin mampu

melakukannya sendiri. Oleh itu, beliau meminta bantuan dengan pengarah JKM sebuah mesin ukiran untuk merealisasikan ideanya. Kemudiannya, pengarah tersebut pula telah berbincang dengan Tan Sri Aishah Ghani, Menteri Kebajikan Masyarakat pada ketika itu. Tan Sri Aishah bersetuju untuk turun ke Perlis dan YAB Menteri berbincang dengan Kumaran, pengarah dan pegawai JKM. Akhirnya, Kumaran berjaya mendapatkan bantuan mesin ukiran yang berharga RM 1,200.

Di Puncak Kejayaan

Nasib beliau kian cerah apabila pada tahun yang sama, Tun Dr Mahathir telah mewajibkan setiap pegawai kerajaan untuk memakai tanda nama. Bagi beliau, itulah titik permulaan kejayaannya dalam arena perniagaan dek tempahan, kontrak dan tender yang melimpah ruah. Beliau turut mengambil peluang tersebut untuk meluaskan empayarnya melalui sekolah-sekolah kerajaan bagi mempromosikan perniagaannya kerana beliau sedar bahawa para guru dan murid juga diwajibkan untuk memakai tanda nama.



*Gambar 51: Kumaran bersama mesin jahit tali leher untuk perniagaannya.
Sumber: ISM (2020)*

Sekolah pertama yang beliau sasarkan adalah SMK Syed Sirajuddin. Perbincangan bersama pihak koperasi sekolah telah diadakan dan mereka bersetuju untuk menempah tanda nama bagi pelajar tingkatan satu hingga lima. Setelah melihat kejayaannya di sekolah tersebut, beliau seterusnya menuju ke SMK Derma, SMK Syed Alwi, SMK Syed Ahmad dan lain-lain. Senang untuk beliau meluaskan empayarnya dek perniagaan beliau merupakan satu-satunya di Kangar yang menghasilkan tanda nama dengan spesifikasi berkenaan.

Berdasarkan pengalamannya, para guru dan pelajar sebelum ini terpaksa pergi ke Alor Setar, Kedah hanya untuk membuat tanda nama. Keuntungan harian beliau adalah dalam lingkungan RM 30 hingga RM 50. Tetapi setiap bermulanya penggal persekolahan yang pertama, beliau mampu mengaut keuntungan berlipat kali ganda. Menurut Kumaran, kini beliau ingin mengusahakan perniagaan tali leher dan blazer untuk sekolah-sekolah. Hal ini dek penampilan diri pengawas sekolah, pustakawan dan ahli-ahli persatuan yang kini memartabatkan pemakaian blazer dan rompi (*vest*) supaya nampak kemas dan berketerampilan.



Gambar 52: Kumaran menunjukkan gambar beliau menerima anugerah daripada JKM Negeri Perlis.
Sumber: ISM (2020)

Sebelum sambutan Hari OKU tersebut diadakan, sememangnya ada pegawai dari JKM yang hadir melawat dan merekodkan prestasi perniagaannya. Kemudianya, beliau menerima jemputan untuk menghadiri majlis yang diadakan tetapi pegawai tersebut tidak memaklumkan apa-apa mengenai anugerah yang bakal diterimanya. Oleh itu, beliau berasa panik apabila nama beliau diumumkan sebagai usahawan berjaya.

Pencapaian Kumaran dalam bidang keusahawanan sememangnya diakui oleh banyak pihak, termasuk agensi kerajaan. Beliau pernah menerima anugerah dalam bidang keusahawanan

untuk parlimen Kangar dan negeri Perlis pada tahun 2010 dan 2011. Selain itu, beliau juga pernah dinobatkan sebagai penerima Anugerah Khas Kategori Usahawan Cemerlang Malaysia pada Hari OKU tahun 2012. Anugerah tersebut disampaikan oleh Tan Sri Datuk Hajah Noriah Binti Kasnon, Timbalan Menteri di KPWKM pada ketika itu. Beliau sendiri tidak menyangka akan merangkul anugerah tersebut. Dalam masa yang sama, beliau berasa sangat gembira kerana ia merupakan satu pengiktirafan terhadap titik peluh beliau selama ini.

“Jatuh di bawah bukan untuk teriak, tapi untuk bangkit semula.” - Kumaran a/l Marimuthun.

Mengimbau kembali cabaran yang dihadapinya dahulu, ia amatlah menyayat hati. Berbekalkan cuma RM 1.20 sahaja di dalam poket dan perlu mengharapkan sumbangan ihsan walaupun hanya RM 10 semasa di negeri orang. Kini, beliau sudah mampu untuk membeli tiga buah kedai di Perlis yang berharga RM 280,000, RM 400,000 dan RM 500,000. Selain itu, beliau juga sudah mempunyai lima buah rumah di Perlis yang ratanya berharga dalam lingkungan RM 250,000 sehingga RM 480,000.

Selepas Kejayaan

“Bila kita sudah berjaya, kita bantu balik OKU lain. Kita rasa gembira bila ada OKU suka.” - Kumaran a/l Marimuthun.

Kini, Kumaran banyak memberi bantuan kepada OKU yang memerlukan. Antaranya, pada tahun 2017 beliau menyumbangkan sebanyak RM 64,000 kepada sekolah-sekolah pendidikan khas. Selain itu, setiap tahun beliau akan memberikan setiap anak pusat atau cawangan OKU dan majlis kebajikan sebanyak RM 3,000. Hal ini kerana, dengan bantuan dan keprihatinan yang diperoleh daripada agensi kerajaan, beliau berjaya membina empayar sendiri. Rezeki yang diperolehi kini ingin beliau kongsikan kepada semua pihak, terutamanya agensi-agensi kerajaan yang membantu beliau ketika zaman kesusahan beliau.

Pada masa kini juga beliau juga gigih dalam memberi latihan kepada tujuh OKU lain yang berminat untuk mengikuti jejak langkahnya. Antara anak didik beliau yang tergolong daripada tiga OKU Pendengaran dan empat OKU Fizikal masing-masing sudah mempunyai perniagaan yang tersendiri. Beliau tidak mahu warga OKU hanya bergantung harap pada bantuan JKM atau pihak lain semata-mata. Kerana, bantuan-bantuan tersebut akan mempengaruhi mentaliti dan menyukarkan mereka untuk berdikari kelak.

Beliau ingin melakarkan ucapan terima kasih kepada pengarah dan pegawai JKM, serta warga koperasi sekolah. Ini kerana, kejayaan beliau pada masa kini juga bergantung kepada sokongan

insan-insan di sekeliling beliau ketika baru mahu merangkak naik. Antaranya seperti JKM negeri Perlis dan sekolah-sekolah. Tegas beliau, sokongan tersebutlah yang banyak membantu perniagaan beliau selama ini.

Kesimpulan

Peribahasa Melayu ada menyatakan '*kasihkan anak tangan-tangankan, kasihkan isteri tinggal-tinggalkan.*' Bagi Kumaran jangan terlalu sayangkan anak OKU dengan membiarkan mereka duduk di rumah sahaja. Ini akan mempengaruhi dan menyekat kemampuan sebenar mereka daripada masyarakat umum. Para OKU hendaklah dididik dari peringkat awal supaya mereka boleh menetapkan hala tuju mereka sendiri. Beliau menggesa masyarakat umum terutamanya OKU atau yang mempunyai anak OKU supaya berani menonjolkan diri serta berdaftar di JKM bagi memudahkan proses bantuan dihulurkan.

Beliau sendiri sebagai contoh, kejayaan beliau pada masa kini hasil bantuan dan sokongan JKM. Dari terpaksa bergolok-bergadai dan mengharapkan bantuan ihsan, sekarang giliran beliau pula menghulurkan tangan kepada yang memerlukan. Pada masa kini, beliau turut bekerjasama dengan JKM dalam membantu golongan OKU yang ingin memulakan perniagaan. Latihan keusahawanan atau kemahiran wajar diberikan supaya OKU pandai untuk berdikari dan menjana pendapatan yang lumayan dengan sendiri.

Rujukan

Usahawan OKU (2020). <http://usahawanokuberjaya.blogspot.com/2012/12/oku-jadi-jutawan-m-kumaran.html>

Kisah 20 Mohd Sukur Ibrahim - Usahawan Karpet



Pilihan Takdir

Oleh: Mohd Anwardi Suhardi dan Nurshadira Mohd Raof

PENGENALAN

“Mak, mak kenapa saya dilahirkan begini mak ? Kenapa saya tak sama dengan abang, kakak, adik, mak ? Saya ada buat salah ke mak ?”. Luahan dan esakan tangisan insan kecil bernama Sukur kepada ibunya. Sukur merintih merasakan yang dia tidak berguna disebabkan perbezaan fizikal yang tidak sama dengan orang lain. Keadaan fizikal Sukur yang pendek kedua-dua tangan dan kakinya semenjak dari dilahirkan lagi. Mohd Sukur Bin Ibrahim dilahirkan di Muar, Johor. Beliau merupakan anak yang ke empat dari enam orang adik beradik iaitu empat lelaki dan dua perempuan. Keadaan fizikal Sukur berketinggian hanya 100cm yang menyamai ketinggian kanak-kanak berusia 4-5 tahun. Sejak dilahirkan lagi Sukur mengalami keterbatasan tumbesaran anggota tangan dan kaki menjadikan beliau lelaki dewasa yang terpendek dalam Malaysia.

Sukur mendapat pendidikan awal ketika usianya 5 hingga 6 tahun di PDK, yang ada menawarkan pendidikan khas untuk kanak-kanak OKU. Kemudian bersekolah rendah di SK Kem Terendak. Ayahnya merupakan pesara ATM, selepas 10 tahun berkhidmat ayahnya bersara dan Sukur kemudian berpindah ke SK Tanjung Bidara. Seterusnya beliau meneruskan ke pengajian di Matrikulasi Melaka, Lundang. Selepas tamat di matrikulasi, Sukur memulakan pengajian ijazah beliau di UKM dalam bidang IT selama 3 tahun. Sukur berjaya menamatkan pengajian peringkat ijazah dan telah bergraduasi pada tahun 2006.

Sukur telah mendirikan rumah tangga dengan rakan sekerjanya yang juga junior beliau ketika belajar di UKM dahulu. Isterinya, Wan Nurul Syazwani Wan Mohd Yen mengecapi kebahagiaan bersama Sukur tidak semudah yang disangka. Sepanjang tempoh untuk menyatakan dua insan ini mengambil masa sekitar 4 tahun. Kerana ayah Nurul Syazwani pada awalnya enggan membenarkan anaknya berkahwin dengan Sukur. Sehingga Sukur diminta oleh ayahnya untuk bermalam di rumah selama 4 hari untuk melihat bagaimana Sukur mampu berdikari. Keadaan itu berlaku kerana ayah Nurul mahu melihat sejauhmana kemampuan Sukur untuk memikul tanggungjawab ketua keluarga yang bakal dibina nanti. Perkahwinan Sukur dan isteri sudah terbina hampir lima tahun dan dikurniakan seorang cahaya mata iaitu anak lelaki berusia 2 tahun.

SEBELUM KEJAYAAN

Sewaktu Sukur berumur 4 tahun, beliau sudah menyedari keadaan dirinya sendiri yang berbeza dengan adik beradik yang lain. Fizikal anggota yang tidak sama dengan orang lain itu membuatkan Sukur tidak dapat menerima keadaannya. Sehinggakan jika ada orang yang datang ke rumah, Sukur akan menyorok ke dalam bilik atau di tempat lain kerana malu.

Sukur adalah insan yang bertuah kerana memiliki keluarga yang tidak pernah jemu memberi didikan dan kasih sayang kepadanya. Ayah dan ibu Sukur tidak membezakan layanan antara anak-anak mereka dan menjaga dengan sepenuh hati. Tambahan pula, ayah Sukur amat menitik beratkan tentang soal pendidikan anak-anak mereka agar berjaya pada masa akan datang.

Semasa Sukur belajar di PDK, beliau mempelajari banyak perkara dan tahu bahawa lebih ramai orang yang lebih mencabar kehidupan darinya. Contohnya, ada yang *Sindrom Down*, ada yang tidak boleh uruskan diri sendiri dan ada juga yang tidak boleh berjalan dan sebagainya. Sukur banyak terlibat dengan aktiviti sukan, persempahan, lakonan dan sebagainya ketika di PDK. Penglibatan Sukur dengan aktiviti adalah atas paksaan dan desakan dari ayahnya supaya Sukur dapat membiasakan diri dengan orang lain. Aktif terlibat dengan aktiviti di PDK, ayah Sukur memutuskan untuk menghantar Sukur ke sekolah rendah biasa. Sukur dibawa oleh ayahnya ke JPN Melaka untuk menentukan Sukur sama ada belajar di sekolah biasa atau sekolah khas OKU. Akhirnya Sukur bersekolah di sekolah rendah biasa seperti kanak-kanak yang lain.

Ayah Sukur akan memastikan beliau mendapat nombor satu di dalam kelas pada setiap tahun. Sehingga ayahnya berkata “kalau kamu mendapat nombor dua dalam kelas, ayah tidak mahu menandatangani buku laporan kamu.” Oleh sebab itu, memang ayah Sukur akan hadir ke sekolah setiap tahun kerana Sukur berjaya mendapat nombor satu. Sehingga Sukur mendapat nombor 2 di dalam kelas ketika darjah lima. Menyebabkan ayah Sukur tidak datang ke sekolah sebagai bukti dengan apa yang diperkatakannya. Terbukti kecaknaan ayah Sukur yang memastikan anak-anaknya mendapat pendidikan yang terbaik.

Pengajian Sukur adalah dalam bidang IT, namun kehidupan beliau selepas tamat pengajian bermula dengan seorang yang aktif sebagai *blogger*. Sukur membuat blog itu untuk menceritakan kisah tentang hidup dirinya untuk dijadikan motivasi kepada orang lain. Walau bagaimanapun, hasil usaha Sukur bersama rakan-rakannya memilih untuk meneruskan perniagaan telah menempuh beberapa cabaran dan kegagalan sebelum berjaya.

Seperti lazimnya, Sukur juga telah mencuba dan menghadiri pelbagai temu duga pekerjaan tetapi tidak berjaya. Berbagai usaha yang dilakukan beliau sehingga berjumpa dengan orang-orang tertentu untuk mendapatkan pekerjaan. Perancangan mencari kerja diteruskan bersama kawan-

kawan tetapi menemui kegagalan. Tidak lama selepas itu Sukur dan kawan-kawan mengeluarkan modal untuk membuka kedai dobi pula bagi menjana pendapatan sendiri. Namun, langkah ini juga tidak berjaya mendapat sambutan dan terpaksa dihentikan operasinya.

Membina perniagaan bersama rakan tidak membawa hasil, lalu Sukur berfikir untuk mengusahakan sendiri peniagaan untuk mencari pendapatan. Perniagaan yang tidak berhasil sebelum ini oleh Sukur membuatkan beliau mengkaji dan menambah baik kekurangan untuk perancangan perniagaan kali keempat. Perniagaan tersebut ialah beliau membuka syarikat D Strike Solution yang dikendalikan oleh beliau sendiri.

Walau bagaimanapun, ketika Sukur terlibat dengan satu program yang dianjurkan oleh pihak universiti dan mula mengenali Nurul pada waktu itu. Pertemuan itu adalah program pertukaran pelajar di antara UKM dan UPM. Sukur mula kenal dan rapat dengan Nurul kerana Nurul sering meminta kata-kata motivasi untuk menghadapi peperiksaan dan sebagainya. Selepas Nurul berjaya menamatkan pengajiannya di UPM, Sukur mengajak Nurul untuk sama-sama mengusahakan sesuatu perniagaan dan membina syarikat sendiri. Sukur dan Nurul sentiasa bersama ketika berurus dengan pelanggan-pelanggannya. Keadaan itu menjadikan kedua-duanya kurang selesa kerana pandangan masyarakat, lalu mengambil keputusan untuk berkahwin dan menutup persepsi negatif orang ramai.

Tidak lama itu, berkat usaha beliau dan isterinya itu, perniagaan yang berasaskan penjualan karpet berjaya dan mula mendapat hasil. Permulaan perniagaan menjual karpet bermodalkan pusingan duit dari klien Sukur. Tetapi ibu dan ayah Sukur tidak memberi sokongan untuk Sukur menjalankan perniagaan. Dalam urusan perniagaan, Sukur tidak menggunakan elemen simpati sebagai OKU untuk menarik simpati terhadap pelanggan agar membeli dan berurus dengan dia. Bagi Sukur mana-mana pelanggan yang tidak mahu membeli produknya itu tidak menjadikan dan tiada paksaan ke atas pelanggan memilih peniaga.

DI PUNCAK KEJAYAAN

Sukur mula bergiat aktif dalam bidang perniagaan setelah menghadapi pelbagai cabaran sebelum ini sehingga tertubuh syarikatnya sendiri. Syarikat yang ditubuhkan itu bernama D Strike Solution yang telah ditubuhkan semenjak 11 tahun yang kini dikenali oleh orang ramai.



*Gambar 53: Sukur di pejabat D Strike Solution
Sumber: ISM (2020)*

Penubuhan syarikat itu adalah hasil usaha bersama dengan isterinya yang kini semakin berkembang dan terkenal. Antara produk yang dijual ialah pelbagai jenis karpet, termasuklah karpet masjid, karpet pejabat dan menawarkan juga perkhidmatan memasang karpet.



*Gambar 54: Sukur bersama katalog-katalog karpet syarikatnya
Sumber: ISM (2020)*

D Strike Solution mula mendapat perhatian masyarakat setelah syarikat ini mula menonjol dalam carian di Internet. Syarikat Sukur terus berkembang sehingga ditawarkan untuk terlibat dalam rancangan MHI dan Majalah 3.

Permulaan pengembangan syarikat, Sukur ada menawarkan kepada rakan-rakan untuk membuat pekerjaan sekiranya ada tempahan tambahan pada waktu itu. Sukur pernah membuat papan tanda, percetakan, baju dan buku program. Lama-kelamaan perjualan karpet semakin mendapat perhatian pembeli dan jualan semakin meningkat. Oleh yang demikian, Sukur terus memfokuskan kepada perniagaan menjual karpet.

Sukur menjaga hubungan dengan baik dengan pembekal-pembekal karpet yang datangnya dari negara China, Indonesia, Thailand, Turkey dan UEA. Ini kerana bagi Sukur menjaga hubungan antara pembekal perkara yang sangat penting dalam perniagaan. Beliau turut berpendapat bahawa adalah penting membina satu sistem sokongan dan kepercayaan dari sekeliling bukan sahaja sesama kawan-kawan tetapi juga dengan pembekal.

Sebagai seorang usahawan, Sukur tidak hanya memikirkan keuntungan untuk diri sendiri semata-mata, tetapi memikirkan juga kebaikan dan pendapat orang lain. Sukur membuktikan dalam syarikatnya tidak menyediakan penghantaran karpet dengan menggunakan kenderaan syarikat malah mengupah pihak ketiga di luar sana. Tujuan Sukur ialah hendak berkongsi rezeki dengan orang lain yang turut sama mencari rezeki melalui perniagaan.

Bukan sahaja sebagai seorang usahawan, Sukur juga seorang penceramah motivasi di sekolah-sekolah dan dikalangan ahli perniagaan. Antaranya lokasi yang pernah Sukur memberi ceramah di Kelantan dan ISM. Sukur merasakan keperluan untuk berkongsi kisah kejayaannya sebagai usahawan untuk membalas budi dengan pihak yang membantu sepanjang beliau melibatkan diri dalam perniagaan.

Antara perkara yang ditekankan oleh Sukur dalam ceramah ialah seseorang itu mesti memiliki semangat untuk belajar dan semangat untuk terus berjaya. Bagi Sukur, ia adalah kehendak dengan rela hati untuk membuat perkongsian melalui ceramah selain merasakan itu adalah perkara yang diminatinya. Sukur juga memiliki pengikut di laman sosial iaitu di *Facebook* mempunyai 30 ribu pengikut dan *Instagram*, 120 ribu pengikut.

Tidak itu sahaja, setiap kali dalam ceramah beliau menekankan tentang perlunya selalu bersyukur iaitu menerima diri sendiri seadanya. Perkara kedua ialah seseorang perlu memiliki impian yang besar walau impian tersebut tercapai pada usia 50 sekalipun. Jangan malu membuat

sebarang perniagaan, terutama ketika menyebarkan produk jualan dalam media sosial. Katanya juga usah takut dengan sebarang kritikan atau pembetulan yang dikatakan mengenai cara diri sendiri berniaga. Sebaliknya, buat sahaja dan ambil langkah untuk memulakan sesuatu perniagaan tanpa membuang masa.

“Perlu sentiasa bersyukur iaitu dengan menerima diri sendiri seadanya” – Mohd Sukur Ibrahim

Sukur turut menerima beberapa pengiktirafan dan anugerah terbesar dalam sejarah kehidupannya. Antaranya ialah anugerah khas OKU Sambutan Orang Kurang Upaya peringkat kebangsaan kategori usahawan anjuran JKM pada tahun 2014. Selain itu, beliau juga menerima anugerah Tokoh Maal Hijrah, Kategori Istimewa peringkat negeri Melaka pada tahun 2017. Seterusnya, beliau telah dinobatkan sebagai lelaki dewasa terpendek di Malaysia yang telah dimasukan dalam Malaysia Book of Records.



Gambar 55: sijil anugerah Tokoh Maal Hijrah peringkat Negeri Melaka
Sumber: ISM (2020)



*Gambar 56 : Sukur bersama sebahagian anugerah dan sijil yang pernah diterima.
Sumber: ISM (2020)*

SELEPAS KEJAYAAN

Ketika negara sedang dilanda wabak COVID-19, perniagaan syarikat Sukur turut terjejas. Kebiasaan penjualan karpet paling menguntungkan apabila hampir tiba bulan Ramadhan kerana ramai pihak pengurusan masjid atau surau hendak menggantikan karpet lama. Tetapi oleh kerana langkah kerajaan melaksanakan PKP bagi membendung gejala COVID-19, telah menyebabkan permintaan dari masjid berkurangan secara mendadak.

Dalam tempoh itu, isteri Sukur terfikir untuk menjual serunding dan mempromosikan di laman media sosial sebagai memenuhi aktiviti harian. Kerana Sukur tidak boleh berdiam diri dengan tidak berbuat apa-apa dalam kehidupan seharian, membuatkan isteri beliau mencari idea untuk menjual item yang berbeza. Sukur mempunyai minat untuk berkongsi dengan orang ramai mengenai kisah diri sendiri dan kata-kata motivasi melalui blognya semenjak dari dahulu. Dari minatnya itu, tidak terhenti disitu sahaja kerana Sukur telah menulis dan menerbit 2 buah buku hasil usaha beliau. Buku-buku tersebut bertajuk *Takdir itu Anugerah dan Inspirasi* Sukur yang diterbitkan oleh sebuah syarikat tempatan iaitu PTS.

Penulisan buku-buku ini berkisarkan tentang kisah kehidupan Sukur yang mengharungi perbagai cabaran, halangan serta kejayaannya sehingga sekarang. Selain itu, menceritakan tentang kata-kata motivasi untuk dijadikan pemangkin semangat bagi para pembaca untuk terus berjaya dalam kehidupan.

Sukur turut menerima beberapa pengiktirafan dan anugerah terbesar dalam sejarah kehidupannya. Antaranya ialah anugerah khas OKU Sambutan Orang Kurang Upaya peringkat kebangsaan kategori usahawan anjuran JKM pada tahun 2014. Selain itu, beliau juga menerima anugerah Tokoh Maal Hijrah, Kategori Istimewa peringkat negeri Melaka pada tahun 2017. Seterusnya, beliau telah dinobatkan sebagai lelaki dewasa terpendek di Malaysia yang telah dimasukan dalam *Malaysia Book of Records*.

KESIMPULAN

Matlamat Sukur bukan saja mencapai kemajuan dan peningkatan jualan dalam syarikatnya semata-mata. Tetapi turut sama memberi manfaat dan peluang kepada orang lain dari sudut turut sama memiliki pendapatan dan kewangan yang mencukupi. Langkah itu diambil oleh Sukur supaya bukan sahaja manfaat pendapatan tetapi juga mendapat motivasi dan inspirasi semangat bersama-sama.

Sukur berharap kepada individu sepertinya yang ingin menjadi seorang usahawan agar bermula dengan menjual produk orang lain dahulu. Saranan Sukur diperingkat permulaan ialah menjadi dropship atau agent terlebih dahulu dan bermiaga dengan produk yang sudah ada di pasaran. Seperti lelaki boleh menjual makanan. Manakala bagi perempuan boleh jual tudung dan pakaian yang lainnya atau apa-apa yang sudah terkenal di pasaran semasa.

Walau bagaimanapun, Sukur beperancangan untuk tidak ingin terlalu membesarakan syarikat dan perniagaannya. Kerana pada Sukur sekiranya perniagaan beliau terlalu besar ianya memerlukan tumpuan sepenuhnya kepada syarikat. Kesannya akan mengurangkan masa kepada keluarga, kawan-kawan dan kehidupan peribadi. Kerana bagi Sukur begitulah cara mengurus masa bagi seiringkan ruang hal peribadi dengan urusan syarikat adalah lebih penting.

Harapan Sukur kepada pemimpin negara agar melihat golongan OKU adalah pihak yang penting dan mengutamakan kebijakan mereka. Manakala saranan beliau kepada orang awam pula ialah tolong menolong dalam perkara kebijakan dan ikhlas membantu OKU yang memerlukan. Dalam masa yang sama Sukur juga meminta OKU di luar sana agar bersuara apabila ingin meminta bantuan. Contohnya, jika ingin meminta untuk menekan butang lif seperti beliau maka

perlu menyuarakannya untuk meminta bantuan, tidak hanya berdiam diri dan mengharapkan simpati untuk dibantu.

Sukur juga berpegang bahawa sekiranya berjaya dalam apa-apa pekerjaan khususnya dalam perniagaan. Janganlah ada sikap sompong dan sentiasa rajin untuk bersedekah kerana itu adalah sumber rezeki, ianya datang dengan tidak disangka-sangka.

“Seuntung-untung bermiaga dengan manusia, beruntung lagi bermiaga dengan Allah” – Mohd Sukur Ibrahim

RUJUKAN

Hidaya Arshad. (3 Disember 2019). OKU Tapi OK - Kenapa Sukur Ibrahim Berjaya ?.

<https://pts.com.my/berita/oku-tapi-ok-kenapa-sukur-ibrahim-berjaya>.

Nurhayati Abllah. (17 September 2017). Tauke 'kerdil' berjiwa besar.

<https://www.bharian.com.my/bisnes/usahawan/2017/09/326943/tauke-kerdil-berjiwa-besar>.

Rozana Sani. (12 February 2020). Down the entrepreneurial path for disabled graduate.

<https://www.nst.com.my/education/2020/02/564884/down-entrepreneurial-path-disabled-graduate>.

Siti Zarinah Sahib. (17 Jun 2019). Cinta isteri segalanya.

<https://www.hmetro.com.my/hati/2019/06/465975/cinta-isteri-segalanya>.

Sukur Ibrahim. <https://www.facebook.com/sukur1984/>.

Sukur Ibrahim. <https://twitter.com/sukuribrahim?lang=en>.

Sukur Ibrahim. <http://mohdsukuribrahim.blogspot.com/>

Kisah 21 Noorlizah Salman - Usahawan Biskut Tradisional



Bintang di antara Bintang

Oleh: Norailis Ab. Wahab dan Munirah Mahshar

Pengenalan

Noor Lizah Salman, dilahirkan 53 tahun lalu di Felda Bukit Batu Kulai, Johor. Kini, beliau mempunyai dua orang anak, dari perkahwinan dengan Shaikh Hashim Shaik Mahmud semenjak 2 April 1994.

Kisah dirinya ini bermula pada tahun 1982 ketika beliau berumur 15 tahun. Pakar perubatan ketika itu menyatakan bahawa ia disebabkan oleh masalah saraf, dari paras pinggang hingga ke kaki. Setelah setahun di perbaringan, beliau pergi ke merata tempat untuk mengubati sakit yang dialami. Dalam masa yang sama, secara perlahan-lahan beliau belajar berdikari. Sama seperti remaja lain, pendidikan menjadi keutamaan meskipun peperiksaan diduduki sebagai calon persendirian di sekolah yang sama, Madrasah al-Arabiah al-Islamiah Wadinaha, Johor Bahru.

Ketika itu, persepsi terhadap OKU ketara berbeza dek kecacatan fizikal yang dialaminya. Terasa bagai dipandang pelik, dipandang rendah oleh mereka menyebabkan Norlizah berasa tidak bermotivasi untuk berada di khalayak ramai. Norlizah malu untuk bercampur gaul dengan kawan-kawan dan jiran tetangga. Tekanan itu memberikan kesan-kesan negatif kepada emosinya sehingga menyebabkan beliau mengurungkan diri bertahun-tahun di dalam rumah.

Ketika berusia 22 tahun, beliau terlihat satu iklan di televisyen mengenai rumah Pusat Pemulihan Cheras, Batu 9. Beliau mencuba nasib dengan mendaftarkan diri di ibu pejabat JKM untuk menempatkan diri di rumah berkenaan. Norlizah mengambil masa untuk membuat keputusan berkenaan memandangkan wujudnya stigma seolah-olah keluarga tidak mahu lagi menjaganya. Sukar bagi kedua ibu bapanya untuk melepaskannya pergi. Namun, mereka redha dari kejauhan demi masa depan Norlizah.

“Usaha dan perjuangan yang berterusan terlindung di sebalik setiap kekuatan.” - Norlizah Salman

Selama dua tahun beliau di sana, terbuka matanya akan nasib insan-insan lain sepertinya yang turut mengambil peluang untuk mempelajari kemahiran-kemahiran untuk kegunaan dalam kehidupan. Peluang bagi Norlizah juga untuk mencari teman. Selain itu, ruang untuk meningkatkan motivasi dirinya yang telah lama berkubur dek lama berkurung di rumah. Di sana,

Norlizah mempelajari kemahiran menjahit yang sesuai dengan minatnya selama ini. Selama dua tahun di sana, Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 1 telah digenggami beliau dengan jayanya.

Berbekalkan ilmu dan kemahiran tersebut, Norlizah berdikari dengan menimba pengalaman bekerja sebagai seorang tukang jahit. Bermula dengan makan gaji di Segambut, di samping mempelajari selok belok bekerja di bawah pemantauan majikan hanya untuk setahun. Tidak lama kemudian, bertemu jodoh dengan Shaikh Hashim. Mereka bertemu di rumah Pemulihan berkenaan, Shaikh Hashim yang juga seorang OKU dengan kelumpuhan di tangan kirinya.

Sebelum Kejayaan

Norlizah meneruskan minatnya dalam dunia jahitan dengan mengambil tempahan-tempahan pelanggan individu. Pergerakannya membataskan urusan-urusan perniagaannya untuk diusahakan dari rumah sendiri. Situasi ini berterusan sehingga anak-anaknya dewasa. Pada tahun 2012, beliau mula merasakan perlu untuk mengubah keadaannya. Rutin menjahit yang cukup lama membuatkan beliau ingin beralih arah. Rutin untuk meneliti material dan hasil jahitan agak memenatkan untuk beliau yang sudah meningkat usia. Dia tetap memikirkan bagaimana untuk terus membantu meningkatkan ekonomi keluarga. Jadinya, keputusan berhenti menjahit serta merta bukan alternatif yang terbaik. Harus ada perencanaan lain memandangkan keperluan kewangan turut meningkat dek komitmen terhadap pendidikan anak-anak.

Norlizah mengintai peluang membuat dan menjual biskut tradisional dari rumah. Ketika itu, dicubanya dua jenis dahulu dan menjualnya sendiri kepada para pelanggan yang berkunjung membuat tempahan baju. Tempahan biskut tersebut juga agak terhad dek peralatan membakar yang terhad. Namun, beliau memberanikan diri untuk mengambil tempahan berterusan memandangkan sambutan yang agak menggalakkan.

Berbekalkan minat yang sama dengan suaminya, Norlizah turut melibatkan diri dalam sukan. Apabila anak-anak sudah besar, beliau mengaktifkan diri semula dengan sukan. Tidak pernah terbayangkan di fikirannya untuk beliau masuk mendaftarkan diri bagi pemilihan tenpin boling, peluang besar di mana beliau mewakili Malaysia pada 2009. Usaha berbulan-bulan berlatih berselang seli dengan tanggungjawabnya di rumah dan perniagaan membuatkan hasil yang tidak akan dilupakan. Beliau telah dinobatkan sebagai pemenang pingat emas dalam acara boling tenpin perseorangan wanita pada Sukan Para ASEAN 2017. Sehingga kini, suaminya masih aktif dengan sukan tersebut dan menjadi Pengurus Pasukan bagi Negeri Selangor. Namun, fokus tetapnya

dialihkan dari bidang sukan boling kepada penglibatan dalam perniagaan untuk kesinambungan jangka panjang.

Rungutan pelanggan didengari oleh Shaikh Hashim, yang kemudiannya menasihatkan Norlizah untuk mencari tapak perniagaan di sekitar kediaman mereka di PPR Jalan Jelatik, Kuala Lumpur. Lambakan tempahan biskut diperolehnya, terutama menjelang musim-musim perayaan telah mengubah kehidupan wanita ini. Perit jerih turun naik DBKL berbaloi apabila beliau menyewa satu unit premis kedai di Keramat Mall dengan sewaan RM230 sebulan.

Beliau memanjangkan hasrat untuk bermula kepada JKM. Apabila permohonan berkenaan diluluskan, sekali gus beliau turut memohon Geran Pelancaran sebanyak RM2700. Kebanyakan peluang sebegini diiklankan di persatuan Geran Perniagaan seperti Geran Pelancaran ini andainya OKU berminat untuk bermula. Perancangan untuk mengubahsuai premis kedai direalisasikan dengan geran yang diperolehi. Di situlah lahirnya jenama Bonda Liezda yang meniti dari bibir ke bibir penggemar biskut tradisional.

Di Puncak Kejayaan

Pada mulanya, Keramat Mall ini kurang dikunjungi oleh orang ramai yang memberikan kesan langsung kepada perniagaan Norlizah malah hampir sahaja beliau berputus asa. Selama dua tahun, beliau cuba bersabar dengan keadaan yang tidak menentu itu. Namun, semenjak Mini UTC dibuka pada pertengahan Ogos 2013 banyak mengubah landskap perniagaan di Keramat Mall termasuk Norlizah. Bilangan pengunjung Mini UTC bertambah dari hari ke hari sekali gus turut menambahkan bilangan pelanggan setianya.



Gambar 57: Instagram Norlizah
Sumber: Instagram (2020) bonda_liezda diakses pada 5 September 2020

Bilangan jenis biskut yang dihasilkan juga ditambahkan setiap tahun hingga kini mencecah 18 jenis yang diedarkan terus kepada para pelanggannya di premis Bonda Liezda. Norlizah turut mempromosikan biskut-biskut tersebut di laman media sosial seperti di Facebook dan Instagram (rujuk Gambar 1). Biskut tradisional seperti semperit dan kelapa masih lagi dikeluarkan olehnya di samping biskut cita rasa masa kini. Dalam masa yang sama, beliau juga gemar mencari idea baharu di internet dan mengubahsuaikannya mengikut cita rasa tempatan. Hasil jualannya tidak termasuk kudapan dan pes sambal yang dibekalkan kepadanya selaku vendor kepada para peniaga tempatan lain.

Seramai tiga orang juri telah mendatangi kedai Bonda Liezda pada penghujung 2013. Mereka merupakan juri-juri dari KPWKM. Mereka bertanyakan tentang sejarah perniagaan, kemajuan perniagaan, melawat premis, mengambil gambar-gambar berkaitan dan meneliti hasil kuih muih yang dikeluarkan oleh Norlizah. Dua hingga tiga kali juga mereka mengunjungi premis perniagaan berkenaan. Proses saringan juga dilakukan di peringkat negeri untuk menentukan Tokoh Keusahawanan di peringkat negara Anugerah Hari OKU Kebangsaan 2016/2017 kategori Anugerah Usahawan 2016.



Gambar 58: Premis Norlizah
Sumber: ISM (2020)

Selepas Kejayaan

Norlizah meneruskan pencarian ilmu-ilmu perniagaan melalui penglibatannya dalam Program RISE anjuran Yayasan Maybank pada tahun 2015. Program selama tiga hari diadakan untuk memberikan panduan kepada para peserta dari kalangan pemilik perniagaan untuk menguruskan hal ehwal kewangan perniagaan dengan lebih baik.

Pada 2019, beliau meneruskan aktiviti meningkatkan ilmunya dengan menyertai satu program lagi dengan CIMB Bank di bawah program Usahawan Taylor's Community. Setelah setahun bergaul dengan pengamal perbankan, ahli perniagaan dan akademik membuatkan beliau lebih berkeyakinan untuk merencanakan masa depan Bonda Liezda sebaris dengan jenama-jenama besar seperti Noraini Cookies dan MyRasa. Berkat kesungguhan dan suntikan semangat berterusan dari keluarganya, Norlizah berjaya memenangi hadiah sebuah ketuhar keperluan industri setelah melalui pelbagai bentuk penilaian termasuk pembentangan perancangan perniagaan.

Beliau terus melanjutkan penglibatan di bawah program Usahawan ini, namun di bawah Maybank pula. Para peserta terdiri dari kalangan B40. Sistem *mentoring* diguna pakai untuk memantau aktiviti perniagaan para peserta. Para peserta akan turut dinilai memandangkan hadiah geran RM10 ribu menanti pemenangnya selepas pelbagai lapisan saringan. Baginya, yang penting adalah ilmu bermanfaat yang diperolehi untuk peniaga sepertinya.

Dari masa ke semasa beliau menambahkan aset dalam premis seperti ketuhar dan *mixer* keperluan industri dengan simpanannya sendiri. Namun, acuan biskut masih dilakukan tanpa bantuan teknologi terkini. Kini, beliau sedang berusaha untuk mendapatkan logo halal bagi produk keluarannya melalui kursus-kursus yang dianjurkan oleh JAKIM. Beliau berhasrat untuk terus mengukuhkan jenamanya dalam pasaran antarabangsa.

Berkenaan dengan pemasaran di atas talian, beliau menggunakan kesempatan ketika COVID-19 untuk menambahkan ilmu dan kemahiran tersebut. Tempahan untuk musim perayaan ketika itu tetap diambil dari pelanggan. Kelas-kelas di hujung diadakan secara atas talian juga menggunakan platform Zoom. Baginya, golongan OKU perlu mengambil peluang yang dibentangkan kepada mereka.

Kesimpulan

Beliau bersyukur kerana berjaya keluar dari kepompong negatif yang membekalkan dirinya selama ini mampu diatasi. Norlizah menggarap potensi dirinya melalui pelbagai platform

meskipun ia merupakan satu keputusan sukar. Hasilnya pada hari ini sangat ketara dari segi dirinya (contoh: motivasi dan keyakinan apabila berhadapan dengan orang lain) dan pencapaian yang jarang ditagih oleh insan seperti itu.

Masyarakat di luar sana pada hari ini lebih terbuka cara pemikirannya terhadap kemampuan golongan OKU. Bukan kejian dan pandangan sinis yang diharapkan, sekadar sokongan terhadap apa yang mereka suka dan mampu dilakukan. Masyarakat di Malaysia kini lebih menghormati golongan OKU memandangkan telah ramai di kalangan mereka telah membuktikan kejayaan di mata umum. Keadaan ini cukup berbeza berbanding tiga dekad yang lalu. Kesannya, mudah bagi OKU untuk diterima bekerja di mana-mana sektor. Golongan OKU dianggap sebagai orang normal, namun cabarannya pula bergantung kepada maklum balas mereka terhadap layanan dan jangkaan kemampuan untuk melakukan apa pun seperti orang normal.

“OKU boleh mengubah realiti jika masyarakat mengubah persepsi mereka” - Norlizah Salman

OKU DALAM PARALIMPIK

Bermula pada tahun 1948 di England, sukan untuk OKU ini menjadi popular pada tahun 1960 dan dipertandingkan di Rom bersama-sama Sukan Olimpik. Oleh itu, nama pertandingan Paralimpik tercipta daripada frasa ‘parallel Olympic Games’. Malaysia muncul buat pertama kali di Sukan Paralimpik Musim Panas di Heidelberg, Jerman pada tahun 1972 dan hanya menyertai pertandingan ini pada setiap edisi musim panas sejak tahun 1988.

Kisah 22 Abdul Latif Romly - Atlet Lompat Jauh (T20)



Terbang Setinggi Bintang

Oleh: Khairul Affeiq Mohd Noorizam dan Mohd Hafzal Abdul Halim

Pengenalan

Manusia istimewa yang hebat bernama Abdul Latif Romly atau lebih dikenali dengan nama Latif Romly dilahirkan pada tanggal 31 Mac 1997 di kampung halamannya di Perlis. Anak jati negeri Perlis ini merupakan anak bongsu daripada tujuh orang adik beradik. Keluarganya turut bergiat aktif dalam bidang sukan seperti ibundanya yang bermain bola jaring suatu ketika dahulu.

Latif bersekolah di Sekolah Kebangsaan Seri Tanjong di Beseri kemudian mendapat pendidikan peringkat menengah di Sekolah Menengah Syed Alwi di Kangar sebelum berhijrah ke Majlis Sukan Negara (MSN). Beliau dikategorikan ke dalam kelas kecacatan F20 iaitu menghadapi masalah pembelajaran. OKU kategori ini tidak menampakkan sebarang kecacatan secara fizikal sebaliknya mereka menghadapi ketidakupayaan intelek. Beliau mula membaca pada umur 15 tahun kerana guru-guru semasa di sekolah menengah menasihati beliau supaya peka dan bergaul dengan orang sekeliling. Latif juga sering bertukar aliran kelas daripada aliran pendidikan khas ke pendidikan aliran normal dan sebaliknya.


Sebelum Kejayaan

Walaupun lemah dalam pelajaran, beliau sangat aktif bersukan sejak sekolah rendah lagi seperti bermain bola sepak, bola baling, lompat jauh dan lain-lain sehingga beliau dipilih mewakili Perlis di Sukma 2014 dalam acara lompat jauh. Latif diketengahkan kerana bakatnya tanpa mengambil kira kekurangannya. Berdasarkan pencapaian yang membanggakan, beliau dipilih mewakili Malaysia di Sukan Para Asean di Myanmar sebelum menduduki SPM.

Sebelum menjadi atlet sepenuh masa di MSN, Latif berada di dalam dilema kerana beliau risau jika tiada rakan di MSN. Oleh itu, beliau membuat pilihan untuk terus berlatih di Perlis bersama jurulatihnya yang merupakan guru sekolah yang membimbangnya. Beliau menyatakan bahawa guru tersebut sangat berjasa kepadanya dan beliau sangat berterima kasih kepada guru tersebut.

Pada mulanya, berat hati Latif ingin meninggalkan keluarga semasa di bangku sekolah untuk menjadi atlet namun disebabkan semangat juang untuk negara, Latif tekad untuk berada di MSN sepenuh masa bagi persiapan terdekat pada waktu itu Kejohanan Sukan Asean di Incheon, Korea sebelum menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Selepas menyertai beberapa temasya

sukan, beliau mula selesa dengan rakan atlet di MSN dan berkenalan secara lebih rapat dalam satu kontinjen Malaysia.



Gambar 59: Latif Romly tersenyum dengan keyakinan setelah melakukan lompatan
Sumber: Koleksi MSN

Di Puncak Kejayaan

Abdul Latif Romly telah dinobatkan sebagai Olahragawan Kebangsaan 2016 sempena Anugerah Sukan Negara 2016 yang telah berlangsung pada 26 April 2017 yang lalu. Menariknya, anak jati Perlis ini merupakan atlet paralimpik kebangsaan yang pertama memenangi anugerah sukan paling berprestij berkenaan sejak anugerah tersebut diperkenalkan pada tahun 1966. Paling manis, anugerah itu telah disampaikan oleh Yang di-Pertuan Agong, Sultan Muhammad V diiringi oleh Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar.

Beliau merupakan seorang atlet yang sangat berdedikasi dan berdisiplin semasa latihan. Latif telah berjaya mengharumkan nama negara apabila berjaya meraih pingat emas dalam acara lompat jauh pada Kejohanan Sukan Para Asia 2014, Sukan Para ASEAN 2015, Kejohanan Dunia

Olahraga IPC 2015 dan Paralimpiad Sukma Sarawak 2016. Lebih manis lagi, beliau meraih pingat emas sekaligus mencatat rekod dunia baru dengan lompatan sejauh 7.46m.

Latif menyatakan bahawa beliau tidak gemar jika menghadapi kecederaan kerana latihannya akan terjejas. Kecederaan beliau paling teruk adalah pada tahun 2016 sebelum ke Rio, Brazil bagi Sukan Paralimpik. Namun, beliau mengekalkan prestasi yang sangat baik dalam tempoh latihan pemulihan di dalam negara maupun luar negara dan mendengar nasihat yang diberikan oleh jurulatih. Berkat usaha keras dan patuh kepada nasihat yang diberikan oleh jurulatih, Latif berjaya melakar sejarah tersendiri apabila memenangi pingat emas dalam acara lompat jauh T20 pada Sukan Paralimpik Rio 2016 di Brazil. Lebih menggembirakan lagi, beliau telah memecahkan tiga rekod dunia dalam masa satu hari apabila lompatan keduanya iaitu 7.47m telah memadamkan rekod lama dunia iaitu 7.35m. Diikuti lompatan ketiga dengan 7.54m sebelum meletakkan rekod baru dunia dengan jarak 7.60m. Disebabkan kejayaannya yang besar di Brazil itu, *#terbanglatifterbang* telah menjadi *trending* di semua media.

Latihan demi latihan, penat dari pagi sehingga petang setiap hari yang tidak terungkap bersama sahabat seperjuangan di MSN membawa hasil apabila pingat emas pertama yang diperolehnya di Myanmar menjadi bukti bahawa beliau boleh menjadi atlet terbaik di Malaysia. Latif menyatakan bahawa kunci kejayaannya adalah fokus semasa latihan.

Seterusnya, Latif pernah menghadapi kecederaan serius di bahagian buku lalinya semasa latihan lompatan bagi persediaan Kejohanan Dunia di London 2017 dan keracunan makanan semasa Sukan Sea Kuala Lumpur 2017. Namun, beliau kuat untuk meneruskan lompatan tanpa menghiraukan kesakitan yang dialaminya. Pengalaman yang memeritkan itu diganti dengan prestasi terbaiknya semasa kejohanan para di Jakarta pada tahun 2018. Latif menyatakan bahawa beliau sangat bersedia dari segi fizikal dan mental pada ketika itu sehingga beliau mencapai jarak lompatan yang tidak dijangka iaitu 7.85m meninggalkan atlet yang lain. Hal ini kerana Latif merupakan seorang atlet yang suka untuk bersaing secara sihat bagi menentukan siapa atlet yang terbaik.

Namun, tahun 2019 tidak memihak kepada beliau yang berhasrat untuk melakukan “hat trick” memenangi tiga kali juara dunia. Kecederaan yang tidak boleh ditahan lagi telah membelenggu beliau untuk menyertai kejohanan tersebut. Pada tahun 2020, Sukan Olimpik Tokyo merupakan satu pentas yang dinanti-nantikan oleh beliau bagi mempertahankan rekod dunia miliknya. Bagi Latif, latihan yang cukup dan teknik yang betul merupakan perkara penting yang harus diambil kira oleh beliau.



Gambar 60: Aksi lompatan Latif di Kejohanan Para Jakarta 2018
Sumber: Koleksi MSN

Selepas Kejayaan

COVID-19 sememangnya memberikan impak yang besar terhadap negara dari segi ekonomi, keamanan dan gaya hidup norma baharu. Latif dan rakan-rakan seperjuangan tidak terkecuali dengan impak pandemik ini. Perintah kawalan pergerakan yang diumumkan oleh Perdana Menteri pada 16 Mac 2020 membantutkan pergerakan latihan olahraga yang menjadi rutin harian beliau. Meskipun gembira dapat bertemu orang tuanya, prestasi lompatan yang semakin mundur dan stamina yang makin menurun amat membimbangkan Latif. Sungguhpun begitu, atlet berdedikasi ini tidak jemu atau alpa dalam memastikan kecergasan dan ketangkasan dalam bersukan masih mantap.

Setelah urusan latihan kembali berjalan apabila PKPP dijalankan, Latif pulang ke Kuala Lumpur dengan azam yang baru. Target baru lompatan sejauh lapan meter menjadi idaman.

Dengan rekod terbaik lompatan 7.85 di Sukan Paralimpik 2018, lompatan lapan meter tidak akan menjadi mustahil. Namun, dengan prestasi selepas cuti rehat yang panjang akibat PKP, latihan yang harus dihadapi menjadi suatu tembok yang perlu ditawan sebelum mengejar sasaran Tokyo 2021 nanti. Oleh itu, walau seberat mana menu latihan yang diberikan, Latif sedia menelan segala keperitan demi melakukan lompatan yang terbaik dan melakar sejarah baharu bukan sahaja buat dirinya, namun buat kontijen dan maruah bangsa.

Kesimpulan

Sebelum bersara atau bertukar bidang, Latif meletakkan sasaran sekurang-kurangnya tiga kali menyertai Sukan Olimpik dalam perjalanan hidup sebagai atlet selagi beliau mampu. Beliau berhasrat untuk menceburi dalam bidang keusahawanan sebelum beliau meninggalkan dunia sukan sebagai bekal mata pencarian beliau pada masa hadapan. Menurutnya, ibunda tercinta juga merupakan seorang usahawan kecil yang menjual produk makanan iaitu kerisik. Oleh itu, beliau bercita-cita untuk mengikut jejak langkah insan tercinta tersebut.



*Gambar 61: Latif dan pasukan lompat jauh paralimpik Kebangsaan
Sumber: Koleksi MSN*

“Fokus dalam apa juga yang diinginkan serta jangan malu dan segan untuk menerima nasihat orang lain. Paling penting ialah hormat kepada ibu dan bapa.” – Abdul Latif Romly

Sokongan dan dorongan yang tidak pernah putus daripada ibunda dan ayahanda serta keluarga sangat menyumbang kepada kejayaan beliau pada hari ini. Turut tidak ketinggalan sahabat di kampung halaman dan rakan seperjuangan di MSN yang banyak menyokong dari segi moral dalam kerjaya olahraganya. Harapan secara personel Latif adalah beliau ingin mengekalkan pingat emas dan rekod dunia di Rio serta mencapai target baru iaitu lapan meter di Tokyo pada tahun 2021.

Kisah 23 Mohamad Afiq Afify Rizan - Atlet Berbasikal Trek (B2)



Rai Pilihan Menjangkaui Kemampuan

Oleh: Mohd Firdaus Mohd Nasir dan Mohammad Nizamuddin Abdul Rahim

Seorang anak kelahiran Kelantan, Muhamad Afiq Afify Rizan telah dilahirkan dalam sebuah keluarga yang besar. Beliau telah disahkan menghidap hidrosefalus ketika usianya menjangkaui empat bulan. Antara gejala yang dihadapi oleh beliau pada masa itu muntah dan kekejangan saraf yang menyebabkan kekerapan mengalami sawan. Ibu bapa Afiq Afify telah berusaha mendapatkan khidmat pakar dan ianya membawa kejayaan. Namun, pada ketika umur empat tahun kesan dari penyakit itu menyebabkan beliau kehilangan deria penglihatan.



Gambar 62: Afiq Afify atlet paralimpik negara
Sumber: ISM (2020)

Kehidupannya berpusatkan di rumah termasuk pembelajaran untuknya di awal usia. Aktiviti-aktiviti sebagai kanak-kanak juga terhad dek kerisauan orang tua yang mahukan keselamatannya sentiasa terjaga. Beliau bersekolah sehingga darjah tiga di sekolah biasa, namun menjadi satu kepayahan untuk mengikut apa yang dituliskan oleh cikgu pada papan hitam disebabkan masalah penglihatan yang dialami. Ibu dan ayah berusaha untuk memasukkannya di sekolah OKU di Kelantan. Apabila umurnya menginjak 13 tahun diusahakan pula untuk bersekolah di Kuala Lumpur. Bilangan sekolah-sekolah khusus ini terhad, tumpuan lokasinya adalah di Kuala Lumpur, Johor dan Pulau Pinang pada ketika itu. Beliau cukup terhutang budi dengan orang tuanya yang berhempar pulas untuknya bagi mendapat pendidikan terbaik untuk anak istimewa mereka. Pasrah pada mulanya kerana terpaksa berpisah pada usianya yang cukup muda, namun beliau yakin usaha-usaha tersebut akan mendatangkan kebaikan buatnya di masa hadapan.

Sebelum Kejayaan

Aktifnya beliau dalam sukan olahraga didorong oleh perasaan yang ingin menjadikan dirinya sebagai bukti kejayaan dalam mengetepikan stigma terbatasnya keupayaan individu OKU. Afiq Afify turut aktif dalam sukan bina badan namun ternyata sukar untuk mempertahankan minat mendalamnya dek alternatif yang ada selepas SPM. Bakatnya telah dikenal pasti oleh MSN, namun beliau perlu memilih bidang sukan lain untuk diteruskan sebagai seorang atlet. Beliau mengambil masa yang agak lama untuk memberikan kata putus, tetapi disebabkan minat yang cukup mendalam dalam sukan beliau memberikan peluang kepada dirinya untuk mencungkil bakat dalam sukan lain yang ada dalam dirinya. Afiq Afify mengambil peluang yang terbentang di depan mata walaupun sukan baru itu bukan kehendaknya. Oleh itu, beliau bersetuju untuk menandatangani kontrak sebagai atlet MSN untuk setahun. Banyak perkara yang lazimnya dibuatnya terutamanya hal ehwal pemakanan ianya pasti terkesan secara langsung disebabkan hasil yang berbeza pada badan yang dikehendakinya.

Puas juga beliau berjalan mencari inspirasi di luar negara untuk memotivasi dirinya bagi menyintai lumba basikal ini. Beliau mencari persamaan antara kebanyakan bidang sukan yang lain. Minatnya terhadap bina badan dan angkat berat boleh dipraktikkan sentiasa. Apa juar latar belakang ahli sukan dan minat, mereka boleh sahaja diaplikasikan dalam sukan ini. Yang paling penting adalah usaha ahli sukan itu sendiri, khususnya beliau sebagai pelumba basikal. Pihak MSN membawanya untuk mendapatkan pendedahan berkaitan pertandingan lumba basikal di Jepun pada 2015. Beliau telah mula menunjukkan belang pertamanya di sana dengan memenangi pingat emas di Japan Para-Cycling Cup bagi kategori 200 meter. Ternyata bakatnya menyerlah bagaikan bintang dalam sukan ini.

Di Puncak Kejayaan

Afiq Afify Rizan tidak menyimpan sebarang rahsia untuk kejayaannya sebagai seorang pelumba basikal negara. Baginya sesi-sesi latihan tambahan dan usaha yang konsisten menyokong kuat kejayaan pada tahun-tahun 2015 sehingga 2017 yang dirasakan puncak kegemilangannya. Walaupun badannya berasa penat dalam menghadapi rutin begitu, namun atas dasar kecintaannya kepada sukan bina badan masih membara masanya tetap diisikan dengan sesi latihan di gimnasium meskipun disibukkan dengan latihan berbasikal yang seakan tiada henti.

Kesan yang ketara dapat dilihat oleh para peminatnya adalah beliau mengambil masa yang singkat untuk ke peringkat antarabangsa. Penglibatan beliau dalam sukan ini adalah pada awal tahun 2015 dan dalam tempoh kurang dari setahun, pada penghujung 2015 beliau telah membuktikan hasil usahanya dengan menggenggam pingat emas pertama di Jepun. Kejayaan beliau dalam sukan ini juga disokong dek semangat kerja berpasukan yang tinggi bersama jurumudi yang profesional juga. Bagi diri Afiq Afify, beliau menyedari sejauh mana tahap kemampuannya apabila bertanding. Seboleh-bolehnya dijauhi persepsi negatif dan sasaran yang keterlaluan apabila berada dalam tempoh-tempoh ini. Cabaran dari sudut kesihatan juga, cuba untuk diatasi dengan sebaik mungkin dari segi emosi dan mental agar tidak menjadi halangan buat dirinya dalam sukan ini.

Paralimpik Rio 2016 menyaksikan kejayaan Afiq Afify yang telah ditawarkan peluang untuk melakukan kejutan dalam acara trek di temasya berkenaan. Dalam acara yang berlangsung di Rio Olympic Velodrome, beliau tidak meletakkan sasaran dalam acara 4 kilometer berbasikal B kategori lelaki tersebut bahkan menyifatkan ia sebagai satu peningkatan dalam pencapaianya. Catatan masa 4:51.906 saat yang dicatat di temasya sukan tersebut lebih pantas daripada catatan masa yang dicatat semasa Kejohanan Dunia di Itali pada bulan Mac dalam tahun yang sama. Seterusnya, beliau juga telah dinobatkan sebagai Pemenang pingat emas acara tandem Paracycling Sukan Para ASEAN 2017. Dari masa ke semasa, beliau sentiasa mahu membuat catatan masa terbaik untuk menyertai temasya-temasya sukan antarabangsa merupakan sasaran utama Afiq iaitu Sukan Paralimpik Tokyo 2020.



Gambar 63: Afiq bersama rakan atlet para di Kompleks Sukan Paralimpik
Sumber: ISM (2020)

Selepas Kejayaan

Namanya ditempa sebagai pemenang dalam hampir semua kejohanan lumba basikal yang disertainya, Afiq Afify tetap meneruskan sesi-sesi latihan secara berterusan. Beliau mengetahui kelebihannya adalah berlatih secara bersendirian dengan bantuan jurulatih yang sering mengingatkannya tentang kepentingan memenangi setiap kejohanan yang bakal disertai. Bagi beliau, ia merupakan satu amanah untuk negara yang perlu dilunaskan dengan sepenuh hati demi mencapai kejayaan yang diimpikan.

Pengalaman bercampur gaul dengan pelumba-pelumba basikal dalam dan luar negara menambahkan pengalaman sedia ada beliau. Justeru, Afiq Afify menambahbaikkan program latihannya sendiri berdasarkan sasaran dan kemampuannya. Kini, beliau menggunakan imbuhan hasil-hasil kejayaan yang diterima dari pelbagai pihak untuk menyediakan dirinya ke arah pelan persaraan. Kemahiran yang telah ditingkatkan sepanjang penglibatannya sebagai atlet seperti komunikasi dan jaringan kerjaya cuba pula diaplikasikan dalam menajamkan bakatnya dalam bidang perniagaan bersama-sama isteri.

Kesimpulan



*Gambar 64: Afiq ketika ditemu ramah
Sumber: ISM (2020)*

Afiq Afify berkongsi pandangan bahawa individu-individu OKU di luar sana, cuba cari sesuatu kebolehan yang boleh dijadikan diketengahkan sekarang. Kebolehan yang suka untuk dilakukan secara berterusan, memperuntukkan masa untuk meningkatkan kebolehan berkenaan

dengan bersungguh-sungguh dari masa ke semasa tak kira samada secara individu atau berkumpulan. Sebagai contoh, andai mampu bekerja maka bekerjalah untuk mencari rezeki.

“Biar berpenat dahulu namun berbaloi untuk kita” – Muhamad Afiq Afify Rizan

Penat dengan kekurangan diri bukan alasan terbaik bagi individu OKU untuk terus berada di takuk lama, di samping berterusan mengharapkan ihsan. Baginya, tiada jalan singkat dalam mencapai kejayaan. Pastinya setiap kejayaan perlukan usaha-usaha berkaitan tanpa henti. Lakukan dengan minat yang mendalam juga. Masa depan merupakan sasaran utama dalam apa juga yang dilakukan.

RUJUKAN

Afiq Afify. afiaafify_official. https://www.instagram.com/afiqaafify_official/?hl=en.

Ajitpal Singh & Nor Hairulnizam Wahid. (5 April 2018). *Afiq-Khairul break Asian para cycling record.* <https://www.nst.com.my/sports/cycling/2018/04/353560/afiq-khairul-break-asian-para-cycling-record>.

Astro Arena. (18 September 2017). *APG - Berbasikal: Cemerlang dengan 12 emas.*

<https://www.astroawani.com/berita-sukan/apg-berbasikal-cemerlang-dengan-12-emas-155627>.

Bernama. (23 September 2020). *Skuad berbasikal Para raih empat slot ke Paralimpik Tokyo 2020.* <https://www.sinarharian.com.my/article/100278/BERITA/Sukan/Skuad-berbasikal-Para-raih-empat-slot-ke-Paralimpik-Tokyo-2020>.

Haika Khazi. (21 Januari 2018). *Afify, Khairul Adha dream of podium finish for Commonwealth Games.* <https://www.nst.com.my/sports/others/2018/01/327384/afify-khairul-adha-dream-podium-finish-commonwealth-games>.

Haika Khazi. (13 Oktober 2018). *Afiq Afify hadiah pingat emas ke-17.*

<https://www.bharian.com.my/sukan/lain-lain/2018/10/485799/afiq%C2%A0afify-hadiah-pingat-emas-ke-17>

Lim Tiek Huat. (10 Oktober 2019). *Afiq and Khairul ride to gold medal but it's silver for Azizul.* <https://www.thestar.com.my/sport/cycling/2019/10/19/afiq-and-khairul-ride-to-gold-medal-but-its-silver-for-azizul>.

Kisah 24 Mohamad Ridzuan Mohamad Puzi - Atlet Lari Pecut 100m (T36)



Pecutan Emas

Oleh: Noorhafiza Ahmad dan Syarizal Abdul Rahim

Pengenalan

Tanggal 27 September 1987, lahirnya seorang bayi lelaki yang diberi nama Mohamad Ridzuan Mohamad Puzi. Kelahiran anak kedua dalam keluarga Mohamad Puzi itu disambut penuh kesyukuran dalam rumah Felda yang didiami mereka sekeluarga di Felda Kampung Sertik, Pahang. Siapa sangka, anak yang dilahirkan sempurna disahkan menghidap *Cerebral Palsy* (CP) pada usia satu tahun selepas mengalami demam. Mohamad Ridzuan yang lebih mesra disapa dengan panggilan Dik Wan meniti zaman kanak-kanaknya seperti kanak-kanak lain walaupun terbatas dek pergerakan fizikal. Abang sulung beliau, Mohamad Saiful merupakan sahabat paling akrab dan teman sepermainan yang setia bersamanya. Hanya setahun beza umur antara Ridzuan dengan abangnya. Tidak hairanlah mereka sangat rapat. Sementelahan pula, ayah mereka sentiasa berpesan kepada abangnya supaya menjaga Ridzuan kerana adiknya itu tidak seperti kanak-kanak lain. Ridzuan juga mempunyai seorang adik bongsu perempuan bernama Nor Syazwani.

Walaupun Ridzuan menghadapi kesukaran bertutur, beliau seorang yang sangat peramah dan ceria. Rakan-rakan abangnya adalah rakan-rakannya. Beliau tidak ramai rakan sebaya kerana lebih banyak bergaul dengan rakan-rakan sebaya abangnya. Beliau juga tidak bersekolah. Ayahnya menghantar beliau ke PDK sejak berusia enam tahun. Di PDK, beliau diajar menguruskan diri dan mengikuti terapi-terapi yang disediakan di PDK. Setelah berpindah ke Perlis, ayah Ridzuan tetap menghantar beliau ke PDK demi memastikan beliau boleh berdikari. Usaha ayah beliau untuk memberikan yang terbaik kepada anaknya semakin terserlah apabila ayahnya menghantar Ridzuan ke Bengkel Batu Murni, Batu Bertangkup, Perlis untuk menjalani latihan kemahiran asas perabot. Ibu bapa beliau tidak mahu Ridzuan bergantung sepenuhnya kepada mereka. Mereka sedar, suatu hari nanti mereka akan pergi jua. Disebabkan itu lah, ayah Ridzuan bersungguh-sungguh mempersiapkan beliau dengan ilmu kemahiran dan pengurusan diri. Hendak mengharapkan cemerlang dalam pelajaran, sangat mustahil kerana Ridzuan seorang yang buta huruf. Kemahiran yang ada itu lah bakal menjadi bekalan untuk Ridzuan meneruskan hidup sekiranya mereka telah tiada.

Ridzuan mempunyai keyakinan yang tinggi dan sentiasa bersemangat dalam apa jua perkara yang beliau lakukan. Begitulah peribadinya terbentuk sehingga beliau terjun ke arena sukan Paralimpik.

Sebelum Kejayaan

Affizam Amdan merupakan insan penting yang mengetengahkan bakat Ridzuan sehingga berjaya melangkah ke sukan Paralimpik di peringkat antarabangsa. Affizam yang dipanggil Abang Am oleh Ridzuan bertugas sebagai Pembantu Am Pejabat di Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Perlis pada masa itu. Affizam telah mengesan bakat beliau sejak tahun 2004 lagi. Pada masa itu, beliau terlibat sebagai jurulatih sukarela bagi atlet OKU Negeri Perlis bersama Jabatan Belia dan Sukan Negeri Perlis mencari pelapis atlet Paralimpik. Semasa melihat potensi Ridzuan, beliau yakin bakat Ridzuan dapat digilap dan hanya memerlukan sedikit bimbingan untuk menjadi atlet yang profesional. Yakin dengan telahannya, Affizam sangup mengorbankan masa untuk melatih Ridzuan dengan berlari di Denai Larian, Pengkalan Asam sejauh enam kilometer setiap hari. Rutin latihan berkenaan berlangsung selama empat tahun. Bukan hanya fokus kepada latihan fizikal, Affizam turut membina kekuatan mental Ridzuan untuk bersaing dengan atlet profesional. Bermula dari situlah, Affizam membawa Ridzuan menyertai kejohanan olahraga peringkat negeri seterusnya kebangsaan sebagai jurulatih peribadi. Acara utama Ridzuan dalam olahraga adalah lompat jauh dan 100 meter kategori T36. Pada tahun 2011, Affizam melepaskan Ridzuan kepada Majlis Sukan Negara untuk menerima bimbingan secara profesional demi kecemerlangan masa depan Ridzuan. Sejak itu, Ridzuan berlatih di bawah bimbingan jurulatih negara R. Jaganathan.

Kejayaan demi kejayaan yang diraih oleh Ridzuan tidaklah melalui proses yang mudah. Atlet biasa pun perlu berusaha keras untuk mencapai kejayaan, apatah lagi atlet kurang upaya sepertinya. Walau bagaimanapun, Ridzuan amat bertuah mempunyai keluarga yang sentiasa menyokong usahanya, juga jurulatih yang tidak kenal erti lelah dalam membimbangnya. Jurulatih beliau, R. Jaganathan juga tidak kurang dugaannya dalam melatih atlet OKU. Beliau pernah disindir dan diejek rakan-rakan seangkatannya apabila memilih untuk menjadi jurulatih kepada atlet OKU. Tetapi semua kata-kata negatif yang beliau terima menjadi azimat untuk beliau buktikan bahawa atlet OKU juga boleh menyumbang kepada negara. Ternyata keazaman dan niat ikhlas beliau membimbang OKU terbalas dengan kejayaan anak didiknya, Ridzuan dalam sukan Para.



Gambar 65: Ridzuan bersama Affizam, insan yang mencungkil bakatnya
Sumber: Facebook (2016) @ Ridzuan Puzi diakses pada 1 Oktober 2020

Di Puncak Kejayaan

Penampilan awal Ridzuan sebagai atlet profesional bermula pada tahun 2011 di Sukan Para ASEAN yang berlangsung di Surakarta, Indonesia. Beliau memperoleh pingat emas dalam acara lompat jauh. Semangat beliau yang membara terus menyerlahkan bakatnya ke arena antarabangsa di mana pada tahun 2014, dalam Sukan Para Asia di Incheon, Korea, beliau meraih pingat emas dalam acara lompat jauh serta pingat perak untuk acara 100 meter dan 200 meter. Pada tahun 2015 pula, beliau menyertai acara 100 meter dan memenangi pingat emas dalam Kejohanan Olahraga Dunia IPC di Doha, Qatar.

Kecemerlangan Ridzuan dalam arena sukan terus menjadi kebanggaan rakyat Malaysia setelah beliau berjaya merangkul pingat emas dalam acara 100 meter di Kejohanan Sukan Paralimpik Rio 2016 yang berlangsung di Rio de Janeiro, Brazil. Kejohanan Sukan Paralimpik merupakan kejohanan sukan tertinggi bagi atlet-atlet OKU seluruh dunia. Justeru, kemenangannya itu umpama bintang yang bersinar terang dalam perjalanan kerjayanya sebagai atlet OKU. Bersaing dengan atlet bertaraf dunia bukan mudah. Tetapi, dengan semangat dan keazaman yang kuat, Ridzuan terus memecut ke garisan penamat sebagai seorang juara. Sorakan penonton yang bergema menghingarkan Stadium Olimpik, Rio de Janeiro pada masa itu disaksikan oleh semua rakyat Malaysia di kaca televisyen. Tiada siapa dapat menduga, emas pertama Malaysia dalam Kejohanan Paralimpik yang berprestij disumbangkan oleh seorang OKU yang dahulunya

menghadapi kesukaran untuk berjalan, apatah lagi berlari. Kini, Ridzuan yang digelar *Mr Dash* dikenali seluruh Malaysia bahkan dunia. Beliau bukan sahaja penyumbang pingat emas pertama negara, tetapi juga mencipta rekod baharu dengan catatan masa 12.07 saat mengatasi rekod kejohanan sebelumnya.



*Gambar 66Ridzuan bersama pingat emas yang dimenangi di Sukan Olimpik Rio 2016
Sumber: The Vocket (2016) diakses pada 1 Oktober 2020*

Selepas Kejayaan

Kejayaan Ridzuan dalam sukan olahraga tidak terhenti di Rio de Janeiro, Brazil. Beliau terus berusaha meningkatkan pencapaian dan menyertai setiap kejohanan yang dianjurkan sama ada di dalam negara atau di peringkat antarabangsa. Pada tahun 2017, beliau sekali lagi membuat kemunculan dalam Kejohanan Olahraga Dunia yang berlangsung di London. Dalam kejohanan ini, Ridzuan menyertai acara 100 meter dan 200 meter. Walaupun beliau hanya mendapat pingat perak untuk acara 100 meter dan tempat keempat untuk acara 200 meter, beliau tidak patah semangat.

Malah kembali bangkit dengan merangkul tiga pingat emas dalam acara berasingan di Kejohanan Para Asia 2018, Jakarta Indonesia. Ridzuan turut mencipta rekod baharu dunia dalam acara 100 meter dengan catatan masa 11.87 saat. Beliau juga mencipta rekod baharu Sukan Asia dalam acara lompat jauh kategori T36 dengan catatan jarak 5.49 meter. Emas ketiga yang beliau menangi dalam Sukan Para Asia 2018 adalah dalam acara 400 meter. Sungguh, beliau terus memecut tanpa menoleh ke belakang. Tahun 2018 juga menyaksikan kecemerlangan Ridzuan dihargai dengan penganugerahan Atlet Para Asia Terbaik (Lelaki). Anugerah tersebut diterima oleh beliau di Dubai, UAE pada Februari 2019. Pencapaian Ridzuan juga diiktiraf Raja Perlis

apabila dianugerahkan pingat KMN di atas jasanya dalam sukan Para. Ridzuan kini sedang giat berlatih untuk persediaan ke Sukan Olimpik Tokyo yang dijangka berlangsung pada 24 Ogos hingga 5 September 2021. Sudah tentu pingat emas menjadi sasarannya dan untuk mencapai impian itu, beliau harus berlatih dengan lebih keras. Kata-kata jurulatihnya akan sentiasa menjadi inspirasi untuk beliau mengejar impian emasnya.

“Abaikan orang yang mengejek. Kita di sini untuk berlatih. Bersiap sedia secara mental, masa kita akan tiba.” - R. Jaganathan (Jurulatih Ridzuan Puzi)

Kesimpulan

Pentas dunia telah menyaksikan kejayaan Ridzuan, budak CP yang digilap bakatnya sehingga bersinar menjadi bintang. Menjadi kebanggaan keluarga dan harapan negara. Di kala OKU lain berputus asa dengan kekurangan diri, Ridzuan membuktikan dia boleh berjaya. Semuanya kerana sokongan keluarga, bimbingan jurulatih dan keazaman diri yang kuat. Ridzuan mahu OKU bangkit dan menonjolkan kelebihan diri, bukannya meratapi kekurangan diri dan tunduk dengan ejekan serta tohmahan masyarakat. Beliau membuktikan bahawa sokongan sosial di sekeliling OKU adalah perkara terpenting demi memastikan OKU tidak didiskriminasi dan dipinggirkan. Setiap OKU mempunyai potensi masing-masing. Ia hanya memerlukan sentuhan magis daripada orang-orang yang tepat dan percaya terhadap kemampuan OKU tersebut sehingga menjadikan OKU itu luar biasa.

Rujukan

NST Online. (5 Januari 2019). *Mohd Ridzuan Named 2018's Best Asian Para Athlete; gets kudos from PM.* <https://www.nst.com.my/sports/others/2019/01/447145/mohamad-ridzuan-named-2018s-best-asian-para-athlete-gets-kudos-pm>.

BH Online. (4 Januari 2019). *Ridzuan Puzi Cipta Sejarah.* <https://www.bharian.com.my/sukan/lain-lain/2019/01/516028/ridzuan-puzi-cipta-sejarah>.

NST Sport. (11 Oktober 2018). *Ridzuan Achieves Golden Hat-trick at Asian Para Games.* <https://www.nst.com.my/sports/others/2018/10/420332/ridzuan-achieves-golden-hat-trick-asian-para-games>.

<https://www.youtube.com/watch?v=C2kIKBgZB9g>

Kisah 25 Mohamad Ziyad Zolkefli - Atlet Lontar Peluru (F20)



Lontaran Tekad Kuantum

Oleh: Umi Waheeda Izaaz Zulkifly dan Razli Che Razak

Pengenalan

Mata tertutup rapat, jantung berdegup kencang, posisi sudah tegap, tangannya menggenggam rapat peluru yang akan menjadi bukti harga dirinya dan rakan seperjuangan. Harga diri dan maruah bangsa kini berada dalam genggaman maka tiada ruang untuk kesalahan dalam setiap langkah yang diambil. Apabila hatinya sudah bersedia, peluru di tangan di lontar sepenuh jiwa bagaikan melontar segala keperitan dan lelah latihan menuju ke Rio. Lontaran kelima yang meluru ke hadapan sejauh 16.8 meter memecahkan rekod dunia menjadikan dirinya nombor satu dunia dalam sukan olahraga lontar peluru paralimpik kategori F20.

Kepulangan Mohamad Ziyad Zolkefli disambut bagi wira oleh rakyat Malaysia di Kompleks Bunga Raya, KLIA bersama-sama rakan seperjuangan beliau. Itulah kenangan yang tak mampu dilupakan oleh Ziyad sejak menjadi atlet pada tahun 2010. Kini karier 10 tahun makin mencabar bagi usia yang meningkat namun tidak menghentikan beliau daripada mengejar impian untuk menjadi atlet lontar peluru nombor satu dunia.

Dilahirkan di Kuantan, Pahang, olahragawan yang berusia 30 tahun ini dibesarkan di Gombak apabila ibunya, Siti Arfah Abdul Rashid yang bekerja sebagai jururawat di Hospital Besar Kuantan ditukarkan ke Hospital Besar Kuala Lumpur. Putera pertama daripada empat beradik ini mula dikesan sebagai mempunyai masalah pembelajaran semenjak di bangku tadika dan memegang kad OKU ketika berusia 10 tahun. Ketika berada di darjah empat, beliau mula aktif dalam sukan dan mewakili SK Gombak 1 dalam semua acara sukan dan mula fokus kepada sukan lontar peluru ketika berada di darjah enam. Apabila susuk tubuhnya mula membesar, beliau mula menjadi serius dalam sukan lontar peluru dan mewakili SMK Danau Kota dan Wilayah Kuala Lumpur semasa berada di tingkatan tiga. Walau bagaimanapun, dengan hanya minat terhadap sukan tidak mampu menyerlahkan beliau di persada negara. Peluang terbuka apabila beliau bersekolah di Kolej Vokasional Tanah Merah dalam bidang automotif, Ziyad menyerlah dalam sukan. Dengan latihan dan teknik yang diajar oleh guru-guru di sekolah itu, beliau memenangi pingat emas di peringkat kebangsaan mewakili Kelantan dalam acara lontar peluru.

Sebelum Kejayaan

Meskipun bakat beliau menyerlah ketika zaman persekolahan, peluang dan jalan rezeki beliau dalam bidang sukan masih belum terbuka. Oleh itu, beliau meneruskan pelajaran dalam bidang pengkomputeran di Kolej SEGI sebelum ditawarkan untuk ke kem latihan bagi Kejohanan Paralimpik Remaja Asia di Tokyo pada tahun 2009. Tawaran yang tidak disangka-sangka dan bakal mengubah masa depan beliau itu digenggam serta merta kerana jiwa beliau sudah pun terlekat pada sukan lontar peluru. Walaupun beliau tidak berjaya memiliki pingat dalam pertandingan tersebut, prestasi beliau dalam menduduki tempat keempat dalam acara itu membuka tawaran daripada MSN untuk menjadi salah seorang atlet paralimpik pada tahun 2010. Bersama-sama jurulatih Faizul Harun sejak Jun 2010, pingat dan kemenangan dikumpul menjadi koleksi yang bukan sahaja menjadi kebanggaan beliau tetapi juga kebanggaan negara. Kemenangan yang menjadi idaman setiap ahli sukan dan atlet tidak datang bergolek. Ramai yang hanya memfokuskan kepada kejayaan beliau dalam menakluk kejohanan sukan paralimpik dalam acara kegemarannya. Tidak ramai yang membincangkan perjalanan Ziyad dalam mencapai cita-cita negara. Sejak tahun 2010 selepas menjadi ahli tetap Kontjen Paralimpik Malaysia, Ziyad menjalani latihan yang baginya amat asing dan berada dalam tahap yang tidak pernah dilalui sebelum ini. Kadang-kala latihan ini bagi sekasan yang harus dilalui namun untuk berputus asa, tidak sama sekali. Menu latihan yang dilakukan di Leizpig, Jerman selama sebulan pada tahun 2016 tidak keterlaluan jika digambarkannya sebagai neraka.



*Gambar 67: Ziyad ketika dalam latihan
Sumber: Instagram (2016) @Ziyad Zolkefli diakses pada 1 Oktober 2020*

Setiap hari, latihan yang dilakukan di bawah seliaan jurulatih terkenal Jerman Lothar Tischendorf bukan sahaja meletihkan malah Ziyad boleh dikatakan merangkak apabila pulang ke

bilik untuk berehat. Bukan sahaja jasadnya menjadi longlai setiap kali latihan dilakukan tetapi semangatnya juga luntur bahkan beliau meminta untuk pulang ke tanah air setiap hari pada waktu itu. Namun jurulatihnya selama enam tahun itu memberikan semangat kepada Ziyad setiap kali beliau meminta untuk pulang. Walaupun berada di dalam keadaan yang tertekan dengan latihan yang menggila, hasil daripada latihan tersebut, prestasi lontaran beliau meningkat secara mendadak. Dengan itu, Ziyad bertekad untuk melalui apa sahaja menu latihan yang diberikan walaupun beliau akan merangkak pulang setiap hari. Tanpa disangka, dalam kepahitan, ada kemanisan. Kini, rekod dunia menjadi sasaran dan objektif Ziyad.

Di Puncak Kejayaan

Kemenangan Ziyad pertama yang menjadi buah mulut setiap peminat sukan apabila beliau berjaya memecahkan rekod dunia pada tahun 2016 semasa temasya Sukan Paralimpik Musim Panas 2016. Balingan kelima beliau yang mencapai 16.84 meter memecahkan rekod dunia yang melakar nama Malaysia di peta sukan dunia. Ini bukanlah kali pertama Ziyad memecahkan rekod lontar peluru ketika bertanding. Sebelum ini beliau pernah memecahkan rekod Asia dengan balingan 15.5 meter ketika Kejohanan Paralimpik Asia kedua di Incheon, Korea Selatan pada tahun 2014. Kali pertama beliau mendapat perhatian dunia sukan adalah apabila beliau berjaya memecahkan rekod Asia Tenggara dalam temasya sukan Para-ASEAN di Surakarta (Solo) pada tahun 2011 dengan rekod 14.5 meter. Namun kejayaan Ziyad yang tiada tandingan adalah pada tahun 2017 ketika Kejohanan Olahraga Para Dunia di London. Balingan sejauh 17.29 meter itu benar-benar menyinarkan Malaysia di mata sukan dunia.



*Gambar 68: Ziyad dan medal kemenangan beliau
Sumber: Instagram (2020) @Ziyad Zolkefli diakses pada 1 Oktober 2020*

Kejayaan demi kejayaan yang tercipta buat negara hasil titik peluh Ziyad dan rakan-rakan kontinjen telah membanggakan Malaysia. Beliau dianugerahkan sebagai Atlet Paralimpik Terbaik di Majlis Anugerah Persatuan Penulis Sukan Malaysia (SAM) pada tahun 2017 berikutan pencapaian beliau di London. Sebelum itu, atas pencapaian di Rio pada tahun 2016, beliau mendapat anugerah khas paralimpik lelaki di Anugerah Sukan Wilayah Persekutuan (WP) 2015/2016. Anugerah yang diberikan kepada beliau menjadi pemangkin semangat untuk beliau beraksi dengan lebih cemerlang pada masa hadapan, namun hati manusia siapa yang tahu. Walaupun nama yang dicipta oleh Ziyad adalah berdasarkan usahanya yang menggunung, semua itu bagaikan tiada makna bagi mereka yang berfikiran kolot.

“Eleh, dalam paralimpik bolehlah menang”. Berderau darah panas yang mengalir dalam tubuhnya ketika membaca komen-komen pedas netizen yang tidak memandang akan usaha dan bakti yang beliau tabur selama ini. Mujur kemarahan itu tidak bersarang lama dalam hati beliau. Komen-komen negatif yang dilemparkan kepada beliau tidak mampu mematahkan semangat beliau malah membakar azam baru. Bagaikan dalam radio, kata-kata netizen yang menyakitkan hati diputarkan dalam fikiran beliau yang kini menyasarkan suatu rekod baharu. Jika mereka mahu menyisihkan kejayaan beliau kerana perkataan “paralimpik” maka beliau akan membuktikan kejayaan beliau dalam aksi sukan bersama-sama atlet normal.

Pada tahun 2017, Ziyad sekali lagi menyumbang pingat kepada negara namun kali ini dalam sukan SEA di Kuala Lumpur. Pingat gangsa yang dibawa oleh beliau menjadi pingat pertama yang dibawa oleh atlet paralimpik dalam temasya sukan penuh prestij ini. Dengan lontaran sejauh 17.12 meter, Ziyad membawa kedudukan Malaysia ke atas dengan menyumbang gangsa pada ketika itu. Beliau sekali lagi membuktikan kebolehan beliau dengan memperoleh pingat perak dalam temasya sukan SEA tahun 2019 di Manila, Filipina. Capaian ini membuktikan bahawa beliau mampu untuk bersaing dengan atlet normal bahkan mampu mengalahkan atlet normal Malaysia dalam sukan lontar peluru. Tidak terkesan dengan lemparan netizen terhadnya, Ziyad kini mengatur langkah untuk mencapai emas di sukan Paralimpik 2020 di Tokyo, Jepun pada tahun 2021.

Tiada kemenangan yang tidak disulami dengan cabaran dan rintangan. Sudah menjadi norma seorang olahragawan adalah menghadapi kecederaan fizikal. Kadang kala ia mengganggu rekod kehebatan pengumpul pingat emas tegar ini. Ziyad pernah mengalami kecederaan ketika berada dalam latihan seperti pada tahun 2014 di mana beliau mengambil masa selama empat bulan untuk menyembuhkan jari yang patah ketika melontar. Pada tahun 2018 juga, otot belakang beliau

terkoyak akibat berlatih terlalu keras yang juga mengambil masa empat bulan untuk sembah. Namun, kecederaan-kecederaan ini tidak menghalang beliau dalam memiliki emas tetapi, hal ini berbeza pada tahun 2015. Kedua-dua otot betis beliau koyak ketika berada dalam pertandingan di Doha, Qatar di mana beliau hanya mampu untuk mendapatkan pingat gangsa buat negara. Meskipun begitu, Ziyad tidak berputus asa dalam mencari kejayaan kerana maruah beliau sebagai seorang olahragawan terbaik dalam sukan lontar peluru.

Selepas Kejayaan

Berada dalam bidang sukan banyak mengubah gaya hidup Ziyad. Beliau belajar untuk menetapkan sasaran dalam setiap pertandingan kerana sasaran itu akan menjadi objektif dan fokus dalam latihan. Kegagalan beliau dalam mengekalkan emas semasa Kejohanan Olahraga Para Dunia di Dubai pada tahun 2019 menjadi pemangkin untuk Ziyad berusaha dengan lebih keras lagi. Pingat emas menjadi idaman bagi sukan Paralimpik 2020 pada tahun 2021 akan datang di Tokyo, Jepun. Arahan PKP selama empat bulan menjadi cabaran baru buat Ziyad kerana selama ianya berlangsung, beliau terpaksa menghentikan latihan bagi mematuhi arahan PKP. Kini, selepas arahan PKP dilonggarkan, beliau kembali memulakan latihan bagi menaikkan prestasi yang menurun sepanjang tempoh kawalan pergerakan. PKP merupakan cuti terpanjang yang pernah diambil oleh Ziyad selepas kejayaan beliau di London pada tahun 2017.

Sebagai ayah kepada dua orang anak kecil, Zuhayra Zafra dan Thariq Zavier, Ziyad berazam untuk melakukan yang terbaik untuk menjadi contoh kepada mereka. Sokongan padu isteri, Zafirah Mohd Nasir menjadi pembakar semangat dalam meneruskan perjuangan beliau sebagai olahragawan paralimpik terbaik Malaysia. Zafirah dikenali oleh beliau ketika menyambung pelajaran pada tahun 2009. Isteri yang tidak pernah meninggalkannya dalam suka dan duka itu dinikahi pada 11 November 2016 selepas membawa pulang pingat emas di Rio. Bagi Ziyad, apa sahaja cita-cita anak-anaknya akan disokong sepetimana beliau disokong oleh ayahnya, Zolkefli Othman ketika beliau ingin menapak ke dalam bidang kesukaran.




Gambar 69: Ziyad dan keluarga
Sumber: Instagram (2020) @ Ziyad Zolkefli diakses pada 1 Oktober 2020

Kesimpulan

Ziyad kini menjadi ikon bagi OKU di Malaysia untuk menonjolkan diri dalam melakukan apa sahaja yang mereka inginkan dan mencapai cita-cita mereka. Perjuangan beliau bukanlah untuk diri sendiri semata-mata malah ianya menjadi penyuluhan bagi anak-anak istimewa dalam menjadi seorang yang berjaya dalam setiap apa yang mereka lakukan. Bagi Ziyad, perjalanan beliau masih belum tamat dalam memartabatkan sukan paralimpik negara. Apa yang dilakukan bukanlah untuk dianugerahkan dengan wang ringgit dan populariti namun pencapaian yang dicipta adalah untuk harga diri.

“Saya tak pergi kerana duit, saya tak pergi kerana populariti. Saya pergi kerana harga diri saya untuk buktikan bahawa saya atlet terbaik dalam dunia” – Ziyad Zolkefli

Kisah 26 Siti Noor Radiah Ismail - Atlet Lompat Jauh (T20)



Bangkit Walau Sakit

Oleh: Khairul Affeiq Mohd Noorizam dan Syamsuriana Sidek

Pengenalan

Siti Noor Radiah Ismail dilahirkan di Segamat, Johor pada 3 November 1993. Beliau merupakan anak kelima daripada tujuh orang cahaya mata Ismail Shawal bersama Rusimah Bazid. Radiah atau lebih manja dengan panggilan Yaya dalam kalangan ahli keluarga merupakan satu satunya anak yang dikurniakan keistimewaan atletik dan mempunyai semangat juang yang luar biasa walaupun mempunyai masalah akademik. Bapanya merupakan seorang pesara komando tentera darat 21 komando yang aktif dalam bidang sukan di Kem Gerak Khas Sungai Udang, Melaka manakala ibunya pula merupakan suri rumah tangga.

Pada masa kecil, Radiah sering menemani bapanya ke beberapa kejohanan sukan anjuran ATM. Bermula waktu itu beliau menjadikan bapanya sebagai sumber inspirasi kerana sering melihat kejayaan demi kejayaan yang dirangkul oleh bapanya di usia muda. Tambahan lagi, beliau mendapatkan pendidikan awal sekolah rendah di Kem Gerak Khas Sungai Udang sebelum berpindah ke Segamat. Pada awalnya, beliau memasuki aliran pemulihan di sekolah rendah sehingga darjah tiga sebelum memasuki aliran pendidikan khas semasa darjah empat sehingga tamat persekolahan. Selepas itu, beliau bekerja sementara bagi mengisi masa lapang.

Semasa di sekolah rendah, beliau mula aktif dalam Sukan Paralimpiad. Beliau dilatih oleh Cikgu Halis sehingga dapat mewakili Melaka pada ketika itu. Namun, Radiah sekeluarga terpaksa berpindah ke Segamat, Johor kerana bapanya telah bersara dan berlatih di bawah jagaan Cikgu Huda dan Cikgu Nazari. Walaupun telah berpindah ke Johor, beliau berjaya membuktikan kewibawaannya dalam bidang sukan sehingga dapat mewakili negeri Johor pula pada tahun 2006.

Radiah juga sangat aktif dalam sukan olahraga balapan seperti acara 100 meter, 200 meter, 400 meter, 800 meter, 4x100 meter dan 4x400 meter sejak berada di sekolah rendah sehingga sekolah menengah. Bermula detik persekolahan, Radiah juga sudah menyimpan cita-cita untuk menjadi seorang atlet Malaysia yang berjaya tidak kira dalam apa jenis sukan sekalipun. Namun selepas mengetahui dirinya mempunyai kekurangan dalam pembelajaran, beliau mula fokus kepada satu acara sahaja iaitu lompat jauh kategori T20.

Sebelum Kejayaan



Gambar 70: Radiah dalam latihan
Sumber: Koleksi MSN

Perjuangan Radiah dalam bidang sukan tiada noktahnya walaupun beliau mengharungi pelbagai kesukaran semenjak di bangku sekolah menengah lagi. Menurutnya semasa di sekolah menengah beliau pernah mengalami kecederaan kerana terjatuh. Namun, beliau tidak menjadikan kecederaan itu sebagai batu penghalang untuknya terus bergiat aktif dalam bidang sukan.

Radiah juga menyatakan bahawa beliau sudah terbiasa dengan aktiviti yang lasak semenjak zaman kanak-kanak lagi. Malahan, beliau pernah menghadapi kecederaan yang serius pada bahagian tulang pinggul semasa berlatih di sekolah menengah. Namun, selepas berehat dalam masa yang singkat, Radiah masih cekal menyertai Sukan Remaja Para Asia 2009 di Tokyo, Jepun. Ketika itu juga merupakan yang merupakan pengalaman pertamanya mewakili Malaysia. Walaupun keadaannya masih belum pulih sepenuhnya pada ketika itu, Radiah tetap melakukan lompatan yang menyebabkan kesan kecederaan yang beliau hadapi semakin parah. Kecekalan dan ketabahannya boleh disamakan dengan pepatah melayu lama, di mana ada kemahuan di situ ada jalan. Peristiwa ini juga membuktikan Radiah ialah seorang yang kuat berusaha dan akan melakukan apa sahaja demi mencapai cita-cita dan matlamatnya.

Radiah mula menjadi atlet sepenuh masa di MSN pada tahun 2014. Pendekatan latihan yang dilakukan oleh jurulatihnya, Mohd Syahrul Amri Suhaimi adalah sama dengan atlet-atlet lain melainkan jika terdapat kecederaan, atlet tersebut akan ditugaskan menjalani latihan mengikut keupayaan fizikal masing-masing. Hari demi hari di MSN dipenuhi dengan latihan yang sangat memenatkan. Radiah menyatakan dalam seminggu mereka akan menjalani latihan enam kali sehari. Satu sesi latihan di sebelah pagi bermula jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi, manakala, latihan sesi petang bermula jam 4.00 petang hingga 6.30 petang pada setiap hari Isnin hingga hari Jumaat. Tambahan lagi, pada hari Sabtu latihan dijalankan hanya pada sesi pagi sahaja dan mereka dibenarkan cuti pada hari Ahad.


Penat lelah latihan tidak terasa kerana semangat juang dan tidak putus asa dalam diri Radiah. Buktinya, beliau merekodkan catatan terbaik dengan lompatan sejauh 5.10 meter pada majlis temasya Sukan Para Asia 2014 di Incheon, Korea Selatan. Disangka panas sampai ke petang, namun hujan di tengah hari. Sejak menyertai temasya sukan tersebut, Radiah telah mengalami kecederaan pada bahagian pinggang dan belakangnya. Beliau telah beberapa kali menjalani rawatan tulang belakang dan menerima prosedur rawatan memasukkan gel pada bahagian lutut. Beliau terpaksa mengambil ubat tahan sakit jika mengalami kesakitan mengikut preskripsi doktor.

Di Puncak Kejayaan

Kejayaan Siti Noor Radiah Ismail tidak dapat disangkal lagi kerana beliau merupakan satu-satunya atlet paralimpik wanita yang telah berjaya mengharumkan nama Malaysia di persada dunia. Beliau meraih pingat gangsa dalam acara lompat jauh wanita kategori T20 iaitu masalah pembelajaran di Temasya Sukan Paralimpik di Rio pada tahun 2016. Radiah menyatakan bahawa ibu bapa dan keluarga merupakan tunjang semangat dalam dirinya untuk tidak berputus asa dan tulang belakang disebalik kejayaannya. Tidak ketinggalan nasihat dan dorongan rakan-rakan dan jurulatih juga banyak membantu dirinya dalam mencapai kejayaan tersebut.

Atlet kelahiran Segamat, Johor ini telah melakar kejayaan dengan melakukan lompatan sejauh 5.20 meter, sekali gus menjamin pingat gangsa bagi kontinen negara. Lebih manis lagi, kejayaan ini turut memperbaharui rekod Asia yang menjadi miliknya iaitu 5.10 meter yang direkodkan pada Sukan Para Asia di Incheon pada tahun 2014. Pencapaian yang luar biasa Radiah bersama rakan seperjuangan seperti Ziyad Zolkefli, Ridzuan Puzi dan Latif Romly telah membuka mata rakyat Malaysia tentang kebolehan atlet istimewa ini tidak boleh dipandang enteng.

Beliau sangat bersyukur kerana bukan sahaja dapat menaikan dan membanggakan nama Malaysia di mata dunia, malah turut kedua ibu bapa serta ahli keluarganya juga turut menumpang gembira atas kejayaan beliau. Pingat gangsa yang diraih itu juga merupakan hasil penat lelah beliau selama ini yang amat mencintai bidang sukan sejak dari bangku sekolah lagi.



Gambar 71: Radiah menggagayakan pingat miliknya
Sumber: Koleksi MSN

Selepas Kejayaan

Selepas kejayaannya, beliau telah menghadkan penyertaannya dalam kejohanan luar negara kerana kecederaan lutut yang dialaminya semasa lompatan terakhir di Rio, Brazil pada tahun 2016. Namun, Radiah melahirkan rasa bangga apabila melihat kemajuan sukan di tanah air pada ketika ini dengan penglibatan aktif daripada golongan belia dalam kejohanan negara. Sebelum bersara atau bertukar bidang, Radiah berharap agar pelapis baru dapat dilahirkan bagi mewujudkan persaingan yang sihat dalam bidang sukan.



Gambar 72: Radiah dan pingat perak miliknya di Indonesia
Sumber: Koleksi MSN

“Jangan mudah berputus asa, sentiasa fokus untuk mencapai apa yang dikehendaki tanpa mendengar kata-kata negatif orang sekeliling”-Radiah

Beliau juga turut berterima kasih kepada insan yang sering berada dibelakangnya semasa perjuangan untuk bergiat aktif dalam bidang sukan iaitu ibu bapa dan ahli keluarga yang disayanginya. Kesungguhan Radiah mencapai kejayaan dalam bidang sukan telah serta menunjukkan semangat luar biasa dan iltizam dalam bidang yang diceburinya menyokong peribahasa melayu iaitu hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih yang bermaksud jika kita hendak melakukan sesuatu, pasti akan menyempurnakannya dengan sedaya upaya.

Kisah 27 Suresh Selvathamby - Atlet Memanah Recurve



Menjulang Kemenangan

Oleh: Mohd Anwardi Suhardi dan Hasan Muhammad Maliwu

Pengenalan

“Kau boleh buat, jangan fikir dengan orang-orang yang negatif yang tidak membantu dalam kau mencapai apa yang diinginkan.” Itulah kata-kata dari rakan-rakan beliau yang cuba menaikan semangat Suresh yang terkesan dek kata-kata negatif insan sekeliling.

“Kau boleh Suresh, jangan fikir perkara negatif yang menghalang kau untuk hadapi perlawanan akan datang,” begitulah juga nasihat jurulatih Suresh, Marzuki bin Zakaria sebelum kejohanan *World Champions* akan berlangsung tidak lama lagi. Suresh kembali ke latihan dengan semangat dan fikiran yang positif untuk menghadapi perlawanan yang tidak lama lagi.

Seorang atlet para bagi sukan memanah, Suresh tidak asing lagi di kaca televisyen dan media sosial umumnya. Suresh Selvathamby yang dilahirkan di Grik, Perak, tetapi menetap di Kuala Ketil, Kedah. Adik beradik beliau ada 3 orang dan beliau ialah anak yang pertama.



*Gambar 73: Suresh yang berada di Kompleks Sukan Paralimpik, Pandan Indah.
Sumber: ISM (2020)*

Suresh dilahirkan dalam keadaan normal, namun ketika berusia 13 tahun, Suresh terlibat dalam satu kemalangan. Kejadian itu berlaku apabila lori yang dinaiki beliau itu dipandu oleh ayahnya, Selvathamby yang terbabit dalam satu kemalangan jalan raya.

Selepas tamat SPM, Suresh memasuki ke Institut Kemahiran Langkasuka, Kedah. Beliau belajar di sana dalam bidang software IT, tetapi hanya mampu memperolehi sehingga ke sijil tahap 2 sahaja. Suresh terus mencari pekerjaan dan bekerja di sebuah kilang sebagai QC Inspector

Suresh mula terlibat dalam sukan memanah pada tahun 2012, dimana ia adalah hasil galakan kawannya yang juga bekas pemanah paralimpik negara. Kata kawannya ada seorang jurulatih, M. Puvaneswaran, yang juga pengurus pasukan memanah, Sukan Para ASEAN (APG) 2015 di Singapura, sedang mencari bakat baharu.

Suresh tidak pernah tahu akan apa itu memanah pada masa itu, tetapi didesak oleh kawannya itu untuk pergi melihat permainan memanah di tempat tersebut. Keadaan di tempat latihan memanah itu membuat Suresh berasa segan kerana kali pertama melihat permainan memanah itu.

Walaubagaimanapun, rasa ingin tahu membuatkan Suresh cuba mendekati latihan memanah itu dan merasai sendiri pengalaman tersebut. Ada seorang jurulatih meletakkan peralatan memanah di tempat latihan itu. Lalu disapa oleh Suresh bertanyakan kepada jurulatih apa yang dia dapat kalau main permainan memanah.

Jurulatih itu menjawab sekiranya berjaya bermain di peringkat negeri, beliau akan dapat bermain di peringkat kebangsaan. Selepas itu nilaiannya akan diberi serta kemahiran yang diasah akan diserap ke dalam pasukan atlet para.

Suresh terus mengajukan soalan tentang apa yang dimaksudkan dengan pasukan para itu. Jurulatih itu berkongsi maklumat secara ringkas, pasukan para itu adalah atlet dari kalangan OKU yang bertanding dalam satu pasukan yang bermain untuk negara.

Suresh semakin teruja untuk mengetahui dengan lebih mendalam mengenai apakah hasilnya jika bermain untuk negara. Tanpa membuang masa jurulatih itu terus menjawab sekiranya pemain itu menang dalam mana-mana pertandingan kebangsaan atau Olimpik. Atlet itu akan memperolehi hadiah sejumlah wang yang banyak, dapat rumah, kereta dan menjadi terkenal.

Pada ketika itu Suresh mula memahami apa itu permainan memanah dan hasil yang diperolehi sekiranya bermain secara serius. Ketika itu Suresh berusia 19 tahun, mengambil peluang untuk mencuba sukan memanah.

Sebelum Kejayaan

Suresh telah dipilih oleh pihak MSN untuk menyertai skuad negara namun pada ketika beliau perlu mengambil masa untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran. Cabaran-cabaran seperti sesi latihan sepenuh masa yang menjadi rutin atlet para perlu disesuaikan oleh Suresh itu.

Beliau meminati permainan memanah dan cuba menyertai buat kali pertama dalam pertandingan para. Tanpa disangka-sangka, penyertaan pertama beliau pada tahun 2014 telah melayakkan Suresh untuk ke pusingan akhir pertandingan berkenaan. Kemenangan pertama itu telah membuat Suresh mendapat pingat emas, serta menerima insentif dari kerajaan negeri Kedah.

Dari situlah Suresh tahu bahawa setiap kemenangan akan mendapat habuan dan kelebihan lain pada dirinya termasuk hadiah kemenangan dalam bentuk sebanyak dua ribu ringgit tunai. Pada tahun itu juga beliau turut beraksi dalam Sukan Para Asean di Myanmar dan 2017 di Kuala Lumpur walau kemenangan tidak berpihak kepadanya. Lantaran itu Suresh diminta oleh pegawai skuad untuk pulang berlatih dalam suasana keadaan yang lebih tenang bersama pasukan negeri.

Ketika Suresh mula-mula membawa diri ke MSN, beliau menghadapi prestasi beliau dalam keadaan yang kurang baik. Dalam masa yang sama juga ibu Suresh menyuruh supaya beliau berkahwin terlebih dahulu. Menjadikan beliau tidak fokus kepada latihan dan persiapan dengan baik.

Suresh menghadapi tekanan perasaan yang hebat ketika beliau masuk ke MSN disebabkan oleh masalah dalam keluarganya. Masalah itu telah menjelaskan prestasi dan latihan rutin Suresh sebagai atlet para. Beberapa pertandingan disertai Suresh dalam tempoh beliau menghadapi tekanan tidak membawa sebarang kemenangan. Situasi itu memaksa jurulatih Suresh menasihatkan beliau agar bercuti dan ambil masa yang sewajarnya. Dalam masa yang sama, tekanan Suresh bertambah apabila mengetahui adik perempuannya meninggal dunia akibat dari kemalangan. Kejadian itu amat terkesan pada dirinya Suresh menyebabkan beliau mengalami tekanan perasaan selama hampir 6 bulan.

DI PUNCAK KEJAYAAN

Pencapaian pertama Suresh dalam bidang yang diceburi itu adalah beliau berjaya memperolehi pingat perak pada Sukan Para Sukma pada 2012. Ketika itu Suresh masih lagi menuntut di Institut

Kemahiran Langkasuka. Namun disebabkan faktor kewangan keluarganya, Suresh mengambil keputusan untuk berhenti memanah dan bekerja di sebuah kilang.

Setelah Suresh berhenti selama 6 bulan dari aktiviti memanah kerana bekerja untuk membantu keluarganya. Suresh telah dipanggil oleh jurulatih beliau untuk kembali berlatih kerana bakal menghadapi SUKMA di Perlis dalam tempoh seminggu sebelum pertandingan. Suresh terkejut dengan tawaran berkenaan, tetapi nekad untuk berlatih dan berusaha untuk memperoleh semula tempoh semangat untuk menghadapi pertandingan.

Suresh merasai pertandingan itu sukar dimenangi kerana persiapan yang dibuat terlalu singkat. Sebaliknya, sebaik sahaja masuk padang dan mengarahkan anak panah tepat ke arah sasaran. Melayakkan beliau untuk mara ke pusingan akhir. Rezeki kemenangan yang tidak dijangka oleh beliau untuk menang hingga ke tahap itu.

Sekitar 1 hingga 2 bulan dari kemenangan Suresh dari pertandingan SUKMA itu, MSN memanggil beliau untuk menyertai mereka dan disitulah bermulanya perjalanan sebagai atlet memanah para Suresh. Kejayaan Suresh bersama MSN dalam skuad memanah para adalah kerana beliau memiliki kawan-kawan yang sentiasa menyokong dan berikan semangat.

Selain dari kawan-kawan, jurulatih Suresh iaitu Marzuki Zakaria juga antara orang yang selalu memberi sokongan dan nasihat kepada Suresh. “Kau jangan fikir semua kata-kata tu, hanya fokus saja kepada permainan dulu, aku tahu kau dalam masalah sekarang tapi biarkan masalah itu dulu, kau fikir masa depan sahaja”

Penyertaan Suresh ke Kejohanan Memanah Ranking Dunia Fazza Dubai telah disertai oleh Suresh untuk bertanding di sana. Pada tahun 2017 dan yang kedua ialah pada tahun 2019. Kedua-dua penyertaan itu, Suresh berjaya membawa pulang pingat perak untuk negara.

Pada tahun 2018, Suresh bertanding di Thailand dan telah memenangi pingat perak untuk pasukannya. Ketika kemenangan Suresh di Kejohanan Memanah Para Dunia 2019 di Hertogenbosch, Belanda. Jurulatih memanah Suresh, Marzuki Zakaria merasa puas hati dan berbaloi dengan pengorbanan beliau pada waktu kemuncak itu. Beliau sanggup untuk tidak bersama keluarga bagi menyambut 1 Syawal kerana bangga dengan pencapaian dan kejayaan Suresh yang sangat bermakna itu.

Sokongan insan sekeliling, membuatkan Suresh bangkit dan berfikir positif. Beliau mencuba untuk mengubah fikiran negative dan kemarahan itu kepada usaha menjalankan latihan yang kuat, rajin dan terus berlatih. Latihan demi latihan sehingga beliau lemah dan meminta

jurulatihnya melihat apa kesalahan dalam latihannya. Dengan usaha dan tekad yang ditunjukkan, jurulatih Suresh membawa Suresh untuk menyertai pertandingan di peringkat dunia.

Adakalanya beliau berasakan tidak mampu untuk memenangi pertandingan. Tetapi dengan berkat usaha latihan, Suresh akhirnya membawa pulang pingat untuk negara. Suresh juga memenangi di pertandingan yang besar iaitu acara para memanah di Belanda dengan memperolehi pingat emas. Seperti pertandingan sebelum ini beliau tidak menjangkakan yang beliau mampu menang hingga ke peringkat pusingan akhir.

Bukan sahaja terlibat dalam bidang sukan, Suresh juga merupakan seorang penceramah jemputan oleh sekolah-sekolah bagi memotivasi kepada pelajar. Di Kedah sahaja, 10 buah sekolah pernah menjemput Suresh bahkan hingga ke Melaka. Suresh mempunyai pengaruh tersendiri dalam memberi manfaat kepada masyarakat melalui ceramah motivasinya bahkan sebagai idola bagi peminat sukan memanah. Kemampuan Suresh memberi motivasi terbukti apabila dijemput oleh penceramah motivasi lain untuk menyertai kumpulan. Namun Suresh tidak dapat meneruskan hasrat itu demi mencapai impiannya. Sasaran Suresh adalah untuk memastikan beliau mendapat pingat emas pada kejohanan kebangsaan di Tokyo pada tahun 2021.

Selepas Kejayaan

Dalam Suresh menghadapi pelbagai cabaran emosi dan tekanan perasaan. Suresh juga selalu memberi nasihat kepada atlet memanah di peringkat negeri. Nasihat itu supaya elakkan merendah diri apabila bertemu dengan atlet kebangsaan sepertinya. Bagi Suresh setiap pertembungan antara atlet kebangsaan dengan atlet negeri fokuskan untuk tingkatkan kemahiran memanah dan mengeratkan hubungan sesama atlet.

Pesanan Suresh kepada atlet negeri “saya fikir, kalau kita hendak sesuatu kita perlu berusaha dulu.” Saranan Suresh adalah untuk memberi semangat kepada mereka untuk terus berjaya dalam karier mereka bagi bidang memanah.



Gambar 74: Suresh menceritakan kisah hidupnya
Sumber: ISM (2020)

Atlet para negara bagi kategori memanah S.Suresh berjaya merebut slot kelayakan ke Sukan Paralimpik 2020 secara merit ke Tokyo. Kejayaan menjadi milik Suresh setelah berjaya melangkah ke pusingan akhir acara *recurve bow* individu lelaki pada Kejohanan Memanah Para Dunia 2019 di Hertogenbosch, Belanda.

“semua orang ada impian untuk mencapai sesuatu,bila ada impian hanya fokus pada impian tu. Kalau kau kalah tak dapat capai ke, bangkit balik. Tolong bangkit balik”

Perancangan Suresh untuk masa akan datang adalah mahu menyumbang kepada negara. Impian Suresh adalah untuk menyertai 2 pertandingan Olimpik dan konsisten mendapat pingat emas di mana-mana kejohanan yang disertainya. Selain itu, Suresh berhasrat untuk membantu golongan OKU dan keluarga miskin di luar sana.

Nasihat yang sering beliau tekankan setiap kali memberi ceramah di sekolah-sekolah adalah :

“Tuhan ni bukan selalu bagi kita ni kalah kalah macam tu je. Tuhan kalau dia bagi kesusahan pada kita akan ada kesenangannya.”

OKU DALAM BIDANG POLITIK

Malaysia mencipta sejarah di Asia Tenggara apabila melantik seorang OKU menjadi senator mewakili OKU di Malaysia. Pelantikan ini menyusul bersama-sama kelulusan Rang Undang-undang OKU 2007 diluluskan di dewan rakyat yang kemudiannya menjadi akta OKU 2008. Dengan kehadiran OKU dalam Dewan Rakyat, suara golongan istimewa ini akan lebih didengari.

Kisah 28 Bathmavathi Krishnan - *Mantan Senator*




Rangsangan Permainan Minda

Oleh: Nur Mustaqim Jamalludin dan Aidanazima Abashah

Pengenalan

“Saya pernah terlintas untuk mencederakan diri sendiri” - Bathmavathi Krishnan

Peluang melanjutkan pengajian ke menara gading kebiasaannya adalah merupakan antara detik istimewa bagi golongan belia untuk menimba ilmu pengetahuan serta menimba pengalaman baru. Namun, berbeza bagi Bathmavathi Krishnan apabila beliau ditimpa musibah yang tidak disangkakan dan tidak pernah dibayangi beliau. Tragedi malang tersebut telah terpahat dalam ingatan beliau sehingga kini.



Gambar 75: Gambar wajah Bathmavathi Krishnan yang pernah diambil oleh JPN
Sumber: ISM (2020)

Bathmavathi, 66 merupakan anak kelahiran Kuala Krau, Pahang sebelum berpindah ke Alor Setar pada tahun 1958 setelah bapanya ditukarkan tempat bekerja. Di sana, beliau bersekolah di Sekolah Kebangsaan Sultanah Asma dan seterusnya melanjutkan pengajian ke tingkatan 6 di Sekolah Inggeris Derma, Kangar.

Sebelum Kejayaan

Perasaan bagi emas jatuh ke riba apabila pada tahun 1974 beliau ditawarkan untuk melanjutkan pengajian ke UM, sebuah universiti terkemuka pada ketika itu. Beliau adalah merupakan seorang mahasiswi yang sangat aktif dan sering mewakili UM dalam sukan tenis dan hoki.

Namun, detik istimewa bergelar pelajar aktif di universiti telah bertukar dalam sekelip mata dek suatu peristiwa ngeri ketika beliau berada pada tahun kedua di UM. Ketika itu, semasa sedang menunggu ketibaan bas untuk ke kuliah, beliau dan 7 orang yang lain telah dilanggar oleh sebuah bas yang sedang mengundur. Kecederaan yang dialami beliau adalah yang paling dahsyat berbanding yang lain kerana melibatkan kecederaan tulang belakang.

Tragedi yang berlaku pada bulan Oktober 1975 itu masih segar di ingatan beliau sehingga beliau masih ingat setiap detik yang berlaku ketika menceritakan kejadian tersebut. Menurut beliau, pada ketika itu hanya sebilangan mahasiswa sahaja yang mempunyai kereta persendirian di universiti tersebut. Beliau bertuah kerana sejurus selepas berlakunya kemalangan tersebut, terdapat sebuah kereta Volkswagen yang berhenti dan segera membawa beliau ke hospital universiti. Tragedi cemas itu turut dibantu oleh rakan-rakan yang ada bersama beliau pada ketika itu untuk memasukkan beliau ke dalam kereta tersebut yang hanya ada dua pintu. Semasa dalam perjalanan ke hospital, beliau merasakan kakinya sudah mula terasa kebas dan perlahan-lahan dirinya mula berada seperti di awang-awangan.

Setelah tiba di hospital, doktor mengesahkan bahawa terdapat keretakan pada tulang rusuknya dan secara tidak langsung telah memberi tekanan kepada paru-paru beliau. Beliau juga mengalami pendarahan yang teruk dan kerosakan pada saraf tunjangnya akibat dari peristiwa itu. Berikutan peristiwa itu, beliau telah menjalani pembedahan dan ditempatkan di Unit Rawatan Rapi (ICU) selama lima hari sebelum dipindahkan ke wad biasa. Tragedi yang berlaku telah menyebabkan beliau mengalami kecederaan dari T12, di mana beliau tidak dapat merasakan apa-apa dari bahagian pinggang hingga ke bawah.

Selama lapan bulan Bathmavathi berada di hospital ditemani oleh kakaknya yang tinggal di Kuala Lumpur. Dalam tempoh tersebut, pelbagai senaman dan fisioterapi yang harus beliau jalani sepanjang berada di hospital. Oleh kerana terdapat adik-adik yang masih belajar di Alor Setar, tidak semua ahli keluarga beliau dapat menziarahi beliau. Tetapi semasa ketibaan ahli keluarganya yang lain, beliau telah memaparkan satu nota yang menyatakan bahawa beliau mampu untuk menguruskan dirinya sendiri jika berlaku sesuatu. Hal ini kerana, mengerti kesedihan yang dialami seluruh ahli keluarganya, beliau tidak mahu menambahkan lagi kebimbangan serta kerisauan mereka semua. Mungkin kuat di mata mereka, namun beliau tetap menyimpan kesedihan di atas peristiwa yang menimpa dirinya. Bila tiba malam hari, beliau menangis seorang diri mengenangkan kenapa perkara ini berlaku kepada dirinya.

“Saya cakap kepada diri, kalau dia orang boleh kenapa tidak saya?” - Bathmavathi Krishnan

Jururawat sering menasihati beliau supaya terus tabah. Ditakdirkan pada suatu hari, datang dua orang gadis berkerusi roda melawatnya. Wanita tersebut adalah Sariah Osman dan Catherine Chong, isteri kepada bekas presiden MCA Tan Koon Swan. Walaupun kedua-duanya berkerusi roda, namun mereka masih boleh berketerampilan cantik dan menawan. Penampilan dan karisma yang ditonjolkan oleh kedua-dua wanita tersebut sekali gus menarik perhatiannya dan memberi impak yang besar kepada dirinya. Mereka telah memberikan kaunseling dan kata-kata semangat untuk menggalakkan beliau supaya terus kuat menghadapi segala cabaran yang menanti.

Bathmavathi datang daripada keluarga yang susah, mempunyai keluarga yang besar dan mempunyai pelbagai faktor lain yang bakal memberi kesan kepada pemikiran beliau. Namun, ahli fisioterapi menyatakan kepada beliau bahawa tidak perlu menjalani kaunseling psikologi. Hal ini kerana, pakar tersebut kagum dengan cara beliau menangani kecederaan dan masalah yang menimpanya. Beliau turut dibantu oleh keluarga yang sentiasa memberi sokongan antara satu sama lain.

Oleh kerana tragedi yang menimpa Bathmavathi berlaku semasa beliau berada di dalam kawasan kampus, ia mendapat perhatian utama oleh VC UM pada ketika itu. Individu tersebut telah memberi tumpuan sebaik mungkin kepada beliau. Segala kos perbelanjaan rawatan hospital dan terapi ditanggung sepenuhnya oleh UM. Beliau turut ditempatkan di kolej tujuh, iaitu kolej kediaman terbaru pada ketika itu. Pihak UM telah mengubahsuai bilik sakit yang terdapat di kolej tersebut untuk dijadikan bilik bagi beliau. Turut diubahsuai adalah tingkap kepada sebuah pintu masuk bagi memudahkan urusan Bathmavathi yang berkerusi roda.

Tidak cukup dengan itu, kakak Bathmavathi yang bekerja di KL turut diberi kebenaran untuk menetap di sebuah bilik di kolej tersebut. Ia bagi memudahkan kakaknya untuk menjaga beliau pada masa lapang. Terdapat juga petugas khas yang menjaga beliau dari pukul tujuh pagi sehingga lima petang. Ada diantaranya membantu untuk menyediakan makanan, menolak kerusi roda beliau ke dewan kuliah dan menolong beliau untuk baring. Hal ini kerana, beliau hanya mampu untuk duduk selama dua jam sahaja dalam satu masa disebabkan terdapat serpihan besi dan skru dalam badannya. Tambahan lagi, terdapat juga tanjakan (*ramp*) baru yang dibina bagi memudahkan beliau untuk pergi ke perpustakaan, bilik seminar dan tutorial.

Walaupun diberi perhatian yang mendalam oleh UM, tidak dinafikan bahawa kecederaan yang dialami akibat tragedi tersebut telah memberi tekanan perasaan kepada dirinya. Pelbagai perasaan yang terpaksa beliau hadapi dalam dirinya termasuklah mudah rasa marah, tertekan dan sedih. Emosi bercelaru turut ditambah burukkan lagi apabila ibunya meninggal dunia pada bulan

Jun 1977, 18 bulan selepas kemalangan tersebut berlaku. Pada ketika itu, beliau turut merasakan dirinya menjadikan beban kakaknya semakin bertambah apabila terpaksa menjaga beliau setelah penat bekerja.

Emosi yang tidak stabil serta bercelaru telah memberi impak yang signifikan sehingga beliau cenderung untuk mencederakan dirinya sendiri. Rentetan dari kecelaruan emosi tersebut, beliau mula menulis dan terus menulis dalam satu diarinya. Beliau turut bermonolog dengan dirinya di hadapan cermin. Akhirnya, tindakan beliau itu telah membuatkan beliau berasa lega kerana dapat meluahkan segala perasaan terpendam. Beliau turut dibantu oleh seorang individu bernama Tiong, dari Sarawak yang juga merupakan antara individu yang terlibat dalam tragedi yang berlaku. Kemudian, beliau mula merapatkan diri dengan dua orang lagi mahasiswa dan mereka berempat menjadi sahabat baik.

“Tiada guna menoleh ke belakang, lebih baik terus menuju ke hadapan” - Bathmavathi Krishnan

Setelah tamat pengajian dalam *Malay Studies*, beliau berpindah keluar dari kampus dan melanjutkan pengajian ke peringkat sarjana dalam jurusan Perpustakaan Dan Sains Maklumat di Universiti Loughborough, United Kingdom.

Setelah tamat pengajian di peringkat sarjana, beliau berjumpa dengan VC untuk meminta bantuan untuk mendapatkan pekerjaan di UM. Ia bagi memudahkan urusan beliau yang terpaksa menjalani rawatan fisioterapi sebanyak tiga kali seminggu di hospital universiti tersebut. Kemudiannya, VC telah menawarkan pekerjaan sementara kepada beliau untuk menjadi penolong pengarang BUDIMAN dan diberikan gaji dengan kadar RM 250 sebulan. Kemudiannya beliau ditawarkan untuk menghadiri temu duga dan dapat menjadi pustakawan di perpustakaan UM kerana terdapat kekosongan pada ketika itu.

Sepanjang kerjayanya berkhidmat di situ, Bathmavathi sangat bertuah kerana dianugerahkan seorang ketua yang memahami dan prihatin akan kebajikan pekerjanya. Ketua perpustakaan tersebut telah meminta supaya tandas sedia ada diubahsuai kepada yang lebih besar. Ketua tersebut turut meminta supaya diwujudkan tanjakan di dalam perpustakaan tersebut dan kemudiannya adakan sebuah lif pada tahun 1983. Tambahan lagi, beliau juga dikurniakan rakan kerja yang memahami, di mana mereka sanggup membahagikan masa bekerja dengan beliau. Waktu bekerja lapan jam bagi syif malam dibahagikan kepada 4 jam sahaja. Beliau merasakan dirinya diterima oleh rakan kerja dan mereka juga sering menemaninya. Beliau turut diajak untuk

bermain pingpong yang terdapat di perpustakaan tersebut, di mana beliau dapat mengasah bakatnya.

Semasa bekerja sebagai pustakawan juga beliau ditugaskan untuk menjaga golongan OKU buta. Antara yang masih segar dalam ingatan beliau adalah mahasiswa bernama Wong Yun Kyong dan pensyarah dari Jabatan Sejarah, Ahmad Kamal. Beliau akan memastikan supaya mereka mendapat bahan bacaan *braille* atau rakaman suara berkaitan akademik dengan kerjasama daripada *British Woman Assosiation*. Oleh kerana sudah wujudnya kemajuan dari segi teknologi, beliau turut meminta supaya golongan buta dapat menggunakan satu makmal komputer kerana banyak kemajuan perisian yang dapat membantu mereka mendalami ilmu pengetahuan.

Bagi memudahkan urusan pergerakan beliau untuk pergi dan balik kerja, beliau berhasrat untuk mendapatkan kenderaannya sendiri. Bagi tujuan itu, beliau telah menulis surat kepada beberapa syarikat yang mampu untuk mengubah suai kenderaan bagi membolehkan OKU yang lumpuh untuk memandu. Akhirnya terdapat satu jurutera dari Tan Chong Motors yang memberi maklum balas positif. Beliau berjaya mendapat lapan lesen memandu daripada sekolah memandu.

Di Puncak Kejayaan

Meskipun bergelar OKU, ia bukanlah penghalang untuk beliau meneruskan minatnya dalam acara sukan. Pada tahun 1996 beliau pernah mewakili Malaysia dalam Pertandingan Pingpong Berkerusi Roda Terbuka Thai di Pattaya, di mana beliau berjaya mendapat tempat ketiga dalam Perseorangan Wanita (Kategori Orang Baru). Bathmavathi turut mewakili dan menghadiahkan pingat gangsa kepada Malaysia dalam acara pingpong semasa Sukan Para ASEAN pada tahun 2009.

Bathmavathi mula aktif dalam berpersatuan pada tahun 1978 melalui Persatuan Orang Cacat Selangor dan Wilayah Persekutuan di Taman Kanagapuram, Selangor. Walaupun hanya sebagai ahli biasa selama 3 tahun, beliau telah menimba banyak pengalaman dan sering bertukar idea. Kemudiannya, beliau dan beberapa orang rakannya telah menubuhkan MASIA pada tahun 1994 dan bekerja sebagai setiausaha organisasi tersebut selama 14 tahun. Selain itu, beliau turut pernah menjadi setiausaha di MCD dari tahun 1996 sehingga Jun 1998 dan disambung semula pada bulan Januari 2006 sehingga 2008. Selain itu, beliau juga merupakan pengasas dan presiden kepada *Association of Women with Disabilities Malaysia* dari Disember 2008 sehingga kini. Penglibatan aktif dalam aktiviti berpersatuan telah memantapkan karisma beliau dalam membela hak bagi golongan OKU.



Gambar 76: Antara Piala dan Sijil yang pernah beliau genggam
Sumber: ISM (2020)

Terdapat banyak anugerah yang pernah diterima Bathmavathi sepanjang bergelar OKU. Antaranya pada tahun 1999, beliau dinobatkan dengan Sijil Perkhidmatan Setia dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dari Universiti Malaya. Pada tahun 2001 pula, beliau menerima Anugerah Tokoh Pekerja Perempuan (OKU) dari Kementerian Sumber Manusia dan Anugerah Tokoh (Khas) Wanita Selangor. Beliau turut dinobat Anugerah Tokoh OKU (Wanita) pada tahun 2005 dari KPWKM.

Pada tahun 2013, beliau telah menerima surat tawaran sebagai senator mewakili golongan OKU. Bagi beliau, tugas tersebut sangat besar tetapi beliau mampu untuk menyandangnya. Hal ini kerana, beliau mempunyai pengalaman yang meluas dan sudah bekerja untuk banyak organisasi OKU serta mengenali golongan OKU dalam kategori yang lain. Sememangnya beliau mempunyai banyak pengalaman dalam menjaga kebijakan pelbagai kategori OKU yang lain. Beliau berkhidmat sebagai senator dari November 2013 sehingga November 2019.

Sebelum mendapat tawaran sebagai senator juga boleh telah banyak mengkaji dan mengeluarkan penerbitan mengenai OKU. Beliau telah mengeluarkan sekurangnya 13 penerbitan mengenai OKU. Antaranya adalah *Disabled People in a Newly Industrialising Economy: Opportunities and Challenges in Malaysia*, *Disability and Society* dan *Disabled persons the caring society and policy recommendations for 1990 and beyond In*. Ia menunjukkan bahawa pengetahuan dan semangat beliau dapat menjaga hak dan kebijakan warga OKU yang sangat membara.

Namun bagi membentuk satu polisi yang bagus untuk para OKU bukanlah perkara yang mudah kerana banyaknya isu berkaitan keperluan dan kebijakan OKU. Beliau harus menumpukan

sepenuh masa untuk membaca dan memahami suatu isu sebelum dapat diketengahkan ke pihak berwajib.

“Saya percaya kepada keprihatinan dan kewibawaan masyarakat dalam membentuk sesebuah negara” - Bathmavathi Krishnan

Harapan beliau bagi golongan OKU tetap sama seperti rakan-rakan senasib dengannya yang lain, iaitu dari segi penerimaan dan layanan yang sama dalam masyarakat umum. Bathmavathi berharap agar golongan OKU dipermudahkan dalam urusan pengangkutan, kelayakan pekerjaan, persekolahan dan lain-lain. Visi beliau adalah supaya semua rancangan pembangunan kerajaan turut menitikberatkan keperluan semasa golongan OKU. Contohnya, pembangunan dari sektor pengangkutan mestilah menyediakan peruntukan khas bagi memenuhi keperluan OKU supaya mereka juga dapat menggunakan kemudahan pengangkutan yang telah ditambah baik. Dari segi pekerjaan, Tun Mahathir melalui Dasar Sumber Manusia 1998 telah menetapkan supaya 1% peluang pekerjaan sektor kerajaan dan swasta harus diberikan kepada golongan OKU. Namun, sejauh manakah garis panduan ini dipatuhi kerana tidak ada pihak yang mengawasinya dan saling menuding jari.

Kebajikan golongan OKU tidak seharusnya hanya diletakkan di bawah KPWKM dan JKM. Tetapi Kementerian Sumber Manusia perlu terlibat jika ia melibatkan peluang pekerjaan, Kementerian Pengangkutan perlu terlibat jika ia melibatkan masalah pengangkutan dan begitu juga kementerian yang lain. Antara isu yang pernah beliau utarakan adalah mengenai larangan untuk individu berkerusi roda daripada memasuki ke dalam masjid atas alasan kekotoran dan tempat mengambil wuduk yang tidak mesra OKU. Beliau berjumpa dengan Ashraf Wajdi dan pendapat beliau diterima secara positif apabila pihak mufti telah membuat satu standard baru bagi golongan OKU memasuki masjid. Perkara yang sama turut diutarakan kepada pihak gereja dan disambut dengan positif. Bagi beliau golongan OKU bukannya mengharapkan bantuan ihsan semata-mata, tetapi ia merupakan hak yang mereka sepatutnya dapat sama seperti rakyat lain.

“Tuhan berikan saya kecederaan ini, tetapi Tuhan juga beri saya kekuatan untuk kehidupan ini.” - Bathmavathi Krishnan

Kisah 29 Ras Adiba Mohd. Radzi - Senator



Berharap Bangkit Berkali

Oleh: Norailis Ab. Wahab dan Roselina Ahmad Saufi

Pengenalan

Anak sulung dalam keluarga Mohd. Radzi ini dilahirkan pada tahun 1968. Ras Adiba menghabiskan zaman persekolahannya di Bukit Bintang Girls's School (BBGS) dan St. John Institution (SJI). Seterusnya, beliau mendalami ilmu perniagaan fesyen di Auburn Works Design. Beliau turut menggenggam Ijazah Sarjana dalam bidang perniagaan.

“Saya adalah sahabat karib diri saya, saya adalah pembakar semangat untuk diri saya, dan tidak ada orang lain yang boleh melakukan sesuatu untuk diri saya melainkan saya sendiri yang ingin melakukannya” – Ras Adib Radzi

Jejak kerjayanya dimulakan di Media Prima pada tahun 1986 sehingga 2002. Beliau bermula sebagai pembantu wardrobe di bahagian peragaan selama tiga bulan. Dengan TV3, beliau diserapkan ke dalam bilik berita sebagai wartawan siaran dan kemudian menjadi pengulas sukan, seterusnya pembaca berita. Dalam pada itu, pengalaman sebagai pembantu penerbit, penerbit dan pengarah turut dikenalpasti serta diambil peluang olehnya. Dek malang yang tidak berbau, Ras Adiba terbabit dalam kemalangan jalan raya sehingga terpaksa menjalani pembedahan tulang belakang dan kemudiannya disahkan lumpuh separuh badan pada Julai 2002. Pada tahun yang sama beliau tergelincir ketika menaiki tangga dan menyebabkan tulang belakangnya cedera di tahap Thorasic 10 atau T10. Sekiranya beliau berhenti berkhidmat dari Media Prima setelah disahkan lumpuh separuh badan oleh pakar perubatan profesional.

Sebelum Kejayaan

Selama enam tahun, beliau menghadapi cabaran untuk mencari pekerjaan namun ia tidak berjaya. Ketara benar kepayahan untuk orang lain memberikannya kerja kerana dirinya seorang OKU sungguhpun mempunyai bertahun-tahun pengalaman. Setelah itu, beliau diberikan peluang oleh Dato' Farid Ridzuan untuk bertugas di NTV7 daripada tahun 2008 sehingga 2020. Setelah dilantik sebagai seorang Senator, beliau dengan berat hatinya berhenti dari bertugas di Media Prima.

Dalam pada itu, Persatuan OKU Sentral telah ditubuhkan bersama oleh Ras Adiba dan Illias Yaakop. Ia mengfokuskan kepada tiga kriteria iaitu ACE untuk Activity (aktiviti), Career (kerjaya), dan Education (pendidikan). Selain itu, mereka memberikan tumpuan kepada peluang

untuk mendapatkan pekerjaan bagi OKU kerjasama dengan PERKESO, syarikat-syarikat swasta, kerajaan serta GLC. Dan seterusnya untuk pendidikan, persatuan ini sedayanya cuba untuk memastikan OKU tidak ketinggalan untuk memasuki sekolah termasuk Sekolah Pendidikan Khas, rendah dan menengah secara inklusif terus ke alam universiti.

Penglibatan dalam kategori R3, acara 10 meter air rifle prone sukan menembak merupakan platform alternatif yang menguji kesungguhan fizikal dan mental Ras Adiba. Sukan sebenarnya antara aktiviti yang OKU dapat ikuti supaya ianya dapat menyerlahkan diri mereka dengan keadaan kekurangan yang ada pada diri masing-masing. Melalui sukan juga, OKU diberi pengiktirafan dengan imbuhan sepertimana atlet normal. Namun, beliau menganggap sukan ini sebagai ruang untuk meluaskan jaringan sosial dengan OKU lain. Meskipun, perit jerih hidup telah dilaluinya tetapi bergaul dengan kawan-kawan yang turut aktif dalam sukan dengan fokus kecemerlangan di tahap tertinggi menjadikannya lebih bersemangat dalam membawa nama negara ke persada antarabangsa di pelbagai temasya suka seperti Sukan Paralimpik Rio de Janeiro dan Sukan Para Asean, Singapura. Sewajarnya kejayaan mereka ini akan menjadi inspirasi kepada individu normal mahupun OKU.



Gambar 77: Ras Adiba dalam latihan menembak
Sumber: Koleksi Peribadi Ras Adiba

Semasa Kejayaan

Ras Adiba telah dilantik sebagai Senator di Dewan Negara Malaysia pada 20 Mei 2020 bagi mewakili OKU. Pendorong untuknya menerima jawatan ini adalah kerana beliau telah

melihat dan merasai kepayaan menjadi seorang OKU di negara ini. Baginya, banyak perkara-perkara positif yang boleh dilakukan oleh kerajaan, bukan kerajaan, GLC, pihak swasta, masyarakat. Pembentukan persefahaman yang sama untuk membolehkan OKU diberi peluang menjalani kehidupan seperti individu normal yang lain.

Tanpa menoleh lagi ke belakang, beliau menghayun langkah ke arah menangani hal ehwal berkaitan OKU bersama dengan JKM dan JPOKU. Ras Adiba berpendapat bahawa banyak klausa dalam Akta OKU tersebut tidak mesra OKU. Menurutnya lagi, Akta Ketidakupayaan 2008 juga perlu ditingkatkan terutama dalam beberapa aspek seperti intervensi awal untuk memastikan hak-hak rakyat terjaga di samping mengurangkan beban perkhidmatan pendidikan khas di pelbagai peringkat umur terutamanya golongan OKU. Ini adalah kesedaran dan antara usaha-usaha yang wajar diketengahkan untuk mengurangkan persepsi negatif terhadap OKU.

Selepas Kejayaan

Hanya 12 peratus daripada 4.7 Juta OKU sahaja yang mendaftar bersama JKM. Ras Adiba mahu memastikan suara para OKU didengari. Ramai OKU senior, bekerja keras dan berwibawa dalam membawa harapan OKU ke arah yang lebih menjamin masa hadapan mereka. Bersama-sama berganding bahu dengan semua pihak untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang mesra OKU yang menawarkan Tourism for Disabled kepada para pelancong dari pelosok dunia.

Kesimpulan

Ras Adiba berpendapat bahawa masyarakat di Malaysia masih belum menerima dan memahami OKU. Halangan ini berkemungkinan berpunca dari pengetahuan tentang OKU seperti perbezaan kategori, hak dan sokongan tidak diajari kepada ahli komuniti seawal usia yang menyebabkan salah persepsi yang berlarutan.

“Sungguhpun ia tidak dapat dilihat dengan mata kasar, tidak semestinya ia tiada” – Ras Adiba Radzi

Begitu juga keadaan OKU yang tidak semestinya bermula sejak lahir, ramai juga yang turut menjadi OKU ketika dewasa. Justeru, harapannya agar diberikan ruang dan peluang untuk melakukan banyak lagi perubahan untuk komuniti OKU. Selanjutnya, moga usaha-usaha ini akan dapat diambil berat dan diberi tumpuan oleh semua pihak supaya OKU dapat berdiri sama tegak dengan individu normal di Malaysia.

Rujukan

Bernama (20 Mei 2020). *Mohd Ali, Ras Adiba angkat sumpah senator.*

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/690952/mohd-ali-ras-adiba-angkat-sumpah-senator>

Dennis Chua (27 Jul 2018). *#Showbiz: Ras Adiba speaks of 'love and loss' on 50th birthday.*

<https://www.nst.com.my/lifestyle/groove/2018/07/395010/showbiz-ras-adiba-speaks-love-and-loss-50th-birthday>

Fareez Azman. (25 Mei 2020). *Saya mahu nasib OKU dibela - Ras Adiba.*

<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/saya-mahu-nasib-oku-dibela-ras-adiba-244303>

Mazizul Dani (11 Jan 2016). *Semangat kental Ras Adiba.*

<https://www.hmetro.com.my/node/106523>

Matthew Mohan (10 Dec 2015). *Asean Para Games: Malaysia's Ras Adiba Radzi swops mike and make-up for rifle and pellets*

Mykmu. (10 September 2020). *Sebelum bergelar senator, Ras Adibah makan nasi dgn garam, minum air paip selama 6 tahun.* <https://mykmu.net/2020/09/10/sebelum-bergelar-senator-ras-adibah-makan-nasi-dgn-garam-minum-air-paip-selama-6-tahun/>.

Najiy Jefri. (10 September 2020). *Ras Adiba Radzi mahu terus berjuang untuk OKU.*

<https://www.hmetro.com.my/rap/2020/09/619129/ras-adiba-radzi-mahu-terus-berjuang-untuk-oku>

<https://www.straitstimes.com/sport/asean-para-games-malaysias-ras-adiba-radzi-swops-mike-and-make-up-for-rifle-and-pellets>

Ras Adiba Radzi. <https://www.facebook.com/rasadibaradzi>

Sinar Harian. (11 Julai 2020). Cadang bahasa isyarat dijadikan bahasa ketiga.

<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/cadang-bahasa-isyarat-dijadikan-bahasa-ketiga-250758>

INDEKS

A

Abilimpik, xi, 1, 6, 7, 8, 9, 11, 12, 13, 14, 18
fotografi studio, 11
Silk Painting, 6
autisme, 112, 113, 115, 116, 118, 119, 120, 121, 122, 123
autistik, 112, 113, 115
Autistik-savant
autisme, 112

B

bahasa isyarat, xiv, 16, 20, 71, 72, 73, 93, 95, 96, 97, 98, 101, 213
Bakat
fotografi, 11, 13
melukis, 4, 9, 16, 17, 18, 19, 45
muzik, xii, 80, 110, 112, 114, 115, 123
nyanyian, 119, 120, 121, 122, 123
pengucapan awam, 57
photographic memory, 112
braille, xi, 48, 49, 50, 51, 52, 53, 87, 88, 205
buta, xi, 48, 49, 50, 51, 52, 53, 85, 86, 87, 88, 205
buta huruf, 173

C

cacat. *See* OKU
Cerebral Palsy, 173

D

dasar pembelajaran inklusif, 38
demam, 16, 63, 71, 93, 173

fasiliti
Disability Service Unit, 36

F

fasiliti, 30, 34, 35, 38, 41, 42, 78, 89, 94, 106, 107, 129, 131
asrama, 37
jambatan aero, 107

lif, 38, 149, 204
LRT, xvi, 107
mesin juruwang automatik, 89
motosikal roda tiga, 104
pendidikan khas, 52, 139, 142, 160, 186, 211
perhentian bas, 43
reka bentuk sejagat, 41, 42, 43, 44, 45
rekreatif, 72
Rumah Amal, 63
sekolah, 3, 4, 5, 23, 28, 29, 31, 34, 49, 52, 53, 56, 63, 64, 71, 78, 85, 86, 87, 94, 95, 119, 122, 137, 138, 139, 140, 143, 146, 152, 160, 167, 179, 186, 187, 189, 196, 197, 205, 210
tanjakan, 37, 41, 105, 107, 203, 204
teknologi informasi, 87
universiti, 21, 23, 25, 28, 29, 31, 35, 36, 37, 43, 44, 45, 53, 57, 63, 64, 85, 86, 98, 127, 144, 201, 202, 204, 210, 219, 223, 224
van khas, 107

H

Hari OKU, 37, 43, 138, 139, 155
hidrosefalus, 167

J

jurubahasa isyarat, xv, xvi, 71, 73, 76, 97, 98, 99

K

kaki palsu, 4, 135
kemalangan, 104, 131, 134, 135, 192, 194, 202, 204, 209
kerusi roda, 28, 34, 36, 63, 67, 107, 127, 130, 203

L

lukisan, xi, 4, 5, 6, 8, 9, 17, 18, 19
alam, 11, 16, 17, 28, 94, 125, 227
batik, xi, 5, 6, 7, 9
flora dan fauna, 17, 19

pemandangan, 4, 16, 18
potret, 4
lumpuh, 41, 103, 104, 127, 205, 209, *See* paralisis

M

memanah, 5, 192, 193, 194, 195, 196, 197

O

OKU
fizikal, 3, 6, 23, 24, 29, 35, 42, 56, 57, 58, 63, 65, 67, 78, 142, 152, 160, 162, 182, 210
intelek, 160
kerdin, 56, 60, 150
pembelajaran, 36, 37, 38, 94, 96, 114, 119, 160, 167, 179, 186, 188, 222
pendengaran, 11, 16, 71, 73, 74, 93, 94, 95, 96, 97, 104, 139
penglihatan, xii, 26, 48, 49, 50, 51, 53, 54, 87, 88, 89, 167
Penglihatan, 52, 53, 85

P

Paralimpik, xiii, 53, 158, 161, 162, 164, 167, 169, 171, 174, 175, 179, 180, 181, 182, 183, 184, 188, 192, 193, 197, 210
B2. *See* Berbasikal Trek
Berbasikal Trek, x, 166
F20. *See* Lontar Peluru, *See* Lontar Peluru
Lari Pecut 100m, 172
Lompat Jauh, x, xiii, 159, 160, 161, 162, 164, 174, 175, 176, 185, 186, 188
Lontar Peluru, x, 177, 179, 180, 181, 182, 183
Memanah Recurve, x, 191
T20. *See* Lompat Jauh, *See* Lompat Jauh
T36. *See* Lari Pecut 100m
tenpin boling, 153
paralisis, 34
tetraplegic, 34

pekak, 13, 14, 16, 19, 51, 72, 74, 75, 93, 95, 96, 97, 100
pendidikan khas, 16
perniagaan, 13, 53, 56, 57, 73, 74, 89, 128, 129, 130, 135, 136, 137, 138, 139, 140, 143, 144, 145, 146, 147, 148, 149, 150, 153, 154, 155, 156, 170, 209, 220, 223, 224, 225, 226, 227
polio drop. *See* oral poliovirus
Prostetik, 128

R

ramp. *See* tanjakan
rawatan, 23, 48, 115, 188, 203, 204
alternatif, 23, 48, 50
fisioterapi, 64, 202, 203, 204
homeopati, 30, 36

hospital, 23, 48, 63, 71, 104, 127, 130, 202, 203, 204
Terapi, 119
tradisional, 48, 66, 104, 154
vaksin, 34
refleksologi, 53

S

sakit belakang, 63
saraf, 63, 127, 152, 167, 202
Sukan Para. *See* Paralimpik

T

tekanan perasaan, 194, 196, 203
tergelincir, 127, 209
tongkat, 49, 64, 135
tulang belakang, 104, 188, 202, 209

U

usahaawan, 125, 134, 135, 138, 146, 147, 149, 150, 164, 221, 226

V

vaksin
oral poliovirus, 34
van mobiliti, 37
virus poliomielitis, 41
virus saraf tunjang, 63

W

wabak polio, 34

BIODATA PENULIS

Abd Aziz Mat Hassan dilahirkan di Machang, Kelantan. Beliau merupakan Pensyarah di Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan, UMK. Beliau merupakan graduan Sarjana Pengurusan Perniagaan dari UiTM dan Sarjana Muda Sosiologi dengan Kepujian dari UM. Berpengalaman bekerja dengan syarikat multinasional di dalam bidang logistik dan pengurusan rantaian bekalan selama 16 tahun. Berpengalaman mengajar pelajar prasiswazah dalam bidang keusahawanan. Minatnya terhadap penyelidikan dan penulisan dalam bidang keusahawanan.

Emel: abdaziz.mh@umk.edu.my

Ahmad Ridhuwan Abdullah merupakan seorang Pensyarah dalam bidang kewangan di Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan, UMK. Beliau mendapat Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan dari UiTM, Ijazah Sarjana Sains Kewangan dari UUM, dan Ijazah Kedoktoran daripada *RMIT University*, Australia. Fokus tesis kedoktoran beliau adalah berkenaan dengan kesan mendedahkan risiko dalam bentuk teks ke atas kempen *crowdfunding*. Minat penyelidikannya ketika ini adalah dalam topik pendanaan atas talian, *Fintech*, dan kewangan keusahawanan.

Emel: ridhuwan.a@umk.edu.my

Ahmad Syakir Junoh @ Ismail merupakan pensyarah dalam bidang keusahawanan di UMK. Beliau aktif dalam kerja perundingan, penyelidikan, penulisan dan kerja sosial. Memperolehi ijazah sarjana muda pentadbiran Muamalat dari USIM dengan purata nilai gred keseluruhan 3.51 manakala 3.73 bagi MBA dari UTM. Bagi melengkapkan kesarjanaan yang dimiliki beliau kini sedang melanjutkan pengajian di peringkat Doktor Falsafah dalam bidang Keusahawanan di UKM.

Emel: Syakir@umk.edu.my

Aidanazima Abashah adalah merupakan seorang pensyarah dalam bidang pengurusan di Pusat Pengajian Inovasi Perniagaan dan Teknousahawan (PPIPT) yang kini dikenali sebagai Fakulti Sains Gunaan dan Kemanusiaan, UniMAP. Beliau adalah merupakan alumni UUM, bergraduat dalam bidang pengurusan iaitu telah memperoleh Ijazah Sarjana Muda dalam bidang *Business Administration (BBA)* Hons dan Sarjana dalam bidang *Science (MSc) Management* pada tahun 2010 dan 2015. Tambahan lagi, beliau juga mempunyai pengalaman bekerja di industri di salah

sebuah syarikat multinational sebagai seorang *executive* di Celestica Kulim Hi-Tech Park sebelum beralih ke bidang akademik. Sepanjang pengalaman berkecimbung dalam dunia akademik di UniMAP, beliau pernah memegang jawatan sebagai Kordinator *Final Year Project* bagi program BBA *International Business* dan merupakan Penolong Ketua Bidang bagi “Management Division” serta menjadi Ketua Kursus kepada beberapa subjek. Selain itu, beliau juga terlibat dalam beberapa geran penyelidikan bersama industri seperti NCIA, MIROS, Motor Minder dan MITI serta terlibat dalam aktiviti konsultansi. Selain itu, minat penyelidikan beliau adalah lebih kepada *safety performance, service quality, strategic management, purchase intention, and social impact assessment*.

Emel: Aidanazima@unimap.edu.my

Dzulkifli Mukhtar merupakan Pensyarah Kanan di Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan, UMK. Beliau aktif dalam pengajaran dan penyelidikan dalam pengurusan strategik, keusahawanan, pengurusan inovasi dan perusahaan kecil dan sederhana. Dzulkifli adalah graduan Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian) dari UiTM dan juga *Master of Applied Innovation and Entrepreneurship (Advanced)* dari *University of Adelaide*, Australia. Ijazah Ph.D beliau dari *Nottingham Trent University*, United Kingdom. Beliau aktif dalam penyeliaan pelajar pascasiswazah; Sarjana dan Ph.D. Perkhidmatan beliau bersama UMK bermula pada tahun 2007.

Emel: dzulkifli@umk.edu.my

Hasan Muhammad Maliwu dilahirkan pada tahun 1963 di Gansu, China. Beliau merupakan Pensyarah Bahasa Mandarin di UMK. Telah mendapat pendidikan di beberapa universiti termasuk *King Saud University* (Bahasa Arab). *China Muslim Magazine*, Beijing menggunakan khidmat beliau sebagai editor dari tahun 1992 hingga 1995. Hasan berpengalaman dalam penerbitan artikel berkaitan sukan dan penyelidikan di dalam bidang linguistik.

Emel: Hasanmaliwu@umk.edu.my

Hasannuddin Hassan dilahirkan pada tahun 1982 di Alor Setar Kedah. Beliau merupakan Pensyarah Kanan di Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan, UMK. Beliau merupakan graduan Ijazah Sarjana Keusahawanan dalam Pengurusan Sumber Manusia dari UMK. Berpengalaman dalam bidang Pengurusan. Minatnya dalam pengajaran dan penyelidikan juga telah menerbitkan beberapa kertas kajian.

Emel: hasann@umk.edu.my

Hazrina Hasbolah dilahirkan pada tahun 1984 merupakan Pensyarah di Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan, UMK. Beliau merupakan graduan Sarjana bidang Sains (Kewangan) dan Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan dengan Kepujian dari UIAM. Sebelum itu beliau telah berjaya menamatkan pengajiannya dalam Diploma Eksekutif Keusahawanan dari UMK, Diploma Pengurusan Perniagaan dari KUIS. Beliau berpengalaman mengajar dan menyelia pelajar prasiswazah dalam bidang keusahawanan. Minatnya terhadap penyelidikan dan penulisan dalam bidang keusahawanan, kewangan keusahawanan, pengurusan kewangan dan pengurusan perniagaan.

Emel: hazrina.h@umk.edu.my

Khairul Affeiq Mohd Noorizam merupakan seorang pelajar di Jabatan Psikologi, UKM. Anak jati Negeri Sembilan ini mempunyai personaliti unik yang membantunya untuk berinteraksi dan memahami individu sekelilingnya dengan lebih baik. Beliau berpengalaman dalam bidang penyelidikan dan penulisan semasa di Program Permata Pintar, Asasi Pintar dan kini, di ISM melalui latihan industri. Beliau bakal menyambung pengajian di peringkat sarjana yang mengkhusus kepada hal ehwal bakat dan inovasi dalam pengurusan rantaian penawaran organisasi di USIM.

Emel: khairulaffeiq1015@gmail.com

Mahathir Muhamad dilahirkan pada tahun 1982 dan merupakan seorang Pensyarah di Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan, UMK. Telah berkecimpung sebagai pendidik selama 13 tahun. Beliau merupakan graduan dari UKM dalam bidang Teknologi Maklumat. Berpengalaman luas dalam konsultasi bidang keusahawanan dan teknologi maklumat dalam perniagaan. Minatnya terhadap penyelidikan dan penulisan dalam sukan, keusahawanan dan pengurusan.

Emel: mahathir.m@umk.edu.my

Mohammad Ismail dilahirkan di Pasir Puteh, Kelantan. Beliau merupakan Profesor Madya di Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan, UMK dan sekarang menjawat jawatan Pengarah Pusat Pembangunan dan Pendidikan Keusahawanan (CEED). Beliau merupakan graduan Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Pemasaran, MBA dan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pemasaran. Berpengalaman mengajar pelajar prasiswazah dan Siswazah dalam pelbagai bidang selama 15 tahun dan mempunyai pengalaman industri telekomunikasi selama 10 tahun. Beliau juga merupakan seorang inspirator dan juga pelatih yang banyak terlibat dengan program latihan

keusahawanan untuk usahawan dan agensi kerajaan. Seorang penulis yang aktif dalam penulisan ilmiah dan penulisan kreatif di dalam akhbar tempatan.

Emel: mohammad.i@umk.edu.my

Mohammad Nizamuddin Abdul Rahim buat masa ini adalah seorang Pensyarah Kanan di Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan, Universiti Malaysia Kelantan dan telah berkhidmat sejak tahun 2011. Sebelum itu, beliau pernah berkhidmat di Universiti Teknologi MARA dan Universiti Teknologi Malaysia. Berkelulusan ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA), ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (BBA) (Pemasaran) dan Diploma Perakaunan, kesemuanya dari UiTM. Buat masa ini beliau juga adalah *Bizkaunselor INSKEN*, dan terlibat dalam beberapa siri latihan dengan pihak luar. Mempunyai minat yang mendalam dalam berkongsi ilmu dan pengetahuan bersama usahawan.

Emel: Nizamuddin@umk.edu.my

Mohd Anwardi Suhardi merupakan graduan Ijazah Sarjana Muda Usuluddin Dengan Kepujian dari KIAS dan juga graduan Ijazah Sarjana Pendidikan Islam dari UPSI. Sekarang sedang mengikuti pengajian di peringkat DPP dalam bidang Pendidikan Islam dari Fakulti Pendidikan, UM. Memanfaatkan masa dalam menceburi kerjaya sebagai PSH di ISM sebelum menjalankan Latihan Mengajar (praktikum) yang telah ditetapkan oleh pihak UM. Mempunyai minat dalam penulisan dan penyelidikan bidang Pengajian Islam dan Sains Sosial. Terlibat sebagai pembentang kertas kerja pada persidangan *International Conference on Islamic Revealed Knowledge Education (ICIRKED2018)* di UPSI.

Emel: M.Anwardi94.Upsi@gmail.com

Mohd Fathi Abu Yaziz @ Mohamad merupakan pensyarah di Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan, UMK. Beliau memperolehi Ijazah Kedoktoran dari UUM dengan pengkhususan di dalam bidang pengurusan teknologi, operasi dan logistik pada tahun 2019 manakala Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan juga dari UUM pada tahun 2012. Bagi Sarjana Muda pula beliau telah di ijazahkan dengan Ijazah Perniagaan dari *University of Technology Sydney* pada tahun 2008 dengan pengkhususan utama di dalam bidang teknologi sistem maklumat, pemasaran dan kewangan. Berpengalaman luas di dalam bidang pengurusan logistik di Malaysia dan banyak terlibat di dalam penyelidikan di dalam bidang berkaitan logistik, keusahawanan dan pengurusan.

Emel: Fathi/ay@umk.edu.my

Mohd Firdaus Mohd Nasir dilahirkan pada 1985 di Pasir Mas, Kelantan dan dibesarkan di Subang Jaya, Selangor. Beliau memegang Ijazah Sarjana Falsafah dalam Pemasaran & Kemudahan Sukan dari UM dan Ijazah Sarjana Muda dalam Pengurusan Sukan dari UiTM, Shah Alam dan kini melanjutkan pengajian ke peringkat Ph.D dalam bidang Psikologi Sukan di UiTM. Sebelum menyertai UMK, beliau merupakan Jurulatih Rekreasi Luar yang bertauliah dan juga Jurulatih Perenang yang bertauliah. Beliau adalah Pensyarah di Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan serta merupakan mantan Pengetua Kolej Kediaman dan juga merupakan mantan Ketua Program Keusahawanan Kesihatan. Beliau berpengalaman luas dalam Latihan Rekreasi Luar dan Psikologi Sukan. Beliau juga merupakan ahli Persatuan Bulan Sabit Merah bertauliah sejak tahun 2013, anggota Persatuan Perubatan Komplementari & Urutan Sukan Kecergasan Malaysia sejak tahun 2015 ,ahli Persatuan Senamrobik Kelantan (KESRA) sejak tahun 2017 serta Ahli Jawatan kuasa Tertinggi Persatuan Ping-pong Kelantan dari tahun 2019

Emel: Mfirdaus@umk.edu.my

Mohd Hafzal Abdul Halim adalah seorang Pensyarah di Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan, UMK. Beliau merupakan graduan dari UiTM dalam bidang Pengajian Sains Sukan dalam pengkhususan “*Physical Conditioning / Suaian Fizikal*”. Berpengalaman luas dalam bidang sukan dari tahun 1998 sehingga 2019. Kecenderungan beliau adalah dalam penyelidikan dan penulisan dalam sukan berkaitan isu-isu semasa dalam pelbagai aspek.

Emel: Hafzal@umk.edu.my

Mohd Ikhwan Aziz merupakan seorang Pensyarah Kanan di Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan, UMK. Beliau mempunyai kelulusan Ijazah Kedoktoran dalam Bidang Sumber Manusia di UMK. Seterusnya, beliau juga berpengalaman yang luas dalam bidang keusahawanan dan perbankan Islam di *East Coast Doctorate Consultancy* dan Public Bank Berhad selama lebih sepuluh tahun. Minat beliau dalam pengurusan bakat, perbankan Islam, dan keusahawanan menjadi keutamaan dalam kebanyakan hasil penyelidikan dan penulisan beliau diterbitkan.

Emel: Ikhwan.a@umk.edu.my

Mohd Shahril Nizam Md Radzi merupakan seorang Pensyarah di Fakulti Keusahawanan & Perniagaan UMK. Beliau merupakan graduan dari Doktor Falsafah dari Universiti Sultan Zainal Abidin di dalam bidang Undang-Undang. Berpengalaman luas di dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam Undang-Undang Perniagaan semenjak tahun 2013. Minatnya di dalam

bidang penyelidikan dan penulis dalam undang-undang, dan keusahawanan telah diterjemahkan di dalam beberapa persidangan dan jurnal akademik.

Emel:shahrilnizam@umk.edu.my

Muhammad Naqib Mat Yunoh merupakan seorang Pensyarah di Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan, UMK. Beliau merupakan graduan dari UUM dalam bidang pengurusan perniagaan dan sarjana sains perniagaan antarabangsa. Berpengalaman sebagai tenaga pengajar selama 13 tahun di institusi pengajian tinggi awam. Bidang kepakaran dalam membantu syarikat *start-up* selain terlibat dalam khidmat perundingan perniagaan selain minat yang mendalam terhadap Keusahawanan.

Emel: naqib@umk.edu.my

Munirah Mahshar dilahirkan pada tahun 1988 merupakan Pensyarah di Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan, UMK. Beliau merupakan graduan Sarjana Pengurusan Perniagaan dan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan (Kewangan) dengan Kepujian dari UiTM. Berpengalaman mengajar pelajar prasiswazah dalam bidang pengurusan dan keusahawanan. Minatnya terhadap penyelidikan dan penulisan dalam bidang keusahawanan dan pengurusan kewangan.

Emel : munirah@umk.edu.my

Nabihah Saari merupakan seorang lulusan Ijazah Sarjana Muda Dietetiks Dengan Kepujian, UIAM. Memulakan kerjaya sebagai PSH di ISM. Bermula dengan keterlibatan bersama Kluster Pembangunan Penyelidikan ISM dan seterusnya bersama Unit Komunikasi Korporat dan Kolaborasi Strategik bagi mengendalikan media sosial, hebahan dan publisiti ISM.

Emel: nabihahsaari@gmail.com

Nor Nadhirah Husain merupakan graduan Ijazah Sarjana Muda Kerja Sosial Dengan Kepujian dari UniSZA, Terengganu. Memulakan kerjaya sebagai PSH di ISM setelah selesai menjalani latihan praktikal di tempat yang sama. Mempunyai pengalaman dalam mengendalikan tiga pengurusan tender kajian untuk seluruh universiti di Malaysia. Selain itu, pernah terlibat sebagai pembantu dalam pembikinan soal selidik untuk RUU Profesional Kerja Sosial yang digubal di peringkat ISM .

Emel: nornadhirahhusain@gmail.com

Noorhafiza Ahmad merupakan Perunding Latihan di Kluster Repotori dan Dokumentasi, ISM. Beliau yang berasal dari Sarawak merupakan graduan UUM dalam bidang Pengurusan Kerja Sosial. Pernah bertugas di Bahagian PDK, JPOKU selama empat tahun sebelum ditukarkan ke ISM pada November 2018.

Emel: noorhafiza@ism.gov.my

Norailis Ab. Wahab menggenggam Ijazah Doktor Falsafah (Pengurusan Kualiti) pada tahun 2009 dari *University of Stirling*, Scotland; Sarjana Sains (2001) dan Ijazah Ekonomi (2001) dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Ketika ini, Dr Norailis adalah Penilai Kecemerlangan Perniagaan yang dilantik oleh *Malaysian Productivity Corporation*, ahli seumur hidup Persatuan Muamalat Malaysia dan Persatuan Penulis Kes Malaysia. Beliau turut menjadi salah seorang panel penilai untuk Anugerah *Francais Malaysia* semenjak 2015. Anak kelahiran Negeri Sembilan ini sentiasa menyumbangkan pengetahuan dan kapakarannya dalam membantu PKS melalui hubungan baik dengan SME Corp, Unit Perancang Ekonomi Negeri dan Perbadanan Kemajuan Negeri Sembilan. Juga aktif dalam latihan, penyelidikan dan penerbitan yang berkaitan dengan kecemerlangan perniagaan, penanda arasan, sumber manusia, industri halal serta bidang pengurusan lain; mengetuai beberapa kumpulan penyelidikan untuk FRGS dan geran antarabangsa yang lain. Penulisan kes merupakan minatnya yang memfokuskan kepada isu pengurusan dan perniagaan.

Emel: norailis@usim.edu.my

Noryanti Mahbub merupakan Graduan UPM lulusan Bachelor Sastera Bahasa Dan Linguistik Melayu. berasal dari Ampang, Kuala Lumpur. Pada masa kini bertugas di Bahagian Sekretariat MKBOKU, JPOKU selama tiga tahun. Hobi beliau membaca dan mengembara.

Emel: noryanti@jkm.gov.my

Nur Mustaqim Jamalludin merupakan graduan dari UMS dalam jurusan Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial dengan kepujian (Hubungan Antarabangsa). Beliau berpengalaman dalam bidang penyelidikan menerusi pengajian universiti dan pernah terlibat dalam *Social Advocacy Group* selama tiga tahun yang memberi fokus kepada kanak-kanak tanpa dokumen. Kini di ISM dan ditugaskan untuk mencari bahan-bahan kajian serta menjadi penulis bagi penerbitan buku di bawah Kluster Repotori dan Dokumentasi.

Emel: mustaqimjamalludin@gmail.com

Nurshadira Mohd Raof dilahirkan di Seremban, Negeri Sembilan. Beliau merupakan Pelajar Pascasiswazah Penyelidikan di Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan, UMK. Beliau merupakan graduan Ijazah Sarjana Muda Keusahawanan (Hospitaliti) dengan kepujian dari UMK. Berpengalaman dalam industri perhotelan dan hospitaliti. Minatnya dalam penyelidikan berkaitan industri perniagaan dan keusahawanan serta telah menerbitkan beberapa kertas kajian.

Emel: nur.shadira@yahoo.com

Nurul Azwa Mohamed Khadri dilahirkan pada tahun 1987 merupakan Pensyarah di Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan, UMK. Beliau merupakan graduan Sarjana bidang Ekonomi Perniagaan dari UiTM. Sebelum itu beliau telah berjaya menamatkan pengajiannya dalam Diploma Eksekutif Keusahawanan dari UMK, Sarjana Muda Ekonomi Perniagaan dengan Kepujian dan Diploma Sistem Maklumat Perakaunan dari UiTM. Beliau berpengalaman mengajar dan menyelia pelajar prasiswazah dalam bidang keusahawanan dan ekonomi. Minatnya terhadap penyelidikan dan penulisan dalam bidang keusahawanan, ekonomi dan pengurusan perniagaan.

Emel: azwa.mk@umk.edu.my

Raja Rosnah Raja Daud merupakan seorang pensyarah di Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan, UMK. Beliau yang dilahirkan pada tahun 1984 memiliki Ijazah Sarjana Pengurusan Perniagaan dan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan (Pemasaran) dengan Kepujian dari UiTM. Berpengalaman mengajar dalam bidang keusahawanan, beliau meminati bidang penyelidikan dan penulisan terutamanya yang berkaitan keusahawanan dan pemasaran.

Emel: rosnah.d@umk.edu.my

Razli Che Razak dilahirkan di Tumpat, Kelantan. Beliau merupakan Profesor di Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan, UMK dan sekarang menjawat jawatan Dekan, Pusat Pengajian Siswazah. Beliau merupakan graduan Ijazah Doktor Falsafah dalam Pengurusan Operasi dari USM, Ijazah Sarjana Sains dalam Penyelidikan Operasi dari *Strathclyde University*, Scotland dan Ijazah Sarjana Muda Statistik Ekonomi dari UKM. Berpengalaman mengajar pelajar prasiswazah dan Siswazah dalam pelbagai bidang selama 33 tahun. Berminat dalam sukan tenis dan ping-pong sebagai mengisi hobi masa lapang beliau.

Emel: razlicr@umk.edu.my

Roosihan Merican Abdul Rahim Merican merupakan Pensyarah Kanan di Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan, UMK. Beliau mempunyai pengalaman industri selama 24 tahun dalam bidang

pengurusan, pemasaran dan perniagaan, sebelum menyertai UMK sebagai pensyarah. Dilahirkan di Kota Bharu, Kelantan merupakan graduan Sarjana Pengurusan Perniagaan dari UUM dan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan (Pemasaran) dengan Kepujian dari UiTM. Berpengalaman mengajar pelajar prasiswazah dalam bidang keusahawanan, pengurusan dan pemasaran.

Emel : roosuhan@umk.edu.my

Roselina Ahmad Saufi merupakan Dekan Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan, UMK. Beliau memperolehi Ijazah Kedoktoran dan Sarjana Pentadbiran Peniagaan dari *University of Sheffield*, United Kingdom. Karya penyelidikan beliau tertumpu kepada peningkatan keupayaan dan pembangunan usahawan luar bandar di peringkat nasional dan antarabangsa. Geran Penyelidikan beliau sebanyak RM4.9 juta mengenai REMODE telah diguna pakai dan dijadikan sumber rujukan utama untuk pembangunan keusahawanan masyarakat luar bandar. Dengan minat yang mendalam terhadap pembangunan usahawan, beliau sentiasa diberi tugas penting dalam perancangan dan tinjauan strategik, dan program pembangunan B40 untuk beberapa agensi.

Emel: Roselina@umk.edu.my

Siti Mariam Sageh bertugas sebagai Perunding Latihan ISM dari 2012 hingga sekarang. Beliau merupakan graduan dari UPM dalam bidang Pembangunan Sumber Manusia serta menamatkan pengajian Diploma Pascasiswazah Kerja Sosial. Berpengalaman bertugas di Jabatan Kebajikan Masyarakat dari 1994 sehingga 2012. Beliau juga terlibat sebagai Panel pakar Pembangun NOSS Penjagaan Ibu Selepas Bersalin Mamacare. Minatnya terhadap penulisan, keusahawanan dan latihan.

Emel: mariam@ism.gov.my

Syamsuriana Sidek dilahirkan pada tahun 1988 merupakan Pensyarah Kanan di Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan, UMK. Beliau merupakan graduan Doktor Falsafah bidang Kewangan dan Sarjana Keusahawanan dari UMK. Sebelum itu beliau telah berjaya menamatkan pengajiannya dalam Diploma Eksekutif Keusahawanan dari UMK, Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan (Kewangan) dengan Kepujian dan Diploma Perbankan dari UiTM. Beliau berpengalaman mengajar dan menyelia pelajar prasiswazah dan pascasiswazah dalam bidang keusahawanan. Minatnya terhadap penyelidikan dan penulisan dalam bidang keusahawanan, kewangan keusahawanan, pengurusan kewangan dan pengurusan perniagaan.

Emel: suriana@umk.edu.my

Syarizal Abdul Rahim merupakan seorang Pensyarah di Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan, UMK. Beliau merupakan graduan dari UUM dalam bidang pengurusan perniagaan serta menamatkan pengajian Diploma Eksekutif bagi Pendidik Keusahawanan di UMK. Berpengalaman luas dalam institusi perbankan di Scotland, Singapura dan Malaysia dari 2002 sehingga 2013. Minatnya terhadap penyelidikan dan penulisan dalam sukan pemotoran, keusahawanan dan pengurusan.

Emel: syarizal.ar@umk.edu.my

Umi Waheeda I'zaaz Zulkifly merupakan graduan Sarjana Muda Ekonomi dan Sarjana Kewangan, UIAM. Mempunyai pengalaman selama 5 tahun dalam penyelidikan ekonomi, sosial serta alam sekitar sejak 2015. Pernah bekerja bersama-sama syarikat konsultasi *AGV Environment*, Kuliyyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan serta Kuliyyah Ekonomi dan Sains Pengurusan, UIAM sebagai pembantu penyelidik. Menjadi PSH di ISM selama tiga bulan bagi projek khas buku OKU sebelum meneruskan pelajaran ke peringkat doktor falsafah dalam bidang Kewangan Islam di UIAM pada tahun 2020.

Emel: umiwaheeda94@gmail.com

Wan Mohd Nazdrol Wan Mohd Nasir telah bekerja di UMK sejak tahun 2007 bertempat di Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan. Beliau mempunyai kelulusan Sarjana Muda daripada *Multimedia University* pada tahun 2006 (*Bachelor of International Business*). Beliau kemudian melanjutkan pelajaran ke peringkat Sarjana (*Master of International Business*) di *University of Sydney* pada tahun 2008 dan Doktor Falsafah (*Doctor of Philosophy in Entrepreneurship*) pada tahun 2009 dan bergraduat pada tahun 2012. Setelah itu, aktif dalam pelbagai aktiviti inovasi sosial di UMK dan juga peringkat Asia Tenggara seperti di Indonesia, Thailand dan juga Filipina melalui platform Beehive dan SEED. Platform ini diwujudkan untuk menggalakkan inovasi sosial dan juga keusahawanan sosial secara amnya.

Emel: Nazdrol@umk.edu.my

Zul Karami Che Musa merupakan seorang Pensyarah di Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan, UMK. Beliau merupakan graduan dari UIAM dalam bidang perakaunan serta menamatkan pengajian di peringkat sarjana di UKM dalam bidang yang sama. Berpengalaman dalam pengajaran, penyelidikan dan penulisan di UMK sejak dari 2010 hingga sekarang dalam bidang perakaunan, kewangan, teknologi maklumat serta keusahawanan.

Emel: Zul@umk.edu.my